



PENYATA JAWATANKUASA KIRA – KIRA WANG NEGARA (PAC)



PEROLEHAN FOREIGN WORKERS
CENTRALIZED MANAGEMENT
SYSTEM (FWCMS) DI BAWAH
KEMENTERIAN DALAM NEGERI



DR.4 TAHUN 2025





**AHLI-AHLI JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC)
PARLIMEN KE 15**

1. YB Datuk Wira Mas Ermieyati Samsudin [Masjid Tanah] - Pengerusi
2. YB Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh] - Naib Pengerusi
3. YB Tuan Syahredzan Johan [Bangi]
4. YB Puan Vivian Wong Shir Yee [Sandakan]
5. YB Dato' Adnan Abu Hassan [Kuala Pilah]
6. YB Dato' Mohd Isam Mohd Isa [Tampin]
7. YB Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]
8. YB Tuan Ts. Zahir Hassan [Wangsa Maju]
9. YB Dr. Richard Rapu @ Aman Anak Begri [Betong]
10. YB Tuan Haji Azli Yusof [Shah Alam]
11. YB Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman Ku Ismail [Kubang Pasu]
12. YB Tuan Ahmad Tarmizi Sulaiman [Sik]
13. YB Datuk Ali Anak Biju [Saratok]
14. YB Dr. Hajah Halimah Ali [Kapar]
15. YBrs. Dr. Nizam Mydin bin Bacha Mydin - Setiausaha PAC /
Setiausaha Dewan Rakyat

**WAKIL TETAP KERAJAAN DALAM PAC
(EX-OFFICIO PAC PARLIMEN)**

1. Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA)
2. Kementerian Kewangan Malaysia (MOF)
3. Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)
4. Jabatan Audit Negara (JAN)
5. Kementerian Ekonomi
6. Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM)



KANDUNGAN

PERKARA	MUKA SURAT
GLOSARI	
INFOGRAFIK	
1. PENDAHULUAN	1
2. OBJEKTIF PROSIDING	2
3. SKOP DAN METODOLOGI	2
4. LATAR BELAKANG SISTEM FWCMS	4
5. KETERANGAN SAKSI	7
5.1 Keterangan Pengerusi Jawatankuasa Induk FWCMS	7
6. PENEMUAN PAC PARLIMEN	10
6.1 Surat Setuju Terima (SST) bertarikh 12 Januari 2018	10
6.2 Faktor Kegagalan Memuktamadkan Kontrak FWCMS Dalam Tempoh 1 April 2018 Sehingga 31 Mei 2024	15
6.3 Penetapan Caj Bayaran Bernilai RM215	17
6.4 Pembayaran Caj Kutipan RM215	24
6.5 Penetapan Kadar RM86 Oleh UKAS	28
6.6 Tempoh Kontrak Dan Pemilikan Sistem FWCMS	31
6.7 Ketetapan Jumlah Pekerja Asing	34
6.8 Kutipan Levi Pekerja Asing Bagi Tempoh 2018 Hingga 2024	35
6.9 Integrasi Sistem FWCMS Dengan Sistem NISe	37
6.10 Ketersediaan Modul FWCMS	38
6.11 Pengecualian Tatacara Perolehan Bagi Kontrak FWCMS	41
6.12 Ahli Jawatankuasa Induk FWCMS	42
6.13 Tiada Wakil MOF Semasa Memuktamadkan Perjanjian	43

PERKARA	MUKA SURAT
7. RUMUSAN PAC PARLIMEN	46
8. SYOR PAC PARLIMEN	47
GAMBAR PROSIDING	-
AGENDA MESYUARAT	-
LAPORAN PROSIDING (HANSARD)	-
DOKUMEN PEMBENTANGAN	



GLOSARI

GLOSARI

AG	Peguam Negara
BMS	Bio-Medical
EIRR	<i>EQUITY INTERNAL RATE OF RETURN</i>
ePPAx	Sistem Pengurusan Pekerja Asing Bersepadu
eVDR	eVisa Dengan Rujukan
FWCMS	Foreign Workers Centralized Management System
JAN	Jabatan Audit Negara
JANM	Jabatan Akauntan Negara
JDN	Jabatan Digital Negara
JIM	Jabatan Imigresen Malaysia
JKKPA-PATI	Jawatankuasa Khas Kabinet Mengenai Pekerja Asing dan Pendatang Asing Tanpa Izin
JPA	Jabatan Perkhidmatan Awam
JPM	Jabatan Perdana Menteri
KDN	Kementerian Dalam Negeri
KE	Kementerian Ekonomi
KESUMA	Kementerian Sumber Manusia
KP	Ketua Pengarah
KPPA	Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam
KSN	Ketua Setiausaha Negara
KSU	Ketua Setiausaha
MOF	Kementerian Kewangan
NIISe	Sistem Imigresen Bersepadu Nasional
PAC	Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara
PLKS	Pas Lawatan Kerja Sementara
PPMDR	Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat
RM	Ringgit Malaysia
SPRM	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia
SST	Surat Setuju Terima
SUB	Setiausaha Bahagian
TKSU	Timbalan Ketua Setiausaha
TSUB	Timbalan Setiausaha Bahagian
UKAS	Unit Kerjasama Awam Swasta
VDR	Visa Dengan Rujukan



Saksi



- ▶ Jawatankuasa Induk FWCMS
- ▶ Kementerian Dalam Negeri (KDN)
- ▶ Mantan KSU KDN (2015 – 2019)
- ▶ Mantan Setiausaha Bahagian, Bahagian Hal Ehwal Imigresen (September 2017 sehingga Jun 2018)

Latar Belakang



- ▶ KDN mula telah melaksanakan projek rintis FWCMS melalui proof of concept pada 15 Julai 2014.
- ▶ Pembangunan sistem FWCMS adalah bertujuan untuk meningkatkan kecekapan aktiviti pengurusan pekerja asing bermula dari proses permohonan sehingga tamat tempoh pengajian dan dihantar pulang ke negara asal.
- ▶ 12 Januari 2018 SST telah dikeluarkan bagi tempoh enam tahun mulai 1 April 2018 hingga 31 Mei 2024.
- ▶ Perjanjian FWCMS masih tidak dapat dimeterai sehinggalah ia tamat pada 31 Mei 2024.
- ▶ 3 September 2024, Perjanjian FWCMS telah ditandatangani bagi tempoh kontrak selama enam (6) tahun (1 Jun 2024 sehingga 31 Januari 2031)
- ▶ Caj kutipan yang telah dipersetujui adalah RM215 untuk setiap pengeluaran PLKS atau ePass.

Penemuan PAC



1. Surat Setuju Terima (SST) bertarikh 12 Januari 2018

- ▶ SST bertarikh 12 Januari 2018 telah ditandatangani oleh Setiausaha Bahagian (SUB) Bahagian Hal Ehwal, Imigresen bukan oleh KSU KDN.

2. Faktor Kegagalan Memuktamadkan Kontrak FWCMS Dalam Tempoh 1 April 2018 Sehingga 31 Mei 2028

- ▶ Tiada kesepakatan dalam menentukan caj fi yang sepatutnya dikutip oleh syarikat.

3. Penetapan Caj Bayaran Bernilai RM215

- ▶ Perjanjian FWCMS telah ditandatangani pada 3 September 2024 dengan caj kutipan yang telah dipersetujui iaitu RM215.
- ▶ Caj kutipan RM215 adalah berdasarkan kepada RM130 untuk pemulihan dan RM85 untuk perjalanan operasi Bestinet selama enam (6) tahun termasuklah kos ekuiti dan kos-kos operasi.



4. Pembayaran Caj Kutipan RM215

- Caj kutipan RM215 akan dikenakan kepada majikan
- Dikutip oleh pihak kerajaan melalui JIM
- Di akaun ke dalam Akaun Hasil Disatukan sebagai liabiliti
- Bayaran balik akan dibuat kepada syarikat

5. Penetapan Kadar RM86 Oleh UKAS

- Dikira berdasarkan kadar pulangan dalaman ekuiti atau *equity internal rate of return* (EIRR).

6. Tempoh Kontrak Dan Pemilikan Sistem FWCMS

- Tempoh kontrak baharu FWCMS adalah selama enam (6) tahun iaitu 1 Jun 2024 hingga 31 Januari 2031.
- Tiada lagi penyambungan kontrak setelah kontrak ini tamat pada 31 Januari 2031.
- Selepas tamat tempoh kontrak sistem FWCMS akan menjadi hak milik Kerajaan.

7. Ketetapan Jumlah Pekerja Asing

- Kerajaan telah menetapkan jumlah pekerja asing ialah 2 juta orang iaitu tidak melebihi 15 peratus daripada keperluan tenaga kerja dalam negara.

8. Kutipan Levi Pekerja Asing Bagi Tempoh 2018 Hingga 2024

- Jumlah kutipan levi pekerja asing bagi tempoh 2018 - 2024 adalah RM23.35 bilion.

9. Integrasi Sistem FWCMS Dengan Sistem NIISe

- FWCMS akan diintegrasikan dengan sistem NIISe selepas tamat tempoh kontrak.

10. Ketersediaan Modul FWCMS

- 1 November 2024 kesemua modul FWCMS telah pun digunakan.

11. Pengecualian Tatacara Perolehan Bagi Kontrak FWCMS

- Kelulusan pengecualian tatacara perolehan bagi kontrak FWCMS telah pun diperoleh daripada MOF.

Rumusan PAC Parlimen



- 1** Terdapat kejanggalan apabila Kementerian Dalam Negeri (KDN) mengeluarkan Surat Setuju Terima sebelum memuktamadkan terma-terma dan kaedah perolehan dalam proses mengeluarkan Surat Setuju Terima FWCMS.
- 2** KDN gagal untuk memuktamadkan perjanjian berikutan pertikaian berhubung kadar caj yang patut dikenakan bermula 1 April 2018 sehingga kontrak tamat pada 31 Mei 2024 seperti yang dinyatakan dalam SST.
- 3** Kegagalan Kerajaan menghormati SST yang ditandatangani dan tidak memuktamadkan kontrak sehingga tamat tempoh telah membuka ruang kepada Kerajaan terdedah kepada tindakan undang-undang oleh syarikat Bestinet yang menuntut ganti rugi berjumlah RM1.57 bilion.



- 4** Tuntutan daripada Bestinet berjumlah RM1.57 bilion adalah berdasarkan kiraan kerugian pendapatan Bestinet dan faedah dari 1 April 2018 sehingga 31 Mei 2024 iaitu masing-masing bernilai RM1.32 bilion dan RM252 juta yang sepatutnya dikutip oleh Bestinet melalui sistem FWCMS.
- 5** Oleh itu, syarikat telah mengemukakan tuntutan baharu sebanyak RM230 dan Kerajaan terpaksa berunding dan bersetuju pada kadar RM215 yang mana lebih tinggi daripada kadar yang dinyatakan dalam SST iaitu RM100 dan lanjutan tempoh kontrak selama enam (6) tahun lagi sehingga 31 Januari 2031.
- 6** Merujuk kepada perjanjian yang telah ditandatangani pada 3 September 2024, caj kutipan bernilai RM215 adalah berdasarkan kepada RM130 untuk pemulihan dari tahun 2018 sehingga 2024 dan RM85 untuk kos pengoperasian 2025 hingga 2031 termasuklah kos ekuiti dan kos-kos operasi.

Syor PAC Parlimen



- 1** KDN hendaklah memaklumkan mengenai mekanisme kutipan caj RM215 dan kaedah pembayaran kepada Bestinet yang telah dimuktamadkan serta diluluskan.
- 2** KDN perlu menjelaskan kaedah terbaik dalam mengoptimumkan FWCMS sehingga tahun 2031 memandangkan pembangunan sistem NiiSe dijangka siap pada 2028.
- 3** KDN haruslah meningkatkan kawalan keselamatan siber termasuk sistem dan data terhadap FWCMS memandangkan sistem ini diuruskan oleh syarikat Bestinet.
- 4** Kerajaan perlu mematuhi sepenuhnya prosedur perolehan dan segala peraturan kerajaan berkaitan yang sedia ada dan sedang berkuat kuasa.



**PENYATA JAWATANKUASA
KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC)
PARLIMEN**





PENYATA
JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC) PARLIMEN
BERHUBUNG
PEROLEHAN *FOREIGN WORKERS CENTRALIZED MANAGEMENT*
SYSTEM (FWCMS)

DI BAWAH
KEMENTERIAN DALAM NEGERI

1. PENDAHULUAN

Pada 6 November 2024, Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara telah mengadakan prosiding tindakan susulan berhubung maklum balas Kementerian Dalam Negeri (KDN) dan Kementerian Sumber Manusia (KESUMA) terhadap laporan PAC mengenai Sistem Pengurusan Pekerja Asing Bersepadu (ePPAx) dan *Foreign Workers Centralized System* (FWCMS).

Dalam prosiding berkenaan, PAC telah dimaklumkan oleh KDN bahawa Kerajaan telah menandatangani perjanjian perolehan sistem FWCMS dengan syarikat Bestinet Sdn. Bhd. selepas ia dipersetujui oleh Jawatankuasa Induk FWCMS yang dipengerusikan mantan KSN.

Dalam perjanjian berkenaan, Kerajaan telah bersetuju dengan caj bayaran sebanyak RM215 untuk setiap pengeluaran Pas Lawatan Kerja Sementara (PLKS) atau *epass*.

PAC kemudian telah memberikan ulasan dalam Laporan Tindakan Susulan Pegawai Pengawal Terhadap Syor-Syor Laporan PAC Parlimen berhubung Pengurusan Pekerja Asing melalui sistem ePPAx dan FWCMS dan telah membentangkan laporan berkenaan di Parlimen pada 21 November 2024.

Susulan daripada pembentangan laporan berkenaan, banyak pihak membangkitkan kewajaran Kerajaan untuk menandatangani perjanjian berkenaan selepas enam tahun Surat Setuju Terima (SST) dikeluarkan iaitu pada 2018. Selain itu, kadar caj bayaran yang dipersetujui iaitu sebanyak RM215 juga dilihat tinggi berbanding dengan apa yang dilaporkan kepada PAC sebelum ini.

Berikutan itu, PAC bersetuju untuk memulakan prosiding terhadap isu ini dengan menggunakan tajuk **Perolehan *Foreign Workers Centralized Management System* (FWCMS)** pada 10 Disember 2024.

2. OBJEKTIF PERBINCANGAN

2.1 PAC Parlimen telah memulakan prosiding berhubung Perolehan *Foreign Workers Centralized Management System (FWCMS)* di bawah KDN melalui punca kuasa dan mandat yang diberikan kepada PAC Parlimen seperti berikut

- i. Peraturan Mesyuarat (PM) 77(1)(d) Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat (PPMDR);
- ii. PM 83(2) PPMDR;
- iii. Arahan Perbendaharaan 12 (Pindaan 2023);
- iv. Arahan Perbendaharaan 301 (Pindaan 2023); dan
- v. Seksyen 5 (3) (d), Pekeliling Am No. 1 Tahun 2024 Organisasi Kementerian-Kementerian.

2.2 Bertujuan untuk mengkaji dan meneliti sama ada penetapan kadar yang terdapat dalam kontrak FWCMS dilaksanakan secara teliti dan berhemat dengan memastikan kepentingan Kerajaan telah diambil kira dan terpelihara.

3. SKOP DAN METODOLOGI

3.1 Perbincangan telah dibuat melalui pendekatan berikut:

- a) memanggil Pengerusi dan ahli-ahli Jawatankuasa Induk FWCMS dan Ahli-ahli untuk memberi keterangan mengenai peranan dan penglibatan mereka dalam isu yang dibincangkan seperti berikut:
 - i. Tan Sri Shamsul Azri bin Abu Bakar, Ketua Setiausaha Negara (KSN) merangkap Pengerusi Jawatankuasa Induk FWCMS;
 - ii. Dato' Mohd Dusuki bin Mokhtar, Peguam Negara (AG), Jabatan Peguam Negara;
 - iii. Datuk Johan Mahmood Merican, Ketua Setiausaha Perbendaharaan, Kementerian Kewangan (MOF);
 - iv. Datuk Awang Alik bin Jeman, Ketua Setiausaha (KSU) KDN;

**PENYATA JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC) PARLIMEN BERHUBUNG
PEROLEHAN FOREIGN WORKERS CENTRALIZED MANAGEMENT SYSTEM (FWCMS)
DI BAWAH KEMENTERIAN DALAM NEGERI**

- v. Datuk Azman bin Mohd Yusof, KSU Kementerian Sumber Manusia (KESUMA);
- vi. Ts. Dr. Fazidah binti Abu Bakar, Ketua Pengarah (KP) Jabatan Digital Negara;
- vii. Dato' Zakaria bin Shaaban, KP Jabatan Imigresen Malaysia (JIM);
- viii. Encik Roslie bin Rustam, Unit Kerjasama Awam Swasta (UKAS), Jabatan Perdana Menteri (JPM);
- ix. Tan Sri Alwi bin Haji Ibrahim, mantan KSU KDN (2015 – 2019); dan
- x. En. Alan bin Abdul Rahim, Mantan Setiausaha Bahagian, Bahagian Hal Ehwal Imigresen (September 2017 sehingga Jun 2018).

b) menjemput *ex-officio* PAC daripada agensi Kerajaan Persekutuan seperti Kementerian Kewangan Malaysia (MOF), Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA), JAN, Jabatan Akauntan Negara (JANM), Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dan Kementerian Ekonomi (KE) untuk menghadiri prosiding PAC Parlimen berhubung isu ini.

3.2 Prosiding yang telah diadakan adalah seperti berikut:

TARIKH/ MASA	RUJUKAN PROSIDING	SAKSI
10 Disember 2024/ 12.00 tengah hari	Bil. 15(a)/2024	Jawatankuasa Induk FWCMS: i. Tan Sri Shamsul Azri bin Abu Bakar, Ketua Setiausaha Negara (KSN) merangkap Pengerusi Jawatankuasa Induk FWCMS; ii. Dato' Mohd Dusuki bin Mokhtar, Peguam Negara (AG), Jabatan Peguam Negara; iii. Datuk Johan Mahmood Merican, Ketua Setiausaha Perbendaharaan, Kementerian Kewangan (MOF); iv. Datuk Awang Alik bin Jeman, Ketua Setiausaha (KSU) KDN; v. Datuk Azman bin Mohd Yusof, KSU Kementerian Sumber Manusia (KESUMA); vi. Ts. Dr. Fazidah binti Abu Bakar, Ketua Pengarah (KP) Jabatan Digital Negara; dan xi. Dato' Zakaria bin Shaaban, KP Jabatan Imigresen Malaysia (JIM).

**PENYATA JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC) PARLIMEN BERHUBUNG
PEROLEHAN FOREIGN WORKERS CENTRALIZED MANAGEMENT SYSTEM (FWCMS)
DI BAWAH KEMENTERIAN DALAM NEGERI**

21 Januari 2025/ 2.30 petang	Bil. 15(b)/2024	Kementerian Dalam Negeri (KDN): - Datuk Awang Alik bin Jeman, Ketua Setiausaha - Tan Sri Alwi bin Haji Ibrahim, mantan KSU KDN (2015 – 2019) Jabatan Imigresen Malaysia (JIM): - Dato' Zakaria bin Shaaban, Ketua Pengarah Jabatan Perdana Menteri (JPM): - Dr. Asmawi Noor bin Saarani, Pengarah (Seksyen Keselamatan dan Pembangunan Tanah, UKAS)
3 Februari 2025/ 12.30 tengah hari	Bil. 15(c)/2024	- En Alan bin Abdul Rahim, Mantan Setiausaha Bahagian, Bahagian Hal Ehwal Imigresen (September 2017 sehingga Jun 2018).

3.3 PAC turut merujuk kepada dokumen-dokumen berikut:

- i. Slaid pembentangan KDN pada 10 Disember 2024; dan
- ii. Surat, dokumen dan maklumat tambahan daripada KDN.

4. LATAR BELAKANG SISTEM FWCMS

4.1 KDN mulai 15 Julai 2014 telah melaksanakan projek rintis FWCMS yang dibangunkan oleh Bestinet Sdn. Bhd. melalui *proof of concept*. Ia adalah untuk aktiviti saringan Pengesahan Kehadiran dan Kelayakan, pemeriksaan kesihatan serta permohonan Visa Dengan Rujukan (VDR) menggunakan dua modul, iaitu Bio-Medical dan eVisa Dengan Rujukan (eVDR). Kedua-dua modul tersebut dikuatkuasakan secara menyeluruh mulai 15 Jun 2015. Pembangunan sistem FWCMS adalah bertujuan untuk meningkatkan kecekapan aktiviti pengurusan pekerja asing bermula dari proses permohonan sehingga tamat tempoh penggajian dan dihantar pulang ke negara asal, Kerajaan berhasrat mewujudkan sebuah sistem holistik secara dalam talian.


4.2 Ringkasan Projek FWCMS adalah seperti di bawah.

**PENYATA JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC) PARLIMEN BERHUBUNG
PEROLEHAN FOREIGN WORKERS CENTRALIZED MANAGEMENT SYSTEM (FWCMS)
DI BAWAH KEMENTERIAN DALAM NEGERI**



Sumber : Slaid pembentangan KDN pada 5 Disember 2023

4.3 Kronologi bagi pelaksanaan FWCMS adalah seperti dibawah.



Sumber : Slaid pembentangan KDN pada 5 Disember 2023

4.4 Pada 12 Januari 2018, KDN mengeluarkan Surat Setuju Terima (SST) kepada Bestinet Sdn. Bhd. untuk membangun, membekal, menyedia dan menyelenggara FWCMS bagi tempoh enam tahun mulai 1 April 2018 hingga 31 Mei 2024 melibatkan 14 modul dengan nilai perjanjian RM1.049 bilion. Modul Bio-Medical tidak termasuk dalam SST ini kerana perjanjian berasingan telah dimeterai pada 16

Jun 2017. Selanjutnya, mesyuarat Jemaah Menteri pada 22 Disember 2021 memutuskan supaya perjanjian FWCMS dimuktamadkan dan penggunaan Bio-Medical diteruskan serta disatukan di bawah perjanjian yang sama.

- 4.5 Perjanjian FWCMS masih tidak dapat dimeterai sehinggalah ia tamat pada 31 Mei 2024. Ini kerana tiada persetujuan di antara KDN dan Bestinet mengenai perbezaan kadar caj kutipan yang diluluskan oleh UKAS iaitu RM86.00 dengan kadar caj kutipan yang dimohon oleh Bestinet iaitu RM120.00.
- 4.6 Jemaah Menteri semasa mesyuaratnya pada 29 Mei 2024 telah memutuskan perkara-perkara seperti berikut berkaitan hala tuju FWCMS:
- a. perkhidmatan FWCMS yang telah dibangunkan oleh syarikat Bestinet disambung untuk tempoh 3 tahun atau sehingga Sistem Imigresen Bersepadu Nasional (NIISe) siap atau yang mana terdahulu;
 - b. kontrak dimuktamadkan dalam tempoh empat (4) bulan bermula dari tarikh penyambungan iaitu 1 Jun 2024 dengan melibatkan KDN, KESUMA dan agensi lain berkaitan; dan
 - c. penubuhan satu Jawatankuasa (JK) Induk ditubuhkan bagi meneliti setiap aspek yang berkaitan dengan pelaksanaan FWCMS. Jawatankuasa tersebut akan dianggotai oleh Ketua Setiausaha Negara (KSN), Peguam Negara, Ketua Setiausaha KDN, KSU KESUMA dan wakil-wakil daripada kementerian/ jabatan.
- 4.7 Susulan daripada keputusan Mesyuarat Jemaah Menteri (MJM) tersebut, beberapa siri mesyuarat telah diadakan dan hasil perbincangan tersebut telah diangkat ke MJM untuk pertimbangan dan kelulusan.
- 4.8 Pada 3 September 2024, Perjanjian FWCMS telah ditandatangani bagi tempoh kontrak selama enam (6) tahun iaitu bermula pada 1 Jun 2024 sehingga 31 Januari 2031 caj kutipan yang telah dipersetujui adalah RM215 untuk setiap pengeluaran PLKS atau ePass.

5. KETERANGAN SAKSI

Prosiding telah diadakan bagi mendapatkan keterangan dari semua pihak berkepentingan. Perkara yang dibincangkan secara umumnya diringkaskan seperti berikut:

5.1 Keterangan Pengerusi Jawatankuasa Induk FWCMS

Tan Sri Shamsul Azri bin Abu Bakar (KSN merangkap Pengerusi Jawatankuasa Induk FWCMS) dalam prosiding bil. 15(a)/2024 bertarikh 10 Disember 2024 memaklumkan bahawa Mesyuarat Jemaah Menteri pada 29 Mei 2024, telah menubuhkan Jawatankuasa Induk FWCMS yang dipengerusikan oleh KSN dan melantik ahli-ahli Jawatankuasa seperti berikut:

- i. Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam (KPPA);
- ii. Peguam Negara;
- iii. KSU KDN;
- iv. KSU KESUMA;
- v. KP UKAS; dan
- vi. KP Jabatan Digital Negara.

Bestinet telah mengemukakan tuntutan bagi caj kutipan pada harga RM230 untuk tempoh enam (6) tahun atau RM362 untuk tempoh tiga (3) tahun. Cadangan ini telah dibawa ke Mesyuarat Jemaah Menteri pada 19 Julai 2024 dan Mesyuarat Jemaah Menteri bersetuju supaya kontrak FWCMS disambung kepada enam (6) tahun untuk mengelakkan kos perkhidmatan yang tinggi berjumlah RM362. Manakala tuntutan kerugian sejumlah RM1.6 bilion yang dituntut oleh Bestinet hendaklah digugurkan. Jawatankuasa Induk FWCMS bertanggungjawab untuk meneruskan rundingan bersama pihak Bestinet.

Tan Sri Shamsul Azri bin Abu Bakar pada ketika itu merupakan Ketua Pengarah UKAS telah dilantik sebagai pengerusi Jawatankuasa Rundingan Harga dan telah mengadakan rundingan dengan pihak Bestinet sebanyak tiga (3) kali iaitu pada 24 Julai 2024, 25 Julai 2024 dan 26 Julai 2024.

Bestinet telah mengemukakan dua (2) tuntutan kepada Kerajaan seperti berikut:

- i. Cadangan awal Bestinet (surat Bestinet kepada Kerajaan pada 20 Jun 2024), Bestinet telah mengemukakan kos pemulihan sejumlah RM2.760 bilion. Kos pemulihan ini ialah kiraan kerugian pendapatan Bestinet dari 1 April 2018 sehingga 31 Mei 2024 yang berjumlah RM1.56 bilion melibatkan RM130 untuk dua (2) juta pekerja bagi tempoh enam (6) tahun akibat kegagalan kerajaan untuk mematuhi SST yang telah di tandatangan pada 15 Januari 2018.
- ii. Tuntutan yang kedua (semasa pembentangan dengan UKAS pada 25 Julai 2024) adalah pendapatan baharu. Pendapatan baharu ini bermaksud semua kos-kos operasi Bestinet bermula daripada Jun 2024 sehinggalah tahun 2030 yang dianggarkan berjumlah RM1.2 bilion menjadikan jumlah keseluruhan RM2.760 bilion dengan caj yang akan dikenakan sebanyak RM230.

Tuntutan Bestinet adalah berdasarkan kepada perkiraan berikut:

Pendapatan pemulihan (RM130 x 2 juta pekerja x 6 tahun)	RM1,560 juta
Pendapatan baharu (RM100 x 2 juta pekerja x 6 tahun)	RM1,200 juta
Jumlah keseluruhan	RM2,760 juta

Sumber : Slaid pembentangan KDN pada 10 Disember 2024


Pada mesyuarat 26 Julai 2024, Jawatankuasa Rundingan Harga dan syarikat memperakukan supaya harga RM215 diangkatkan untuk persetujuan

**PENYATA JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC) PARLIMEN BERHUBUNG
PEROLEHAN FOREIGN WORKERS CENTRALIZED MANAGEMENT SYSTEM (FWCMS)
DI BAWAH KEMENTERIAN DALAM NEGERI**

Jawatankuasa Induk yang dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Negara pada masa itu dan mesyuarat Jawatankuasa Induk yang bersidang pada 31 Julai 2024 bersetuju dengan perkara seperti berikut:

- a. Tempoh kontrak selama enam (6) tahun bermula 1 Jun 2024 hingga 31 Januari 2031;
- b. Satu caj sahaja yang dikenakan iaitu RM215 termasuk Modul Bio-Medical (BMS) dan hak eksklusif kepada syarikat bagi pengeluaran PLKS tahun pertama dan untuk pembaharuan (*renewal*). Penetapan caj kutipan bernilai RM215 adalah berdasarkan kepada RM130 untuk pemulihan dan RM85 untuk perjalanan operasi syarikat selama enam tahun termasuklah kos ekuiti dan kos-kos operasi; dan
- c. Syarikat bersetuju untuk menarik balik tuntutan berjumlah RM1.57 bilion kepada kerajaan.

Hasil rundingan telah dibawa ke Mesyuarat Jemaah Menteri pada 14 Ogos 2024 dan telah dipersetujui untuk dilaksanakan seterusnya perjanjian telah dimeterai pada 3 September 2024. Ringkasan kronologi bagi sistem FWCS adalah seperti dibawah.



Sumber: Slide pembentangan KDN pada 10 Disember 2024

6. PENEMUAN PAC PARLIMEN

Penemuan PAC Parlimen adalah seperti berikut:

6.1 Surat Setuju Terima (SST) bertarikh 12 Januari 2018

SST bagi perolehan sistem FWCMS bertarikh 12 Januari 2018 telah ditandatangani oleh Setiausaha Bahagian (SUB) Bahagian Hal Ehwal, Imigresen bukan oleh KSU KDN.

i. Penjelasan Mantan KSU KDN

Tan Sri Alwi bin Haji Ibrahim (Mantan KSU KDN) dalam prosiding bil. 15(b)/2024 bertarikh 21 Januari 2025 menjelaskan bahawa SST telah dikeluarkan dan ditandatangani oleh Setiausaha Bahagian (SUB) tanpa dirujuk terlebih dahulu kepada beliau sebagai KSU pada ketika itu. Beliau turut memaklumkan bahawa tiada penurunan kuasa dibuat bagi membolehkan pegawai lain menandatangani SST selain daripada KSU.

Beliau juga turut memaklumkan bahawa berdasarkan amalan, selepas SST ditandatangani, mesyuarat dan minit ceraian akan disediakan daripada SUB kepada Timbalan Ketua Setiausaha (TKSU) dan KSU.

***“Tan Sri Alwi bin Haji Ibrahim [Mantan KSU KDN]:** Yang Berhormat Pengerusi, Ahli-ahli Yang Berhormat, ahli-ahli PAC dan Yang Berbahagia KSU dan ahli mesyuarat semua. Assalamualaikum dan salam sejahtera. Saya ini dah pencen lima tahun ini YB. Jadi, saya tak ada akses kepada maklumat dan juga fail. Jadi, saya pun banyak dah lupakan kepada perkara yang dulu saya pernah buat. Tetapi untuk menjelaskan kronologi saya memang tak ada maklumat detailed-lah apa yang berlaku.*

Tetapi yang saya ingat perbincangan ataupun surat-surat antara syarikat dengan kementerian memang adalah pada masa itu. Perbincangan juga berlakulah from time to time. Tetapi kalau nak dikaitkan dengan apa dipanggil SST 2018 tadi Yang Berhormat, saya pun pada masa itu saya tidak di – orang kata, dibawa bincanglah dengan pegawai

berkenaan yang mengeluarkan surat dan tidak dirujuk terlebih dahulu sebelum surat itu dikeluarkan. Jadi, saya pun terperanjatlah bila tengok-tengok after a few weeks after that baru nampak surat itu dikeluarkan oleh pegawai. Itu SUB pada masa itu.

Sebab kebiasaannya untuk SST ini, biasa Pegawai Pengawal, KSU-lah yang akan mengeluarkan ataupun kalau ada penurunan kuasa (delegation of power) kepada pegawai yang....

...

Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]: *Okey. I tengah baca surat SST ini yang dikeluarkan oleh Encik Alan bin Abdul Rahim, Setiausaha Bahagian. Tan Sri sebagai Pegawai Pengawal, apakah prosesnya untuk keluaran SST ini? Dia mesti – sudah pasti dia ada prosesnya melalui kementerian, SUB masuk kepada KSU, KSU boleh sign. Tetapi kenapa tiba-tiba SUB yang sign? Kami pun pelik juga.*

Tan Sri Alwi bin Haji Ibrahim [Mantan KSU KDN]: *Ya. Saya pun terperanjat juga pada masa itu kerana saya tidak pernah menurunkan kuasa untuk berkaitan perkara ini. Biasanya apabila sesuatu SST itu untuk di-finalise ataupun ditandatangani, biasanya akan ada minit ceraian, ada mesyuarat. Ada minitlah biasanya kerana ada rekod minit daripada SUB kepada TKSU, kepada KSU dan sebagainya dan kalau perlu kepada Yang Berhormat Menteri sekali untuk kalau ada kesan implikasi kewangan kepada Jemaah Menteri. Kadang-kadang sampai ke peringkat itu. Tetapi yang ini pun saya pun terperanjat juga pada masa itu kerana pegawai mengeluarkan surat tanpa merujuk terlebih dahulu kepada saya. Itu yang saya boleh nyatakanlah.”*

[Muka surat 8 - 10 Laporan Prosiding Bil 15(b)/2024 bertarikh 21 Januari 2025]

ii. **Penjelasan Mantan Setiausaha Bahagian (SUB) Bahagian Hal Ehwal Imigresen**

Encik Alan Abdul Rahim (mantan SUB Bahagian Hal Ehwal Imigresen, KDN) dalam prosiding bil. 15(c)/2024 bertarikh 3 Februari 2025 menjelaskan bahawa beliau telah dilantik sebagai SUB Bahagian Hal Ehwal Imigresen, KDN pada September 2017 sehingga Jun 2018. Beliau telah diarahkan oleh Yang Berhormat Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Dalam Negeri pada ketika itu untuk

mengeluarkan SST kepada syarikat dengan kadar segera melalui arahan yang telah diminitkan bertarikh 30 November 2017 pada surat syarikat Bestinet kepada Yang Berhormat Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Dalam Negeri bertarikh 27 November 2017. Atas sebab itu, beliau telah mengeluarkan dan menandatangani SST berkenaan.

“Tuan Alan Abdul Rahim [MoF]: ... pada 30 November 2017 melalui Pejabat Timbalan Perdana Menteri, yang surat ini ditandatangani oleh Dr. Sabri lah, masa itu Setiausaha Sulit, memanjangkan satu lagi surat daripada Bestinet ini untuk menyatakan hasrat untuk pelaksanaan kontraklah sebab setelah beberapa tahun itu. Pada masa itu ada minit juga di sana dan ditandatangani oleh Dato’ Seri Dr. Zahid, Timbalan Perdana Menteri dan minitnya juga jelas di sana meminta supaya dimuktamadkan pemeteraian kontrak ini dengan kadar segera. Tawaran SST tidak melebihi enam tahun. Ada dinyatakan di sanalah.

Okey, setelah kami menerima surat ini dan mungkin saya tak ingat memang ada perjumpaan, perbincangan dengan Yang Berhormat Menteri lah, kami di Bahagian Hal Ehwal Imigresen mengadakan beberapa siri perbincanganlah sama ada Bahagian Imigresen dengan syarikat dan juga bahagian-bahagian yang terlibat untuk membincangkan perkara ini sebab perkara ini sesuatu yang besar sebab telah lama berjalan dan sebagainya.

Jadi, kita berbincang. Daripada perbincangan tersebut, bahagian kami pada itu telah menyediakan satu minit ceraihan berkaitan dengan hala tuju dan cadangan pemeteraian kontrak untuk FWCMS inilah. Minit ini telah pun diangkat melalui Timbalan KSU, masa itu Puan Hashimah dan juga melalui KSU. Ini Tan Sri Alwi lah pada ketika itu. Ada minit-minut tersebut seperti yang ternyata dan mereka maklum berkaitan perkara ini. Okey.

Jadi, minit ini telah pun diangkat kepada Dato’ Seri Zahid dan beliau menandatangani dengan ada catatan di belakang itulah. Catatan itu ada kita bagi cadangan-cadangan dan dicatatkan di belakang itu adalah mengangkat Nota Jemaah Menteri untuk pelaksanaan FWCMS dan seterusnya kementerian memberikan kontrak baharu FWCMS dengan Bestinet. Selepas mendapat minit ini, saya ada sekali lagi juga bertemu— masa itu lawatan di Sarawak, masa itu kita ada program di sempadan dengan Yang Berhormat Menteri, menyatakan dengan apa ini— berkaitan dengan hasrat keputusan ini.

PENYATA JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC) PARLIMEN BERHUBUNG
PEROLEHAN FOREIGN WORKERS CENTRALIZED MANAGEMENT SYSTEM (FWCMS)
DI BAWAH KEMENTERIAN DALAM NEGERI

Saya sebenarnya ada membuat catatan Yang Berhormat, dalam diari saya. Tapi diari saya ini sebab dah lama, tiga kali bertukar kementerian dan berpindah rumah, saya cuba mengesan, saya tak jumpa. Jadi, sebenarnya benda ini kadang-kadang kerajaan ini apabila kita diarahkan untuk membuat sesuatu yang agak kritikal, saya akan membuat catatan. Tetapi dah lama dalam tujuh tahun ini, saya tak dapat mengesan diari tersebut. So, apa yang saya catatkan di sana adalah arahan Yang Berhormat Menteri pada ketika itu ialah keluarkan segera SST. Saya kata, saya nak merujuk balik kepada KSU lah sebab melalui KSU perkara ini. Tetapi dia kata, tak payah because benda ini dah lama pun dia orang tak selesai. Sebab itu di dalam minit daripada Pejabat Timbalan Perdana Menteri itu, saya pun hairan juga. Kenapa TPM direct minit kepada SUB? Sebab ada dua tiga perkara itu surat ada beberapa kali macam tidak bergerak. Jadi, saya tak pasti kenapa. Saya tak akan bertanyalah.

So, daripada hasil perbincangan itu dan nada itu macam nada agak-agak tegas sebab perkara ini dia kata dah lama, keluarkan SST. Saya pun memanggil ada perbincangan dengan pegawai dan sebagainya, membincangkan dalam bentuk mana kita nak keluarkan. Benda ini sentiasa di-follow-up. Sebab itulah daripada...

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: *Sebelum itu, ada buat perbincangan dengan pihak KSU kah?*

Tuan Alan Abdul Rahim [MoF]: *Saya ada memaklumkan sebenarnya, mungkin beliau tidak ingat berkaitan dengan kelulusan ini. Cumanya, sebab arahan TPM ini keluarkan dan kita pun masa itu Yang Berhormat untuk makluman, kita banyak sistem-sistem lain. Bahagian Hal Ehwal Imigresen ini, ia diberikan mandat sebagai pentadbir kontrak. Pentadbir kontrak yang mana masa itu, isu OEC yang proses visa di luar negara dan beberapa modul lain yang ada di bawah FWCMS itu semua diuruskan oleh Bahagian Hal Ehwal Imigresen. Jadi pada ketika itu juga, dah Januari itu, dalam keadaan saya rasa tadi diambang pilihan raya itu, semua ini benda nak disegerakan. So, itulah setelah mengadakan perbincangan— sebab itu saya tahu, benda begini apabila kita menandatangani ini sesuatu yang kita ini terikat, sesuatu yang besar. Jadi, saya sebenarnya tidak akan buat benda yang tak melalui proses seperti mana yang diarahkanlah.*

PENYATA JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC) PARLIMEN BERHUBUNG
PEROLEHAN FOREIGN WORKERS CENTRALIZED MANAGEMENT SYSTEM (FWCMS)
DI BAWAH KEMENTERIAN DALAM NEGERI

Jadi, benda ini kita sampaikan dan arahan Menteri masa itu jelas, “Sila keluarkan SST”. Sebab itulah kita merangka SST itu dengan begitu agak ketat sebenarnya supaya hak-hak di pihak kerajaan dan juga syarikat itu terjamin. Jadi, itu perkara yang mungkin saya jelaskan. Selepas itu juga, apabila perkara ini berlaku, dan kita keluarkanlah. So, syarikat pun reply balik setuju terima, bagikan bank guarantee dan sebagainya, of course, ada—kalau pandangan daripada AGC, masa itu memang sudah terikatlah. Tapi, proses lepas itu kita berjalan. Ada perbincangan, kita buat bengkel lagi macam mana kita nak melaksanakan projek ini.

Sebab saya nak bercerita Yang Berhormat, pada ketika itu, saya baru masuk pun kita melihat banyak isu dalam pengurusan pekerja asing ini. Satunya, mengenai kuota. Masa itu pula banyak kemasukan pekerja asing. Jadi kita ini sebenarnya, sistem ini imigresen yang sedia ada, sistem ini untuk keluar masuk sahaja. Tetapi, untuk urusan-urusan lain seperti mana tadi dijelaskan saya rasa banyak, kita memerlukan satu sistem yang komprehensif untuk memastikan kemasukan pekerja asing ini mengikut semua peraturanlah termasuk dia punya biomedik, PLKS, macam-macam. Kalau kita tengok sistem itu dia ada 14 modul.

Jadi, sistem ini sebahagian besarnya telah pun digunakan dah lama, tapi kita melihat kenapa perkara ini tidak diselesaikan. Since 2014, 2016 lagi Kabinet, jawatankuasa ini telah berbincang sampailah kita masuk. Macam beban ini bergantung pada saya pula masa itu. Jadi, kita ini pun ya lah, dengan arahan TPM dan sebagainya, kita mengambil rasa tanggungjawab itu untuk melaksanakan tanpa ada apa-apa niat untuk supaya benda ini— yang tidak baik berlakulah.

Jadi, sebab itu untuk perkara ini berjalan. Selepas SST kita keluarkan, kita pun dah ada perundingan, perbincangan, adakan bengkel dan sebagainya untuk memastikan sistem ini berjalan dengan baik. Kita bagi tahu pun dengan syarikat apabila sistem ini telah sempurna kita bincangkan, kontrak ini dan sebagainya, dia tak boleh melaksanakan lagi sehingga kita dapat memaklumkan kepada Jemaah Menteri sebab itu minit Yang Berhormat TPM itulah...”

[Muka surat 5 - 7 Laporan Prosiding Bil 15(c)/2024 bertarikh 3 Februari 2025]

6.2 Faktor Kegagalan Memuktamadkan Kontrak FWCMS Dalam Tempoh 1 April 2018 Sehingga 31 Mei 2024

SST bagi perolehan sistem FWCMS telah dikeluarkan kepada Bestinet pada 12 Januari 2018. Bagaimanapun perjanjian tidak dapat dimuktamadkan kerana tiada persetujuan daripada Kerajaan dan Bestinet berhubung nilai caj kutipan dan tempoh perlanjutan kontrak sehingga tempoh kontrak di bawah SST tamat pada 31 Mei 2024.

Kontrak FWCMS hanya ditandatangani pada 3 September 2024 dengan persetujuan kedua-dua pihak dengan penetapan caj kutipan pada kadar RM215 dan tempoh kontrak selama enam (6) tahun iaitu dari 1 Jun 2024 hingga 31 Januari 2031.

i. Penjelasan Timbalan Setiausaha Bahagian (TSUB) Bahagian Hal Ehwal Imigresen, KDN

Dr. Hebat Hisham bin Mohd Yusoff [Timbalan Setiausaha Bahagian (TSUB) Bahagian Hal Ehwal Imigresen, KDN] dalam prosiding bil. 15(a)/2024 bertarikh **10 Disember 2024** menjelaskan bahawa punca kegagalan kerajaan untuk menandatangani kontrak untuk tempoh 2018 sehingga 31 Mei 2024 adalah kerana tiada kesepakatan dalam menentukan harga yang sepatutnya dikutip oleh syarikat.

Mesyuarat dan beberapa sesi konsultasi telah diadakan pada masa tersebut bersama MOF dan beberapa kementerian namun masih tiada kesepakatan dicapai dalam menentukan nilai caj sehingga tamat tempoh kontrak pada 31 Mei 2024.

***“Dr. Hebat Hisham bin Mohd Yusoff [Kementerian Dalam Negeri (KDN)]:
Assalamualaikum Tan Sri, YB Pengerusi dan juga rakan-rakan sekalian.***

Kenapa kita tak sign pada— kegagalan kerajaan untuk sign untuk tempoh 2018 sehingga 31 Mei 2024 adalah kerana tiada kesepakatan tentang harga yang sepatutnya dikutip oleh syarikat. Sebab, kerajaan pada masa itu berfikir RM100 itu terlampau

banyak dan kita stand guided by the advise from UKAS yang mengatakan bahawa kos yang sepatutnya kita bayar adalah RM86 sahaja...

...

Dr. Hebat Hisham bin Mohd Yusoff [KDN]: *Dia pendirian KDN dalam hal ini YB, macam saya kata tadi. Kita memang ada mesyuarat dan juga sesi konsultasi. Bukan sahaja dengan MoF tetapi juga dengan beberapa kementerian. Bukan kita tak usaha untuk memuktamadkan kontrak tersebut tetapi tiada kesepakatan dalam penentuan harga.*

Itu adalah antara punca utama kenapa kita tak sign dan dia pun tak nak sign. Hinggalah membawa kepada tamatnya kontrak pada 31 Mei 2024 tersebut.”

[Muka surat 20 Laporan Prosiding Bil 15(a)/2024 bertarikh 10 Disember 2024]

ii. **Penjelasan Timbalan Ketua Penasihat 1 (Pejabat Ketua Bahagian Penasihat), AGC**

Tuan Mohamad Onn Abdul Aziz [Timbalan Ketua Penasihat 1 (Pejabat Ketua Bahagian Penasihat), AGC] dalam prosiding bil. 15(a)/2024 bertarikh 10 Disember 2024 menjelaskan bahawa AGC telah dilibatkan pada akhir tahun 2023. Sepanjang tempoh tersebut, AGC konsisten mengatakan bahawa SST yang dikeluarkan ialah mengikat kedua-dua pihak iaitu KDN dan Bestinet. Sekiranya Kerajaan tidak bersetuju dan membiarkan SST tamat maka Bestinet boleh memfailkan tuntutan ganti rugi terhadap kerajaan.

“Tuan Mohamad Onn Abdul Aziz [Timbalan Ketua Penasihat 1 (Pejabat Ketua Bahagian Penasihat), AGC]: *Assalamualaikum Yang Berhormat Datuk Wira. Sebenarnya rundingan tentang KDN ini dah berlarutan satu tempoh yang agak panjang. Kami di Chambers dilibatkan akhir tahun 2023. Sepanjang tempoh tersebut kami konsisten mengatakan SST itu adalah mengikat. So bila SST mengikat, cuma kaedahnya untuk kita formalize-kan secara bertulis. Di situlah berlakunya ketidakpersetujuan antara dua pihak. Antara KDN dan syarikat. Tapi dia tak mengubah status SST itu yang masih mengikat. Ini dah terikat dah. Bila kita nak berunding dengan*

kita syarikat, kita sekarang ini berada at the losing end. Sebab kalau kita tak bersetuju dan kita biarkan SST itu tamat, syarikat akan failkan tuntutan ganti rugi terhadap kerajaan. Dia punya exposure-nya seperti mana dijelaskan oleh Tan Sri KSN tadi. RM1.5 billion and plus, plus, plus. Difailkan di mahkamah, kita tak boleh nak control dah dia punya figures itu.

Untuk kita minimise-kan dia punya impak itu, perkara ini telah dibawa di peringkat dasar ke pihak kerajaan untuk membantu bagaimana kita boleh mengelakkan kerajaan daripada menanggung rugi tuntutan yang dibuat oleh syarikat. As far as Chambers is concerned Yang Berhormat Datuk Wira, kita secara konsisten beritahu SST ini adalah satu dokumen yang mengikat. Agreement yang patut disusuli, dirundingi itu adalah satu bentuk formaliti sahaja. Lain lah dalam kes SST yang tidak mengikat. Mungkin kita akan ada pandangan yang berbeza. Dalam kes ini dia tidak begitu keadaannya. Seperti mana diberitahu oleh Tan Sri KSN dan juga Datuk AG, as far as harga yang sesuai itu kita serahkan pihak dasar untuk tentukan. Terima kasih.“

[Muka surat 21 -22 Laporan Prosiding Bil 15(a)/2024 bertarikh 10 Disember 2024]

6.3 Penetapan Caj Bayaran Bernilai RM215

Perjanjian FWCMS tidak dapat dimeterai sehingga ia tamat pada 31 Mei 2024 kerana tiada persetujuan di antara KDN dan Bestinet mengenai perbezaan kadar caj kutipan yang diluluskan oleh UKAS iaitu RM86.00 dengan kadar caj kutipan yang dimohon oleh Bestinet iaitu RM120.00.

Bagaimanapun perjanjian FWCMS kini telah ditandatangani pada 3 September 2024 dengan caj kutipan yang telah dipersetujui iaitu RM215.

i. **Penjelasan Ketua Setiausaha Negara (KSN) Pengerusi Jawatankuasa Induk FWCMS**

Tan Sri Shamsul Azri bin Abu Bakar (KSN merangkap Pengerusi Jawatankuasa Induk FWCMS) dalam prosiding bil. 15(a)/2024 bertarikh 10 Disember 2024 menjelaskan bahawa penetapan caj kutipan yang telah dipersetujui

PENYATA JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC) PARLIMEN BERHUBUNG
PEROLEHAN FOREIGN WORKERS CENTRALIZED MANAGEMENT SYSTEM (FWCMS)
DI BAWAH KEMENTERIAN DALAM NEGERI

ialah RM215 untuk setiap pengeluaran PLKS atau ePass. Penetapan caj kutipan ini adalah berdasarkan kepada RM130 untuk pemulihan dan RM85 untuk perjalanan operasi Bestinet selama enam (6) tahun termasuklah kos ekuiti dan kos-kos operasi.

Nilai RM130.00 ialah merupakan tuntutan Bestinet berdasarkan kiraan kerugian pendapatan Bestinet dari 1 April 2018 sehingga 31 Mei 2024 yang berjumlah RM1.57 bilion yang sepatutnya dikutip oleh Bestinet melalui sistem FWCMS. Kutipan tersebut tidak dapat dilaksanakan kerana kegagalan Kerajaan untuk mematuhi SST dan memuktamadkan kontrak FWCS sehingga 31 Mei 2024. Ketetapan yang dibuat bagi jumlah pekerja asing ialah dua (2) juta orang pekerja. Ketetapan dan formula kiraan adalah seperti berikut:

	Kiraan kerugian pendapatan Syarikat (1 April 2018 sehingga 31 Mei 2024)	RM1,320,015,400.00
Ditambah:	Kiraan Faedah (1 April 2018 sehingga 31 Mei 2024)	RM251,816,777.00
	Jumlah	RM1,571,832,177.00
Dibahagikan:	Ketetapan: Pekerja Asing	2,000,000
	Tempoh Kontrak (1 April 2018 sehingga 31 Mei 2024)	6 tahun
	Kadar tuntutan kerugian bagi seorang pekerja asing	RM130.00

“Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Terima kasih Tan Sri. Sebab ya lah sebagaimana yang penjelasan Tan Sri, sebelum ini dalam prosiding memang kerajaan minta untuk harga RM85 dan syarikat minta untuk harga RM100. Tiba-tiba bila datang ke prosiding ini pada 6 November yang lalu dan maklumkan kepada PAC dah dimuktamadkan perjanjian tersebut dan tiba-tiba angka RM215, tiba-tiba muncul. Yang itu yang memberikan kejutan kepada semua Ahli-ahli PAC di manakah tiba-tiba datangnya jumlah RM215. Jadi di sini apabila ada pecahan yang dimaklumkan RM130 untuk pemulihan dan RM85 itu sebenarnya harga yang memang— kadar yang memang kerajaan tawarkan kepada syarikat sebelum dan menjadikan jumlah keseluruhannya RM215.

PENYATA JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC) PARLIMEN BERHUBUNG
PEROLEHAN FOREIGN WORKERS CENTRALIZED MANAGEMENT SYSTEM (FWCMS)
DI BAWAH KEMENTERIAN DALAM NEGERI

Cuma soalan saya kepada Tan Sri, adakah cukup dengan RM215 itu? Macam mana justify? Boleh tak justify kepada PAC, justifikasi dalam pemberian RM215 ini? Kita tahulah jumlah pemberian dan sebagainya tetapi angka yang diberikan itu mungkin sebenarnya ada situasi menang dan menang tetapi kali ini kita tengok yang menangnya di pihak syarikat dan bukannya pada pihak kerajaan...

...

Tan Sri Shamsul Azri bin Abu Bakar [KSN]: Okey. Pertama saya rasa YB bersetuju dengan kenyataan RM85 itu? RM85 yang why kita kenakan RM85 instead of RM100. So, sekarang ini saya cuma jelaskan RM130 because RM130 campur RM85 jadi RM215, okey. RM130 ini sebenarnya bila kita tak honour LOA kita yang asal ini syarikat claim tuntutan sebanyak RM1.57 bilion ini berdasarkan kepada apa yang sepatutnya dia collect jika sistem ini diguna pakai daripada 2018 sehingga 2024. So, berpandukan kepada data-data Imigresen, pada tahun pertama 2018, dia sepatutnya dapat RM102 juta dan ditambah dengan empat persen faedah, so menjadikan RM106 juta.

Pada tahun kedua 2019, dia sepatutnya collect RM3.142, sorry. RM314 juta campur faedah 16 dia akan jadi RM437 juta dan total...

...

Tan Sri Shamsul Azri bin Abu Bakar [KSN]: ...That is why dia dapat RM1.57 bilion dan kita dah kira memang calculation dia itu betul lah. Dia kira ini kehilangan dia, kerugian dia sebab dia tak collect sebab kita tak guna sistem walaupun kita dah setuju nak guna. Ini dipanggil tuntutan kehilangan hasil...

So, bila dia campur-campur kerugian dia RM1.3 bilion campur dengan faedah empat persen setiap tahun RM252 juta, menjadikan jumlah kerugian yang dituntut adalah RM1.572 bilion.

...

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: Get clarification ya Datuk Wira. Yang tak dapat hasil sebab tak digunakan oleh Imigresen itu berapa tahun Tan Sri? Just to get confirmation.

PENYATA JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC) PARLIMEN BERHUBUNG
PEROLEHAN FOREIGN WORKERS CENTRALIZED MANAGEMENT SYSTEM (FWCMS)
DI BAWAH KEMENTERIAN DALAM NEGERI

Tan Sri Shamsul Azri bin Abu Bakar [KSN]: 2018 sehingga 2024.

...

Tan Sri Shamsul Azri bin Abu Bakar [KSN]: ... So, ini dia punya perkiraan dia. RM1.572 bilion. Kerugian pendapatan RM1.32 bilion campur faedah RM252 juta. Jadi total RM1.572 bilion.

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: The original amount RM1.3 billion ya Tan Sri.

Tan Sri Shamsul Azri bin Abu Bakar [KSN]: Ya.

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: Ya?

Tan Sri Shamsul Azri bin Abu Bakar [KSN]: Tapi dimasukkan dengan four percent interest.

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: Okey, four percent interest ya.

Tan Sri Shamsul Azri bin Abu Bakar [KSN]: Ya.

...

Tan Sri Shamsul Azri bin Abu Bakar [KSN]: Kita kira daripada data JIM, data yang masuk on that particular year and then data yang renew on that particular year then kita times dia punya RM100 itu, that's why kita dapat figure itu.

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: On the total-lah?

Tan Sri Shamsul Azri bin Abu Bakar [KSN]: Ya, ya.

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: On the total number?

Tan Sri Shamsul Azri bin Abu Bakar [KSN]: Yes.

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: Okey.

Tan Sri Shamsul Azri bin Abu Bakar [KSN]: Cuma, tahun 2014 itu kita prorate-lah. Tahun 2014 itu— 2024 kita prorate...”

[Muka surat 5 - 8 Laporan Prosiding Bil 15(a)/2024 bertarikh 10 Disember 2024]

Selain itu dalam prosiding yang sama, **Tan Sri Shamsul Azri bin Abu Bakar** turut menjelaskan bahawa projek FWCMS ini bukanlah satu projek konsesi ataupun penswastaan. Sebaliknya ia dikategorikan sebagai perolehan biasa kerana tempoh kontrak FWCMS hanya enam (6) tahun. Bagi mengkategorikan sesuatu projek itu sebagai suatu projek penswastaan, tempoh kontrak perlulah melebihi daripada tujuh (7) tahun.

“Tan Sri Shamsul Azri bin Abu Bakar [KSN]: YB Pengerusi, semasa ulasan itu dibuat, kita mengatakan bahawa projek ini bukan projek konsesi. It is not privatisation. Bila it is not privatisation in nature, kita tak boleh apply privatisation punya formula dalam ini.

That's why berdasarkan kepada figure yang diberi oleh KDN, kita tak go detail. Based on figure pada KDN kita rasa pada masa itu, kadar yang bersesuaian adalah RM86 in which bila kita recommend dekat— when kita, UKAS recommend dekat jawatankuasa pada tahun 2024, kita recommend RM85. RM1 lebih rendah daripada yang kita beritahu RM86 itu. Because kalau ikut LOA asal, RM100.

That's why kita kata RM86 yang bersesuaian. Tetapi bila kita recommend dekat jawatankuasa tertinggi yang dipengerusikan oleh Tan Sri KSN pada ketika itu, kita recommend RM85, plus RM130 pemulihan. That's why dia datang RM215.

Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]: Tan Sri, jadi saya ada sikit kemusykilan sebab kalau katakan RM86 for the next six years, itu syarikat Bestinet terima. Kenapa dia for the past six years, dia lebih tinggi? For example, kalau katakan dulu, memang kos— kalau katakan sekarang, memang for future dia kos barang akan naik, dia punya tenaga kerja akan naik, maintenance akan naik. Kalau katakan in future, RM130 saya rasa boleh terima. Tetapi dia go back six years itu, dia caj RM130. I tak nampak rasional itu.

Tan Sri Shamsul Azri bin Abu Bakar [KSN]: Because— sebab kita failed to honour. Sorry, boleh cakap orang putih? Sorry. Kita gagal melaksanakan tanggungjawab kita berdasarkan LOA yang kita telah bersetuju dengan syarikat. We failed to honour our obligation.

Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]: But when we have new negotiation, kita kata win-win. Usually we will go in and say, “Come on, in future you take RM85. Dulu pun ambil RM85”, takkan nak over— calculate future profit four percent, nine percent, that kind of ini.

I think do we— have we gone through— jadi, persoalan saya, untuk negotiation dulu pernah masuk UKAS, yang untuk— sudah RM215 ini, ada masuk UKAS sekali lagi kah tak?

Tan Sri Shamsul Azri bin Abu Bakar [KSN]: Tak, tak, because ia bukan projek privatisation. That’s why kita tak rujuk ke Jawatankuasa Awam Swasta (JKAS).

Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: Sorry Tan Sri, kalau if this not privatisation, what do we call itu? What do you call this?

Tan Sri Shamsul Azri bin Abu Bakar [KSN]: Because privatisation punya syarat, seven years. Masa surat LOA ini keluar only six years. Only six years. Then, they never consider done— pada ketika Jawatankuasa Kabinet Mengenai Pekerja Asing dan Pendetang Asing Tanpa Izin (JKKPA-PATI), yang bersidang pada 20 Mei 2018 yang meluluskan projek ini dia dikira sebagai bukan projek penswastaan, way back in 2015.

Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: So, maknanya apa?

Tan Sri Shamsul Azri bin Abu Bakar [KSN]: Dia projek perolehan biasa.

Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: Perolehan biasa.

Tan Sri Shamsul Azri bin Abu Bakar [KSN]: Yes.

Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: Because of the duration less than seven years.

Tan Sri Shamsul Azri bin Abu Bakar [KSN]: It is not privatisation. That’s why kita tak boleh apply calculation kita menggunakan formula privatisation.”

[Muka surat 12 - 13 Laporan Prosiding Bil 15(a)/2024 bertarikh 10 Disember 2024]

ii. **Penjelasan Ketua Peguam Negara / Ahli Jawatankuasa Induk FWCMS**

Dato' Mohd Dusuki bin Mokhtar [Peguam Negara (AGC) merangkap Ahli Jawatankuasa Induk FWCMS] dalam prosiding bil. 15(a)/2024 bertarikh 10 Disember 2024 menjelaskan bahawa pada awalnya kadar RM215 telah dibincangkan dalam Mesyuarat Rundingan Jawatankuasa Rundingan Harga Pelaksanaan FWCMS bertarikh 26 Julai 2024. Semasa rundingan tersebut berjalan, Bestinet telah menawarkan caj sebanyak RM230 sebagai penyelesaian kepada tuntutan tersebut. Manakala UKAS ada pada ketika itu, telah membuat tawaran sebanyak RM200. Mesyuarat kemudiannya bersetuju dengan kadar sebanyak RM215 tertakluk kepada keputusan Jawatankuasa Induk FWCMS.

Penglibatan AGC hanya dalam Mesyuarat Jawatankuasa Induk FWCMS pada 6 Ogos 2018. Ketua Pengarah UKAS telah membentangkan hasil mesyuarat rundingan jawatankuasa rundingan harga pelaksanaan FWCMS bertarikh 26 Julai 2024 kepada mesyuarat jawatankuasa induk dan mesyuarat bersetuju antaranya ialah kadar caj sebanyak RM215 bagi setiap pekerja asing.

***“Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** Ya, mungkin AG pada ketika itu belum ada lagi kan sewaktu ini. Jadi, mungkin boleh dapatkan perspektif daripada pihak AG.*

***Dato' Mohd Dusuki bin Mokhtar [Jabatan Peguam Negara (AGC)]:** Yang Berhormat Datuk Wira, Tan Sri, Datuk-Datuk, tuan-tuan dan puan-puan, dalam konteks ini kita ada dua jawatankuasa Yang Berhormat Datuk Wira. Apabila RM215 ini muncul ya, pertama kalinya dalam Mesyuarat Rundingan Jawatankuasa Rundingan Harga Pelaksanaan FWCMS bertarikh 26 Julai 2024. Ini mula-mula timbulnya figure RM215 ini Yang Berhormat Datuk Wira.*

Untuk makluman Yang Berhormat Datuk Wira, Tan Sri, Datuk-Datuk, tuan-tuan dan puan-puan, kami bukanlah ahli dalam mesyuarat rundingan tersebut. Semasa rundingan tersebut berjalan, syarikat menawarkan caj sebanyak RM230 sebagai penyelesaian kepada tuntutan tersebutlah. Manakala UKAS ada pada masa itulah, telah membuat tawaran sebanyak RM200. Ada counter proposal di situ Datuk Wira. Mesyuarat kemudiannya bersetuju dengan kadar sebanyak RM215 tertakluk kepada keputusan Jawatankuasa Induk FWCMS.

Jadi, Jabatan Peguam Negara hanya turut serta dalam Mesyuarat Jawatankuasa Induk FWCMS lah yang bertarikh 6 Ogos 2018. Jadi, masa mesyuarat induk itu figure RM215 itu telah di-endorsed dalam mesyuarat tersebut. Jadi, dalam hal ini Ketua Pengarah UKAS telah

membentangkan hasil mesyuarat rundingan jawatankuasa rundingan tadilah harga pelaksanaan FWCMS bertarikh 26 Julai tadi kepada mesyuarat jawatankuasa induk dan mesyuarat bersetuju seperti berikut. Antaranya adalah kadar caj sebanyak RM215 bagi setiap pekerja asing. Jadi, itu sahaja penglibatan Jabatan Peguam Negara Datuk Wira dalam konteks inilah...

...

Dato' Mohd Dusuki bin Mokhtar [AGC]: ... So, apabila RM215 ini muncul dan dipersetujui, jadi kita sebagai lawyer ini pada hemat sayalah, setuju sajalah RM215 itu kan. Itu sahaja Datuk Wira. Terima kasih."

[Muka surat 9 - 10 Laporan Prosiding Bil 15(a)/2024 bertarikh 10 Disember 2024]

6.4 Pembayaran Caj Kutipan RM215

Caj kutipan RM215 akan dikenakan kepada majikan terhadap setiap pekerja asing yang diambil. Kutipan caj ini akan dibuat oleh pihak kerajaan melalui JIM dan di akaun ke dalam Akaun Hasil Disatukan sebagai liabiliti serta bayaran balik akan dibuat kepada Bestinet.

i. Penjelasan Ketua Setiausaha Negara (KSN) Pengerusi Jawatankuasa Induk FWCMS

Tan Sri Shamsul Azri bin Abu Bakar (KSN merangkap Pengerusi Jawatankuasa Induk FWCMS) dalam prosiding bil. 15(a)/2024 bertarikh 10 Disember 2024 menjelaskan bahawa caj kutipan RM215 bukanlah caj yang dikenakan kepada kerajaan oleh syarikat. Sebaliknya caj tersebut dibayar oleh majikan terhadap setiap pekerja asing yang diambil. Kutipan akan dibuat oleh pihak kerajaan melalui JIM dan dimasukkan atau di akaun ke dalam Akaun Hasil Disatukan sebagai liabiliti dan bayaran balik akan dibuat kepada Bestinet.

"Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Tan Sri, soalan saya Tan Sri tak jawab lagi. Siapa yang perlu bayar? Adakah kerajaan ataupun...

Tan Sri Shamsul Azri bin Abu Bakar [KSN]: Kerajaan tak perlu bayar.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Kerajaan tak perlu bayar.

Tan Sri Shamsul Azri bin Abu Bakar [KSN]: Tak perlu bayar because...

...

Tan Sri Shamsul Azri bin Abu Bakar [KSN]: Dia ada misunderstanding sikit, YB. Dia macam ini, asal nya syarikat minta dia sendiri collect. Dia sendiri collect masuk kat dia, then baru pulang dekat kerajaan. Kita kata, "No, tak boleh". Kita kata, "Kerajaan collect, bayar kat kerajaan, reimburse balik dekat you,". Dia bukan hasil. Benda ini bukan treatment dia revenue. It is a liability because dia bukan hak kerajaan. That's why kerajaan kena pulangkan balik.

Dari segi accounting-nya, it is not a revenue. It is a liability. Kerajaan kena pulang balik. Dia masuk saja dekat kerajaan, kerajaan tolak balik, then masukkan balik kepada syarikat whatever yang due to the company."

[Muka surat 14 Laporan Prosiding Bil 15(a)/2024 bertarikh 10 Disember 2024]

ii. **Penjelasan UKAS**

Encik Roslie bin Rustam [Unit Kerjasama Awam Swasta(UKAS)] dalam prosiding bil. 15(a)/2024 bertarikh 10 Disember 2024 menjelaskan bahawa hasil kutipan caj akan dimasukkan Akaun Hasil Disatukan sebagai liabiliti.

"Encik Roslie bin Rustam [UKAS]: Yang Berhormat, saya Roslie bin Rustam daripada UKAS. Hasil ini akan dimasukkan di dalam Akaun Hasil Disatukan tetapi dia bukan merupakan aset. Dia adalah liabiliti kepada kerajaan kerana duit itu bukan hak milik kerajaan. Dia adalah milik pihak Bestinet..."

[Muka surat 15 Laporan Prosiding Bil 15(a)/2024 bertarikh 10 Disember 2024]

iii. **Penjelasan Timbalan Setiausaha Bahagian (TSUB) Bahagian Hal Ehwal Imigresen, KDN**

Dr. Hebat Hisham bin Mohd Yusoff [Timbalan Setiausaha Bahagian (TSUB) Bahagian Hal Ehwal Imigresen, KDN] dalam prosiding bil. 15(a)/2024 bertarikh **10 Disember 2024** menjelaskan bahawa kutipan caj RM215 akan dibuat melalui sistem MyIMMs. Pembayaran balik kepada Bestinet akan dibuat berdasarkan kepada jumlah PLKS atau ePass yang telah dikeluarkan oleh sistem MyIMMs.

“Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]: ... Okey jadi soalan saya kepada Tan Sri adalah sekarang RM215 itu dia caj ada kategori apa, sekarang? ePass kah, caj kah tentang apa kepada majikan akan datang.

...

Dr. Hebat Hisham bin Mohd Yusoff [KDN]: Terima kasih Tan Sri. Apa yang kita bayar seperti mana yang telah dijelaskan oleh Tan Sri KSN tadi syarikat tidak mengutip apa-apa kutipan. Cuma dia masuk dalam sistem dan akan yang collect-nya adalah MyIMMs. Apa yang kita kembalikan kepada syarikat adalah melalui pembayaran caj perkhidmatan berdasarkan bilangan PLKS. Sebab PLKS merupakan instrumen yang paling tepat untuk kita buat bayaran adalah kerana ia adalah berdasarkan daripada report yang kita terima daripada MyIMMs, daripada JIM itu sendiri.”

[Muka surat 24 Laporan Prosiding Bil 15(a)/2024 bertarikh 10 Disember 2024]

Selain itu, **Dr. Hebat Hisham bin Mohd Yusoff dalam prosiding bil. 15(b)/2024 bertarikh 21 Januari 2025** menjelaskan bahawa untuk tidak membebankan majikan, pada ketika ini kerajaan menanggung kos bagi caj RM215. Bagi membolehkan Kerajaan memperoleh semula caj yang ditanggung itu maka terdapat beberapa faktor yang boleh dipertimbangkan oleh Kerajaan, antaranya adalah seperti berikut:

- a) melalui kenaikan levi di bawah *multi-tier levy* yang mana peningkatan minimum adalah RM300; atau

- b) menilai semula kadar visa yang dikenakan kepada negara sumber; atau
- c) kenaikan yuran pemprosesan.

“Dr. Hebat Hisam bin Mohd Yusoff [KDN]: YB, untuk kita cover RM215 itu, seperti mana yang dijelaskan tadi, YB, kita ada beberapa faktor, variable. Satunya adalah dengan kenaikan levi di bawah multi-tier levy yang mana peningkatan minimum adalah RM300.

Begitu juga kerajaan juga boleh revisit nilai visa yang kita kenakan kepada negara sumber kerana paling tinggi buat masa sekarang, YB, adalah India dengan kenaikan visa RM50 sahaja. Ada negara yang bayar RM20, ada negara yang bayar RM18. So, high time untuk KDN untuk tengok dan naikkan nilai tersebut setara dengan keadaan semasa.

Begitu juga dengan processing fee. Di situ pun kita boleh naik. Begitu juga dengan caj yang kita kenakan untuk pas. Itu adalah mekanisme-mekanisme yang already in place untuk kita counter RM215 tadi, YB.

[Muka surat 15 Laporan Prosiding Bil 15(b)/2024 bertarikh 21 Januari 2025]

“Dr. Hebat Hisam bin Mohd Yusoff [KDN]: Sebab YB, kalau kita buat kenaikan itu kepada majikan iaitu RM215 itu, itu membebankan para majikan, YB. Tidak reflect konsep MADANI yang cuba diterapkan oleh kerajaan. Sebab itulah instead of majikan bayar tambahan RM215 tersebut, kerajaan shoulder the cost dan kita gunakan punca mana YB untuk kita shoulder the cost? Yang tadi itulah. Kenaikan multitier levy, kita akan revisit balik nilai visa, processing fee. So, rakyat di bawah majikan tidak merasa apa-apa kenaikan berkenaan dengan RM215 tersebut.

Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]: *It is almost the same-lah.*

Dr. Hebat Hisam bin Mohd Yusoff [KDN]: Ya.

Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]: *Sebab majikan pun kena bayar the extra multitier itu. Okey.*

Dr. Hebat Hisam bin Mohd Yusoff [KDN]: Tapi tidaklah dengan nilai— ya?

Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]: Maksud saya, kalau katakan kita tutup buku yang enam tahun yang lepas itu. Okey, dia nak RM1.6 bilion, kita bagi, bayarlah. But, on the moving forward itu, kenapa— kita boleh minta dia masuk. Kalau dia PFI itu, kita— you know, dia masuk then go through UKAS punya lab dan sebagainya dan kita tetapkan harga yang munasabah untuk masa depan. Why not we do that?

Dr. Hebat Hisam bin Mohd Yusoff [KDN]: RM215 tersebut kalau kita biarkan melalui UKAS, kita cas kepada majikan, dia akan terbeban kerana apa YB? Sebab tiba-tiba RM215. Sedangkan kalau kerajaan, kita boleh kenaikan secara berdikit, step by step, bukannya total RM215 terus. Di situ kebijaksanaan KDN-lah YB. Kalau betul macam itu. [Ketawa]”

[Muka surat 20 - 21 Laporan Prosiding Bil 15(b)/2024 bertarikh 21 Januari 2025]

6.5 Penetapan Kadar RM86 Oleh UKAS

Kadar caj kutipan yang telah dinyatakan dalam SST pada 12 Januari 2018 ialah RM100. Bagaimanapun UKAS telah diminta untuk memberikan pandangan dan telah mengesyorkan kadar caj kutipan RM86 kepada KDN.

i. Penjelasan Ketua Setiausaha Negara (KSN) Pengerusi Jawatankuasa Induk FWCMS

Tan Sri Shamsul Azri bin Abu Bakar (KSN merangkap Pengerusi Jawatankuasa Induk FWCMS) dalam prosiding bil. 15(a)/2024 bertarikh 10 Disember 2024 menjelaskan bahawa kadar RM86 yang dicadangkan oleh UKAS ialah sekiranya sistem FWCMS dilaksanakan secara penswastan dan berdasarkan maklumat yang telah diberi pada ketika itu. Bagaimanapun FWCMS bukanlah satu projek penswastan kerana tempoh kontrak adalah kurang daripada tujuh (7) tahun.

“Tuan Haji Azli bin Yusof [Ahli PAC]: ...Berkenaan dengan rundingan awal rasanya daripada prosiding yang sebelum ini, saya mengandaikan bahawa memang di pihak KDN ingin nak memuktamadkan terma perjanjian itu berdasarkan kepada RM100. Tetapi

apabila dirujuk kepada UKAS pada masa itu, UKAS berpandangan RM85, RM86. Harga yang ditawarkan dalam SST ialah RM100.

Tapi hari ini Tan Sri menyebutkan bahawa bukanlah pandangan UKAS itu tidak terpakai tetapi maksudnya cara rundingan itu tidak boleh mengambil kaedah UKAS kerana ia hanya enam tahun bukan tujuh tahun. So, in the first place, why pihak KDN nak terikat dengan pandangan UKAS itu kerana memang daripada awal pun bukan kontrak yang dikira sebagai penswastaan kan...

Tan Sri Shamsul Azri bin Abu Bakar [KSN]: Terima kasih Yang Berhormat Shah Alam. Pertama ini tentang— soalan yang pertama ini very subjective. Pada ketika UKAS diminta memberi ulasan, kita memberi ulasan berdasarkan maklumat yang ada pada kita dan berdasarkan jika projek ini dibuat secara privatisation. So, pada pandangan kita kadarnya sepatut RM85. Sorry, RM86. Akan tetapi sebenarnya ia bukan privatisation because tempohnya kurang daripada tujuh tahun.

Maka, terpulanglah pada agensi sama ada you nak honour, tak honour tapi the most important thing bila dalam SST ini dah sebut RM100, takkan ada company akan turunkan, dia akan stick to RM100 juga because kerajaan dah tulis RM100 ya. That is why company kata no. That is my opinion-lah, because takkan syarikat itu kata kerajaan dah setuju bagi RM100, tak apalah I pergi RM85 lah kan, I don't think so. Realiti... “

[Muka surat 28 - 29 Laporan Prosiding Bil 15(a)/2024 bertarikh 10 Disember 2024]

ii. **Penjelasan UKAS, JPM**

Encik Roslie bin Rustam (UKAS, JPM) dalam prosiding bil. 15(b)/2024 bertarikh 21 Januari 2025 menjelaskan bahawa salah satu fungsi UKAS adalah menilai daya maju dan kebolehlaksanaan projek *Public-Private Partnership* (PPP) berdasarkan kepada beberapa parameter kewangan antaranya adalah kadar pulangan dalaman ekuiti *atau equity internal rate of return* (EIRR). Bagi memastikan kadar pulangan kepada pelabur ekuiti munasabah dan wajar, MOF telah menerapkan supaya kadar EIRR ini tidak boleh melebihi kadar 10 peratus bagi sesuatu projek PPP.

Apabila UKAS diminta untuk mencadangkan kadar yang munasabah bagi projek FWCMS, maka kaedah yang sama telah digunakan. Simulasi ke atas unjuran aliran tunai syarikat telah dibuat melalui beberapa opsiyen kadar fi dengan memastikan kadar fi tersebut tidak menghasilkan EIRR yang melebihi 10 peratus. Hasil daripada simulasi yang dilakukan, didapati kadar fi RM86 merupakan kadar yang terhampir dengan EIRR 10 peratus.

Dengan merujuk kepada parameter tersebut, maka UKAS telah mencadangkan supaya kadar RM86 berdasarkan kepada dua justifikasi berikut:

- (i) projek ini berdaya maju menggunakan kadar RM86; dan
- (ii) kadar EIRR yang dihasilkan tidak melebihi 10 peratus.

“Encik Roslie bin Rustam [Jabatan Perdana Menteri (JPM)]: Terima kasih Yang Berbahagia Datuk KSU. Assalamualaikum dan selamat petang Yang Berhormat Puan Pengerusi dan juga Yang Berhormat Ahli-ahli PAC. Saya Roslie bin Rustam dari Unit Kerjasama Awam Swasta, Jabatan Perdana Menteri. Izinkan saya meneruskan penerangan berkenaan cadangan penetapan kadar fi.

Ahli-ahli Yang Berhormat, salah satu fungsi UKAS adalah menilai daya maju dan kebolehlaksanaan projek PPP atau dipanggil public-private partnership. Daya maju projek ditentukan berdasarkan kepada beberapa parameter kewangan. Antaranya ialah kadar pulangan dalaman ekuiti atau kita panggil equity internal rate of return. Kependekannya adalah EIRR.

EIRR ini dikira dan ditunjukkan dalam unjuran aliran tunai projek. Bagi memastikan kadar pulangan kepada pelabur ekuiti munasabah dan wajar, Kementerian Kewangan telah menerapkan supaya kadar EIRR ini tidak boleh melebihi kadar 10 peratus bagi sesuatu projek PPP. Apabila UKAS diminta untuk mencadangkan kadar yang munasabah bagi projek ini, maka kaedah yang sama telah kami gunakan.

Baik. Simulasi ke atas unjuran aliran tunai syarikat telah dibuat melalui beberapa opsiyen kadar fi dengan memastikan kadar fi tersebut tidak menghasilkan EIRR yang melebihi 10 peratus. Hasil daripada simulasi yang kami lakukan, didapati kadar fi RM86 ini merupakan kadar yang terhampir dengan EIRR 10 peratus. Kadar caj ini menghasilkan

lebih tunai ataupun dipanggil free cash flow to equity dalam unjuran aliran tunai sebagaimana berikut iaitu pada tahun 2022, sebanyak 9.86 juta. Pada tahun 2023, RM77.82 juta dan pada tahun 2024 adalah pada nilai RM54.48 juta.

Berdasarkan kepada nilai pelaburan awal berjumlah RM114 juta yang dimasukkan dalam unjuran aliran tunai projek dan juga jumlah FCFE di atas yang saya sebutkan tadi, EIRR telah dikira menggunakan Excel formula financial function dan menghasilkan kadar EIRR 9.9 peratus. Dengan merujuk kepada parameter ini YB, maka UKAS melalui surat nombor rujukan UKAS(S).700-1/1/3 Jld. 51(25) bertarikh 29 Disember telah ditujukan kepada KDN dan mencadangkan supaya kadar RM86 berdasarkan kepada dua justifikasi berikut:

- (i) projek ini berdaya maju menggunakan kadar RM86; dan*
- (ii) kadar EIRR yang dihasilkan tidak melebihi 10 peratus.*

So, sekiranya kadar caj yang ditetapkan lebih tinggi daripada RM86 ini, maka EIRR yang dihasilkan adalah melebihi 10 peratus. Jadi, RM85 ini YB adalah saya percaya merupakan rundingan lanjut di antara pihak KDN dan juga pihak syarikat. So, apa yang dicadangkan oleh UKAS adalah RM86. Sekian, terima kasih."

[Muka surat 4 -5 Laporan Prosiding Bil 15(b)/2024 bertarikh 21 Januari 2025]

6.6 Tempoh Kontrak Dan Pemilikan Sistem FWCMS

Tempoh kontrak baharu FWCMS adalah selama enam (6) tahun iaitu 1 Jun 2024 hingga 31 Januari 2031. Tiada lagi penyambungan kontrak setelah kontrak ini tamat pada 31 Januari 2031. Selepas tamat tempoh kontrak sistem FWCMS akan menjadi hak milik Kerajaan.

i. Penjelasan Ketua Setiausaha Negara (KSN) Pengerusi Jawatankuasa Induk FWCMS

Tan Sri Shamsul Azri bin Abu Bakar (KSN merangkap Pengerusi Jawatankuasa Induk FWCMS) dalam prosiding bil. 15(a)/2024 bertarikh 10 Disember 2024 menjelaskan bahawa tiada lagi penyambungan kontrak setelah

kontrak ini tamat pada 31 Januari 2031. Bestinet perlu menyerahkan sistem FWCMS kepada Kerajaan sepenuhnya.

“Tuan Haji Azli bin Yusof [Ahli PAC]: ...Keduanya, sekarang ini kerajaan telah mengambil pendirian bahawa fi yang dikenakan ialah RM215 untuk tempoh enam tahun yang akan datang untuk menyelesaikan urusan dengan Bestinet. Selepas tempoh enam tahun nanti, adakah RM215 ini akan terus digunakan untuk pembayaran fi kepada setiap pekerja yang akan dibawa masuk. Maknanya ada dua kadar kemungkinan lah.

Maknanya kemungkinan yang pertama kita hanya dikenakan RM215 ini sebab nak selesaikan Bestinet. Keduanya habis, habis tak ada lagi. Keduanya kalau kita teruskan maknanya ada keuntungan untuk kerajaanlah selepas daripada itu sebab kerajaan yang akan collect the fee. Terima kasih, Tan Sri.

Tan Sri Shamsul Azri bin Abu Bakar [KSN]: ...Okey, yang kedua. Kerajaan kata extension ini sampai 2030 and that's it, no more. And then upon— ketika menghampiri tamatnya tempoh, Bestinet kena serahkan the whole system pada kerajaan. So no more— tapi lagi enam tahun ini kita tak tahulah berapa kadar diakan. That one saya tak boleh jawablah RM215 or not. Terima kasih, Yang Berhormat.”

[Muka surat 28 - 29 Laporan Prosiding Bil 15(a)/2024 bertarikh 10 Disember 2024]

ii. **Penjelasan KP JDN**

Ts. Dr. Fazidah binti Abdul Bakar (KP JDN) dalam prosiding bil. 15(a)/2024 bertarikh 10 Disember 2024 memaklumkan bahawa berdasarkan makluman dan perancangan daripada KDN, selepas tamat tempoh kontrak sistem FWCMS akan menjadi hak milik kerajaan.

“Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: ...KP JDN, boleh beritahu, selepas enam tahun FWCMS ini, sistem itu akan menjadi milik kerajaan, betul ataupun tidak? Boleh buat pengesahan. Milik...

Ts. Dr. Fazidah binti Abdul Bakar [JDN]: *Ini, untuk ini, betul. Berdasarkan daripada makluman ya, perancangan daripada KDN sendiri, akan menjadi milik kerajaan lah melalui kementerian dan juga jabatan pelaksana lah. ya.”*

[Muka surat 37 Laporan Prosiding Bil 15(a)/2024 bertarikh 10 Disember 2024]

ii. **Penjelasan Timbalan Setiausaha Bahagian (TSUB) Bahagian Hal Ehwal Imigresen, KDN**

Dr. Hebat Hisham bin Mohd Yusoff [Timbalan Setiausaha Bahagian (TSUB) Bahagian Hal Ehwal Imigresen, KDN] dalam prosiding bil. 15(a)/2024 bertarikh 10 Disember 2024 menjelaskan bahawa terdapat klausa dalam kontrak yang menyatakan bahawa apabila tamatnya kontrak, segala source code dan hak milik diberikan kepada Kerajaan,

“Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: *Saya nak merujuk pada Dr. Hebat punya kenyataan tadi. Bila saya tanya kepada KP JDN berkenaan dengan siapa yang akan own sistem tersebut dan apabila ada kenyataan daripada Dr. Hebat memaklumkan bahawa kontrak pembayaran— kontrak ini adalah kontrak pembayaran perkhidmatan.*

Jadi, macam mana pula KP JDN boleh beritahu bahawa sistem ini akhirnya nanti akan jadi milik kerajaan? Jadi, jawatankuasa induk sedar ataupun tidak perkara ini? Maksudnya, perkhidmatan versus dengan pembangunan sistem. Boleh bagi pencerahan tak tentang perkara tersebut? Boleh bagi pencerahan untuk perkara itu. Mungkin Dr. Hebat dulu kut.

Dr. Hebat Hisham bin Mohd Yusoff [KDN]: *Okey. Terima kasih, YB. Berkenaan dengan pemilikan sistem tersebut adalah quite common YB untuk kita masukkan elemen pemilikan sistem yang telah kita sewa ataupun yang telah dibangunkan secara bersama. Yang itu, memang dah ada dalam klausa kontrak tentang pemilikan.*

Takkanlah kita bayar every year RM215, kemudian kita bayar for nothing sekiranya kontrak itu tamat. So, memang terdapat klausa yang menyatakan apabila tamatnya

kontrak, segala source code dan kemilikipunyaan diberikan kepada KDN ataupun kerajaan, YB.

[Muka surat 42 - 44 Laporan Prosiding Bil 15(a)/2024 bertarikh 10 Disember 2024]

6.7 Ketetapan Jumlah Pekerja Asing

Kerajaan telah menetapkan jumlah pekerja asing ialah 2 juta orang iaitu tidak melebihi 15 peratus daripada keperluan tenaga kerja dalam negara.

Penjelasan Timbalan Setiausaha Bahagian (TSUB) Bahagian Hal Ehwal Imigresen, KDN

Dr. Hebat Hisham bin Mohd Yusoff [Timbalan Setiausaha Bahagian (TSUB) Bahagian Hal Ehwal Imigresen, KDN] dalam prosiding bil. 15(a)/2024 bertarikh 10 Disember 2024 menjelaskan bahawa bilangan ataupun keberadaan pekerja asing dalam negara adalah mengikut dasar yang telah ditetapkan oleh KE iaitu tidak boleh melebihi 15% daripada jumlah keperluan tenaga kerja dalam Malaysia.

*“**Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]:** Saya nak tanya kita hadkan kepada dua juta sahaja kah atau lebih daripada— sebab sini saya tengok bahawa dia berdasarkan kepada dua juta pekerja. Jadi kalau katakan tahun depan kita— dan akan-akan datang. Katakan tahun depan kita tiba-tiba tambah tiga juta pekerja. Adalah tiga juta pekerja itu di caj juga RM215 dan kita hanya bayar kepada Bestinet dua juta pekerja sahaja.*

***Dr. Hebat Hisham bin Mohd Yusoff [KDN]:** YB seperti mana yang telah dijelaskan sebelum ini, bilangan ataupun keberadaan pekerja asing dalam negara dia adalah mengikut dasar yang telah dibuat oleh KE iaitu tidak boleh lebih daripada 15 persen daripada total workforce of Malaysia. Sekarang ini kita dapat dalam 2.4 juta. Untuk yang akan datang YB, kita ada satu polisi berkenaan dengan multitier levy yang membawa maksud sekiranya majikan nak mengambil pekerja asing ramai, dia kena bayar lagi mahal, di mana kenaikan dalam MTL tersebut yang paling minimum adalah RM300, YB.”*

[Muka surat 24 - 25 Laporan Prosiding Bil 15(a)/2024 bertarikh 10 Disember 2024]

6.8 Kutipan Levi Pekerja Asing Bagi Tempoh 2018 Hingga 2024

Jumlah keseluruhan kutipan levi pekerja asing bagi tempoh 2018 sehingga 2024 adalah RM23.35 bilion.

Penjelasan KP JIM

Datuk Zakaria bin Shaaban (KP, JIM) dalam prosiding bil. 15(a)/2024 bertarikh 10 Disember 2024 memaklumkan bahawa bayaran levi bagi pekerja asing dibuat secara tahunan iaitu ketika majikan membawa masuk pekerja asing baharu dan memperbaharui permit pekerja asing pada setiap tahun.

Statistik jumlah kutipan hasil bagi PLKS bagi tempoh 2018 sehingga 2024 adalah seperti berikut:

STATISTIK JUMLAH KESELURUHAN KUTIPAN HASIL PAS LAWATAN KERJA SEMENTARA (PLKS) BAGI TAHUN 2018 SEHINGGA 2024

TAHUN	HASIL PLKS MENGIKUT JENIS BAYARAN				
	LEVI (RM) (Kadar mengikut sektor)	VISA (RM) (Kadar mengikut negara)	PAS (RM) (RM60)	PROSES (RM) (RM125)	JUMLAH (RM)
2018	3,148,309,456.03	43,012,730.30	130,427,460.00	282,971,650.93	3,604,721,297.26
2019	2,993,833,391.94	43,126,564.10	130,581,150.00	279,994,799.50	3,447,535,905.54
2020	1,798,096,732.57	30,333,924.30	90,893,100.00	193,670,701.69	2,112,994,458.56
2021	1,945,033,689.08	27,475,756.70	82,527,960.00	174,501,512.55	2,229,538,918.33
2022	3,439,617,521.45	34,033,300.30	101,592,120.00	240,009,478.70	3,815,252,420.45
2023	3,309,255,813.25	45,830,673.30	134,061,500.00	292,727,677.31	3,781,875,663.86
2024	3,807,404,199.19	56,338,737.90	166,704,300.00	328,934,708.45	4,359,381,945.54
JUMLAH	20,441,550,803.51	280,151,686.90	836,787,590.00	1,792,810,529.13	23,351,300,609.54

Sumber: Maklumat tambahan KDN pada 21 Januari 2025

“Datuk Zakaria bin Shaaban [KDN]: Figures secara verbal sahaja, YB. Ini kita akan bagi secara bertulis. Untuk 2018, collection untuk levi kita RM3,148,309,456.03.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: RM3.1 bilion. 2018.

Datuk Zakaria bin Shaaban [KDN]: Okey atau saya sebut ini sahajalah YB ya.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Boleh. Round figure.

PENYATA JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC) PARLIMEN BERHUBUNG
PEROLEHAN FOREIGN WORKERS CENTRALIZED MANAGEMENT SYSTEM (FWCMS)
DI BAWAH KEMENTERIAN DALAM NEGERI

Datuk Zakaria bin Shaaban [KDN]: Untuk 2019, RM2.993 bilion; 2020, RM1.798 bilion; 2021, RM1.945 bilion; 2022, RM3.439 bilion; 2023, RM3.309 bilion. Untuk tahun ini sehingga kini 2024 ini RM3.538 bilion.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Ini adalah jumlah yang kutipan ya?

Datuk Zakaria bin Shaaban [KDN]: Kutipan levi ya. Levi untuk pekerja asing.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Daripada pelbagai negara ataupun hanya yang...

Datuk Zakaria bin Shaaban [KDN]: Semua. Ini total.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Total. Tapi kalau daripada yang menggunakan ini— yang daripada negara...

Datuk Zakaria bin Shaaban [KDN]: Dia semua negara. Kalau kata bilangan— itu yang saya kata kalau kata YB nak secara detail berapa pekerja dan sebagainya kita boleh bagi pada PAC. Kita akan bagi kemudian. Ini untuk semua negara sumber.

...

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: ... Cuma persoalan saya kalau ada kutipan daripada sebagaimana yang KP Imigresen beritahu tadi, ada kutipan daripada semua negara termasuk PLKS ini termasuk Bangladesh. Maksudnya memang dah dibuat bayaran untuk enam tahun dulu. Betul?

Datuk Zakaria bin Shaaban [KDN]: Kutipan levi ini dia setiap kali kita keluarkan PLKS itu memang majikan kena bayar.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Okey. Soalan saya, kenapa kita perlu bayar lagi untuk— maksudnya kenapa majikan kena bayar lagi. Maksudnya majikan akan datang ini kena bayar sedangkan mereka dah pernah bayar dah? Maksudnya duit yang dah ada ini...

Datuk Zakaria bin Shaaban [KDN]: Tak. Dia secara tahunan.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Boleh jelaskan kepada kita?

Datuk Zakaria bin Shaaban [KDN]: Bayaran levi ini secara tahunan, Yang Berhormat. Memang setiap kali kalau kata dia nak membaharui permit kerja pekerja mereka that means dia kena bayar balik levi itu. Kalau dia nak bawa masuk yang baharu juga dia kena bayar levi secara tahunan.”

[Muka surat 44 - 46 Laporan Prosiding Bil 15(a)/2024 bertarikh 10 Disember 2024]

6.9 Integrasi Sistem FWCMS Dengan Sistem NISe

Sistem FWCMS akan diintegrasikan dengan sistem NISe selepas tamat tempoh kontrak.

Penjelasan KP JDN

Ts. Dr. Fazidah binti Abdul Bakar (KP JDN) dalam prosiding bil. 15(a)/2024 bertarikh **10 Disember 2024** memaklumkan bahawa JDN telah pun memberikan ulasan dan pandangan teknikal bahawa bagi memastikan aspek-aspek penggunaan sistem secara menyeluruh mana-mana perkhidmatan atau projek perlu diintegrasikan. Perkembangan projek akan dipantau oleh JDN dari semasa ke semasa bagi semua kementerian.

“Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Saya— bila tengok sebab bila sistem inikan enam tahun, kan? Jadi, bila sistem FWCMS ini tamat, adakah dia akan diintegrasikan dengan sistem NISe dan juga bagaimana kaedah untuk diintegrasikan sistem-sistem tersebut ataupun modul baharu dalam sistem NISe selepas enam tahun diperkenalkan untuk FWCMS? Saya nak tahu daripada perspektif Datuk KP JDN.

Ts. Dr. Fazidah binti Abdul Bakar [JDN]: Okey, untuk makluman ya, dalam berkaitan dengan perolehan ini ya, kita pun ada memberi ulasan dan kita memberi makluman awal yang pada pandangan teknikal kita dalam mana-mana perkhidmatan ataupun dalam mana projek bila modul-modul yang kita perlu diintegrasikan untuk kesesuaian dia supaya dari segi aspek jangka panjang ya, projek ini ada— pendigitalan itu berhubung ya. Ini supaya kita boleh pastikan aspek-aspek penggunaan itu secara menyeluruh.

Ini memang kita dah beri dalam ulasan kita dan kita akan pantau apabila dari masa ke semasa, kita akan minta dia punya perkembangan ya dalam pemantauan projek yang sekarang ini lah yang melibatkan semualah bukan hanya kepada kementerian ini sahaja ya.”

[Muka surat 36 Laporan Prosiding Bil 15(a)/2024 bertarikh 10 Disember 2024]

6.10 Ketersediaan Modul FWCMS

Pada 1 November 2024 kesemua modul FWCMS telah pun digunakan.

Penjelasan Timbalan Setiausaha Bahagian (TSUB) Bahagian Hal Ehwal Imigresen, KDN

Dr. Hebat Hisham bin Mohd Yusoff [Timbalan Setiausaha Bahagian (TSUB) Bahagian Hal Ehwal Imigresen, KDN] dalam prosiding bil. 15(a)/2024 bertarikh 10 Disember 2024 menjelaskan bahawa kontrak FWCMS adalah merupakan Kontrak pembayaran perkhidmatan maka kesemua modul FWCMS telah siap sepenuhnya dan digunakan pada 1 November 2024. Selain itu, terdapat klausa di dalam kontrak yang membolehkan Kerajaan untuk melaksanakan *Change of Request* sekiranya perlu.

“Tuan Ts. Zahir bin Hassan [Ahli PAC]: Fasal skop, fasal skop itu, nak tanyalah sama ada dah siap kah atau tak siap ataupun masih...”

...

Dr. Hebat Hisham bin Mohd Yusoff [KDN]: Terima kasih Tan Sri, YB Pengerusi. Berkenaan dengan ketersediaan modul tersebut, untuk makluman YB, pada 1 November 2024, kita pun dah guna semuanya modul-modul tersebut. Sebab itulah, kontrak kita dengan Bestinet, bukan kontrak pembangunan sistem. Tetapi, kontrak pembayaran perkhidmatan.

Maksudnya, 1 November tersebut kita dah guna dan secara tak langsung menjawab soalan YB ketersediaan modul-modul yang ditawarkan oleh syarikat. Tetapi, kita kerajaan juga ada klausa yang membolehkan kerajaan untuk pinda tweaking here and there just to suit the interest of the government, YB.

PENYATA JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC) PARLIMEN BERHUBUNG
PEROLEHAN FOREIGN WORKERS CENTRALIZED MANAGEMENT SYSTEM (FWCMS)
DI BAWAH KEMENTERIAN DALAM NEGERI

Tuan Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]: Okey.

Dr. Hebat Hisham bin Mohd Yusoff [KDN]: Sebab itu dibenarkan dalam kontrak melalui chain request, semua itulah YB.

Tuan Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]: Adakah kerajaan verify sama ada semua modul ini telah siap bila, lebih awal? Kita bayar the full system implementation kesemua modul itu. Sebab itu, kita bersedia untuk bayar RM130 itu. Okey?

Jadi, persoalan saya, bila semua 15 modul siap untuk digunakan tetapi tak digunakanlah, tetapi bila modul-modul ini siap? Ada verification tahun bila dibuat tak? Sama ada dia baru siap 2018 ataupun 2019 atau 2020 dan sebagainya.

Dr. Hebat Hisham bin Mohd Yusoff [KDN]: Sebagaimana yang saya explained tadi, sebab itulah kita kata kontrak ini adalah kontrak perkhidmatan, bukan kontrak pembangunan sistem. Kalau sistem tak siap, ya, kita suruh syarikat bangunkan. Yang itu adalah kontrak pembangunan sistem.

Tetapi, sekarang ini adalah kontrak pembayaran perkhidmatan. Membawa maksud bahawa modul-modul tersebut telah tersedia digunakan. Berdasarkan kepada tindakan terkini, pada 1 November kita dah guna modul-modul yang ditawarkan oleh...

Tuan Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]: Saya faham. 1 November memang dah siap semualah. Persoalannya, kita bayar RM130 untuk enam tahun yang terdahulu. Jadi, bilakah keseluruhan 16 modul, 15 modul itu telah siap? Kerana, SST yang asal adalah membangun, membekal, menyedia dan menyelenggara.

Jadi, bila modul-modul yang 15, 16 ini siap? Dah buat verifikasi tak? Oleh kerana kita bayar full amount ini. Kita full amount daripada day one of 2018. Itu soalan saya. Maknanya, kita agreed to pay the full amount. Walhal, SST itu adalah kontrak untuk membangun, membekal, menyedia dan menyelenggara. Maknanya, ada element of membangun.

Jadi, why do we pay full? Walhal di antara 2018 hingga 2024 ini, semasa itu bukan untuk guna, untuk membangun lagi. Itu soalan saya. First of November 2024, saya akui memang dah siap tetapi bila kita actually siap? Terima kasih.

Dr. Hebat Hisham bin Mohd Yusoff [KDN]: Berdasarkan kontrak 2018 hingga Mei 2024 YB, memang kita ada membangunkan dan syarikat juga telah menyediakan modul-modul secara keseluruhan.

Dr. Hebat Hisham bin Mohd Yusoff [KDN]: Tetapi, penggunaan modul dalam tempoh tersebut, kita tak guna. Kita hanya guna beberapa modul sahaja. So, disebabkan pada ketika itu, sistem masih lagi awal, sebab itu kita benarkan pembangunan di-integrate-kan di dalam kontrak tersebut supaya apa-apa yang chain request, yang dimohon oleh user, dapat dibuat oleh syarikat.

Itu— sebab untuk safeguard kerajaan. Bila kita ada pembangunan sistem tersebut, elemen tersebut, so, kerajaan boleh minta apa sahaja untuk suit...

Tuan Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]: Okey-okey. Itu sebabnya. So, sekarang ini apa yang Dr. sebut, maknanya kesemua 15 ataupun 16 modul ini telah siap di bangun untuk digunakan pada bulan— 2018 itulah?

...

Tuan Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]: Betul ya?

...

Tuan Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]: It's a full system. Kesemua modul itu memang ada pada 2018?

Dr. Hebat Hisham bin Mohd Yusoff [KDN]: Ya, YB.

Tuan Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]: Okey."

[Muka surat 39 - 41 Laporan Prosiding Bil 15(a)/2024 bertarikh 10 Disember 2024]

6.11 Pengecualian Tatacara Perolehan Bagi Kontrak FWCMS

KDN telah membuat permohonan pengecualian bagi tatacara perolehan kontrak FWCMS kepada MOF.

Penjelasan KSU KDN

Datuk Awang Alik bin Jeman (KSU KDN) dalam prosiding bil. 15(a)/2024 bertarikh 10 Disember 2024 memaklumkan bahawa kelulusan pengecualian tatacara perolehan bagi kontrak FWCMS telah pun diperoleh daripada MOF.

***“Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** Saya hendak merujuk kepada surat bertarikh 26 September 2024 yang telah pun dihantar oleh KSU KDN kepada KSP berkenaan dengan permohonan pengecualian tatacara perolehan bagi kontrak FWCMS dengan Bestinet. Boleh Datuk KSU terangkan dan juga jelaskan pada PAC berkenaan dengan permohonan pengecualian tersebut?*

***Datuk Awang Alik bin Jeman [KDN]:** Yang Berhormat Datuk Pengerusi, yang ini berkaitan dengan perjanjian itu ya. Yang ini disebabkan oleh tandatangan perjanjian yang telah dibuat pada 3 September. Jadi, kelulusan perlu diperoleh daripada MoF untuk perolehan tersebut dibetulkanlah.*

***Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** Adakah pengecualian itu dah diberikan?*

***Datuk Awang Alik bin Jeman [KDN]:** Sudah, sudah.*

***Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** Okey. Maksudnya respons daripada surat yang telah pun Datuk keluar itu pengecualiannya telah pun diberikan.*

***Datuk Awang Alik bin Jeman [KDN]:** Sudah, sudah.”*

[Muka surat 33 - 34 Laporan Prosiding Bil 15(a)/2024 bertarikh 10 Disember 2024]

6.12 Ahli Jawatankuasa Induk FWCMS

Mesyuarat Jawatankuasa Induk FWCMS pada 26 Julai 2024 telah bersetuju kadar caj sebanyak RM215 bagi setiap pekerja asing. Ahli Jawatankuasa Induk FWCMS pada ketika itu adalah mantan KSN; KPPA; mantan KSU KDN; mantan KSU KESUMA; mantan KP UKAS; dan KP Jabatan Digital Negara.

Penjelasan Ketua Setiausaha Negara (KSN) Pengerusi Jawatankuasa Induk FWCMS

Tan Sri Shamsul Azri bin Abu Bakar (KSN merangkap Pengerusi Jawatankuasa Induk FWCMS) dalam prosiding bil. 15(a)/2024 bertarikh 10 Disember 2024 memaklumkan bahawa Jawatankuasa Induk FWCMS pada 24 Julai 2024 dipengerusikan oleh Tan Sri Dato' Sri Mohd Zuki Ali, mantan KSN. Ahli Jawatankuasa Induk FWCMS pada ketika itu adalah seperti berikut:

- i. Tan Sri Wan Ahmad Dahlan Haji Wan Abdul Aziz, KPPA;
- ii. Tan Sri Ahmad Terrirudin bin Mohd Salleh, mantan Peguam Negara;
- iii. Datuk Haji Ruji bin Ubi, mantan KSU KDN;
- iv. Dato' Sri Khairul Dzaimie bin Daud, mantan KSU KESUMA;
- v. Tan Sri Shamsul Azri bin Abu Bakar, mantan Ketua Pengarah UKAS; dan
- vi. Ts. Dr. Fazidah binti Abu Bakar, Ketua Pengarah Jabatan Digital Negara

Kesemua ahli Jawatankuasa tersebut telah menandatangani perjanjian sebelum diangkat ke Kabinet.

***“Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** Okey. Sebelum kita pergi lebih ini, boleh Dato' terangkan kepada PAC, siapakah jawatankuasa induk yang tetap dalam itu ataupun yang sebenarnya ada? Tadi Dato' nyatakan ini.*

***Tan Sri Shamsul Azri bin Abu Bakar [KSN]:** Yang Berhormat Pengerusi, pengerusinya adalah Tan Sri Dato' Sri Mohd Zuki Ali, mantan KSN pada ketika itu; Yang Berbahagia Tan Sri Wan Ahmad Dahlan Haji Wan Abdul Aziz, KPPA. Sekarang pun masih Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam. Tan Sri Ahmad Terrirudin bin Mohd Salleh mantan Peguam Negara;*

PENYATA JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC) PARLIMEN BERHUBUNG
PEROLEHAN FOREIGN WORKERS CENTRALIZED MANAGEMENT SYSTEM (FWCMS)
DI BAWAH KEMENTERIAN DALAM NEGERI

Datuk Haji Ruji bin Ubi, Ketua Setiausaha Kementerian Dalam Negeri, sekarang telah pun digantikan oleh Datuk Awang Alik sebagai Ketua Setiausaha Kementerian Dalam Negeri yang baru; Yang Berbahagia Dato' Sri Khairul Dzaimie bin Daud, Ketua Setiausaha Kementerian Sumber Manusia yang sekarang telah digantikan oleh Datuk Seri Azman; saya pada ketika itu adalah Ketua Pengarah UKAS dan seterusnya Yang Berusaha Ts. Dr. Fazidah binti Abu Bakar, Ketua Pengarah Jabatan Digital Negara sehingga sekarang masih.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Sewaktu tarikh memuktamadkan perjanjian tersebut, kehadiran itu boleh berikan kepada PAC tidak? Siapakah yang ini?

Tan Sri Shamsul Azri bin Abu Bakar [KSN]: Ada minit.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Ataupun boleh baca sekali lalu dan juga boleh bagi pada kita, itu satu. Siapakah yang menandatangani perjanjian tersebut?

Tan Sri Shamsul Azri bin Abu Bakar [KSN]: Kesemua nama yang disebut tadi menandatangani.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Oh, semua pihak itu menandatangani.

Tan Sri Shamsul Azri bin Abu Bakar [KSN]: Yes, sebelum kita angkat ke Kabinet.”

[Muka surat 10 Laporan Prosiding Bil 15(a)/2024 bertarikh 10 Disember 2024]

6.13 Tiada Wakil MOF Semasa Memuktamadkan Perjanjian

Tiada wakil MOF semasa perjanjian FWCMS dimuktamadkan.

i. Penjelasan Ketua Setiausaha Negara (KSN) Pengerusi Jawatankuasa Induk FWCMS

Tan Sri Shamsul Azri bin Abu Bakar (KSN merangkap Pengerusi Jawatankuasa Induk FWCMS) dalam prosiding bil. 15(a)/2024 bertarikh 10 Disember 2024 menjelaskan bahawa sememangnya tiada wakil MOF semasa memuktamadkan perjanjian FWCMS kerana keperluan wakil MOF tidak disebut sebagai syarat bagi memperoleh kelulusan Kabinet.

***“Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** Okey. Saya mendapati bahawa memang tidak ada wakil daripada MoF ya sewaktu memuktamadkan? Memang tidak ada wakil daripada MoF?*

***Tan Sri Shamsul Azri bin Abu Bakar [KSN]:** Sebab kelulusan Kabinet tidak menyebut wakil MoF.*

***Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** So, memang tidak ada lah?*

***Tan Sri Shamsul Azri bin Abu Bakar [KSN]:** Ya.”*

[Muka surat 11 Laporan Prosiding Bil 15(a)/2024 bertarikh 10 Disember 2024]

ii. **Penjelasan Ketua Setiausaha Perbendaharaan**

Datuk Johan Mahmood Merican (KSP) dalam prosiding bil. 15(a)/2024 bertarikh 10 Disember 2024 menjelaskan bahawa kontrak FWCMS pada asalnya adalah melibatkan *user pay arrangement* maka dalam rundingan harga ia melibatkan UKAS berbanding MOF.

***“Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** Sebab bila tidak ada wakil MoF sewaktu memuktamadkan perjanjian itu, boleh saya dapatkan pandangan daripada MoF tidak? KSP, ya. Perjanjian tersebut. Boleh bagi pandangan Datuk KSP?*

***Datuk Johan Mahmood Merican [Kementerian Kewangan (MoF)]:** Yang Berhormat. I think seperti mana yang Tan Sri KSN sebut, pembentukan jawatankuasa tersebut dibuat— yang diputuskan oleh peringkat Jemaah Menteri tetapi mungkin antara pertimbangannya ialah sebab pada asalnya, kontrak asalnya melibat satu user pay*

PENYATA JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC) PARLIMEN BERHUBUNG
PEROLEHANFOREIGN WORKERS CENTRALIZED MANAGEMENT SYSTEM (FWCMS)
DI BAWAH KEMENTERIAN DALAM NEGERI

arrangement. So, mungkin dengan itu ia melibatkan UKAS lah daripada Kementerian Kewangan dari segi rundingannya.”

[Muka surat 11 Laporan Prosiding Bil 15(a)/2024 bertarikh 10 Disember 2024]



RUMUSAN & SYOR JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC) PARLIMEN



7. RUMUSAN PAC PARLIMEN

PAC Parlimen merumuskan perkara-perkara berikut:

- 7.1 Terdapat kejanggalan apabila Kementerian Dalam Negeri (KDN) mengeluarkan Surat Setuju Terima sebelum memuktamadkan terma-terma dan kaedah perolehan dalam proses mengeluarkan Surat Setuju Terima FWCMS.
- 7.2 KDN gagal untuk memuktamadkan perjanjian berikutan pertikaian berhubung kadar caj yang patut dikenakan bermula 1 April 2018 sehingga kontrak tamat pada 31 Mei 2024 seperti yang dinyatakan dalam SST.
- 7.3 Kegagalan Kerajaan menghormati SST yang ditandatangani dan tidak memuktamadkan kontrak sehingga tamat tempoh telah membuka ruang kepada Kerajaan terdedah kepada tindakan undang-undang oleh syarikat Bestinet yang menuntut ganti rugi berjumlah RM1.57 bilion.
- 7.4 Tuntutan daripada Bestinet berjumlah RM1.57 bilion adalah berdasarkan kiraan kerugian pendapatan Bestinet dan faedah dari 1 April 2018 sehingga 31 Mei 2024 iaitu masing-masing bernilai RM1.32 bilion dan RM252 juta yang sepatutnya dikutip oleh Bestinet melalui sistem FWCMS.
- 7.5 Oleh itu, syarikat telah mengemukakan tuntutan baharu sebanyak RM230 dan Kerajaan terpaksa berunding dan bersetuju pada kadar RM215 yang mana lebih tinggi daripada kadar yang dinyatakan dalam SST iaitu RM100 dan lanjutan tempoh kontrak selama enam (6) tahun lagi sehingga 31 Januari 2031.
- 7.6 Merujuk kepada perjanjian yang telah ditandatangani pada 3 September 2024, caj kutipan bernilai RM215 adalah berdasarkan kepada RM130 untuk pemulihan dari tahun 2018 sehingga 2024 dan RM85 untuk kos pengoperasian 2025 hingga 2031 termasuklah kos ekuiti dan kos-kos operasi.

8. SYOR PAC PARLIMEN

Bagi tujuan penambahbaikan PAC Parlimen mengesyorkan kepada Kerajaan perkara-perkara berikut:

- 8.1 KDN hendaklah memaklumkan mengenai mekanisme kutipan caj RM215 dan kaedah pembayaran kepada Bestinet yang telah dimuktamadkan serta diluluskan.
- 8.2 KDN perlu menjelaskan kaedah terbaik dalam mengoptimumkan FWCMS sehingga tahun 2031 memandangkan pembangunan sistem NiiSe dijangka siap pada 2028.
- 8.3 KDN haruslah meningkatkan kawalan keselamatan siber termasuk sistem dan data terhadap FWCMS memandangkan sistem ini diuruskan oleh syarikat Bestinet.
- 8.4 Kerajaan perlu mematuhi sepenuhnya prosedur perolehan dan segala peraturan kerajaan berkaitan yang sedia ada dan sedang berkuat kuasa.

JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC) PARLIMEN



GAMBAR PROSIDING













LAPORAN PROSIDING (HANSARD)





MALAYSIA

LAPORAN PROSIDING (HANSARD)

Selasa, 10 Disember 2024

Bil 15(a) / 2024

MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA

Prosiding:

**Perolehan Sistem Foreign Workers Centralized Management
System (FWCMS) oleh Kementerian Dalam Negeri**

- (i) Pejabat Ketua Setiausaha Negara**
YBhg. Tan Sri Shamsul Azri bin Abu Bakar
Ketua Setiausaha Negara
- (ii) Unit Kerjasama Awam Swasta (UKAS)**
Encik Roslie bin Rustam [Pengarah (UKAS)]
- (iii) Jabatan Peguam Negara [AGC]**
YBhg. Dato' Mohd Dusuki bin Mokhtar [Peguam Negara]
- (iv) Kementerian Dalam Negeri (KDN)**
YBhg. Datuk Awang Alik bin Jeman [Ketua Setiausaha]
- (v) Kementerian Kewangan (MOF)**
YBhg. Datuk Johan Mahmood Merican
[Ketua Setiausaha Perbendaharaan]
- (vi) Kementerian Sumber Manusia (KESUMA)**
YBhg. Datuk Azman bin Mohd Yusof [Ketua Setiausaha]
- (vii) Jabatan Digital Negara (JDN)**
YBhg. Ts. Dr. Fazidah binti Abdul Bakar [Ketua Pengarah]

PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS

MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA

BILIK JAWATANKUASA 1, BLOK UTAMA BANGUNAN PARLIMEN, PARLIMEN MALAYSIA

SELASA, 10 DISEMBER 2024

AHLI-AHLI JAWATANKUASA

Hadir

YB. Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Masjid Tanah] - *Pengerusi*
YB. Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh] - *Naib Pengerusi*
YB. Dr. Richard Rapu @ Aman anak Begri [Betong]
YB. Dato' Mohd Isam bin Mohd Isa [Tampin]
YB. Tuan Syahredzan bin Johan [Bangi]
YB. Puan Vivian Wong Shir Yee [Sandakan]
YB. Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]
YB. Tuan Ts. Zahir bin Hasan [Wangsa Maju]
YB. Tuan Haji Azli bin Yusof [Shah Alam]
YB. Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Kubang Pasu]
YB. Dr. Hajah Halimah Ali [Kapar]
YB. Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik]
YB. Datuk Ali anak Biju [Saratok]
YB. Dato' Adnan bin Abu Hassan [Kuala Pilah]

Tidak Hadir (*Dengan Maaf*)

YB. Puan Vivian Wong Shir Yee [Sandakan]

URUS SETIA

Encik Ahmad Johan bin Mohd Affandi [Ketua Sekretariat (Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara) Parlimen Malaysia]
Puan Aidahanie binti Baharuddin [Penolong Setiausaha Kanan (Pejabat Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara) Parlimen Malaysia]
Puan Siti Noor Akmar binti Zulkafli [Juruaudit (Pejabat Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara) Parlimen Malaysia]
Encik Muhammad Zydil Iman bin Zulkefli [Juruaudit Pejabat Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara) Parlimen Malaysia]
Encik Amirul Ashyraaf bin Zulkifle [Penolong Setiausaha (Pejabat Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara) Parlimen Malaysia]

HADIR BERSAMA

Parlimen Malaysia

Dato' Ahmad Husaini bin Abdul Rahman [Ketua Pentadbir]

Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA)

Puan Rusnida binti Muhammad Radzi [Timbalan Pengarah (Perkhidmatan)]
Puan Ilyani binti Md Razak [Ketua Penolong Pengarah (Perkhidmatan)]

Kementerian Kewangan Malaysia (MOF)

Encik Azize bin Taib [Ketua Seksyen (Bahagian Kawalan Kewangan Strategik dan Korporat)]

Puan Nadeema binti Kamaruddin [Ketua Penolong Setiausaha (Bahagian Kawalan Kewangan Strategik dan Korporat)]

Encik Nurul Allbiir bin Nordin [Penolong Setiausaha Kanan (Bahagian Kawalan Kewangan Strategik dan Korporat)]

Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)

KPKPj Khairul Nurrahim Ashadi bin Abdullah [Timbalan Pengarah Sektor Penyelidikan dan Keurusetiaan (Siasatan)]

Puan Nik Nor Azleen binti Mohammed [Pegawai Siasatan (Bahagian Penyiasatan Tatakelola)]

Puan Rugayah binti Abdul Rahman [Penguasa (Bahagian Penyiasatan Tatakelola)]

TPj Mohd Anuar bin Ismail [Pengarah Dasar dan Pentadbiran Siasatan (Siasatan)]

Jabatan Audit Negara Malaysia (JAN)

Puan Noraziah binti Morad [Timbalan Pengarah Audit (Bahagian Audit ICT)]

Puan Nurul Huda binti Ismail [Ketua Penolong Pengarah (Bahagian Audit ICT)]

Puan Yuhanis binti Mohamed Zaki [Penolong Pengarah Audit (Bahagian Audit ICT)]

Puan Noraty Fatimah binti Ahmad [Penolong Pengarah Audit (Bahagian Audit ICT)]

Kementerian Ekonomi (KE)

Puan Nurul Aainaa binti Mohamed Nasir [Ketua Penolong Pengarah (Bahagian Pembangunan Modal Insan)]

Jabatan Akauntan Negara (JANM)

Haji Nasran bin Omar [Pengarah (BPOPA)]

Datin Rozita binti Aminuddin [Akauntan (BPOPA)]

HADIR BERSAMA**SAKSI****Pejabat Ketua Setiausaha Negara (KSN)**

YBhg. Tan Sri Shamsul Azri bin Abu Bakar [Ketua Setiausaha Negara]

Encik Mohd Abduh bin Adni @ Ngatiny [SUSK Ketua Setiausaha Negara]

Encik Muhammad Fauzi Aiman bin Jaafar [Pegawai Khas]

Encik Muhammad Akram bin Ab. Aziz [Pegawai Khas]

Unit Kerjasama Awam Swasta (UKAS)

Encik Roslie bin Rustam [Pengarah (UKAS)]

Jabatan Peguam Negara [AGC]

YBhg. Dato' Mohd Dusuki bin Mokhtar [Peguam Negara]

Tuan Mohamad Onn Abdul Aziz [Timbalan Ketua Penasihat I (Pejabat Ketua Bahagian Penasihat)]

Puan Raihana Maimunah Rushdi [Peguam Persekutuan (Unit Kontrak dan Teknologi Maklumat, Bahagian Penasihat)]

Tuan Muhammad Faizal Che Saad [[Peguam Persekutuan (Unit Kontrak dan Teknologi Maklumat, Bahagian Penasihat)]

Kementerian Dalam Negeri (KDN)

YBhg. Datuk Awang Alik bin Jeman [Ketua Setiausaha]

YBhg. Datuk Zakaria bin Shaaban [Ketua Pengarah Imigresen Jusa B (Jabatan Imigresen Malaysia)]
Encik Ruslan bin Atan [Ketua Pasukan Jusa B (Pejabat Projek NIISE)]
Encik Mohd Nazib bin Che Din [Timbalan Setiausaha Bahagian]
Encik Ayob bin Abdul Rahman [Pengarah Jusa C (Bahagian Pekerja Asing JIM)]
Encik Muhammad Ilmami bin Dato' Haji Ahmad [Penasihat Undang-undang (Pejabat PUU)]
Dr. Hebat Hisham bin Mohd Yusoff [Timbalan Setiausaha Bahagian (Bahagian Hal Ehwal Imigresen)]
Puan Faridah binti Mohamad [Setiausaha Bahagian (Bahagian Pengurusan Teknologi)]
Puan Maizatul Khairumie binti Mansorudin [Timbalan Setiausaha Bahagian I (Bahagian Audit Dalam)]
Puan Sitti Amyrah binti Johari [Peguam Kanan Persekutuan (Pejabat PUU)]
Encik Andinor bin Anuar [Ketua Penolong Setiausaha Kanan (Bahagian Imigresen Malaysia)]
Puan Siti Zubaidah binti Abdul Latif [Ketua Penolong Setiausaha (Bahagian Perolehan)]
Encik Mohd Fairuze bin Mohd Fadzil [Ketua Penolong Setiausaha (Bahagian Pengurusan Teknologi Maklumat)]
Puan Sharifah Norfaezah binti Syed Zainuddin [Juruaudit (Bahagian Audit Dalam)]

Kementerian Kewangan (MOF)

YBhg. Datuk Johan Mahmood Merican [Ketua Setiausaha Perbendaharaan]
YBhg. Dato' Indera Ab Rahman bin Ab Rahman [Setiausaha Bahagian (Bahagian Perolehan Kerajaan)]
Encik Ahmad Yudi bin Ismail [Timbalan Setiausaha Bahagian (Bahagian Perolehan Kerajaan)]
Encik Nik Asyraf bin Mohd Ghazali [Ketua Seksyen (Bahagian Perolehan Kerajaan)]

Kementerian Sumber Manusia (KESUMA)

YBhg. Datuk Azman bin Mohd Yusof [Ketua Setiausaha]
Puan Betty bin Hasan [Timbalan Ketua Pengarah (Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia)]
Encik Muhammad Hilman bin Abdul Samat [Pegawai Khas Ketua Setiausaha]

Jabatan Digital Negara (JDN)

YBhg. Ts. Dr. Fazidah binti Abdul Bakar [Ketua Pengarah]
YBhg. Ts. Nik Zalbiha binti Nik Mat [Ketua Perunding ICT (Bahagian Perundingan Digital)]

LAPORAN PROSIDING

**MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA
PARLIMEN KELIMA BELAS, PENGGAL KETIGA**

**BILIK JAWATANKUASA 1, BLOK UTAMA,
BANGUNAN PARLIMEN, PARLIMEN MALAYSIA**

SELASA, 10 DISEMBER 2024

Mesyuarat dimulakan pada pukul 12.02 tengah hari

*[Yang Berhormat Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin
mempengerusikan Mesyuarat]*

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Okey. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Salam sejahtera dan selamat tengah hari. Yang saya hormati kepada Yang Berhormat Naib Pengerusi PAC Parlimen, Yang Berhormat Puan Teresa Kok Suh Sim, Yang Berhormat Ahli-ahli PAC Parlimen Kelima Belas, ahli-ahli ex-officio daripada Jabatan Perkhidmatan Awam, Kementerian Kewangan, Jabatan Audit Negara, SPRM, Kementerian Ekonomi, Jabatan Akauntan Negara. Terima kasih kerana hadir dalam mesyuarat pada hari ini.

Yang Berhormat ahli mesyuarat sekalian hari ini, Ahli PAC Parlimen akan memulakan prosiding berhubung dengan isu perolehan sistem Foreign Workers Centralized Management System (FWCMS) yang mana PAC telah pun memutuskan untuk mengadakan prosiding ini susulan daripada maklum balas Kementerian Dalam Negeri dan juga dalam prosiding tindakan susulan berhubung dengan sistem ePPAx dan juga FWCMS yang telah pun diadakan pada 6 November yang lalu.

Tujuan prosiding ini diadakan adalah bagi mendapatkan keterangan dan juga penjelasan daripada Jawatankuasa Induk FWCMS terutama sekali berhubung dengan caj bayaran yang telah pun dipersetujui sebanyak RM215 untuk setiap pengeluaran pas lawatan kerja sementara PLKS ataupun ePASS sebagaimana yang telah pun dimaklumkan kepada PAC 6 November yang lalu. PAC melihat jumlah yang dipersetujui ini adalah tinggi berbanding dengan apa yang ada di dalam Surat Setuju Terima (SST) yang asal yang mana antara pihak kerajaan dan juga syarikat Bestinet iaitu sebanyak RM100.

Yang Berhormat ahli mesyuarat sekalian, hadir bagi memberikan penjelasan kepada PAC dalam prosiding pada hari ini ialah Yang Berbahagia Tan Sri Shamsul Azri bin Abu Bakar, Ketua Setiausaha Negara merangkap Pengerusi Jawatankuasa Induk FWCMS serta Ahli-ahli Jawatankuasa Induk FWCMS yang terdiri daripada Yang Berbahagia Dato' Mohd Dusuki bin Mokhtar, Peguam Negara, Jabatan Peguam

Negara yang telah pun dilantik menjadi Peguam Negara pada 12 November. Tahniah Dato'. Yang ketiganya, Yang Berbahagia Datuk Johan Mahmood Merican, Ketua Setiausaha Perbendaharaan MoF, ada. Yang Berbahagia Datuk Awang Alik bin Jeman, KSU KDN; Yang Berbahagia Datuk Azman bin Mohd Yusof, KSU KESUMA; Yang Berusaha Ts. Dr. Fazidah binti Abdul Bakar, Ketua Pengarah Jabatan Digital Negara; Yang Berbahagia Datuk Zakaria bin Shaaban, KP Imigresen dan semua pegawai-pegawai kanan kerajaan dalam mesyuarat ini. Selamat datang saya ucapkan kepada Tan Sri KSN dan semua.

Untuk rekod, mesyuarat ini adalah merupakan Yang Berbahagia Tan Sri hadir dalam mesyuarat PAC selepas hadir kali pertama pada 25 Mac untuk Prosiding Pengurusan Pelaksanaan Projek Sistem Aliran Pantas Pelbagai Lorong (MLFF) ketika menjawat jawatan sebagai KP UKAS. Ini juga adalah merupakan kali kedua seorang KSN hadir di hadapan PAC selepas Yang Berbahagia Tan Sri Dato' Seri Dr. Ismail Bakar pada tahun 2019 bagi Prosiding Sistem Kutipan Caj Jalan dan Rekod Kemasukan Kenderaan Asing (VEP) di bawah Kementerian Pengangkutan. So, maksudnya bukan kali pertamalah, orang yang kedua datang ya.

Kehadiran individu paling tinggi dalam perkhidmatan awam di hadapan PAC membuktikan betapa bagaimana kedua-dua cabang iaitu perundangan dan juga eksekutif kerajaan bekerjasama ke arah memastikan kehidupan rakyat dan negara kita sejahtera. Ribuan terima kasih kami di PAC ucapkan kepada yang Berbahagia Tan Sri KSN dan Yang Berbahagia Datuk AG, Yang Berbahagia Datuk KSP, Yang Berbahagia Datuk KSU KDN, Yang Berbahagia Datuk KSU KSM, Yang Berusaha KP JDN dan Yang Berbahagia KP Imigresen kerana komited dan sentiasa membantu PAC dalam prosiding-prosiding bagi mengelakkan rakyat di luar sana terkeliru dengan pelbagai maklumat yang tidak tepat atau benar terutama sekali dalam isu perolehan sistem FWCMS ini. Jadi, tanpa membuang masa, saya dengan ini menjemput Yang Berbahagia Tan Sri Shamsul Azri untuk memulakan pembentangan. Dipersilakan, Tan Sri.

Tan Sri Shamsul Azri bin Abu Bakar [Pejabat Ketua Setiausaha Negara (KSN)]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Salam sejahtera, salam Malaysia Madani. Yang Berbahagia Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin, Pengerusi PAC. *Sorry*, Yang Berhormat. Yang Berhormat, *sorry*. Yang Berhormat Yang Berhormat Teresa, Timbalan PAC, Ahli-ahli PAC. Terima kasih kerana menjemput saya untuk hadir memberi keterangan pada tengah hari ini.

Bersama-sama saya adalah Yang Berbahagia Dato' Mohd Dusuki bin Mokhtar, Peguam Negara yang baharu; Yang Berbahagia Datuk Johan Mahmood Merican, Ketua Setiausaha Perbendaharaan; Yang Berbahagia Datuk Azman bin

Mohd Yusof, Ketua Setiausaha Kementerian Sumber Manusia; Yang Berbahagia Datuk Awang Alik bin Jeman, Ketua Setiausaha Kementerian Dalam Negeri dan Yang Berbahagia Ts. Dr. Fazidah binti Abdul Bakar, Ketua Pengarah Jabatan Digital Negara.

Sebelum saya mula Yang Berhormat, ingin saya kongsi bahawa Mesyuarat Jemaah Menteri pada 29 Mei 2024, telah pun melantik Jawatankuasa Induk FWCMS pada ketika itu pengerusinya adalah Tan Sri Dato' Seri Mohd Zuki bin Ali dan ahli-ahlinya adalah Yang Berbahagia Tan Sri Wan Ahmad Dahlan bin Haji Abdul Aziz, Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam; Yang Berbahagia Tan Sri Ahmad Terrirudin bin Mohd Salleh, Peguam Negara; Yang Berbahagia Datuk Ruji bin Ubi, Ketua Setiausaha Kementerian Dalam Negeri; Yang Berbahagia Dato' Sri Khairul Dzaimie bin Daud, KSU Kementerian Sumber Manusia dan saya sendiri semasa itu adalah ahli berdasarkan jawatan saya sebagai Ketua Pengarah UKAS dan yang akhirnya adalah Yang Berusaha Ts. Dr. Fazidah binti Abdul Bakar iaitu Ketua Pengarah Jabatan Digital Negara.

Isu yang perlu saya ulas di sini adalah berkaitan dengan kenapa RM215, betul YB ya?

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Betul, Tan Sri.

Tan Sri Shamsul Azri bin Abu Bakar [KSN]: Untuk makluman Yang Berhormat, pada asalnya syarikat mengemukakan tuntutan kepada kerajaan pada harga RM230 untuk tempoh enam tahun atau RM362 untuk tempoh tiga tahun. Jadi, cadangan ini telah dibawa ke Mesyuarat Jemaah Menteri pada 19 Julai 2024 dan Mesyuarat Jemaah Menteri bersetuju untuk kontrak FWCMS ini disambung enam tahun untuk mengelakkan kos perkhidmatan yang tinggi berjumlah RM362.

Tuntutan kerugian berjumlah RM1.6 bilion yang dituntut oleh syarikat hendaklah digugurkan dan Jawatankuasa Induk yang telah dilantik meneruskan rundingan bersama pihak syarikat. Pada ketika itu saya telah dilantik sebagai Pengerusi Jawatankuasa Rundingan Harga dan kami telah mengadakan tiga kali rundingan dengan syarikat iaitu pada 24 Jun— *sorry*, 24 Julai, 25 Julai dan 26 Julai.

Pada mesyuarat 26 Julai, kita dengan syarikat memperakukan supaya harga RM215 diangkatkan untuk persetujuan Jawatankuasa Induk yang dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Negara pada masa itu dan mesyuarat Jawatankuasa Induk yang bersidang pada 31 Julai 2024 bersetuju seperti berikut:

■1210

Satu kadar caj RM2.15 bagi setiap warga asing...

Datuk Awang Alik bin Jeman [KDN]: RM215. [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*]

Tan Sri Shamsul Azri bin Abu Bakar [KSN]: RM215? RM215.

Datuk Awang Alik bin Jeman [KDN]: Ya.

Tan Sri Shamsul Azri bin Abu Bakar [KSN]: Tempoh kontrak selama enam tahun bermula 1 Jun 2024. Satu caj sahaja termasuk Modul Bio-Medical (BMS) dan hak eksklusif kepada syarikat bagi pengeluaran PLKS tahun pertama dan untuk pembaharuan (*renewal*). Berdasarkan kepada kadar tersebut syarikat bersetuju untuk menarik balik tuntutan berjumlah RM1.57 bilion kepada kerajaan. Hasil rundingan telah dibawa ke Mesyuarat Jemaah Menteri pada 14 Ogos dan telah dipersetujui untuk dilaksanakan seterusnya perjanjian telah dimeterai pada 3 September 2024.

Yang Berhormat Pengerusi, dalam tuntutan awal syarikat, syarikat mengemukakan jumlah sebanyak RM2.760 bilion iaitu satu pemulihan. Pemulihan ini adalah berdasarkan pada harga RM1.56 bilion melibatkan RM130 untuk dua juta pekerja bagi enam tahun. Ini dipanggil kehilangan hasil akibat kegagalan kerajaan *honour* LOA yang telah di tandatangan pada 15 Januari 2018.

Pada 15 Januari 2018, kerajaan telah mengeluarkan surat tawaran kepada syarikat dan berdasarkan kepada pandangan Peguam Negara, surat tawaran tersebut telah mengikat dan satu kontrak telah termeterai antara kerajaan dan syarikat Bestinet. Jadi, *that is why* syarikat mempunyai lebih *advantage* ke atas kerajaan dan *that is why* syarikat minta dan *demand* banyak benda daripada kerajaan.

Tuntutan yang kedua adalah pendapatan baharu. Pendapatan baharu ini bermaksud semua kos-kos operasi syarikat bermula daripada Jun 2024 sehinggalah tahun 2030 yang dianggarkan berjumlah RM1.2 bilion menjadikan jumlah keseluruhan RM2.760 bilion dengan caj yang akan dikenakan sebanyak RM230. Hasil perbincangan dengan pihak syarikat kita berjaya menurunkan daripada RM230 kepada RM215 yang mana RM130 untuk pemulihan dan RM85 untuk perjalanan operasi syarikat selama enam tahun termasuklah kos ekuiti dan kos-kos operasi. Setakat itu sahaja Yang Berhormat, jika ada apa-apa soalan.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Terima kasih Tan Sri. Sebab ya lah sebagaimana yang penjelasan Tan Sri, sebelum ini dalam prosiding memang kerajaan minta untuk harga RM85 dan syarikat minta untuk harga RM100. Tiba-tiba bila datang ke prosiding ini pada 6 November yang lalu dan maklumkan kepada PAC dah dimuktamadkan perjanjian tersebut dan tiba-tiba angka RM215, tiba-tiba muncul. Yang itu yang memberikan kejutan kepada semua Ahli-ahli

PAC di manakah tiba-tiba datangnya jumlah RM215. Jadi di sini apabila ada pecahan yang dimaklumkan RM130 untuk pemulihan dan RM85 itu sebenarnya harga yang memang— kadar yang memang kerajaan tawarkan kepada syarikat sebelum dan menjadikan jumlah keseluruhannya RM215.

Cuma soalan saya kepada Tan Sri, adakah cukup dengan RM215 itu? Macam mana *justify*? Boleh tak *justify* kepada PAC, justifikasi dalam pemberian RM215 ini? Kita tahulah jumlah pemberian dan sebagainya tetapi angka yang diberikan itu mungkin sebenarnya ada situasi menang dan menang tetapi kali ini kita tengok yang menangnya di pihak syarikat dan bukannya pada pihak kerajaan. Itu satu.

Keduanya saya ingin tahu siapakah yang akan buat bayaran ini? Adakah daripada— sebab saya tadi terbaca dakwaan daripada syarikat katanya bukannya— mana?

Dato' Mohd Isam bin Mohd Isa [Ahli PAC]: Yang akan bayar adalah *worker*.
[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Yang akan bayar adalah pekerja dan bukannya kerajaan. Akan tetapi dalam prosiding dinyatakan pihak kerajaan yang akan bayar kepada syarikat ini. Jadi boleh jelaskan kepada PAC. Terima kasih.

Tan Sri Shamsul Azri bin Abu Bakar [KSN]: Okey. Pertama saya rasa YB bersetuju dengan kenyataan RM85 itu? RM85 yang *why* kita kenakan RM85 *instead of* RM100. So, sekarang ini saya cuma jelaskan RM130 *because* RM130 campur RM85 jadi RM215, okey. RM130 ini sebenarnya bila kita tak *honour* LOA kita yang asal ini syarikat *claim* tuntutan sebanyak RM1.57 bilion ini berdasarkan kepada apa yang sepatutnya dia *collect* jika sistem ini diguna pakai daripada 2018 sehingga 2024. So, berpandukan kepada data-data imigresen, pada tahun pertama 2018, dia sepatutnya dapat RM102 juta dan ditambah dengan empat persen faedah, so menjadikan RM106 juta.

Pada tahun kedua 2019, dia sepatutnya *collect* RM3.142, *sorry*. RM314 juta campur faedah 16 dia akan jadi RM437 juta dan total...

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Tan Sri boleh ulang balik sebab ada yang keliru. Saya nampak saya punya Ahli-ahli PAC dia sedang ambil pen dan juga sedang mengira Tan Sri.

Tan Sri Shamsul Azri bin Abu Bakar [KSN]: Ada— boleh paparkan slaid. Ada slaid dia.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Ada slaid. Okey, okey.

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: Dia yang...

Tan Sri Shamsul Azri bin Abu Bakar [KSN]: Slaid dia ada.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Ada slaid.

Tan Sri Shamsul Azri bin Abu Bakar [KSN]: Ada slaid, boleh ini.

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: Tidak, takut ini silap.

Tan Sri Shamsul Azri bin Abu Bakar [KSN]: Yang slaid yang *RM1.72 million* ini, *RM1.572 billion*. Dia buat *very clear* dia punya *calculation* itu.

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: *But the numbers of workers* itu Tan Sri.

Tan Sri Shamsul Azri bin Abu Bakar [KSN]: Ya?

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: Boleh ulang tak? Berapa 1.2 juta? 1.6 juta?

Tan Sri Shamsul Azri bin Abu Bakar [KSN]: Okey. *Numbers of workers*. Okey, dia ada— untuk tahun pertama, tahun pertama untuk pekerja baharu 346,979 orang dan untuk *renewal* 679,905 orang menjadikan jumlah keseluruhan 1.026 juta.

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: Okey itu yang keliru. Saya mula-mula dengar macam 102 juta. Itu *correct* lah itu.

Tan Sri Shamsul Azri bin Abu Bakar [KSN]: Okey, okey.

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: 1.026.

Tan Sri Shamsul Azri bin Abu Bakar [KSN]: *So, figure* ini semua adalah berdasarkan kepada *actual figure* daripada Imigresen, *so* dia *calculate* balik...

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: Okey, okey.

Tan Sri Shamsul Azri bin Abu Bakar [KSN]: ...*That is why* dia dapat RM1.57 bilion dan kita dah kira memang *calculation* dia itu betul lah. Dia kira ini kehilangan dia, kerugian dia sebab dia tak *collect* sebab kita tak guna sistem, walaupun kita dah setuju nak guna. Ini dipanggil tuntutan kehilangan hasil. Tak ada—urus setia, ini yang slaid ini? Tolong ini. *[Merujuk kepada slaid]*

So, bila dia campur-campur kerugian dia RM1.3 bilion campur dengan faedah empat persen setiap tahun RM252 juta, menjadikan jumlah kerugian yang dituntut adalah RM1.572 bilion.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Naib Pengerusi PAC]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: *Get clarification* ya Datuk Wira. Yang tak dapat hasil sebab tak digunakan oleh Imigresen itu berapa tahun Tan Sri? *Just to get confirmation*.

Tan Sri Shamsul Azri bin Abu Bakar [KSN]: 2018 sehingga 2024.

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: Okey.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Enam tahun.

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: Enam tahun lah Tan Sri.

Tan Sri Shamsul Azri bin Abu Bakar [KSN]: Satu, dua, tiga, empat, lima, enam, tujuh tahun.

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: Enam ya, tujuh?

Tan Sri Shamsul Azri bin Abu Bakar [KSN]: Ya, tujuh tahun.

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: Okey, *clear*.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Naib Pengerusi PAC]: *Is it inside ya? No lah. Let me show the slide.*

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: *Okay, can. [Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tan Sri Shamsul Azri bin Abu Bakar [KSN]: Yang ini. Yang ini dia punya slaid ini. Cuba besarkan. So, ini dia punya perkiraan dia. RM1.572 bilion. Kerugian pendapatan RM1.32 bilion campur faedah RM252 juta. Jadi total RM1.572 bilion.

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: *The original amount RM1.3 billion* ya Tan Sri.

Tan Sri Shamsul Azri bin Abu Bakar [KSN]: Ya.

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: Ya?

Tan Sri Shamsul Azri bin Abu Bakar [KSN]: Tapi dimasukkan dengan *four percent interest*.

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: Okey, *four percent interest* ya.

Tan Sri Shamsul Azri bin Abu Bakar [KSN]: Ya.

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: Okey. *So, seven years* ya Tan Sri.

Tan Sri Shamsul Azri bin Abu Bakar [KSN]: Yes.

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: Macam mana dia *calculate seven years* itu dapat *RM1.32 billion* yang amaun pokok itu Tan Sri?

■1220

Tan Sri Shamsul Azri bin Abu Bakar [KSN]: Kita kira daripada data JIM, data yang masuk *on that particular year and then data yang renew on that particular year then* kita *times* dia punya RM100 itu, *that's why* kita dapat *figure* itu.

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: *On the total-lah?*

Tan Sri Shamsul Azri bin Abu Bakar [KSN]: Ya, ya.

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: *On the total number?*

Tan Sri Shamsul Azri bin Abu Bakar [KSN]: Yes.

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: Okey.

Tan Sri Shamsul Azri bin Abu Bakar [KSN]: Cuma, tahun 2014 itu kita *prorate*-lah. Tahun 2014 itu— 2024 kita *prorate*. Yang Berhormat Teresa nanti / bagi dekat *you* ini.

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: *What's your reason Tan Sri kita tidak pakai dia punya sistem ini for seven years? What's the reason?*

Tan Sri Shamsul Azri bin Abu Bakar [KSN]: Itu kena tanya kerajaan memerintah pada masa itulah bos. *[Ketawa]*

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: *Okay, sorry. [Ketawa]*

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Saya— bila kita panggil Syarikat Bestinet dan mereka menyatakan— maksudnya ada ruangnya untuk perbincangan. Boleh Tan Sri ataupun mungkin daripada pihak AG terangkan kepada PAC, bagaimanakah sewaktu perbincangan ataupun *negotiation* itu berlaku? Maksudnya bila datang sini dia kata dia takkan pun akan ambil tindakan tetapi dia boleh berbincang lagi dengan harga tersebut. Boleh tidak terangkan kepada PAC bagaimanakah keadaan sewaktu perbincangan tersebut? Apakah *determination* di pihak syarikat dalam mendapatkan hak mereka supaya PAC lebih memahami?

Tan Sri Shamsul Azri bin Abu Bakar [KSN]: Syarikat memang berkeras sebenarnya *because* dia tahu dia ada *advantage*, *because* dia pegang LOA itu. *That's why* dia *demand* dengan kerajaan. So, kita hendak menyelesaikan masalah kita tidak hendak kerajaan terpaksa bayar *unnecessary 1.6 billion*. Saya hendak rujuk kepada kes Prestariang, *almost the same case*. *For nothing* kerajaan kena bayar RM231 juta. So, kalau kita tidak runding betul-betul, *then it will end up* kita kena bayar *1.6 billion* seperti mana yang dituntut oleh syarikat. *That's why* kita sehabis baik, *we try our best to make sure* kita *discuss* dengan *company* sehingga *company* setuju untuk *drop the charges 1.6 billion* itu.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Ya, mungkin AG pada ketika itu belum ada lagi kan sewaktu ini. Jadi, mungkin boleh dapatkan perspektif daripada pihak AG.

Dato' Mohd Dusuki bin Mokhtar [Jabatan Peguam Negara (AGC)]: Yang Berhormat Datuk Wira, Tan Sri, Datuk-Datuk, tuan-tuan dan puan-puan, dalam konteks ini kita ada dua jawatankuasa Yang Berhormat Datuk Wira. Apabila RM215

ini muncul ya, pertama kalinya dalam Mesyuarat Rundingan Jawatankuasa Rundingan Harga Pelaksanaan FWCMS bertarikh 26 Julai 2024. Ini mula-mula timbulnya *figure* RM215 ini Yang Berhormat Datuk Wira.

Untuk makluman Yang Berhormat Datuk Wira, Tan Sri, Datuk-Datuk, tuan-tuan dan puan-puan, kami bukanlah ahli dalam mesyuarat rundingan tersebut. Semasa rundingan tersebut berjalan, syarikat menawarkan caj sebanyak RM230 sebagai penyelesaian kepada tuntutan tersebutlah. Manakala UKAS ada pada masa itulah, telah membuat tawaran sebanyak RM200. Ada *counter proposal* di situ Datuk Wira. Mesyuarat kemudiannya bersetuju dengan kadar sebanyak RM215 tertakluk kepada keputusan Jawatankuasa Induk FWCMS.

Jadi, Jabatan Peguam Negara hanya turut serta dalam Mesyuarat Jawatankuasa Induk FWCMS lah yang bertarikh 6 Ogos 2018. Jadi, masa mesyuarat induk itu *figure* RM215 itu telah di-*endorsed* dalam mesyuarat tersebut. Jadi, dalam hal ini Ketua Pengarah UKAS telah membentangkan hasil mesyuarat rundingan jawatankuasa rundingan tadilah harga pelaksanaan FWCMS bertarikh 26 Julai tadi kepada mesyuarat jawatankuasa induk dan mesyuarat bersetuju seperti berikut. Antaranya adalah kadar caj sebanyak RM215 bagi setiap pekerja asing. Jadi, itu sahaja penglibatan Jabatan Peguam Negara Datuk Wira dalam konteks inilah. Jadi, kita *lawyer*, kita tidak tahu *figure* sangat, kita tidak belajar matematik. *That's why* dia orang *study law* Datuk Wira. *[Ketawa]*

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Yang itu saya setuju. Saya rasa Bangi pun bersetuju dengan Dato'.

Dato' Mohd Dusuki bin Mokhtar [AGC]: Dia pun *study law* juga Datuk Wira. Sebab dia orang banyak menghadapi masalah matematik. So, apabila RM215 ini muncul dan dipersetujui, jadi kita sebagai *lawyer* ini pada hemat sayalah, setuju sajalah RM215 itu kan. Itu sahaja Datuk Wira. Terima kasih.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Okey. Sebelum kita pergi lebih ini, boleh Dato' terangkan kepada PAC, siapakah jawatankuasa induk yang tetap dalam itu ataupun yang sebenarnya ada? Tadi Dato' nyatakan ini.

Tan Sri Shamsul Azri bin Abu Bakar [KSN]: Yang Berhormat Pengerusi, pengerusinya adalah Tan Sri Dato' Sri Mohd Zuki Ali, mantan KSN pada ketika itu; Yang Berbahagia Tan Sri Wan Ahmad Dahlan Haji Wan Abdul Aziz, KPPA. Sekarang pun masih Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam. Tan Sri Ahmad Terrirudin bin Mohd Salleh mantan Peguam Negara; Datuk Haji Ruji bin Ubi, Ketua Setiausaha Kementerian Dalam Negeri, sekarang telah pun digantikan oleh Datuk Awang Alik sebagai Ketua Setiausaha Kementerian Dalam Negeri yang baru; Yang Berbahagia

Dato' Sri Khairul Dzaimie bin Daud, Ketua Setiausaha Kementerian Sumber Manusia yang sekarang telah digantikan oleh Datuk Seri Azman; saya pada ketika itu adalah Ketua Pengarah UKAS dan seterusnya Yang Berusaha Ts. Dr. Fazidah binti Abu Bakar, Ketua Pengarah Jabatan Digital Negara sehingga sekarang masih.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Sewaktu tarikh memuktamadkan perjanjian tersebut, kehadiran itu boleh berikan kepada PAC tidak? Siapakah yang ini?

Tan Sri Shamsul Azri bin Abu Bakar [KSN]: Ada minit.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Ataupun boleh baca sekali lalu dan juga boleh bagi pada kita, itu satu. Siapakah yang menandatangani perjanjian tersebut?

Tan Sri Shamsul Azri bin Abu Bakar [KSN]: Kesemua nama yang disebut tadi menandatangani.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Oh, semua pihak itu menandatangani.

Tan Sri Shamsul Azri bin Abu Bakar [KSN]: Yes, sebelum kita angkat ke Kabinet.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Okey. Saya mendapati bahawa memang tidak ada wakil daripada MoF ya sewaktu memuktamadkan? Memang tidak ada wakil daripada MoF?

Tan Sri Shamsul Azri bin Abu Bakar [KSN]: Sebab kelulusan Kabinet tidak menyebut wakil MoF.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: So, memang tidak ada lah?

Tan Sri Shamsul Azri bin Abu Bakar [KSN]: Ya.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Okey. Mungkin saya boleh minta pandangan daripada...

Tan Sri Shamsul Azri bin Abu Bakar [KSN]: Ini Yang Berhormat Pengerusi ada, ini semua yang tandatangan semua ini.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Okey. Boleh serahkan salinan kepada PAC?

Tan Sri Shamsul Azri bin Abu Bakar [KSN]: Ya, ya. Ada salinan ya? Ada ya. Kita akan bagilah. Ini yang dia punya ini.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Sebab bila tidak ada wakil MoF sewaktu memuktamadkan perjanjian itu, boleh saya dapatkan pandangan daripada MoF tidak? KSP, ya. Perjanjian tersebut. Boleh bagi pandangan Datuk KSP?

Datuk Johan Mahmood Merican [Kementerian Kewangan (MoF)]: Yang Berhormat. *I think* seperti mana yang Tan Sri KSN sebut, pembentukan jawatankuasa tersebut dibuat— yang diputuskan oleh peringkat Jemaah Menteri tetapi mungkin antara pertimbangannya ialah sebab pada asalnya, kontrak asalnya melibat satu *user pay arrangement*. So, mungkin dengan itu ia melibatkan UKAS lah daripada Kementerian Kewangan dari segi rundingannya.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Terima kasih Datuk KSP. Saya nampak Bayan Baru hendak tanya soalan.

Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]: Terima kasih Datuk Wira Pengerusi. Tan Sri, terima kasih kerana datang ke ini. Ini *the most powerful proceeding*-lah kerana Tan Sri di sini dan juga semua KSU...

Tan Sri Shamsul Azri bin Abu Bakar [KSN]: Yang Berhormat, kita biasa-biasa saja Yang Berhormat. Biasa-biasa saja Yang Berhormat... *[Ketawa]*

Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]: AG... *[Ketawa]*

Tan Sri Shamsul Azri bin Abu Bakar [KSN]: Tak ada *powerful*. Biasa-biasa saja.

Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]: *This is the— I will say this year*-lah, 2024 ini paling *powerful*-lah. Terima kasih datang Tan Sri.

Tan Sri, saya hendak rujuk kepada satu analisis kewangan dan semakan kadar bagi FWCMS yang bertarikh 10 Februari 2023 yang dilaksanakan oleh UKAS. Dalam syor UKAS ini, dia kata kadar caj perkhidmatan yang dicadangkan oleh Bestinet dalam *Option 1* iaitu RM210 dan pemanjangan tempoh konsesi yang dicadangkan dalam *Option 2* iaitu sehingga Disember 2028 kurang bersesuaian.

Then, cadangan kedua 5.2 perlu dikurangkan daripada RM100 kepada RM86 kerana semakan lanjutan dan pengesahan KDN mengenai CapEx dan OpEx sebenarnya yang dibelanjakan untuk projek ini adalah dari tahun 2012 hingga 2021 serta kemunasabahan unjuran OpEx dan CapEx pada tahun 2022 hingga 20— *I mean this is technical*-lah. Masa itu Tan Sri adalah Pengarah UKAS, KP UKAS. Jadi, sudah tentu ada rasional— sudah tahu rasional ini. Jadi, saya *layman*. Saya pun tidak tahu dia punya— *your financial analysis*. Boleh terangkan tentang laporan syor ini kah?

■1230

Tan Sri Shamsul Azri bin Abu Bakar [KSN]: YB Pengerusi, semasa ulasan itu dibuat, kita mengatakan bahawa projek ini bukan projek konsesi. *It is not privatisation*. Bila *it is not privatisation in nature*, kita tak boleh *apply privatisation* punya formula dalam ini.

That's why berdasarkan kepada *figure* yang diberi oleh KDN, kita tak *go detail*. *Based on figure* pada KDN kita rasa pada masa itu, kadar yang bersesuaian adalah RM86 *in which* bila kita *recommend* dekat— *when* kita, UKAS *recommend* dekat jawatankuasa pada tahun 2024, kita *recommend* RM85. RM1 lebih rendah daripada yang kita beritahu RM86 itu. *Because* kalau ikut LOA asal, RM100.

That's why kita kata RM86 yang bersesuaian. Tetapi bila kita *recommend* dekat jawatankuasa tertinggi yang dipengerusikan oleh Tan Sri KSN pada ketika itu, kita *recommend* RM85, *plus* RM130 pemulihan. *That's why* dia datang RM215.

Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]: Tan Sri, jadi saya ada sedikit kemusykilan sebab kalau katakan RM86 *for the next six years*, itu syarikat Bestinet terima. Kenapa dia *for the past six years*, dia lebih tinggi? *For example*, kalau katakan dulu, memang kos— kalau katakan sekarang, memang *for future* dia kos barang akan naik, dia punya tenaga kerja akan naik, *maintenance* akan naik. Kalau katakan *in future*, RM130 saya rasa boleh terima. Tetapi dia *go back six years* itu, dia caj RM130. *I* tak nampak rasional itu.

Tan Sri Shamsul Azri bin Abu Bakar [KSN]: *Because*— sebab kita *failed to honour*. *Sorry*, boleh cakap orang putih? *Sorry*. Kita gagal melaksanakan tanggungjawab kita berdasarkan LOA yang kita telah bersetuju dengan syarikat. *We failed to honour our obligation*.

Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]: *But when we have new negotiation*, kita kata *win-win*. *Usually we will go in and say, "Come on, in future you take RM85. Dulu pun ambil RM85"*, takkan nak *over*— *calculate future profit four percent, nine percent, that kind of ini*.

I think do we— have we gone through— jadi, persoalan saya, untuk *negotiation* dulu pernah masuk UKAS, yang untuk— sudah RM215 ini, ada masuk UKAS sekali lagi kah tak?

Tan Sri Shamsul Azri bin Abu Bakar [KSN]: Tak, tak, *because* ia bukan projek *privatisation*. *That's why* kita tak rujuk ke Jawatankuasa Awam Swasta (JKAS).

Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: *Sorry Tan Sri, kalau if this not privatisation, what do we call itu? What do you call this?*

Tan Sri Shamsul Azri bin Abu Bakar [KSN]: *Because privatisation* punya syarat, *seven years*. Masa surat LOA ini keluar *only six years*. *Only six years*. *Then, they never consider done*— pada ketika Jawatankuasa Kabinet Mengenai Pekerja Asing dan Pendatang Asing Tanpa Izin (JKKPA-PATI), yang bersidang pada 20 Mei 2018 yang meluluskan projek ini dia dikira sebagai bukan projek penswastaan, *way back in 2015*.

Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: So, maknanya apa?

Tan Sri Shamsul Azri bin Abu Bakar [KSN]: Dia projek perolehan biasa.

Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: Perolehan biasa.

Tan Sri Shamsul Azri bin Abu Bakar [KSN]: Yes.

Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: *Because of the duration less than seven years.*

Tan Sri Shamsul Azri bin Abu Bakar [KSN]: *It is not privatisation. That's why kita tak boleh apply calculation kita menggunakan formula privatisation.*

Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: Kena ini kaji semula. *[Ketawa]* Sikit nak tanya, dalam prosiding pertama, mantan KSU KDN maklum mandat Jemaah Menteri untuk rundingan harga RM100 tapi tempoh tiga tahun tuntutan syarikat itu. Ketika itu RM120. Tuntutan RM1.65 bilion itu muncul selepas pengiraan UKAS pada 2022 *which is* RM86, 2022.

Tan Sri Shamsul Azri bin Abu Bakar [KSN]: Yang itu *better* panggil yang membuat kenyataan itu senang. *Better* dia datang, *then* dia *confirm*-kan. *Is he saying the same thing? Otherwise* susah kita nak *confirm*-kan. *Is he saying the same thing? Because* masa dia buat kenyataan itu saya tak ada. Saya nak sahkan tak boleh.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Tan Sri, soalan saya Tan Sri tak jawab lagi. Siapa yang perlu bayar? Adakah kerajaan ataupun...

Tan Sri Shamsul Azri bin Abu Bakar [KSN]: Kerajaan tak perlu bayar.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Kerajaan tak perlu bayar.

Tan Sri Shamsul Azri bin Abu Bakar [KSN]: Tak perlu bayar *because*...

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Sebab dalam prosiding yang lepas, ada dinyatakan...

Tan Sri Shamsul Azri bin Abu Bakar [KSN]: Dia ada *misunderstanding* sikit, YB. Dia macam ini, asalnya syarikat minta dia sendiri *collect*. Dia sendiri *collect* masuk kat dia, *then* baru pulang dekat kerajaan. Kita kata, "*No, tak boleh*". Kita kata, "*Kerajaan collect, bayar kat kerajaan, reimburse balik dekat you,*". Dia bukan hasil. Benda ini bukan *treatment* dia *revenue*. *It is a liability because* dia bukan hak kerajaan. *That's why* kerajaan kena pulangkan balik.

Dari segi *accounting*-nya, *it is not a revenue. It is a liability*. Kerajaan kena pulang balik. Dia masuk saja dekat kerajaan, kerajaan tolak balik, *then* masukkan balik kepada syarikat *whatever* yang *due to the company*.

Tuan Syahredzan bin Johan [Ahli PAC]: Maksudnya— Datuk Wira Pengerusi, maksudnya duit itu tak masuk dalam Kumpulan Wang Disatukan?

Tan Sri Shamsul Azri bin Abu Bakar [KSN]: Saya minta wakil daripada Pejabat Akauntan Negara menjawab. Sebab saya macam Dato' Dusuki juga, tak berapa pandai bab-bab nombor ini. *[Ketawa]*

Encik Roslie bin Rustam [Unit Kerjasama Awam Swasta(UKAS)]: Terima kasih Tan Sri. Yang Berhormat Pengerusi Jawatankuasa dan juga Ahli-ahli Yang Berhormat. Mungkin boleh disahkan oleh Jabatan Akauntan sendiri ...

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Boleh beritahu nama dan juga jawatan dulu untuk rekod kita. Terima kasih.

Encik Roslie bin Rustam [UKAS]: Yang Berhormat, saya Roslie bin Rustam daripada UKAS. Hasil ini akan dimasukkan di dalam Akaun Hasil Disatukan tetapi dia bukan merupakan aset. Dia adalah liabiliti kepada kerajaan kerana duit itu bukan hak milik kerajaan. Dia adalah milik pihak Bestinet dan mungkin boleh disahkan oleh Jabatan Akauntan Negara sendiri. Itu adalah maklum balas daripada saya. Terima kasih.

Tan Sri Shamsul Azri bin Abu Bakar [KSN]: Dia ini sama macam wang tak dituntut. Maknanya, *it is not belong*— bukan kerajaan punya. Bila wang dituntut kena bayar balik. Dia dituntut sebagai liabiliti.

Tuan Syahredzan bin Johan [Ahli PAC]: So, maksudnya dia...

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Sekejap, Tan Sri jawab pakai *mic*, Tan Sri.

Tan Sri Shamsul Azri bin Abu Bakar [KSN]: Dia bukan dikira sebagai liabiliti— dia adalah liabiliti dan bukan dikira sebagai *revenue*.

Tuan Syahredzan bin Johan [Ahli PAC]: Jadi, maksudnya— maaf, Datuk Wira Pengerusi. Maksudnya, duit itu tidak dimasukkan sekali sebagai *revenue* kerajaan. So, dia *separate*, diasingkan daripada hasil kerajaan. Adakah macam itu?

Encik Roslie bin Rustam [UKAS]: YB, dia akan masuk dalam Akaun Disatukan kerajaan dan kemudian kita akan *reimburse* kepada syarikat. Okey?

Tan Sri Shamsul Azri bin Abu Bakar [KSN]: Benda yang sama juga kita buat kepada MyEG. MyEG punya *treatment* pun sama. Dia masuk, *then* kita pulang balik dekat dia. Sebab kita tak mahu syarikat ambil duit rakyat ini, duit *public*, tak mahu. Dia mesti *go through* kita, baru kita *reimburse*.

Tuan Syahredzan bin Johan [Ahli PAC]: Okey, sebelum itu Datuk Wira. *Just* nak dapatkan pengesahan. Jadi, bila sistem ini digunakan oleh setiap satu pekerja, dia memang untuk guna sistem itu memang kena bayar kepada kerajaan?

Tan Sri Shamsul Azri bin Abu Bakar [KSN]: Bayar kepada kerajaan, kerajaan *reimburse* balik kepada syarikat.

Tuan Syahredzan bin Johan [Ahli PAC]: Tapi maksudnya, *for the end user*, dia akan bayar pada kerajaan? Dekat belakang siapa kerajaan bayar Bestinet kah apa, itu dekat belakang? Tapi *end user* itu, dia akan bayar kepada kerajaan? Betul?

Tan Sri Shamsul Azri bin Abu Bakar [KSN]: Yes.

Tuan Syahredzan bin Johan [Ahli PAC]: Memang kalau sistem itu nak digunakan memang *there is no way* yang dia guna dia tak bayar?

Tan Sri Shamsul Azri bin Abu Bakar [KSN]: Dia kena bayar.

Tuan Syahredzan bin Johan [Ahli PAC]: Maksudnya, memang kena bayar?

Tan Sri Shamsul Azri bin Abu Bakar [KSN]: Wajib bayar. Kalau tak, dia tak boleh ada akses.

Tuan Syahredzan bin Johan [Ahli PAC]: *So, in that situation*, maknanya tak adalah situasi yang mana syarikat akan tuntutan...

Tan Sri Shamsul Azri bin Abu Bakar [KSN]: Boleh guna *free*, tak ada.

Tuan Syahredzan bin Johan [Ahli PAC]: Maksudnya, katalah syarikat kata, "*Saya patut dapat banyak ini, tapi saya tak dapat sebab orang yang guna end user itu tak bayar*". *That situation* tak akan berbangkit. Okey, terima kasih.

Tan Sri Shamsul Azri bin Abu Bakar [KSN]: *Because* dalam FWCMS ini ada 15 modul. *It's very integrated* punya sistem.

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: Nak tanya untuk pengesahan. Sistem bayaran ini dia *back-to-back*?

Tan Sri Shamsul Azri bin Abu Bakar [KSN]: *End-to-end*.

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: Pengguna bayar pada kerajaan, *whatever the amount*, kalau RM1 bilion, RM1 bilion. *Then*, kerajaan bayar kepada Bestinet itu RM1 bilion?

Tan Sri Shamsul Azri bin Abu Bakar [KSN]: Yes.

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: *Back-to-back*.

Tan Sri Shamsul Azri bin Abu Bakar [KSN]: *Whatever hold...*

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: *The question is why you have to go through that way? Why not they pay direct to Bestinet? Why they're going through the government?*

Tan Sri Shamsul Azri bin Abu Bakar [KSN]: Isu dia sekarang ini. Memang masuk kerajaan, *then* kerajaan bayar Bestinet. Masuk kerajaan...

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: *But I mean, would it not be better* kalau pengguna bayar terus kepada Bestinet? Tanpa melalui kerajaan.

Tan Sri Shamsul Azri bin Abu Bakar [KSN]: Sebab itu tak boleh. Tak boleh. Sebab nanti ada *hanky-panky*. Mana boleh duit *public* itu terus masuk kepada *company*. Kita nak *risk*...

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: Dia kos, dia kos.

Tan Sri Shamsul Azri bin Abu Bakar [KSN]: Kita nak kurangkan *risk* pengguna ditipu.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Naib Pengerusi PAC]: Saya ingin tanya Datuk Pengerusi. *Right for day one 2018*, mereka yang gunakan sistem ini, mereka bayar RM100 sahaja, betul? 2018.

Beberapa Ahli: Tak bayar lagi. Dia orang belum bayar lagi. [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*]

Puan Teresa Kok Suh Sim [Naib Pengerusi PAC]: Tak bayar langsung?

Tan Sri Shamsul Azri bin Abu Bakar [KSN]: 2018 sistem ini tak pakai. Kerajaan tak guna sistem ini.

Seorang Ahli: Itu yang dia caj 1.0570...

■1240

Kegagalan kerajaan menggunakan sistem ini yang menyebabkan syarikat *sue* kerajaan. *That is the moral of the story.*

Tuan Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]: Datuk Wira Pengerusi, kita mula FWCMS punya prosiding ini— kita tak bermula dengan FWCMS punya prosiding. Kita mulakan dengan prosiding ePPAx dan sebagainya dan dalam proses prosiding itu, kita bertemu dengan FWCMS. Okey.

Maknanya, pertemuan kita dengan FWCMS dengan isu ini, dalam prosiding kepada isu yang lain. Okey. Beberapa siri prosiding itu, di antara yang— pengesahan yang diberi itu adalah *there is no obligation or the impact* kepada *governmemt*, *because* kita tak *sign*. Isu *obligation* terhadap SST itu, tak pernah ditekankan dalam prosiding-prosiding sebelum ini.

Maknanya, tekanan untuk obligasi kepada SST itu tidak ditekankan sangat sebelum inilah, prosiding-prosiding ini sehingga keputusan akhir ini, di mana, *government* dia rasakan *obligated* dan sebagainya.

Jadi, dalam prosiding sebelum ini, rasa saya mungkin kerajaan tak rasa tekanan untuk menyelesaikannya. Oleh kerana dirasakan bahawa *there is no obligation for the government*. Itu satu perkara.

Tan Sri Shamsul Azri bin Abu Bakar [KSN]: Okey.

Tuan Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]: Dan bila disebut dari segi sekuriti dan sebagainya ini, ingat tak fasal kita ada *single*— apa ini— *single system* yang kita pakai dan sebagainya, kan? Yang kita kalau— sama ada kita pakai FWCMS atau tidak, tak menjejaskan proses pengambilan pekerja ke dalam negara dan sebagainya.

So, maknanya *there is no urgency* dari segi keperluan. *There is no urgency* dari segi tuntutan SST sendiri. Jadi, boleh dapat pengesahan dekat situ? Maknanya, enam tahun yang awal ini, memang sistem itu tak digunakan langsung kan? Jadi, nak pengesahan itu. Maknanya, kenapa *last* sekali ini mengatakan bahawa '*uh-oh*'. Seolah-olah begitulah. Maknanya, LOA ini mengikat kerajaan untuk tuntutan daripada Bestinet ini. Seinggakan, *interest* pun kita bayar kepada Bestinet.

Tan Sri Shamsul Azri bin Abu Bakar [KSN]: Okey, YB. Terima kasih. Saya rasa, kenyataan yang mengatakan tak ada liabiliti kepada kerajaan itu memang tak tepat *because former* Peguam Negara melalui surat 21 Februari 2024 menyatakan telah wujud kontrak di antara kerajaan dengan Bestinet dari segi undang-undang dan ikatan kontrak telah wujud antara pihak-pihak.

Terdapat keperluan untuk menandatangani satu perjanjian formal bagi memperuntukkan terma dan syarat perjanjian dengan jelas supaya menjaga kepentingan kerajaan. Walau bagaimanapun, sehingga kini tiada perjanjian formal ditandatangani oleh pihak kerajaan.

Very clear. Surat ini kita dah serah kepada PAC, memaklumkan pandangan AGC kenapa kita perlu selesaikan tuntutan daripada Bestinet ini. Ada. Pandangan Peguam Negara, 21 Februari 2024. *Very clear.*

Tuan Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]: *And* datang kepada *numbers* itulah ya. Kalau sekarang, *the next six years*, enam tahun akan datang, dari segi penyelarasan enam tahun ini, RM85, enam tahun yang sebelum ini RM130. Ya lah, kalau masuk *interest* dan sebagainya itu.

Cuma, rasa macam tak logik di sini. Dari segi enam tahun yang akan datang, RM85. Enam tahun yang sebelum ini, RM130 lah dari segi caj itu. *Number is* tak nampak macam dia ada penyelarasan dari segi *future*. Patut, *future* lebih-lebih lagilah. Ini yang ke belakang lebih mahal daripada *future*.

Tan Sri Shamsul Azri bin Abu Bakar [KSN]: YB, yang saya katakan tadi, kita kena faham ada dua. Satu, kerugian atas kegagalan. Kerugian kepada syarikat atas kegagalan kerajaan menepati LOA yang telah dikeluarkan. *That one*, RM130. So, yang kedua ini adalah untuk dia beroperasi daripada 2024 sehingga 2030. *That one*, RM85.

So, RM85 ini dia ada elemen macam satu, dia dah keluar modal untuk buat sistem ini RM234 juta. Dia juga akan buat teknologi *refresh*, RM300 juta. Dia ada juga kos ekuiti. *Then*, dia ada juga *operation cost*. So, *that's why* dia letak RM100 tetapi kita *nego-nego* dengan dia, kita dapat RM85. Mula-mula, dia minta RM100. So, kita *nego* boleh turun RM15.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Okey, Tan Sri. Saya nak— maksudnya, *statement* Tan Sri itu, saya nak *make it to statement*. Maksudnya, majikan sekarang dan juga majikan yang akan datang ini, selama enam tahun memang dia kena bayar lebih untuk *cover* sekali untuk *reimbursed* kepada syarikat disebabkan oleh kegagalan pihak kerajaan.

Tan Sri Shamsul Azri bin Abu Bakar [KSN]: Kerajaan. Untuk *honour* kita punya LOA itu.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Faham. Tadi, Tan Sri beritahu, perolehan tadi adalah perolehan biasa. Bukannya PFI, kan? Kenapa tak ada...

Tan Sri Shamsul Azri bin Abu Bakar [KSN]: Bukan *privatisation*. Dia bukan *privatisation*.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Okey. Kenapa tak ada ikatan kontrak dimuktamadkan pada tahun 2018 dan kenapa tak dilibatkan ataupun mendapatkan pandangan daripada pihak MoF sebagai agensi pusat yang mengawal selia segala perolehan kerajaan?

Tan Sri Shamsul Azri bin Abu Bakar [KSN]: Nak jawab 2018 itu payah sikitlah, YB. *[Ketawa]* Nak jawab peristiwa kenapa tak muktamad 2018 itu, saya rasa itu jawapan itu sepatutnya dijawab oleh KDN lah.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Sebagai KSN sekarang ini, Tan Sri bagi pandangan Tan Sri boleh?

Tan Sri Shamsul Azri bin Abu Bakar [KSN]: Saya rasa KDN lagi sesuai sebab pandangan saya mungkin salah. Saya mohon maaf.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Saya pun nak tahu juga daripada KDN sebab yang sebelum ini, KDN datang, dia jawab lain kan? Dia kata, tak ada obligasi.

Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: *Obligation*. Saya sahkan, itu yang jawapan KDN.

Tan Sri Shamsul Azri bin Abu Bakar [KSN]: KDN mana yang kata tak ada obligasi ini? Boleh tahu nama KDN itu?

Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: Ya. Dia kata, tak ada dari kerajaan.

Tan Sri Shamsul Azri bin Abu Bakar [KSN]: Nama KDN.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Saya nak minta jawapan daripada— wakil daripada KSU. Daripada KSU KDN.

Tan Sri Shamsul Azri bin Abu Bakar [KSN]: Mungkin Dr. Hebat boleh jawab sebab dia daripada 2018 dia ada ini. Dr. Hebat.

Dr. Hebat Hisham bin Mohd Yusoff [Kementerian Dalam Negeri (KDN)]:

Assalamualaikum Tan Sri, YB Pengerusi dan juga rakan-rakan sekalian.

Kenapa kita tak *sign* pada— kegagalan kerajaan untuk *sign* untuk tempoh 2018 sehingga 31 Mei 2024 adalah kerana tiada kesepakatan tentang harga yang sepatutnya dikutip oleh syarikat. Sebab, kerajaan pada masa itu berfikir RM100 itu terlampau banyak dan kita *stand guided by the advise from UKAS* yang mengatakan bahawa kos yang sepatutnya kita bayar adalah RM86 sahaja. So, itu poin pertama.

Poin kedua adalah kurang tepat kalau kita maklumkan tiada penglibatan MoF. Untuk Jawatankuasa Induk, diberi kuasa untuk kita memanggil mana-mana individu yang kita rasa boleh membantu kita dalam memuktamadkan kontrak yang sedia ada. Wakil MoF memang ada dalam beberapa *meeting* di peringkat jawatankuasa dan juga kumpulan kerja. Terima kasih.

Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: Datuk Wira, boleh saya tanya KDN lah? Okey. Masa itu, AGC pun ada dalam jawatankuasa kan? Ada tak AGC menekankan bahawa ini adalah satu perjanjian— *obligation, as far as the government is concerned* dengan Bestinet ini?

Maknanya, perlu ditandatangani walaupun dia ambil masa berapa— mungkin lama sikit sebab ini pasal nak *figures* kan? Nak *negotiate* dengan *figures* itu tetapi *at the end of the day*, dia bukannya enam tahun berlalu tanpa diambil tindakan. So, apa komen KDN?

Dr. Hebat Hisham bin Mohd Yusoff [KDN]: Dia pendirian KDN dalam hal ini YB, macam saya kata tadi. Kita memang ada mesyuarat dan juga sesi konsultasi. Bukan sahaja dengan MoF tetapi juga dengan beberapa kementerian. Bukan kita tak usaha untuk memuktamadkan kontrak tersebut tetapi tiada kesepakatan dalam penentuan harga.

Itu adalah antara punca utama kenapa kita tak *sign* dan dia pun tak nak *sign*. Hinggalah membawa kepada tamatnya kontrak pada 31 Mei 2024 tersebut.

Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: Siapa yang ada kuasa untuk pastikan *that's it*, RM90 kah RM85 kah RM100 kah? *Who has that magic* kuasa untuk kata, "Okey". Kita dah lama dah ini, *negotiate* ini. Masa berjalan. So, kalau tak, *this kind of thing will happen*. Dia akan minta lain-lain ini kan? *Lost of opportunity* ke apa benda panggil ini kan, kos ini. So, ada tak?

Dr. Hebat Hisham bin Mohd Yusoff [KDN]: YB kena faham. Kontrak adalah melibatkan dua parti. *Willing buyer and willing seller*. Sekarang ini, titik pertemuan di antara *the so-called buyer and the seller* itu tak ada. So, macam mana kita nak kontrak? Kontrak tidak boleh di-*proceed* oleh seorang sahaja entiti. *That's the basic*.

Sebab itu, kita memerlukan persetujuan, bukan sahaja daripada kerajaan tetapi juga daripada syarikat. Barulah, termeterainya kontrak.

■1250

Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: Kena tanya AGC. So kalau seorang sahaja— dua-dua ini tak *agree*, tak tandatangani, *as far as the government is concerned* lah, *Malaysia is concerned*. *Isn't that a kind of defect* yang memang tadi *win-win*? Dia tak boleh nak *demand* kita banyak-banyak *because* dua-duanya tidak bersetuju sampai dia mengambil masa yang begitu panjang. *It should be less than what is* apa yang kita kena bayar ini.

Dato' Mohd Dusuki bin Mokhtar [AGC]: Rakan saya Tuan Mohamad Onn akan menjelaskan mengenai perkara tersebut YB.

Tuan Mohamad Onn Abdul Aziz [Jabatan Peguam Negara (AGC)]: Assalamualaikum Yang Berhormat Datuk Wira. Sebenarnya rundingan tentang KDN ini dah berlarutan satu tempoh yang agak panjang. Kami di *Chambers* dilibatkan akhir tahun 2023. Sepanjang tempoh tersebut kami konsisten mengatakan SST itu adalah mengikat. So bila SST mengikat, cuma kaedahnya untuk kita *formalize*-kan secara bertulis. Di situlah berlakunya ketidakpersetujuan antara dua pihak. Antara KDN dan syarikat. Tapi dia tak mengubah status SST itu yang masih mengikat. Ini dah terikat dah. Bila kita nak berunding dengan kita syarikat, kita sekarang ini berada *at the losing end*. Sebab kalau kita tak bersetuju dan kita biarkan SST itu tamat, syarikat akan failkan tuntutan ganti rugi terhadap kerajaan. Dia punya *exposure*-nya seperti mana dijelaskan oleh Tan Sri KSN tadi. *RM1.5 billion and plus, plus, plus*. Difailkan di mahkamah, kita tak boleh nak *control* dah dia punya *figures* itu.

Untuk kita *minimise*-kan dia punya impak itu, perkara ini telah dibawa di peringkat dasar ke pihak kerajaan untuk membantu bagaimana kita boleh mengelakkan kerajaan daripada menanggung rugi tuntutan yang dibuat oleh syarikat.

As far as Chambers is concerned Yang Berhormat Datuk Wira, kita secara konsisten beritahu SST ini adalah satu dokumen yang mengikat. *Agreement* yang patut disusuli, dirundingi itu adalah satu bentuk formaliti sahaja. Lain lah dalam kes SST yang tidak mengikat. Mungkin kita akan ada pandangan yang berbeza. Dalam kes ini dia tidak begitu keadaannya. Seperti mana diberitahu oleh Tan Sri KSN dan juga Datuk AG, *as far as* harga yang sesuai itu kita serahkan pihak dasar untuk tentukan. Terima kasih.

Datuk Ali anak Biju [Ahli PAC]: Pengerusi...

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: Datuk Wira...

Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: *Okay decent point Tan Sri KSN. Fresh start way forward. Lessons learnt* daripada kejadian ini supaya benda macam ini sepatutnya boleh dielakkan. Supaya dasar ini boleh diberitahukan kepada semua yang entah apa-apa yang akan datang. SST ini sampai enam tahun, 10 tahun apa benda lagi, kan? Dia mengikat walaupun tak ditandatangani. *I think* semuanya kena *clear* ini Tan Sri. *It is part of— it is a very expensive lesson.* Terima kasih.

Tan Sri Shamsul Azri bin Abu Bakar [KSN]: Untuk makluman Yang Berhormat, saya memasukkan dalam kerangka reformasi saya. Dasar perolehan saya bawa masuk. Kalau buka buku yang saya tulis itu, *My 100 Days* itu memang saya sebut. *Improvement of Perolehan.*

Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: Hujung tahun itu tak boleh kah dia direformasikan kepada kurang sikit?

Tan Sri Shamsul Azri bin Abu Bakar [KSN]: Macam mana?

Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: *[Ketawa]* Yang kata tadi kalau *privatisation must be seven years and above*, kan?

Tan Sri Shamsul Azri bin Abu Bakar [KSN]: Memang itu syarat dia, *privatisation, seven years.*

Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: Tak. Tak boleh ditukar kah?

Tan Sri Shamsul Azri bin Abu Bakar [KSN]: YB boleh lah *proposed* dekat kerajaan untuk tukar. *[Ketawa]*

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: YB Saratok. *Then* Bayan Baru.

Datuk Ali anak Biju [Ahli PAC]: Terima kasih Pengerusi. Saya ada *confuse* sikit sebab harga yang RM215 ini tadi. *We back to the figure* tadi. RM130 adalah pemulihan kos. RM85 harga asal. Maknanya *the difference between* RM180 dengan RM130 adalah RM45. 52 peratus. 50 peratus lebih daripada harga asal. Jadi apakah justifikasi RM130 ini? Kenapa tak RM85 sebab *company* dah *accept* RM85. Jadi kenapa bagi dia RM130? Macam apakah pengiraan dia sehingga RM130 bukan RM85 seperti yang dia setuju itu.

Tan Sri Shamsul Azri bin Abu Bakar [KSN]: YB *sorry*. YB yang ini kita dah jelaskan berdasarkan slaid ini. Slaid depan kita dah jelaskan kenapa RM130. Slaid kat depan ini. RM130 kali dua juta pekerja kali enam tahun. RM1.56 bilion *in which* yang dia minta adalah RM1.572. Ini kita dah jelaskan tadi *very clear*. *Based on* berdasarkan jumlah sebenar. Cuma 2024 itu kita pakai *prorate because at that time* kita tak dapat *figure* dia.

Datuk Ali anak Biju [Ahli PAC]: Maknanya kita setuju dengan *final figure* itu. Yang lain itu *adjust—* RM130 itu bergantung dengan *final figure* itu.

Tan Sri Shamsul Azri bin Abu Bakar [KSN]: RM130 adalah berdasarkan tuntutan syarikat atas kerugian kita gagal...

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Muktamadkan perjanjian.

Tan Sri Shamsul Azri bin Abu Bakar [KSN]: Janji kita tak ditepati. Kita bagi kat orang surat LOA 15 Januari kita tak *follow*. Itu masalah kita. *We failed to honour*.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Itu adalah khilaf kerajaan. Tan Sri mengaku ya?

Tan Sri Shamsul Azri bin Abu Bakar [KSN]: *Our fault. Our fault* seperti mana yang disebutkan oleh Peguam Negara *it is our fault*.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Ya. Faham.

Tan Sri Shamsul Azri bin Abu Bakar [KSN]: Dia memang dah mengikat. *That's why* susah nak runding. *Then we tried our best* untuk turunkan harga dan *we managed* daripada RM100 kita berjaya turunkan RM85.

Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]: Datuk Wira Pengerusi. Susulan daripada soalan Saratok. Saya bukan *lawyer*. Saya *loyar* buruk. Jadi saya pun tak berapa faham.

Tan Sri Shamsul Azri bin Abu Bakar [KSN]: Sama YB. Saya pun bukan *lawyer* YB.

Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]: Jadi saya tengok apa yang dituliskan dalam SST itu dalam para 5 dia kata kerajaan tidak bertanggungjawab terhadap apa-apa kos atau perbelanjaan. Para 5.2 pun dia kata kerajaan juga berhak untuk tidak meneruskan atau menangguhkan pelaksanaan cadangan projek atau mengubah *bla bla bla*. Maksudnya SST ini *actually government is protected*. Saya nampak bahawa tetapi *of course the best lawyer in the country is AG Chambers*. *AG Chamber* memberi pandangan bahawa terikat lah. *Okay I accept that*. Cuma apabila kita masuk rundingan *can we get a better deal?* Kerana SST itu memang— ini adalah rundingan terus dengan Bestinet.

Jadi saya nampak bahawa dia macam orang-orang yang akan datang itu kena *punished by the old mistakes*. Itu pandangan peribadi saya. Okey jadi soalan saya kepada Tan Sri adalah sekarang RM215 itu dia caj ada kategori apa, sekarang? ePass kah, caj kah tentang apa kepada majikan akan datang.

Tan Sri Shamsul Azri bin Abu Bakar [KSN]: Dr. Hebat. Minta KDN jawab.

Dr. Hebat Hisham bin Mohd Yusoff [KDN]: Terima kasih Tan Sri. Apa yang kita bayar seperti mana yang telah dijelaskan oleh Tan Sri KSN tadi syarikat tidak mengutip apa-apa kutipan. Cuma dia masuk dalam sistem dan akan yang *collect*-nya adalah MyIMMs. Apa yang kita kembalikan kepada syarikat adalah melalui

pembayaran caj perkhidmatan berdasarkan bilangan PLKS. Sebab PLKS merupakan instrumen yang paling tepat untuk kita buat bayaran adalah kerana ia adalah berdasarkan daripada *report* yang kita terima daripada MyIMMs, daripada JIM itu sendiri.

Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]: Maksudnya dulu tak ada caj ini. Baru ini adalah caj yang baru PLKS ini?

Dr. Hebat Hisham bin Mohd Yusoff [KDN]: Dulu sebab kita tak sains kontrak. Macam mana kita nak bayar tanpa kita sains kontrak. Untuk kontrak yang baharu ini, barulah elemen RM215 yang tadi itu yang Tan Sri KSN maklumkan. RM215 itu adalah terdapat dua komponen. RM130 untuk syarikat dapat balik kerugian yang berlaku di antara 2018 sehingga 31 Mei 2024. Untuk yang kontrak baharu, *basically* apa yang tercatat adalah RM85 sahaja.

Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]: Saya nak tanya kita hadkan kepada dua juta sahaja kah atau lebih daripada— sebab sini saya tengok bahawa dia berdasarkan kepada dua juta pekerja. Jadi kalau katakan tahun depan kita— dan akan-akan datang. Katakan tahun depan kita tiba-tiba tambah tiga juta pekerja. Adakah tiga juta pekerja itu di caj juga RM215 dan kita hanya bayar kepada Bestinet dua juta pekerja sahaja.

Dr. Hebat Hisham bin Mohd Yusoff [KDN]: YB seperti mana yang telah dijelaskan sebelum ini, bilangan ataupun keberadaan pekerja asing dalam negara dia adalah mengikut dasar yang telah dibuat oleh KE iaitu tidak boleh lebih daripada 15 persen daripada total *workforce of Malaysia*. Sekarang ini kita dapat dalam 2.4 juta. Untuk yang akan datang YB, kita ada satu polisi berkenaan dengan *multitier levy* yang membawa maksud sekiranya majikan nak mengambil pekerja asing ramai, dia kena bayar lagi mahal, di mana kenaikan dalam MTL tersebut yang paling minimum adalah RM300, YB.

■1300

Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]: Okey, saya tanya soalan ini kerana saya nak jaga kerajaan juga kerana kalau katakan kita kurangkan— okey, katakan kita kurangkan daripada RM2 juta, yang *shortfall* itu adakah kerajaan terpaksa bayar kepada Bestinet?

Dr. Hebat Hisham bin Mohd Yusoff [KDN]: YB, dalam kontrak yang baru ini kita tidak ada siling, nilai siling ataupun *floor rate*. Siling tidak ada, *floor rate* pun tidak ada. Cuma RM2 juta yang kita maklumkan pada sesi lepas adalah untuk pengiraan sahaja. Jumlah RM2 juta tersebut kebarangkalian untuk bertambah adalah sangat sedikit. Mengurang ya. Kerana apa kita mengurang? *We are moving towards mechanization*, perkara-perkara tersebut. Akan ada satu polisi daripada KE

yang dulunya kita amalkan *bottom up* tapi sekarang adalah *top down* di mana keperluan pekerja asing akan ditentukan oleh KE sendiri sedangkan praktik sebelum ini adalah berdasarkan permintaan industri dibawa kepada AKS barulah dibawa kepada KE. *No more bottom up* tetapi *top down*. Ini polisi yang telah dipersetujui.

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: Datuk Wira Pengerusi, boleh saya sambung sikit ya? Tan Sri, saya sambung sikit. Saya nak pergi ke satu minit mesyuarat yang memutuskan RM215 itu. Mesyuarat itu pada 26 Julai 2024 yang dipengerusikan oleh Ketua Pengarah UKAS, sekarang KSN bagi Malaysia. Tahniah.

Perkara yang dibincangkan muka surat 2, 2-1, rundingan kadar tawaran. Pertama, Bestinet menawarkan kadar caj sebanyak RM230 iaitu penurunan sebanyak RM1. Mungkin sebelum itu dia RM231 lah *kut*. Jadi turun RM1 tinggal RM230 ya. Daripada tuntutan awal yang dikemukakan melalui surat kepada Kementerian Dalam Negeri bertarikh 20 Jun 2024.

Seterusnya UKAS memberi tawaran balas kadar sebanyak RM200 selaras dengan tawaran dalam Mesyuarat Jawatankuasa Runding Harga Pelaksanaan FWCMS pada 24 Julai 2024. Namun begitu, perbincangan lanjut mesyuarat bersetuju mencadangkan kadar sebanyak RM215 dan cadangan ini dipersetujui oleh Bestinet. Yang ini pun kita tak tahu macam mana *they arrived at RM215*. Belum disebut, tidak disebut di sini.

Seorang Ahli: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: Saya nak teruskan Tan Sri, saya nak teruskan. Tawaran kadar RM215 ini akan menjadikan kadar baru bagi fi pemprosesan sebanyak RM253. Jumlah ini juga merangkumi bayaran sebanyak RM38 kepada kerajaan. Sekiranya pekerja asing menggunakan perkhidmatan MyEG, bayaran ini berjumlah RM18, ertinya RM20 lagi pada kerajaan ya. Itu persoalan pertama. Mohon Tan Sri beri ataupun pasukan Tan Sri berikan pencerahan tentang apa yang saya bacakan tadi.

Kemudian saya hendak pergi kepada— bila kita putus RM215, sebenarnya yang *the current one and next six years* ialah RM85 Tan Sri ya, RM85 ya. Ertinya bezanya RM130. Di RM130 ini pemahaman saya ialah untuk membayar pemulihan yang tidak digunakan selama enam tahun sebelum ini. Cuba bayangkan kita nak *backdated* bayaran RM130, sedangkan *the future only RM85*. *Why we pay* sampai RM230? *Because of the loss of opportunity* yang Tan Sri sebutkan tadi. Itu soalan saya yang sebut kedua. Pertamanya mengenai minit mesyuarat itu yang menyebut RM253 dan juga macam mana diputuskan daripada RM200 kita minta, lepas itu ia dicadangkan oleh Bestinet RM215. Terima kasih.

Tan Sri Shamsul Azri bin Abu Bakar [KSN]: Terima kasih Yang Berhormat. Kalau Yang Berhormat tengok mesyuarat kita itu mula 6.45 malam, 26 hari bulan itu. Panjang sampai— memang panjanglah *meeting* itu untuk kita setuju RM215 itu. Memang panjang. Kita minta RM200, dia minta RM230. Memang panjang. Saya ingat dekat pukul 10 baru kita selesai, RM215. *Then, company* itu kata okey *RM215, we will drop our charges. Itu the last word* itu. *That is why* kita kata okey, kita akan bawa ke *committee RM215. Three hours plus if I'm not mistaken* kita bincang benda ini sahaja.

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: Sungguhpun minit mesyuarat pendek Tan Sri tapi *I'm sure there are very a lot deliberation*.

Tan Sri Shamsul Azri bin Abu Bakar [KSN]: Masa itu memang...

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: *Deliberation, a lot of deliberation*.

Tan Sri Shamsul Azri bin Abu Bakar [KSN]: *Very tense, very tense meeting, very tense*.

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: *All right, all right. Okay*.

Tan Sri Shamsul Azri bin Abu Bakar [KSN]: Okey, yang dimaksudkan RM253 ini YB, pada masa itu kita tak tahu lagi kedudukan kerajaan sama ada nak sambung tak sambung MyEG. MyEG punya *charges* RM38. So, kalau kita tidak bagi *exclusivity* kepada Bestinet *at that time*, dia akan jadi *RM215 plus RM38. That is why* kita dapat RM253. Sebab masa itu MyEG cas RM38, *if I'm not mistaken*.

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: So, *RM253 itu not relevant anymore now?*

Tan Sri Shamsul Azri bin Abu Bakar [KSN]: *No, no. The figure is RM215 because kerajaan decide no more MyEG after— bila?*

Seorang Ahli: Februari. *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tan Sri Shamsul Azri bin Abu Bakar [KSN]: *February. After February next year. Next year.*

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: *So, the money RM38 supposed to go to government* itu tidak dapatlah?

Tan Sri Shamsul Azri bin Abu Bakar [KSN]: Macam mana itu KDN?

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: *RM38 supposed to go to the government?*

Beberapa Ahli: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Dr. Hebat Hisham bin Mohd Yusoff [KDN]: Tan Sri, seperti mana yang dijelaskan tadi, apa yang perlu dibayar oleh majikan ada empat perkara. Satu, adalah

levi. Levi ini adalah dia mengikut sektor. Sebagai contoh, kalau ladang atau pertanian levinya hanyalah RM680. Itu satu. Nombor dua apa yang juga dibayar oleh syarikat adalah visa. Visa ini pun berlainan mengikut negara sumber. Sebagai contoh, India RM50, Indonesia RM20. Nombor tiga apa yang dibayar oleh majikan adalah *processing fee*, RM120. Yang keempat adalah RM60 iaitu pembayaran untuk pas. Semua nilai tersebut akan dibayar oleh majikan melalui sistem FWCMS tetapi proses bayaran sebenar berlaku di dalam sistem kerajaan seperti mana yang telah dijelaskan oleh Tan Sri KSN tadi.

So, sebenarnya kita ada dua, ada beberapa cara untuk kita tampung balik apa yang kita nak *reimburse* kepada syarikat tersebut. Mungkin satu, seperti mana yang dijelaskan tadi adalah menerusi MTL tersebut di mana kenaikan minimum adalah RM300 sahaja. Nombor dua adalah berkenaan dengan nilai untuk sektor tersebut dan juga visa. Sebab sekarang ini visa yang paling mahal hanyalah RM50 untuk India, dan RM20 untuk Indonesia. So, kita boleh jadikan itu sebagai asas untuk kita kaji balik kadar-kadar yang kita kenakan sebab *last* sekali, kita semak kadar tersebut adalah pada 2002 YB.

Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]: Kalau boleh saya...

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Okey, sebelum saya bagi kepada...

Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]: *Sorry*, susulan soalan ini saya nak tanya Datuk Wira Pengerusi. Maksudnya RM215 ini dia akan *absorb* dalam levi, visa, *processing fees* dan EPASS?

Dr. Hebat Hisham bin Mohd Yusoff [KDN]: Ya. *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]: Dia masuk ke dalam itu untuk di caj kepada majikanlah?

Dr. Hebat Hisham bin Mohd Yusoff [KDN]: Ya YB. *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]: Okey, terima kasih.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Sebelum saya bagi kepada Shah Alam, saya nak tanya kepada KP Imigresen. Boleh tak beritahu, berapakah jumlah yang terkumpul dalam akaun kerajaan untuk pas PLKS yang dikutip daripada Jabatan Imigresen daripada tahun 2018 sampai 2024? Ya.

Datuk Zakaria bin Shaaban [Kementerian Dalam Negeri (KDN)]: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Sebenarnya maklumat itu saya tidak ada sekarang. Tapi kita boleh bagi kemudianlah. Kalau...

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Datuk KP boleh *call kut*, boleh *call* pegawai boleh *check* lepas itu boleh maklumkan kepada kita sementara tunggu ini. Boleh? Terima kasih. Okey Shah Alam.

Tuan Haji Azli bin Yusof [Ahli PAC]: Terima kasih, lama tunggu. *[Ketawa]*

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Tak dapat passport. *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Haji Azli bin Yusof [Ahli PAC]: Tidak dapat passport. Terima kasih Datuk Wira Pengerusi, Tan Sri dan semua. Berkenaan dengan rundingan awal rasanya daripada prosiding yang sebelum ini, saya mengandaikan bahawa memang di pihak KDN ingin nak memuktamadkan terma perjanjian itu berdasarkan kepada RM100. Tetapi apabila dirujuk kepada UKAS pada masa itu, UKAS berpandangan RM85, RM86. Harga yang ditawarkan dalam SST ialah RM100.

Tapi hari ini Tan Sri menyebutkan bahawa bukanlah pandangan UKAS itu tidak terpakai tetapi maksudnya cara rundingan itu tidak boleh mengambil kaedah UKAS kerana ia hanya enam tahun bukan tujuh tahun. *So, in the first place, why* pihak KDN nak terikat dengan pandangan UKAS itu kerana memang daripada awal pun bukan kontrak yang dikira sebagai penswastan kan. Itu satu, yang pertama.

■1310

Keduanya, sekarang ini kerajaan telah mengambil pendirian bahawa fi yang dikenakan ialah RM215 untuk tempoh enam tahun yang akan datang untuk menyelesaikan urusan dengan Bestinet. Selepas tempoh enam tahun nanti, adakah RM215 ini akan terus digunakan untuk pembayaran fi kepada setiap pekerja yang akan dibawa masuk. Maknanya ada dua kadar kemungkinan lah.

Maknanya kemungkinan yang pertama kita hanya kenakan RM215 ini sebab nak selesaikan Bestinet. Keduanya habis, habis tak ada lagi. Keduanya kalau kita teruskan maknanya ada keuntungan untuk kerajaanlah selepas daripada itu sebab kerajaan yang akan *collect the fee*. Terima kasih, Tan Sri.

Tan Sri Shamsul Azri bin Abu Bakar [KSN]: Terima kasih Yang Berhormat Shah Alam. Pertama ini tentang— soalan yang pertama ini *very subjective*. Pada ketika UKAS diminta memberi ulasan, kita memberi ulasan berdasarkan maklumat yang ada pada kita dan berdasarkan jika projek ini dibuat secara *privatisation*. *So*, pada pandangan kita kadarnya sepatut RM85. *Sorry*, RM86. Akan tetapi sebenarnya ia bukan *privatisation because* tempohnya kurang daripada tujuh tahun.

Maka, terpulanglah pada agensi sama ada *you* nak *honour*, tak *honour* tapi *the most important thing* bila dalam SST ini dah sebut RM100, takkan ada *company* akan turunkan, dia akan *stick to RM100* juga *because* kerajaan dah tulis RM100 ya. *That is why company* kata *no*. *That is my opinion*-lah, *because* takkan syarikat itu

kata kerajaan dah setuju bagi RM100, tak apalah / pergi RM85 lah kan, *I don't think so*. Realiti.

Okey, yang kedua. Kerajaan kata *extension* ini sampai 2030 *and that's it, no more. And then upon*— ketika menghampiri tamatnya tempoh, Bestinet kena serahkan *the whole system* pada kerajaan. *So no more*— tapi lagi enam tahun ini kita tak tahulah berapa kadar diakan. *That one* saya tak boleh jawablah *RM215 or not*. Terima kasih, Yang Berhormat.

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Ahli PAC]: Ya. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Yang Berhormat Tan Sri sedikit mungkin persoalan saya ini. Ketika mana kita dengan semangat prosiding ini ialah untuk nak memastikan bahawa penguasaan kerajaan menguruskan kemasukan pekerja asing ini adalah maknanya termaktub dan tidak di-*control* oleh pihak lain ya.

Maksudnya walaupun kita mengatakan kerajaan tidak ada kerugian dalam apa-apa hal walaupun dinaikkan jumlah tuntutan itu, tapi dari segi imej dan persepsi di kalangan rakyat itu perlu dilihat bahawa kerajaanlah yang menguasai ataupun ada hak dan ruang untuk kita mengawal kemasukan dan juga memastikan sistem kita ini berjalan dengan baik. Jadi soalan saya ini, yang Tan Sri sebut tadi berapa kali bahawa berlaku kegagalan laksana LOA yang telah dibuat sebelum itu. Jadi, adakah sudah ada tindakan— maknanya kalau kegagalan, sudah pasti ada pihak yang bertanggungjawab ya, sama ada pegawai ataupun mana-mana pihak. Jadi, di pihak kerajaan sendiri perlu melihat benda ini dengan serius kerana tidak lagi berlaku pada masa depan ya. Jadi, adakah sudah ada tindakan surcaj ataupun disiplin ataupun tatatertib kepada pihak-pihak yang maknanya gagal melaksanakan LOA ini? Itu yang pertama.

Kedua, dari segi pengiraan dalam tuntutan RM215 ini, ya saya pun tadi dengan Yang Berhormat Bayan Baru juga dengan jumlah dikira sangat ringkas itu ya, RM130 kali dua juta pekerja dan *calculate* hingga dapat RM2.790 juta. Jadi, nampak sangat *simple* kiraan dia itu kerana dia punya hasrat dia, mungkin dia kata, kalau tak dapat semua pun dapat mungkin 80 *percent* itu sudah baik untuk dia. Tetapi justifikasi pada pengiraan itu perlu diperinci saya lihat kerana kita kata seolah-olah macam tidak adillah ya.

Dia membuat tuntutan perkara yang maknanya kalau pihak majikan itu dah berlaku sebelum itu, maknanya 2018. Jadi, terpaksa ditanggung oleh majikan untuk benda yang dah lepas ya ketika kita akan mula kontrak 2025 ini. Jadi, itu perlu juga dilihat supaya kita kata kontrak yang akan dibuat ini benar-benar memberi kekuatan kerajaan untuk mengawal sistem ini dan bukan di pihak kompeni apatah lagi ketika

ini, syarikat ini sekarang ini ada pelbagai persepsi daripada seluruh dunia ya melihat isu termasuk kita dengan Bangladesh dan sebagainya.

Jadi, itu sangat pentinglah pihak kerajaan sendiri memastikan benda ini dapat difahami dengan baik oleh rakyat bahawa tidak ada apa-apa ruang *manipulate* oleh syarikat ini untuk mengaut keuntungan yang sangat besar ini. Terima kasih Tan Sri.

Tan Sri Shamsul Azri bin Abu Bakar [KSN]: Terima kasih Yang Berhormat. Saya sebenarnya tak melihat dari segi syarikat *manipulate because* kita nak menyelesaikan masalah dan kita tak nak kerajaan terbeban *unnecessarily to pay the company RM1.6 billion. Number one.*

Number two, mengenai tindakan susulan kepada mereka yang terlibat mengeluarkan surat LOA 15 Januari ini, saya serahkan kepada Ketua Setiausaha Kementerian Dalam Negeri yang baharulah untuk dia menilai dan melihat kalau perlu ditubuhkan Jawatankuasa Siasatan, maka dia akan tubuhkanlah. Sekian, terima kasih.

Tuan Syahredzan bin Johan [Ahli PAC]: Datuk Wira Pengerusi, kalau boleh ya saya nak tanya berkenaan dengan kontrak dengan MyEG ini. Saya ada tengok dokumen ini yang mana dikatakan kontrak dengan MyEG ini— tadi pun saya rasa Tan Sri ada sebut keputusan adalah untuk tidak meneruskan dengan kontrak kan dengan MyEG ini?

Saya difahamkan bahawa kontrak dengan MyEG ini adalah untuk dua tahun, *one plus one* dan nilai kontrak dia adalah dalam lebih kurang RM18 juta. Tarikh mula kontrak itu kalau saya tengok daripada dokumen ini ialah 1 Februari 2024 dan tarikh tamat ialah 31 Januari 2026. Tetapi sekarang ini setakat hari ini dan malahan prosiding sebelum ini pun kami telah dimaklumkan bahawa kerajaan telah memutuskan untuk tidak meneruskan dengan kontrak MyEG ini.

Soalan saya, adakah terdapat— sebab kita tengok sebenarnya berdasarkan prestasi dan sebagainya ya, sebab kita tengok masa prosiding yang sebelum ini telah pun dibuat keputusan dan kami diberi gambaran bahawa keputusan itu adalah disebabkan oleh kontrak dengan Bestinet inilah.

Jadi saya nak tahu sebab kalaulah kata kita tak teruskan ataupun tak bagi lagi satu lagi tahun seperti dalam perjanjian itu, adakah dan alasannya— pertama saya nak tahu apakah alasan untuk tidak meneruskan kontrak dengan MyEG ini dan kedua kalau kita tak teruskan adakah kemungkinan kita pula di saman oleh MyEG ini disebabkan kita tak bagi *option* untuk satu tahun lagi seperti dalam kontrak? Terima kasih.

Tan Sri Shamsul Azri bin Abu Bakar [KSN]: Yang ini saya rasa elok KDN jawablah ya. Sama ada Datuk Awang Alik ataupun Dr. Hebat lah.

Datuk Awang Alik bin Jeman [KDN]: Yang Berhormat Datuk Pengerusi. Seperti mana yang diperjelaskan oleh Yang Berbahagia Tan Sri KSN sebentar tadi, salah satu daripada sebab utama kenapa kita teruskan ataupun kita buat kontrak dengan Bestinet adalah disebabkan oleh jumlah yang dituntut oleh syarikat berkenaan disebabkan oleh kegagalan kita. Jadi, kalau kita teruskan dengan MyEG kita ada *double*— ada dua pula syarikat yang buat.

■1320

Jadi, kita hendak mengelakkan daripada wujudnya ataupun kita hendak *cover* balik apa yang kita kurang bayar dulu, kekhilafan kita. Jadi, kita teruskan dengan Bestinet dan kita terpaksa hentikan kontrak dengan MyEG. Kalau tidak kita ada dua. Jadi, macam *redundant*. Benda itu macam tidak betul. Mungkin Dr. Hebat kalau hendak tambah.

Dr. Hebat Hisham bin Mohd Yusoff [KDN]: Terima kasih, Datuk KSU. Untuk makluman Yang Berhormat Ahli Jawatankuasa PAC, kenapa kita putus kontrak MyEG selain daripada justifikasi kerana hak eksklusif diberi kepada Bestinet, terdapat klausa dalam kontrak MyEG itu menyatakan penyambungan campur satu tersebut adalah berdasarkan penilaian yang dibuat oleh jawatankuasa di KDN dan juga di JIM. Di situ kita ada *leeway* sikit untuk kita guna bagi menamatkan MyEG tersebut.

Saya hendak ambil kesempatan ini untuk betulkan bahawa kita tidak boleh *compare* MyEG dengan FWCMS kerana MyEG hanya menyediakan satu saja perkhidmatan iaitu PLKS sedangkan di bawah FWCMS ini, kita ada 15 modul antaranya adalah e-Embassy, eQuota semua-semua itu. Maksudnya, 15 modul berbanding dengan satu modul yang dibuat oleh MyEG.

Tuan Syahredzan bin Johan [Ahli PAC]: Sebab saya difahamkan ya Datuk, *review* itu ialah berdasarkan prestasi MyEG. Jadi, maknanya kalau kita hendak tamatkan kontrak MyEG ini ataupun kita tidak teruskan dengan satu lagi tahun, ia perlu berdasarkan pada prestasi MyEG itu dalam melaksanakan kontrak. Kalau kita ada alasan-alasan justifikasi berdasarkan prestasi MyEG itu, mungkin di situ kita boleh *justified* lah untuk kita tidak teruskan. Tetapi, kalau kita punya justifikasi adalah disebabkan kita tidak hendak ada dua sistem yang kita gunakan, saya fikir kita akan mendedahkan kerajaan kepada tuntutan daripada MyEG pula.

Sebab kalau saya difahamkan ya, ini rasanya Dr. Hebat pun ada maklumkan sebelum ini bahawa kalau ikut perjanjian dengan MyEG itu bulan yang kesepuluh

perjanjian dengan MyEG kita *review performance* dia. Tetapi sebelum bulan kesepuluh pun kita dah buat keputusan untuk tamatkan sebab kita ada perjanjian dengan Bestinet ini. Jadi, itu yang kegusaran kamilah. Sebab kita tidak hendak MyEG pula nanti saman *and then* kita pula kena bagi pampasan ataupun kita hendak bagi lanjutan dan sebagainya nanti *double* pula. Jadi, itu kegusaran kami. Terima kasih.

Tuan Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]: Saya hendak...

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Ada yang hendak respons terhadap Bangi tadi?

Dr. Hebat Hisham bin Mohd Yusoff [KDN]: Saya, YB.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Dr. Hebat, ya. Nanti ya Wangsa Maju.

Dr. Hebat Hisham bin Mohd Yusoff [KDN]: Seperti mana yang dinyatakan oleh YB Bangi sebentar tadi, dalam kontrak MyEG itu sendiri ada klausa berkenaan satu campur satu tersebut dan campur satu tersebut adalah prestasi. Di sini prestasi itu ia sangat subjektif. Ada berbagai-bagai jenis kayu ukur yang kita boleh gunakan untuk prestasi. Ia bukannya *confine* pada satu *method* sahaja. So, definisi prestasi itu yang kerajaan guna untuk menamatkan kontrak MyEG tersebut.

Tuan Syahredzan bin Johan [Ahli PAC]: Dah maklum pada MyEG? Dah maklum pada MyEG?

Dr. Hebat Hisham bin Mohd Yusoff [KDN]: Ya, ya. Sudah.

Tuan Syahredzan bin Johan [Ahli PAC]: Sudah dimaklumkan.

Dr. Hebat Hisham bin Mohd Yusoff [KDN]: Sudah.

Tuan Syahredzan bin Johan [Ahli PAC]: Apa respons MyEG?

Dr. Hebat Hisham bin Mohd Yusoff [KDN]: Sebab dalam— kita gunakan kontrak, YB. So, apa-apa *action* kita adalah berdasarkan kontrak dan di dalam kontrak terdapat klausa ditamatkan berdasarkan kepentingan kerajaan.

Tuan Syahredzan bin Johan [Ahli PAC]: Oh, okey. Dan bila pemakluman kepada MyEG ini bila?

Dr. Hebat Hisham bin Mohd Yusoff [KDN]: Saya semak dulu YB ya...

Tuan Syahredzan bin Johan [Ahli PAC]: Baik, terima kasih.

Dr. Hebat Hisham bin Mohd Yusoff [KDN]: Salinan surat itu.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Saya hendak merujuk kepada surat bertarikh 26 September 2024 yang telah pun dihantar oleh KSU KDN kepada KSP berkenaan dengan permohonan pengecualian tatacara perolehan bagi kontrak FWCMS dengan Bestinet. Boleh Datuk KSU terangkan dan juga jelaskan pada PAC berkenaan dengan permohonan pengecualian tersebut?

Datuk Awang Alik bin Jeman [KDN]: Yang Berhormat Datuk Pengerusi, yang ini berkaitan dengan perjanjian itu ya. Yang ini disebabkan oleh tandatangan perjanjian yang telah dibuat pada 3 September. Jadi, kelulusan perlu diperoleh daripada MoF untuk perolehan tersebut dibetulkanlah.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Adakah pengecualian itu dah diberikan?

Datuk Awang Alik bin Jeman [KDN]: Sudah, sudah.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Okey. Maksudnya respons daripada surat yang telah pun Datuk keluar itu pengecualiannya telah pun diberikan.

Datuk Awang Alik bin Jeman [KDN]: Sudah, sudah.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Saya hendak tanya soalan seterusnya. Kejap ya, Kubang Pasu dah pegang *mic*. Saya hendak tanya yang caj PLKS dan juga ePASS ini, bolehkah kerajaan turun ataupun naikkan dengan sendirinya tanpa ada rundingan dengan pihak kerajaan?

Sebab yang kita nampak dalam situasi pada hari ini yang terpaksa menanggung kerugian, menanggung bebanannya adalah disebabkan oleh kegagalan, kekhilafan daripada pihak kerajaan yang mana akhirnya, hujungnya majikan dan juga pekerja yang terpaksa tanggung. Jadi, bolehkah kerajaan turun naik sendiri tanpa ada rundingan dengan pihak kerajaan? Ada tidak sebarang rundingan ataupun memang tidak ada, memang *just* buat saja *then* baru hendak runding, ada sesi libat urus dan sebagainya, ataupun bagaimana? Boleh jelaskan pada PAC ataupun tidak?

Datuk Awang Alik bin Jeman [KDN]: Untuk kos yang dimaksudkan, memang setakat ini yang kita tahu, kos yang ada adalah— yang di Malaysia ini terlalu rendah ya, YB. Jadi, memang kita— kerajaan memang berhak untuk naikkan dan seingat saya telah ada keputusan untuk kita kaji berapakah kos yang sepatutnya. Memang kita berhasrat untuk naikkan sebab yang paling murah sekarang ini adalah di Malaysia.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Tahu. Rakyat, dia tidak fikir pun, majikan dia tidak fikir pun paling murah kah dekat serantau dunia kah apa dia tidak ada. Dia kira dia kena bayar ekstra lebih daripada yang lepas. Soalan saya, ada tidak sesi libat urus itu dibuat sebelum rundingan itu dijalankan ataupun kerajaan bercadang hendak buat, hendak bagi biar orang faham, “*Oh ini sebenarnya sesi libat urus*”. Ada tidak dalam perancangan?

Datuk Awang Alik bin Jeman [KDN]: Sehingga kini kita masih lagi kekal dengan harga yang lama dan memang kita— kalau kita berhasrat untuk naikkan itu,

kita memang akan buat libat urus dengan semua pihaklah terutamanya macam majikan dan sebagainya. Memang kita akan buat.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Okey. Saya hendak tanya soalan seterusnya. Saya minta maaf. Ya lah, Datuk pun baru duduk dekat KDN, malang sekali ya... *[Ketawa]*

Datuk Awang Alik bin Jeman [KDN]: Sangat malang.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Saya kata malang itu, saya belum teruskan ayat ini. Saya akan hendak teruskan ayat. Sebab KDN nampaknya ada *bad track record* dalam pembangunan dan juga perolehan sistem. Ini diketahui umum oleh semua Ahli Jawatankuasa PAC sebab kita berhadapan dengan contoh, FWCMS, NIISe, SKIN dan juga— yang ini yang setakat kita tahulah kan. Jadi, yang— mendatangkan implikasinya kepada kerajaan. Apakah punca semua ini berlaku dan apakah tindakan kerajaan untuk pastikan supaya tindakan— perkara ini tidak berulang?

Sebab kita asyik-asyik datang kepada PAC benda yang sama, sistem. Sistem dan sistem dan juga pembayaran yang kadang-kadang yang tidak munasabah. Jadi, adakah lebih sesuai perkara berkaitan dengan pembangunan sistem ini diselaraskan sendiri? Kita ada Jabatan Digital kan dekat sini? Diselaraskan sendiri oleh Jabatan Digital dan bukan *direct* kepada kementerian sendiri? So, saya hendak tahu daripada pandangan daripada Datuk KSU dan juga mungkin daripada KSN sendiri. Terima kasih.

Datuk Awang Alik bin Jeman [KDN]: Yang Berhormat Pengerusi, kalau tanya pasal punca itu, saya fikir saya tidak boleh jawablah fasal punca itu kenapa dia jadi dan sebagainya. Sebab benda itu ada yang dah lama.

Cumanya, untuk ke depan, saya fikir tindakan yang lebih ketatlah kita akan ambil sebab kita belajar daripada apa yang telah berlaku sebelum-sebelum ini. So, kita akan pastikan bahawa setiap perolehan yang kita akan buat— memang sebelum-sebelum ini pun kita melibatkan pelbagai agensi. Cumanya, ada keperluan yang besar berdasarkan kepada pelajaran yang telah kita hadapi ini untuk kita perketatkan lagi kaedah perolehan yang akan kita ambil pada masa akan datang. Terima kasih.

■1330

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Saya nak tanya pada KP JDN, mungkin nak respons untuk perkara tersebut?

Ts. Dr. Fazidah binti Abdul Bakar [Jabatan Digital Negara (JDN)]: Okey, terima kasih Yang Berhormat Datuk Pengerusi. Untuk yang ini ya, kalau kita lihat seperti yang kita telah pun dah dimaklumkan oleh Tan Sri KSN ya yang ini

merupakan salah satu agenda reformasi perkhidmatan awam. Yang mana tumpuan banyak kepada tata kelola ya. Untuk makluman, gerak kerja daripada Jabatan Digital Negara juga, kita telah mula pun sebenarnya tahun ini usaha-usaha untuk pemantapan dari aspek projek-projek ICT, ya.

Ini telah pun ada kita dah keluarkan pekeliling di mana kita bekerjasama rapat selaras dengan agenda ataupun harapan pucuk kepimpinan kita ini, aspek *whole-of-government*. Jabatan Digital Negara, kita bekerjasama rapat dengan Kementerian Ekonomi, bekerjasama rapat Kementerian Kewangan dari segi penyelarasan dan juga mengeluarkan garis panduan.

Berdasarkan banyak ini ya, pembelajaran ini, kita akan berterusan juga memberi libat urus dan juga bersama-sama dengan semualah kementerian dan kita memberi khidmat nasihat dan teknikal, penyelarasan dibuat lebih awal lagi. Pemantauan dari—sekarang pun memang pemantauan secara bulanan di peringkat kementerian dan juga dari puncak pucuk kepimpinan.

Ini ialah satu lagi perkara yang kita nampak perhatian dan kepada agenda reformasi itu dari aspek perolehan ini, kita akan mantapkan lagi. Itu saja.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Saya—bila tengok sebab bila sistem inikan enam tahun, kan? Jadi, bila sistem FWCMS ini tamat, adakah dia akan diintegrasikan dengan sistem NISe dan juga bagaimana kaedah untuk diintegrasikan sistem-sistem tersebut ataupun modul baharu dalam sistem NISe selepas enam tahun diperkenalkan untuk FWCMS? Saya nak tahu daripada perspektif Datuk KP JDN.

Ts. Dr. Fazidah binti Abdul Bakar [JDN]: Okey, untuk makluman ya, dalam berkaitan dengan perolehan ini ya, kita pun ada memberi ulasan dan kita memberi makluman awal yang pada pandangan teknikal kita dalam mana-mana perkhidmatan ataupun dalam mana projek bila modul-modul yang kita perlu diintegrasikan untuk kesesuaian dia supaya dari segi aspek jangka panjang ya, projek ini ada—pendigitalan itu berhubung ya. Ini supaya kita boleh pastikan aspek-aspek penggunaan itu secara menyeluruh.

Ini memang kita dah beri dalam ulasan kita dan kita akan pantau apabila dari masa ke semasa, kita akan minta dia punya perkembangan ya dalam pemantauan projek yang sekarang ini lah yang melibatkan semualah bukan hanya kepada kementerian ini sahaja ya.

Tan Sri Shamsul Azri bin Abu Bakar [KSN]: YB, YB Pengerusi. Kalau boleh tambah ya?

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Boleh Datuk.

Tan Sri Shamsul Azri bin Abu Bakar [KSN]: Terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya kalau kita teliti daripada sejak Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menjawat jawatan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, apa yang saya boleh sebut adalah penghayatan nilai dan tata kelola. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah mengarahkan semua jabatan, kementerian, semua perolehan hendaklah dibuat secara tender terbuka ataupun RFP terbuka.

So, the way forward adalah secara terbuka. Ini kisah lama. *That was seven years ago* punya kisah. *So, way forward* kita, kita akan *go through RFP* terbuka atau tender terbuka.

Keduanya, Kabinet pada 16 Julai telah mengeluarkan arahan, semua sistem yang melibatkan ICT dan IT ini, perlu dirujuk kepada Jabatan Digital Negara untuk ditentukan sama ada *viability* dan ia supaya tidak berlaku pertindihan dan supaya sistem yang ada ini boleh di integrasi.

So, arahan ini telah pun dikeluarkan pada 16 Julai dan buat masa ini kalau tak silap saya Jabatan Digital Negara sedang meneliti 208 projek. 208, kalau tak silap saya sehingga November ya? 208 projek. *So*, dah di teliti semua sistem-sistem yang ada ini. Terima kasih YB.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Sebelum saya beri kepada Sik dengan Wangsa Maju, kejam ya. KP JDN, boleh beritahu, selepas enam tahun FWCMS ini, sistem itu akan menjadi milik kerajaan, betul ataupun tidak? Boleh buat pengesahan. Milik...

Ts. Dr. Fazidah binti Abdul Bakar [JDN]: Ini, untuk ini, betul. Berdasarkan daripada makluman ya, perancangan daripada KDN sendiri, akan menjadi milik kerajaan lah melalui kementerian dan juga jabatan pelaksana lah. ya.

Tuan Ts. Zahir bin Hassan [Ahli PAC]: Saya tanya soalan kerana rasa tak lawas lagi. *[Ketawa]*

Beberapa Ahli: *[Ketawa]*

Tuan Ts. Zahir bin Hassan [Ahli PAC]: Kerajaan tidak memenuhi obligasi. Itu sebabnya, keadaan yang kita sedang menerima sekarang lah. Jadi, adakah kebiasaan untuk kerajaan apabila tak memenuhi obligasi itu, bayar balik macam pampasan macam ini sehinggakan *interest* pun dibayar? Pengalaman sikit yang saya ada, ada lah kes-kes sebelum saya yang tahu, kerajaan—ya lah, tidak memenuhi obligasi, kerajaan bayar.

Tapi *interest* itu, selalunya boleh *negotiate and interest* itu kita *waive*. Tapi, kali ini nampak gayanya, *interest* pun kena bayar. Jadi ini saya rasalah, kita berada dalam keadaan ini kerana SST itu. Kandungan SST itu mengikat kerajaan begitu ketat sangat sehingga *interest* pun kena bayar. Saya rasa *this a little bit odd* lah.

Sama ada penyediaan SST itu memang daripada awal dirancang untuk mengikat tangan kerajaan ataupun dalam *negotiation* itu, tak dapat kita lari daripada bayar *interest* itu. Itu soalan pertama.

Adakah kebiasaan lah, kerajaan bayar sehingga bayar *interest* lah. Ini RM252 juta itu. Soalan pertama. Kedua, skop modul yang dalam FWCMS ini ada 16, 15. *Over the past six years* ini, sama ada semua modul telah sedia, maknanya selepas tanda tangan baru-baru ini, pelaksanaan kesemua modul ini akan dijalankan serentak oleh kerana dia ada enam tahun nak siapkan ini. Atau pun modul-modul ini masih dalam peringkat— *[Dicelah]* pembinaan?

Itu yang saya nak. Maknanya, kalau lah *any of the 15* ini masih dalam peringkat pembangunan, *why in the first place*, kita bayar *full* untuk *the last six years*? Itu soalan saya. Kedua. Ketiganya, kontrak yang sekarang yang ada lah, boleh PAC minta *copy of the contract document* tak yang sekarang lah.

Seorang Ahli: Ada dah. *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Ts. Zahir bin Hassan [Ahli PAC]: Dah ada dah ya?

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Ahli PAC]: 2025. *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Ts. Zahir bin Hassan [Ahli PAC]: Okey. *Last but not least*, duit itu, sebagai liabiliti kepada kerajaan, RM215. Selepas itu, kerajaan bayar balik pada Bestinet. Kerajaan tak ambil langsung *any management fee* ya? Daripada RM215 ini. *[Ketawa]* Itu soalan yang paling senang lah. Soalan ketiga. Terima kasih,

Tan Sri Shamsul Azri bin Abu Bakar [KSN]: Terima kasih Yang Berhormat. Saya tak tahu sama ada jawapan saya akan melawaskan suasana. *[Ketawa]* Tapi saya cubalah. *[Ketawa]* Bila kita tanya adakah ini— susah nak jawab. Soalan itu very subjektif. Ini cerita ini, cerita 2018. Susah nak jawab. Tetapi dari segi kenapa kita, kita mengadakan rundingan dengan syarikat ini, seperti yang saya kata tadi, kita tak nak supaya kerajaan kena keluarkan duit *RM1.6 billion*.

Kedua, memang kerana SST ini memang dah syarikat ada banyak kuasa, banyak kelebihan atas kerajaan. Berdasarkan pada pandangan AGC pada 21 Februari, memang dia telah mengikat pun. *They are the upper hand...*

Tuan Ts. Zahir bin Hassan [Ahli PAC]: *Even up to the interest* pun kita kena bayar? Macam begitu sekali?

Tan Sri Shamsul Azri bin Abu Bakar [KSN]: Ya lah.

Tuan Ts. Zahir bin Hassan [Ahli PAC]: *Is it because— okay, it is a norm for* kerajaan untuk bayar pampasan *up to the stage of interest* pun bayar. *Is it a norm?* Atau pun tidak?

Tan Sri Shamsul Azri bin Abu Bakar [KSN]: *Norm* itu tak tahu tapi kena *court case* lah. Kena tengok *court case*. Ada yang kena, ada yang tak kena. Kita tak tahu lah dah berapa banyak kes yang kerajaan yang bayar tuntutan, terlampau banyak. Tetapi memang ada yang kerajaan kena bayar *interest*, yes. *Especially* yang melibatkan *land acquisition*.

Tuan Ts. Zahir bin Hassan [Ahli PAC]: Fasal skop, fasal skop itu, nak tanyalah sama ada dah siap kah atau tak siap ataupun masih...

Tan Sri Shamsul Azri bin Abu Bakar [KSN]: Silakan ini, Dr. Hebat.

Dr. Hebat Hisham bin Mohd Yusoff [KDN]: Terima kasih...

Tan Sri Shamsul Azri bin Abu Bakar [KSN]: Dia memang hebat lah. Dia boleh jawab. Sebab itu dia hebat. Dr. Hebat. *[Ketawa]*

Dr. Hebat Hisham bin Mohd Yusoff [KDN]: Terima kasih Tan Sri, YB Pengerusi. Berkenaan dengan ketersediaan modul tersebut, untuk makluman YB, pada 1 November 2024, kita pun dah guna semuanya modul-modul tersebut. Sebab itulah, kontrak kita dengan Bestinet, bukan kontrak pembangunan sistem. Tetapi, kontrak pembayaran perkhidmatan.

■1340

Maksudnya, 1 November tersebut kita dah guna dan secara tak langsung menjawab soalan YB ketersediaan modul-modul yang ditawarkan oleh syarikat. Tetapi, kita kerajaan juga ada klausa yang membolehkan kerajaan untuk pinda *tweaking here and there just to suit the interest of the government*, YB.

Tuan Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]: Okey.

Dr. Hebat Hisham bin Mohd Yusoff [KDN]: Sebab itu dibenarkan dalam kontrak melalui *chain request*, semua itulah YB.

Tuan Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]: Adakah kerajaan *verify* sama ada semua modul ini telah siap bila, lebih awal? Kita bayar *the full system implementation* kesemua modul itu. Sebab itu, kita bersedia untuk bayar RM130 itu. Okey?

Jadi, persoalan saya, bila semua 15 modul siap untuk digunakan tetapi tak digunakanlah, tetapi bila modul-modul ini siap? Ada *verification* tahun bila dibuat tak? Sama ada dia baru siap 2018 ataupun 2019 atau 2020 dan sebagainya.

Dr. Hebat Hisham bin Mohd Yusoff [KDN]: Sebagaimana yang saya *explained* tadi, sebab itulah kita kata kontrak ini adalah kontrak perkhidmatan, bukan kontrak pembangunan sistem. Kalau sistem tak siap, ya, kita suruh syarikat bangunkan. Yang itu adalah kontrak pembangunan sistem.

Tetapi, sekarang ini adalah kontrak pembayaran perkhidmatan. Membawa maksud bahawa modul-modul tersebut telah tersedia digunakan. Berdasarkan

kepada tindakan terkini, pada 1 November kita dah guna modul-modul yang ditawarkan oleh...

Tuan Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]: Saya faham. 1 November memang dah siap semualah. Persoalannya, kita bayar RM130 untuk enam tahun yang terdahulu. Jadi, bilakah keseluruhan 16 modul, 15 modul itu telah siap? Kerana, SST yang asal adalah membangun, membekal, menyedia dan menyelenggara.

Jadi, bila modul-modul yang 15, 16 ini siap? Dah buat verifikasi tak? Oleh kerana kita bayar *full amount* ini. Kita *full amount* daripada *day one of 2018*. Itu soalan saya. Maknanya, kita *agreed to pay the full amount*. Walhal, SST itu adalah kontrak untuk membangun, membekal, menyedia dan menyelenggara. Maknanya, ada *element of* membangun.

Jadi, *why do we pay full?* Walhal di antara 2018 hingga 2024 ini, semasa itu bukan untuk guna, untuk membangun lagi. Itu soalan saya. *First of November 2024*, saya akui memang dah siap tetapi bila kita *actually* siap? Terima kasih.

Dr. Hebat Hisham bin Mohd Yusoff [KDN]: Berdasarkan kontrak 2018 hingga Mei 2024 YB, memang kita ada membangunkan dan syarikat juga telah menyediakan modul-modul secara keseluruhan.

Dr. Hebat Hisham bin Mohd Yusoff [KDN]: Tetapi, penggunaan modul dalam tempoh tersebut, kita tak guna. Kita hanya guna beberapa modul sahaja. So, disebabkan pada ketika itu, sistem masih lagi awal, sebab itu kita benarkan pembangunan di-*integrate*-kan di dalam kontrak tersebut supaya apa-apa *chain request*, yang dimohon oleh *user*, dapat dibuat oleh syarikat.

Itu— sebab untuk *safeguard* kerajaan. Bila kita ada pembangunan sistem tersebut, elemen tersebut, so, kerajaan boleh minta apa sahaja untuk *suit*...

Tuan Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]: Okey-okey. Itu sebabnya. So, sekarang ini apa yang Dr. sebut, maknanya kesemua 15 ataupun 16 modul ini telah siap di bangun untuk digunakan pada bulan— 2018 itulah?

Dr. Hebat Hisham bin Mohd Yusoff [KDN]: Ya. [*Berucap tanpa menggunakan pembesar suara*]

Tuan Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]: Betul ya?

Dr. Hebat Hisham bin Mohd Yusoff [KDN]: [*Berucap tanpa menggunakan pembesar suara*] *Overpacked system* tetapi...

Tuan Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]: *It's a full system*. Kesemua modul itu memang ada pada 2018?

Dr. Hebat Hisham bin Mohd Yusoff [KDN]: Ya, YB.

Tuan Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]: Okey.

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: *Sat, sat.*

Tuan Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]: Pasal yuran kepada kerajaan, tak dapat apa-apa. *You are—* duit masuk ke kerajaan, tak caj apa-apa fi kah?

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: Okey. Saya nak tanya sikit sahaja. Yang lain itu, saya boleh nampak rasional setelah diberikan pencerahan. Cuma, yang RM130 itu daripada RM215 tolak RM85, ada fi. Yang RM110 itu sebab kita nak bayar dia punya pemulihan dulu kan, yang enam tahun ya.

Saya tak nampak macam mana boleh *arrived at* RM130. Sebab, *in the future* pun, kita bayar RM18— RM85 *nah*. Tetapi, yang enam tahun itu, RM130. Kalau sayalah duduk dalam tempat itu, saya akan runding balik RM130, kenapa terlalu tinggi ya. Daripada RM85, RM130. RM45 beza ya. *There's a lot of money and* kalau kita boleh runding balik, *then* kita akan *save a lot more money*-lah. Itu pandangan sayalah, ya yang RM130 itu.

Saya cuba nak buat *calculation* ya. Saya ambil yang *RM157.2 billion divide by—* tetapi nak kena tengok *year per year* punya bilangan pekerja. Dia tak dapat *that amount*. Bolehlah tolong, kalau boleh bagi kita pencerahan tentang perkara ini. Kalau boleh, kalau kita tak syor sekarang pun, tak apa. Kita *go back and look at the whole figure again*. *So that we can save more money for the government*.

Kita sebenarnya PAC ini, kita punya peranan dan tanggungjawab kurangkan ketirisan ataupun tiada ketirisan, pencegahan ketirisan, kurangkan kos dan sebagainya, suruhannya. Itu pandangan saya. Terima kasih. RM130 itu saya tak yakin lagi.

Datuk Ali anak Biju [Ahli PAC]: Susulan dengan soalan daripada Kubang Pasu tadi, saya nak menyentuh balik pasal RM130 ini. Sebab, selama prosiding kita selama ini, tak pernah dinyatakan bahawa FWCMS nak caj lebih daripada RM100. Dia cakap kalau RM100, kita memang setuju. Itu yang *impression* yang kita dapat dan ini dalam kita punya *Hansard* pun.

Jadi, *lesson learnt* untuk kita PAC lah, kalaulah kita terlibat dalam rundingan tersebut dan kita bagi RM100, *do you think that company will agree? I think, they will agree* sebab dia orang sudah cadangkan RM100. Jadi, nampak macam dia orang setuju dengan RM100 semasa prosiding PAC. Tiba-tiba, RM130.

Nampaknya *company* ini, syarikat ini dia dah mengubah dia punya pendirian ataupun *goal post*. Jadi, untuk kita PAC ini macam dia tak pedulilah. Syarikat tak peduli dengan apa-apa cadangan prosiding yang kita dah buat. Kenyataan yang mereka sebut, dia akan setuju kalau RM100. Ini yang membuat saya agak kecewalah sebab dia dah setuju RM100, tiba-tiba RM130.

Kita takut dia saman tetapi dia tak pernah kata nak saman kalau RM100. RM100, kita setuju. Saya memang ingat lagi itu dan itu pun di dalam *Hansard*. Jadi,

untuk kita PAC, itulah. Sekiranya kita terlibat dalam rundingan tersebut, mungkin dia orang setuju dengan RM100. Ya, itu sahaja komen saya dan bukan untuk jawapan.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Saya nak merujuk pada Dr. Hebat punya kenyataan tadi. Bila saya tanya kepada KP JDN berkenaan dengan siapa yang akan *own* sistem tersebut dan apabila ada kenyataan daripada Dr. Hebat memaklumkan bahawa kontrak pembayaran— kontrak ini adalah kontrak pembayaran perkhidmatan.

Jadi, macam mana pula KP JDN boleh beritahu bahawa sistem ini akhirnya nanti akan jadi milik kerajaan? Jadi, jawatankuasa induk sedar ataupun tidak perkara ini? Maksudnya, perkhidmatan *versus* dengan pembangunan sistem. Boleh bagi pencerahan tak tentang perkara tersebut? Boleh bagi pencerahan untuk perkara itu. Mungkin Dr. Hebat dulu *kut*.

Dr. Hebat Hisham bin Mohd Yusoff [KDN]: Okey. Terima kasih, YB. Berkenaan dengan pemilikan sistem tersebut adalah *quite common* YB untuk kita masukkan elemen pemilikan sistem yang telah kita sewa ataupun yang telah dibangunkan secara bersama. Yang itu, memang dah ada dalam klausa kontrak tentang pemilikan.

Takkanlah kita bayar *every year* RM215, kemudian kita bayar *for nothing* sekiranya kontrak itu tamat. So, memang terdapat klausa yang menyatakan apabila tamatnya kontrak, segala *source code* dan kemilikipunyaan diberikan kepada KDN ataupun kerajaan, YB.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Okey. Baguslah kalau dah ada dinyatakan sebab kita pun takut juga, tak ada dimasukkan dalam itu. Sebab, kerja yang enam tahun pun tak ada kutip, kan? *All right*. Saya dah nampak Tan Sri KSN dah ada. Jadi, Kapar soalan.

Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: Terima kasih, Datuk Wira. Nak tanya KSN dan mungkin MoF lah *kut*, ya. Ada tak lagi kes-kes seperti ini, yang *on the way*? Bermakna, SST tak *sign* dan mungkin ada berapa lagi, *potential liability* kepada kerajaan dan sebagainya?

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: YB Kapar, kalau adapun dia takkan cakap dalam PAC. Kita yang kena carilah.

Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: Sementara KSN ini ada di sini. Tadi, dia nak reformasi, dia katakan. *[Ketawa]*

Tan Sri Shamsul Azri bin Abu Bakar [KSN]: Terima kasih, YB Pengerusi kerana menjawab soalan. *[Ketawa]*

Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: Yang keduanya, mungkin KDN lah *kut* ya. So, yang rangka ini katakan tadi, kalau dengar KSN nak sebut tadi, mula-mulanya memanglah RM85 lah, kan? Dalam SST itu ya?

Tan Sri Shamsul Azri bin Abu Bakar [KSN]: *[Berucap tanpa menggunakan pembesar suara]* Dalam SST, RM100.

■1350

Tapi UKAS kata RM85?

Tan Sri Shamsul Azri bin Abu Bakar [KSN]: Benda ini YB saya minta maaf kita dah jawab ulang, ulang dah tiga kali ulang.

Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: Tak, yang nak tahu itu sebab yang nak rangka. Rangka kontrak nak di-*sign* itu sehingga kalau ikut kerajaan, RM85 dah cukup, kan? Tetapi yang merangka— lainlah kalau Bestinet yang buat kontrak memang dia maksimum keuntungan.

Tan Sri Shamsul Azri bin Abu Bakar [KSN]: Saya dah jawab dua kali dah soalan ini. Tapi saya rasa elok— YB Pengerusi saya boleh jawab lagi kali ketiga? Saya dah dua kali jawab soalan yang sama ini.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Terpulang.

Tan Sri Shamsul Azri bin Abu Bakar [KSN]: YB, dalam kontrak kata RM100. Kontrak ini bukan penswastaaan.

Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: *No, no.* Bukan itu saya maksudkan. Siapa yang buat kontrak? Maknanya *where do you get that pick the figure* RM100. *Why not* RM85? *Why not* RM86? Bukannya fasal...

Tan Sri Shamsul Azri bin Abu Bakar [KSN]: Yang RM100 ini 2018.

Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: Yalah.

Tan Sri Shamsul Azri bin Abu Bakar [KSN]: Kalau nak tahu ini KDN.

Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: KDN.

Tan Sri Shamsul Azri bin Abu Bakar [KSN]: Ya.

Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: Bukan Bestinet yang merangkakan.

Tan Sri Shamsul Azri bin Abu Bakar [KSN]: *No, this is* KDN yang dikeluarkan LOA.

Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: *Figures.* Yang *figures* itu.

Tan Sri Shamsul Azri bin Abu Bakar [KSN]: Yes. KDN-lah.

Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: KDN.

Tan Sri Shamsul Azri bin Abu Bakar [KSN]: Kalau tak takkan KDN dikeluarkan LOA.

Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: Ya.

Tan Sri Shamsul Azri bin Abu Bakar [KSN]: KDN. Kerajaan.

Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: Lepas itu tak setuju? *My argument is* kalau tadi— *at the end of the day* KDN sendiri pula tak nak *sign* kan? *This is* dia punya *whole core issue* kan? Bukannya Bestinet yang kata RM100 itu? So, KDN kata tak setujulah RM100. *I am getting to the bottom of the problem so that* kita boleh *avoid*.

Tan Sri Shamsul Azri bin Abu Bakar [KSN]: Ya.

Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: Sebab nak kata reformasi.

Tan Sri Shamsul Azri bin Abu Bakar [KSN]: Itu *bottom* itu *six years ago*. Nak *go bottom six years* ini payahlah YB. [Ketawa] Terima kasih.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: *All right*. Saya nak balik semula soalan saya kepada KP Imigresen. Dah ada *figure* tersebut?

Datuk Zakaria bin Shaaban [KDN]: *Figures* secara *verbal* sahaja, YB. Ini kita akan bagi secara bertulis. Untuk 2018, *collection* untuk levi kita RM3,148,309,456.03.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: RM3.1 bilion. 2018.

Datuk Zakaria bin Shaaban [KDN]: Okey atau saya sebut ini sahajalah YB ya.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Boleh. *Round figure*.

Datuk Zakaria bin Shaaban [KDN]: Untuk 2019, RM2.993 bilion; 2020, RM1.798 bilion; 2021, RM1.945 bilion; 2022, RM3.439 bilion; 2023, RM3.309 bilion. Untuk tahun ini sehingga kini 2024 ini RM3.538 bilion.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Ini adalah jumlah yang kutipan ya?

Datuk Zakaria bin Shaaban [KDN]: Kutipan levi ya. Levi untuk pekerja asing.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Daripada pelbagai negara ataupun hanya yang...

Datuk Zakaria bin Shaaban [KDN]: Semua. Ini total.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Total. Tapi kalau daripada yang menggunakan ini— yang daripada negara...

Datuk Zakaria bin Shaaban [KDN]: Dia semua negara. Kalau kata bilangan— itu yang saya kata kalau kata YB nak secara *detail* berapa pekerja dan sebagainya kita boleh bagi pada PAC. Kita akan bagi kemudian. Ini untuk semua negara sumber.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Maksudnya negara daripada negara Bangladesh pun termasuk...

Datuk Zakaria bin Shaaban [KDN]: Bangladesh, Indonesia, Myanmar semua ada.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Okey mungkin ada— saya nak satu negara sahaja daripada Bangladesh ada dekat situ?

Datuk Zakaria bin Shaaban [KDN]: *Figures* tak ada.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Ya kah? Tak apa. Nanti bagi. Cuma persoalan saya kalau ada kutipan daripada sebagaimana yang KP Imigresen beritahu tadi, ada kutipan daripada semua negara termasuk PLKS ini termasuk Bangladesh. Maksudnya memang dah dibuat bayaran untuk enam tahun dulu. Betul?

Datuk Zakaria bin Shaaban [KDN]: Kutipan levi ini dia setiap kali kita keluarkan PLKS itu memang majikan kena bayar.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Okey. Soalan saya, kenapa kita perlu bayar lagi untuk— maksudnya kenapa majikan kena bayar lagi. Maksudnya majikan akan datang ini kena bayar sedangkan mereka dah pernah bayar dah? Maksudnya duit yang dah ada ini...

Datuk Zakaria bin Shaaban [KDN]: Tak. Dia secara tahunan.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Boleh jelaskan kepada kita?

Datuk Zakaria bin Shaaban [KDN]: Bayaran levi ini secara tahunan, Yang Berhormat. Memang setiap kali kalau kata dia nak membaharui permit kerja pekerja mereka *that means* dia kena bayar balik levi itu. Kalau dia nak bawa masuk yang baharu juga dia kena bayar levi secara tahunan.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Okey terima kasih banyak-banyak.

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Ahli PAC]: Okey, Yang Berhormat Datuk Wira Pengerusi. Sikit mungkin dari segi *way forward*...

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Saya risau Sik punya sikit ini keluar empat soalan.

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Ahli PAC]: Tak, tak. Ini sikit sungguh ini. Lapar nasi dah ini. *Meeting hat* ini dah pukul 2.00 dah. Kita punya masa ini mungkin sangat terhad. Tadi pun Tan Sri KSN dah sebut. Dari segi *way forward* ke depan maknanya kelemahan yang telah berlaku itu kita nak perbaiki.

Termasuk yang disebut ini puncanya ialah tatakelola yang mungkin tidak berapa cekap ketika kita membuat rundingan terus ketika itu, projek itu. Jadi ada

kesan-kesan yang negatif dia. Impaknya itu ialah saya katakan kalau Tan Sri KSN setuju ada monopoli sistem ini untuk tidak ada ruang kita membuat pilihan lain apabila kita melaksanakan rundingan terus itu.

Jadi Tan Sri sebut tadi dalam hasrat PMX yang disebut juga adalah tidak ada lagi selepas ini. Namun, kita terpaksa tak boleh nak rungkai lagi apabila kita sambung lagi kontrak dia pada 2025 dan dah di-sign pada bulan September baru ini. Jadi, bagaimana hal itu kita nak mengatakan kontrak yang baru ini tidak lagi ada bebanan kepada kerajaan dan dia ada ruang untuk kerajaan itu sendiri menyemak dan juga mungkin membuat satu perjanjian yang lebih adil yang saya katakan. Kerana enam tahun itu agak panjang.

Apa-apa sahaja boleh berlaku dari segi pertukaran kerajaan kah apa sistem kita itu sendiri. Dari segi kita kata tadi kita nak kurang atau tambah sumber manusia luar ini. Jadi, bagaimana kita nak pastikan bahawa kontrak yang telah ditandatangani tidak lagi ada satu monopoli saya kata kepada sistem ini? Terima kasih.

Tan Sri Shamsul Azri bin Abu Bakar [KSN]: Terima kasih, YB. Perjanjian ini telah disemak dengan begitu teliti oleh Pejabat Peguam Negara. Itu kita kena bagi sepenuh kepercayaan kepada Peguam Negara. Sebab Peguam Negara akan pada setiap masa menjaga kepentingan kerajaan.

Kedua, tiada liabiliti pada pihak kerajaan di mana jika katalah jumlah pekerja asing yang masuk kurang daripada dua juta, itu atas tanggungan syarikat. Makna kalau katakan yang masuk itu kurang dua juta, kerajaan tak akan *top up* untuk jadikan dua juta. *No*. Itu yang nak ditekankan.

Kedua, *way forward* mungkin jumlah dua juta ini akan berkurangan. *Because* kalau mengikutkan *way forward* daripada Kementerian Ekonomi memang kita akan kurangkan. Macam contoh kalau sekarang satu hektar di sektor perladangan tujuh orang kerja. *Approaching* 2020 nanti satu hektar seorang sahaja kerja. Sebab kita akan banyak gunakan *mechanisation*. Saya tak nampak yang kerajaan akan mendapat liabiliti daripada menyambungan enam tahun ini. Sebab kita dah *go through* dia punya *agreement* itu *very detail*. Terima kasih YB.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Okey. Saya rasa Ahli Yang Berhormat sekalian dah tak ada soalan lagi. Terima kasih Sik. Soalan penutup pada tengah hari ini.

Jadi saya ucapkan— awal ini kita habis Tan Sri. Selalu kita tiga, empat jam. Saya ucapkan sekali lagi terima kasih kepada Yang Berbahagia Tan Sri Shamsul Azri bin Abu Bakar selaku Ketua Setiausaha Negara; Yang Berbahagia Dato' Mohd Dusuki bin Mokhtar, Peguam Negara; Yang Berbahagia Datuk Johan Mahmood Merican, KSP; Yang Berbahagia Datuk Awang Alik, KSU KDN; Yang Berbahagia

Yang Berbahagia Datuk Azman Yusoff, KSU KSM. Kita tak dengar suara Datuk KSU kan. Lupa nak tanya soalan. Tanyalah. Tak adalah.

Tan Sri Shamsul Azri bin Abu Bakar [KSN]: Boleh nyanyi, Yang Berhormat.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Kita tunggu untuk HRD Corp sahaja. *[Ketawa]* Yang Berbahagia Ts. Dr. Fazidah binti Abdul Bakar, Ketua Pengarah Jabatan Digital Negara; Yang Berbahagia Datuk Zakaria bin Shaaban, KP Imigresen dan semua pegawai yang turut sama membantu dalam prosiding pada hari ini.

Alhamdulillah, saya ucapkan ribuan terima kasih sekali lagi di atas segala komitmen dan juga penjelasan yang telah pun diberikan sehingga Ahli-ahli PAC berpuas hati dan tidak ada bertanyakan soalan lagi. Kita tangguhkan mesyuarat kita pada jam 2.00 petang. Terima kasih.

[Mesyuarat ditangguhkan pada pukul 2.00 petang]



MALAYSIA

LAPORAN PROSIDING (HANSARD)

Selasa, 21 Januari 2025

MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA

**Prosiding:
Perolehan Foreign Workers Centralized Management System
(FWCMS)**

- (i) Kementerian Dalam Negeri (KDN)**
Datuk Awang Alik bin Jeman,
Ketua Setiausaha
- (ii) Jabatan Imigresen Malaysia (JIM)**
Dato' Zakaria bin Shaaban,
Ketua Pengarah
- (iii) Jabatan Perdana Menteri (JPM)**
Dr. Asmawi Noor bin Saarani,
Pengarah (Seksyen Keselamatan dan Pembangunan Tanah,
UKAS)

**PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS**

MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA

BILIK JAWATANKUASA 1, ARAS 2, BLOK UTAMA
BANGUNAN PARLIMEN, PARLIMEN MALAYSIA

SELASA, 21 JANUARI 2025

AHLI-AHLI JAWATANKUASA

Hadir

YB. Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh] - *Naib Pengerusi*
YB. Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]
YB. Tuan Ts. Zahir bin Hasan [Wangsa Maju]
YB. Tuan Haji Azli bin Yusof [Shah Alam]
YB. Dr. Hajah Halimah Ali [Kapar]

Tidak hadir [*Dengan maaf*]

YB. Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Masjid Tanah] - *Pengerusi*
YB. Dr. Richard Rapu @ Aman anak Begri [Betong]
YB. Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik]
YB. Tuan Ts. Zahir bin Hasan [Wangsa Maju]
YB. Datuk Ali anak Biju [Saratok]
YB. Dato' Mohd Isam bin Mohd Isa [Tampin]
YB. Tuan Syahredzan bin Johan [Bangi]
YB. Puan Vivian Wong Shir Yee [Sandakan]
YB. Dato' Adnan bin Abu Hassan [Kuala Pilah]
YB. Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Kubang Pasu]

URUS SETIA

Encik Ahmad Johan bin Mohd Affandi [Ketua Sekretariat Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara, Parlimen Malaysia]
Puan Aidahanie binti Baharuddin [Penolong Setiausaha Kanan Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara, Parlimen Malaysia]
Siti Noor Akmar binti Zulkafli [Juruaudit Pejabat Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara, Parlimen Malaysia]
Encik Amirul Ashyraaf bin Zulkifle [Penolong Setiausaha (Pejabat Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara, Parlimen Malaysia)]

EX-OFFICIO

Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA)

Encik Nor Zahidi bin Abdul Rahman [Ketua Penolong Pengarah (Bahagian Perkhidmatan)]

Kementerian Kewangan Malaysia (KKM)

Puan Nadeema binti Kamaruddin [Ketua Penolong Setiausaha (Bahagian Kawalan Kewangan Strategik dan Korporat)]
Encik Nurul Allbiir bin Nordin [Penolong Setiausaha Kanan (Bahagian Kawalan Kewangan Strategik dan Korporat)]

Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)

P/TPj Mohd Anuar bin Ismail [Timbalan Pengarah Kanan (Bahagian Siasatan)]
Puan Sharimah binti Mat Zin [Penguasa Kanan (Bahagian Penyiasatan Tatakelola)]
Puan Rugayah binti Abdul Rahman [Penguasa (Bahagian Penyiasatan Tatakelola)]

Jabatan Audit Negara Malaysia (JANM)

Puan Nurul Huda binti Ismail [Ketua Penolong Pengarah (Bahagian Audit ICT)]
Puan Yuhanis [Penolong Pengarah Audit (Bahagian Audit ICT)]

Kementerian Ekonomi

Nurul Aainaa binti Mohamed Nasir [Ketua Penolong Pengarah (Bahagian Pembangunan Modal Insan)]

Jabatan Akauntan Negara (JAN)

Datin Rozita Binti Aminuddin [Akauntan (Bahagian Perkhidmatan Operasi Pusat dan Agensi (BPOPA))]

HADIR BERSAMA

SAKSI

Kementerian Dalam Negeri (KDN)

Datuk Awang Alik bin Jeman [Ketua Setiausaha]
Tan Sri Alwi bin Haji Ibrahim [Mantan Ketua Setiausaha]
Datuk Haji Makhzan bin Mahyuddin [Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar Dan Kawalan)]
Encik Mohd Nasri bin Mohd Nasir [Ketua Audit Dalam (Bahagian Audit Dalam)]
Datuk Nor Muhamad bin Che Dan @ Che Din [Setiausaha Bahagian (Bahagian Perolehan)]
Encik Anuar Zaki bin Bakar [Setiausaha Bahagian (Bahagian Hal Ehwal Imigresen)]
Dr. Hebat Hisam bin Mohd Yusoff [Timbalan Setiausaha Bahagian (Bahagian Hal Ehwal Imigresen)]
Puan Maizatul Khairumie binti Mansorudin [Timbalan Setiausaha Bahagian (Bahagian Audit Dalam)]
Puan Siti Zubaidah binti Abdul Latif [Ketua Penolong Setiausaha (Bahagian Perolehan)]
Encik Andinor bin Anuar [Ketua Penolong Setiausaha (Bahagian Hal Ehwal Imigresen)]
Puan Fateha Nur Feka binti Lut [Penolong Setiausaha Kanan (Bahagian Hal Ehwal Imigresen)]
Puan Sharifah Norfaezah binti Syed Zainuddin [Juruaudit (Bahagian Audit Dalam)]

Jabatan Imigresen Malaysia (JIM)

Dato' Zakaria bin Shaaban [Ketua Pengarah]
Tuan Ayob bin Abdul Rahman [Pengarah (Bahagian Pekerja Asing)]

Jabatan Perdana Menteri (JPM)

Dr. Asmawi Noor bin Saarani [Pengarah (Seksyen Keselamatan dan Pembangunan Tanah, UKAS)]
Encik Roslie bin Rustam [Pengarah (Seksyen Analisa Kewangan, UKAS)]

LAPORAN PROSIDING

**MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA
PARLIMEN KELIMA BELAS, PENGGAL KEEMPAT**

**BILIK JAWATANKUASA 1,
PARLIMEN MALAYSIA, KUALA LUMPUR**

SELASA, 21 JANUARI 2025

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

*[Yang Berhormat Puan Teresa Kok Suh Sim **mempengerusikan Mesyuarat**]*

Puan Teresa Kok Suh Sim [Naib Pengerusi PAC]: Salam sejahtera, selamat petang dan selamat datang saya ucapkan kepada Yang Berhormat Ahli-ahli PAC Parlimen ke-15, ahli-ahli ex-officio PAC terdiri daripada Jabatan Perkhidmatan Awam, Kementerian Kewangan, Jabatan Audit Negara, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia, Kementerian Ekonomi dan Jabatan Akauntan Negara.

Yang Berhormat Ahli-ahli Mesyuarat sekalian, hari ini PAC Parlimen akan menyambung semula prosiding berhubung isu perolehan sistem *Foreign Workers Centralized System* (FWCMS). Ini adalah prosiding kedua membabitkan isu perolehan sistem *Foreign Workers Centralized System* (FWCMS). Dalam prosiding pertama yang diadakan pada 10 Disember 2024, PAC telah mendengar keterangan dan penjelasan Jawatankuasa Induk FWCMS yang diketuai oleh Tan Sri Shamsul Azri bin Abu Bakar, Ketua Setiausaha Negara (KSN) merangkap Pengerusi Jawatankuasa Induk FWCMS.

Yang Berhormat Ahli-ahli Mesyuarat sekalian, hadir bagi memberi penjelasan kepada PAC dalam prosiding pada hari ini ialah Yang Berbahagia Datuk Awang Alik bin Jeman, Ketua Setiausaha (KSU) Kementerian Dalam Negeri, kedua ialah Yang Berbahagia Dato' Zakaria bin Saaban, Ketua Pengarah Jabatan Imigresen Malaysia dan Yang Berbahagia Tan Sri Alwi bin Haji Ibrahim, mantan KSU KDN bagi tempoh perkhidmatan daripada 2015 hingga 2019. Terima kasih saya dan PAC ucapkan kepada semua saksi kerana sudi hadir di hadapan PAC bagi memberikan penjelasan pada hari ini. Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berbahagia Datuk KSU kerana telah memberikan maklumat tambahan yang diperlukan PAC pada 8 Januari 2025 dalam melengkapkan Laporan FWCMS ini.

Jadi, tanpa membuang masa, saya ingin menjemput Yang Berbahagia Datuk Awang Alik untuk memulakan pembentangan berdasarkan maklumat tambahan yang diberikan kepada PAC. Dipersilakan, Yang Berbahagia Datuk.

Datuk Awang Alik bin Jeman [Ketua Setiausaha, Kementerian Dalam Negeri (KDN)]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam Malaysia MADANI.

Pertamanya, saya ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Puan Teresa, Naib Pengerusi Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara, Yang Berhormat Ahli-ahli Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara dan Sekretariat Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara yang telah menjemput KDN dan Jabatan Imigresen Malaysia untuk hadir mesyuarat prosiding Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara Bilangan 15(b) pada petang ini. Saya juga ingin mengalu-alukan kehadiran Yang Berbahagia Tan Sri Alwi Ibrahim, mantan Ketua Setiausaha KDN yang sudi meluangkan masa untuk hadir sama ke mesyuarat prosiding pada petang ini.

Jadi, seperti mana yang dimaklumkan dalam surat jemputan kepada KDN bertarikh 13 Januari 2025, prosiding pada kali ini dikhususkan kepada maklumat tambahan yang dimohon oleh PAC melalui surat bertarikh 8 Januari 2025. Jadi, kesemua lapan dokumen dan maklumat tambahan yang disenaraikan telah dikemukakan kepada Sekretariat PAC pada 15 dan 20 Januari 2025 kecuali bagi perkara 8 iaitu pengesahan kos pembangunan FWCMS bernilai RM300 juta oleh Jabatan Digital Negara. Perkara ini akan dikemukakan kepada pihak urus setia kemudian oleh KDN.

Yang Berhormat, izinkan saya untuk menyerahkan kepada Bahagian Hal Ehwal Imigresen KDN bagi memulakan pembentangan mengenai dengan maklumat berkaitan kementerian iaitu berkenaan dengan kontrak perjanjian FMWCMS, Memorandum Jemaah Menteri dan penjelasan bagi RM130 caj pemulihan yang dipohon oleh syarikat Bestinet Sdn. Bhd..

Jadi, silakan.

Dr. Hebat Hisam bin Mohd Yusoff [Timbalan Setiausaha Bahagian, (Bahagian Hal Ehwal Imigresen) Kementerian Dalam Negeri (KDN)]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*. Yang Berbahagia Datuk Pengerusi dan juga Ahli-ahli Mesyuarat.

So, untuk saya terus kepada agenda, Datuk, dengan izin, perkara 2 iaitu cabutan minit Mesyuarat Jemaah Menteri atau arahan bagi KDN memuktamadkan kontrak FWCMS. Di sini yang sebenarnya adalah bukan memorandum tetapi Nota Jemaah Menteri sahaja, yang mana yang telah kita bentangkan selepas diangkat satu minit ceraihan yang ditandatangani secara bersama oleh Jawatankuasa Induk Kontrak FWCMS yang pada ketika itu diketuai oleh KSN, mantan KSN, KSU KDN,

KSU KESUMA, AGC dan juga KP Jabatan Digital Negara. Itu berkenaan dengan cabutan Minit Mesyuarat Jemaah Menteri.

Kita terus kepada nombor 3 iaitu penjelasan bagi RM130— pecahan dan kadar faedah setiap tahun bagi tempoh 2018 hinggalah 2024. Seperti mana yang terpapar pada slaid, Pengerusi, RM130 itu adalah jumlah yang dituntut oleh syarikat untuk dia *recoup* balik terhadap kerugian, *the so-called* kerugian yang berlaku daripada 2018 sehinggalah 31 Mei 2024. Itu yang dimohon oleh syarikat.

So, antara komponen-komponen yang menyumbang kepada RM1.6 bilion adalah— satu, kita tengok kepada RM1.32 bilion. Ini kerugian disebabkan tiada pengutipan berlaku bagi tempoh tersebut. Dan syarikat juga mengambil kira kenaan faedah iaitu dengan nilai RM252 juta. Pada awalnya, syarikat juga mengemukakan tuntutan sebanyak RM60 juta tetapi perundingan di antara kerajaan dan juga syarikat, so syarikat bersetuju untuk dia orang *do away* dengan komponen RM60 juta tersebut. So, kalau kita tambah komponen-komponen tersebut, ia menjadikan keseluruhan tuntutan yang dimohon oleh syarikat adalah RM1.572 bilion. RM1.6 bilion.

Kemudian, kita terus kepada isu nombor 4 iaitu jumlah kenaan levi bagi setiap pekerja asing berdasarkan negara sumber, kadar dan pecahan komponen yang terlibat. Dalam hal ini, seperti mana yang telah diperjelaskan dalam beberapa siri PAC, setiap pekerja asing yang masuk ke dalam negara akan dikenakan beberapa caj ataupun fi. Pertama sekali adalah levi. Levi ini dia berbeza mengikut sektor. Sebagai contoh, sektor pertanian dan sektor perladangan— RM680. Tetapi, sektor-sektor lain, jumlahnya adalah lebih besar iaitu RM1,800.

Kemudian, selepas levi, pekerja asing juga dikehendaki untuk bayar visa dan visa ini dia tidak seragam. Dia mengikut negara-negara sumber. Sebagai contoh, Indonesia, kadarnya hanyalah RM15. India, yang paling tinggi— RM50. Bangladesh— RM20. Pakistan— RM20. Myanmar— RM19.

On top of yang kedua tadi, pekerja asing juga atau majikan perlu membayar fi untuk pas dan juga kos pemprosesan yang bernilai RM125 dan RM50 masing-masing.

Itu sahaja, Datuk Pengerusi, untuk slaid yang berkaitan dengan KDN, Datuk.

Datuk Awang Alik bin Jeman: Terima kasih, Dr. Hebat. Yang Berhormat, seterusnya bagi membolehkan penjelasan lebih terperinci berhubung dengan kadar bayaran bagi setiap pekerja asing dan jumlah hasil PLKS bagi perkara 3 dan 6, saya ingin menjemput Yang Berbahagia Dato' Zakaria bin Shaaban, Ketua Pengarah Jabatan Imigresen Malaysia untuk meneruskan pembentangan. Dipersilakan, Dato'.

Dato' Zakaria bin Shaaban [Ketua Pengarah, Jabatan Imigresen Malaysia (JIM)]: Okey, terima kasih. Yang Berhormat Pengerusi dan semua Ahli Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara. Terima kasih Yang Berbahagia Datuk KSU dan semua Ahli yang hadir pada petang ini.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sebagaimana yang dijelaskan tadi oleh wakil daripada Bahagian Imigresen, komponen PLKS itu melibatkan ada empat komponenlah— levi, pas, bayaran proses dan juga bayaran visa.

■1440

Kalau kita kira, dia berbeza mengikut sektor. Kalau bagi sektor perladangan— pertanian dan perladangan, jumlah yang dibayar, tidak termasuk kadar visa ialah RM725 bagi seorang pekerja. Untuk sektor selain daripada sektor perladangan dan pertanian ini, RM2,035 satu orang pekerja dan tambah dengan bayaran visa bagi negara-negara yang melibatkan visalah. So, itu yang menjadikan dia punya bayaran untuk itulah.

Kalau kita lihat dari segi jumlah kutipan hasil bagi perkhidmatan yang dikeluarkan bagi Pas Lawatan Kerja Sementara ini, daripada 2018 sehingga 2024, kerajaan mengutip sebanyak RM23.3 bilion yang meliputi bagi tempoh 2018 sehingga 2024. Anggaran dalam secara tahunan itu sekitar RM3 bilion hingga RM4 bilion setahun. So, itu jumlah kutipan hasil yang kita *collect*. Daripada— untuk makluman, jumlah kutipan hasil ini yang memang kita kutip dan kita masukkan dalam Kumpulan Wang Yang Disatukan oleh kerajaan.

So, setakat itu daripada Imigresen. Terima kasih.

Datuk Awang Alik bin Jeman [KDN]: Okey, terima kasih Yang Berbahagia Dato' Zakaria, Ketua Pengarah Jabatan Imigresen atas penerangan sebentar tadi. Untuk makluman Yang Berhormat Pengerusi, bagi membolehkan penjelasan lebih terperinci berhubung dengan perkara lima iaitu pengiraan bagi penetapan kadar RM85 oleh UKAS, saya ingin menjemput Encik Roslie, wakil pihak UKAS, Jabatan Perdana Menteri untuk meneruskan pembentangan. Tetapi, sebelum itu saya ingin perbetulkan, yang tadi itu perkara tiga dan perkara tujuh ya. Bukan perkara enam. Terima kasih. Silakan, Encik Roslie.

Encik Roslie bin Rustam [Jabatan Perdana Menteri (JPM)]: Terima kasih Yang Berbahagia Datuk KSU. *Assalamualaikum* dan selamat petang Yang Berhormat Puan Pengerusi dan juga Yang Berhormat Ahli-ahli PAC. Saya Roslie bin Rustam dari Unit Kerjasama Awam Swasta, Jabatan Perdana Menteri. Izinkan saya meneruskan penerangan berkenaan cadangan penetapan kadar fi.

Ahli-ahli Yang Berhormat, salah satu fungsi UKAS adalah menilai daya maju dan kebolehlaksanaan projek PPP atau dipanggil *public-private partnership*. Daya

maju projek ditentukan berdasarkan kepada beberapa parameter kewangan. Antaranya ialah kadar pulangan dalaman ekuiti atau kita panggil *equity internal rate of return*. Kependekannya adalah EIRR.

EIRR ini dikira dan ditunjukkan dalam unjuran aliran tunai projek. Bagi memastikan kadar pulangan kepada pelabur ekuiti munasabah dan wajar, Kementerian Kewangan telah menerapkan supaya kadar EIRR ini tidak boleh melebihi kadar 10 peratus bagi sesuatu projek PPP. Apabila UKAS diminta untuk mencadangkan kadar yang munasabah bagi projek ini, maka kaedah yang sama telah kami gunakan.

Baik. Simulasi ke atas unjuran aliran tunai syarikat telah dibuat melalui beberapa opsyen kadar fi dengan memastikan kadar fi tersebut tidak menghasilkan EIRR yang melebihi 10 peratus. Hasil daripada simulasi yang kami lakukan, didapati kadar fi RM86 ini merupakan kadar yang terhampir dengan EIRR 10 peratus. Kadar caj ini menghasilkan lebih tunai ataupun dipanggil *free cash flow to equity* dalam unjuran aliran tunai sebagaimana berikut iaitu pada tahun 2022, sebanyak 9.86 juta. Pada tahun 2023, RM77.82 juta dan pada tahun 2024 adalah pada nilai RM54.48 juta.

Berdasarkan kepada nilai pelaburan awal berjumlah RM114 juta yang dimasukkan dalam unjuran aliran tunai projek dan juga jumlah FCFE di atas yang saya sebutkan tadi, EIRR telah dikira menggunakan *Excel formula financial function* dan menghasilkan kadar EIRR 9.9 peratus. Dengan merujuk kepada parameter ini YB, maka UKAS melalui surat nombor rujukan UKAS(S).700-1/1/3 Jld. 51(25) bertarikh 29 Disember telah ditujukan kepada KDN dan mencadangkan supaya kadar RM86 berdasarkan kepada dua justifikasi berikut:

- (i) projek ini berdaya maju menggunakan kadar RM86; dan
- (ii) kadar EIRR yang dihasilkan tidak melebihi 10 peratus.

So, sekiranya kadar caj yang ditetapkan lebih tinggi daripada RM86 ini, maka EIRR yang dihasilkan adalah melebihi 10 peratus. Jadi, RM85 ini YB adalah saya percaya merupakan rundingan lanjut di antara pihak KDN dan juga pihak syarikat. So, apa yang dicadangkan oleh UKAS adalah RM86. Sekian, terima kasih.

Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: Pengerusi.

Datuk Awang Alik bin Jeman [KDN]: Terima kasih Encik Roslie dari UKAS. Jadi, Yang Berhormat Pengerusi, sebenarnya saya panggil ketiga-tiga ini untuk memberikan penjelasan supaya jawatankuasa mendapat info yang terus daripada pihak-pihak yang berkaitan. Jadi, di peringkat KDN, JIM dan UKAS, perkara-perkara yang telah dibentangkan ini dikemukakan untuk sebarang persoalan daripada Ahli-ahli Yang Berhormat Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara. Terima kasih.

Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: Pengerusi, nak tanya. SST ini ditandatangani bila ya? Tarikh, tarikh.

Datuk Awang Alik bin Jeman [KDN]: Dr., ada?

Dr. Hebat Hisam bin Mohd Yusoff [KDN]: SST ditandatangani pada Januari 2018 YB dan kontrak *proper* yang semasa adalah pada 3 September.

Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: 3 Disember...

Dr. Hebat Hisam bin Mohd Yusoff [KDN]: 3 September 2024.

Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: Okey. Itu yang selepas apalah. So, persoalan saya, kalau kita lihat UKAS ini, pada 2022, Disember 2022 kan? Soalan saya kepada KDN, kenapa pandangan UKAS diminta selepas SST ditandatangani, bukan sebelum?

Dr. Hebat Hisam bin Mohd Yusoff [KDN]: YB, kita jemput UKAS dalam bengkel supaya kita— pada ketika itu berlaku tuntutan di antara syarikat dan juga KDN, kerajaan sebab kerajaan berkata pada pandangan kerajaan, jumlah RM100 yang dituntut itu adalah tidak sesuai ataupun tidak— boleh di-*argue*, jumlah RM100 yang dituntut oleh syarikat. So, kita jemput UKAS untuk membuat penelitian berdasarkan *cash flow*, keupayaan syarikat. *Then*, itulah yang UKAS *come out* dengan satu *figure* cadangan iaitu RM86, YB.

Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: Tetapi yang RM86 itu 2022, kan?

Dr. Hebat Hisam bin Mohd Yusoff [KDN]: Ya, ya.

Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: Diberikan oleh UKAS. SST ditandatangani 2000?

Dr. Hebat Hisam bin Mohd Yusoff [KDN]: 2018.

Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: Itu yang soalan saya tadi. Kenapa tak dapatkan dulu *facts and figures* daripada UKAS, baru tandatangani? Okey. *This one* RM100 ini kami rasa terlalu tinggi. UKAS lah yang katakan. Sepatutnya RM86 sahaja. Sebelum ditandatangani. So, *why*— jauh juga bezanya. Berapa tahun dah itu, kan?

Encik Roslie bin Rustam [JPM]: Saya ingin menjawab tambahan soalan YB. Di UKAS, projek PPP ini dia ada dua sumber utama dia punya pelaburan. Pertama adalah daripada pinjaman, sumber pinjaman dan satu lagi adalah daripada ekuiti. So, dalam projek ini tiada pinjaman, semuanya ekuiti. So, *basically* kadar pulangan yang diminta oleh pelabur, ekuiti, dia akan lebih tinggi daripada pinjaman bank.

So, *that's why* kalau di bawah projek PPP ini, kita akan *capping* keuntungan yang munasabah yang mana di bawah dasar MoF dia telah ditetapkan tidak melebihi 10 peratus. Tetapi di bawah projek konvensional, terpulang. Kita tidak mengatakan

keuntungan 10 peratus ini lebih tetapi kita lebih menilai adalah keuntungan yang munasabah. Pada kontraktor ataupun syarikat, 100 ini mungkin murah lagi. Terpulang pada amatan risiko yang ditanggung oleh syarikat.

■1450

Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: Maknanya, sebenarnya syarikat ini tak adalah minta banyak. Bukan syarikat minta RM100 ini, kan?

Dr. Hebat Hisam bin Mohd Yusoff [KDN]: Itu ada dalam SST, YB. Yang RM100 itu— nilai RM100 adalah SST lama. Yang bermula dia punya *validity* itu di antara 2018 sehinggalah 31 Mei 2024. Yang itu memang ada dalam SST RM100 yang untuk bagi setiap PLKS yang dikeluarkan.

Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: Di-request oleh syarikat?

Dr. Hebat Hisam bin Mohd Yusoff [KDN]: Syarikat, ya.

Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: Walhal penilaian kerajaan ketika itu tak adalah sampai RM100. Betul, kan?

Dr. Hebat Hisam bin Mohd Yusoff [KDN]: Betul. Betul. Setuju.

Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: Kenapa – okey. Kenapa kita kena *bow in* kepada tuntutan syarikat?

Dr. Hebat Hisam bin Mohd Yusoff: Saya rasa benda ini kami dah perelaskan kenapa kita tunduk dengan permintaan syarikat. Satu, SST itu sendiri mengikat sebagaimana kontrak mengikat. Dan di antara 2018 sehingga 31 Mei 2024, syarikat tidak mengutip apa-apa langsung di bawah kontrak FWCMS. So, untuk membolehkan dia *recoup* kerugian di antara 2018 dan juga 31 Mei 2024, itulah yang dia *top up* kepada nilai yang sekarang yang menjadikan caj kenaan sekarang adalah RM215.

So, dalam komponen RM215 YB, dia ada dua komponen. Satu untuk kita *recoup* kerugian 2018 sehingga 2024, satu lagi ialah caj kenaan semasa. Sebab kita *built-in* dalam itu so dia dikenakan satu caj sahaja.

Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: Okey. Nanti saya bagi kepada kawan-kawan. Apa— *just finish this* RM100 ini dulu, kan? Okey. Kalau dah SST tadi, katakan RM100 lah, dah tak jadi RM86 apa semua itu, kan. Masa ketika itu, kenapa – itu SST. Kenapa perjanjian tidak dimeteraikan terus supaya tak payah nak *recoup-recoup* ini, nak tambah, nak bayar dia punya ganti rugi dan sebagainya. Kenapa kerajaan tidak tangani ketika itu? Kenapa ada *delay* sampai dia habis baru 2024 baru nak *sign*?

Dr. Hebat Hisam bin Mohd Yusoff [KDN]: Boleh saya jawab? Kontrak ini kerajaan tandatangani 2018 sehingga 2024 kerana tidak ada titik pertemuan. Seperti mana yang saya pernah katakan; *willing buyer, willing seller*. Sebab kerajaan kata kita nak RM86, syarikat kata dia nak RM100. So, bila tanpa titik pertemuan tersebut,

so kontrak tak dapat ditandatangani. Sebab kontrak ini, untuk kita masuk ke dalam kontrak, kedua-dua pihak perlu bersetuju.

Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: Tapi kenapa *eventually* ditandatangani? Adakah di atas desakan ataupun selepas PAC tanya begitu beginikah?

Dr. Hebat Hisam bin Mohd Yusoff [KDN]: Oh, tidak sama sekali YB.

Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: So, kenapa? Kalau empat, lima tahun tadi, tak jumpa kan titik pertemuan. Di mana mulanya berjumpa titik pertemuan itu sehingga boleh berjaya dimeteraikan?

Dr. Hebat Hisam bin Mohd Yusoff [KDN]: Dia tercetusnya titik pertemuan itu YB sebab ada kemungkinan dan benda ini diakui sendiri oleh AGC bahawa kerajaan akan disaman dengan nilai RM1.6 bilion. Sebab itu dalam minit ceraian, sebelum kita bentangkan MJM tersebut, semua menandatangani minit ceraian tersebut dan mengatakan itu adalah risiko yang bakal dihadapi oleh kerajaan. Dia punya kaedah mudah sahaja YB. Kita ambil mudarat yang kecil untuk kita mengelakkan mudarat yang lebih besar. Terima kasih.

Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]: Pengerusi?

Puan Teresa Kok Suh Sim [Ahli PAC]: [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*] Ya, sila.

Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]: Terima kasih. Saya nak tanya Tan Sri Alwi. Sebab Tan Sri Alwi lebih tahulah kerana berlaku di masa itu. Bolehkah bantu PAC, terangkan sedikit kronologilah sebab ada kontroversi kan sekarang ini. Jadi, bolehkah terangkan apa yang berlaku sebenarnya masa Tan Sri jadi KSU dalam KDN. Terima kasih.

Tan Sri Alwi bin Haji Ibrahim [Mantan KSU KDN]: Yang Berhormat Pengerusi, Ahli-ahli Yang Berhormat, ahli-ahli PAC dan Yang Berbahagia KSU dan ahli mesyuarat semua. *Assalamualaikum* dan salam sejahtera. Saya ini dah penen lima tahun ini YB. Jadi, saya tak ada akses kepada maklumat dan juga fail. Jadi, saya pun banyak dah lupakan kepada perkara yang dulu saya pernah buat. Tetapi untuk menjelaskan kronologi saya memang tak ada maklumat *detailed*-lah apa yang berlaku.

Tetapi yang saya ingat perbincangan ataupun surat-surat antara syarikat dengan kementerian memang adalah pada masa itu. Perbincangan juga berlakulah *from time to time*. Tetapi kalau nak dikaitkan dengan apa dipanggil SST 2018 tadi Yang Berhormat, saya pun pada masa itu saya tidak di – orang kata, dibawa bincanglah dengan pegawai berkenaan yang mengeluarkan surat dan tidak dirujuk terlebih dahulu sebelum surat itu dikeluarkan. Jadi, saya pun terperanjatlah bila

tengok-tengok *after a few weeks after that* baru nampak surat itu dikeluarkan oleh pegawai. Itu SUB pada masa itu.

Sebab kebiasaannya untuk SST ini, biasa Pegawai Pengawal, KSU-lah yang akan mengeluarkan ataupun kalau ada penurunan kuasa (*delegation of power*) kepada pegawai yang....

Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: Pengerusi, nak celah sikit. Yang maksud surat itu, apa surat yang spesifik yang dimaksudkan oleh Tan Sri?

Tan Sri Alwi bin Haji Ibrahim [Mantan KSU KDN]: Surat ini adalah SST yang bertarikh....

Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: Okey. Nak rekodkan ini.

Tan Sri Alwi bin Haji Ibrahim [Mantan KSU KDN]: Surat SST berkenaan. Saya *refer* kepada itu. Yang lain saya tak ingat YB.

Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]: Okey. Berkenaan dengan – teruskan Tan Sri.

Tan Sri Alwi bin Haji Ibrahim [Ahli PAC]: Itu sahajalah yang saya nak jelaskan bahawa surat yang ditandatangani pada Januari 2018 itu sebenarnya tidak pernah – sebelum dikeluarkan, ia tidak dirujuk kepada saya. Jadi, saya pun tidak tahu macam mana pegawai berkenaan boleh keluaran surat sebegitu rupa yang memberi kesan besarlah kepada kementerian dan juga kerajaan. Jadi, itu sahajalah yang saya ingin jelaskan pada mesyuarat petang ini. Yang lain-lain itu, ada direkodkan. Saya ingat perbincangan-perbincangan sebelum dan selepas itu memang ada berlaku.

Tetapi yang memberi kesan besar ialah apabila dikeluarkan surat berkenaan oleh pegawai pada masa itu.

Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]: Okey. / tengah baca surat SST ini yang dikeluarkan oleh Encik Alan bin Abdul Rahim, Setiausaha Bahagian. Tan Sri sebagai Pegawai Pengawal, apakah prosesnya untuk keluaran SST ini? Dia mesti – sudah pasti dia ada prosesnya melalui kementerian, SUB masuk kepada KSU, KSU boleh *sign*. Tetapi kenapa tiba-tiba SUB yang *sign*? Kami pun pelik juga.

Tan Sri Alwi bin Haji Ibrahim [Mantan KSU KDN]: Ya. Saya pun terperanjat juga pada masa itu kerana saya tidak pernah menurunkan kuasa untuk berkaitan perkara ini. Biasanya apabila sesuatu SST itu untuk di-*finalise* ataupun ditandatangani, biasanya akan ada minit ceraian, ada mesyuarat. Ada minitlah biasanya kerana ada rekod minit daripada SUB kepada TKSU, kepada KSU dan sebagainya dan kalau perlu kepada Yang Berhormat Menteri sekali untuk kalau ada kesan implikasi kewangan kepada Jemaah Menteri. Kadang-kadang sampai ke peringkat itu. Tetapi yang ini pun saya pun terperanjat juga pada masa itu kerana

pegawai mengeluarkan surat tanpa merujuk terlebih dahulu kepada saya. Itu yang saya boleh nyatakanlah.

Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]: Selepas Tan Sri *found out*-lah tentang isu ini, adakah kementerian ada buat tindakan ke atas SUB ini?

Tan Sri Alwi bin Haji Ibrahim [Mantan KSU KDN]: Saya tak berapa ingat perkara itu. Tetapi yang saya faham, yang saya ingat pegawai tidak lama berada di KDN. Jadi, selepas itu saya ada mungkin ada minta TKSU-lah, Timbalan KSU pada masa itu. Saya tak ingat siapa pada masa itu untuk melihat perkara ini. Sebab Bahagian Imigresen ini di bawah TKSU Dasar pada masa itu. Jadi saya ingat, saya ada minta supaya dilihat perkara ini dan apa implikasinya semualah. Tetapi saya tak ingat *detailed* apa yang berlaku selepas itulah, Yang Berhormat.

Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]: Jadi Tan Sri, pada pendapat Tan Sri, SUB ini memang telah menyalahgunakan kuasa dan ini adalah kes menyalahgunakan kuasalah, kan?

Tan Sri Alwi bin Haji Ibrahim [Mantan KSU KDN]: Saya – itulah kalau kuasa itu bukan di peringkat pegawai berkenaan, memang tak betul pengeluaran surat berkenaan. Sebab saya sebutkan tadi bahawa untuk SST ditandatangani adalah kuasa KSU sebagai Pegawai Pengawal ataupun ada penurunan kuasa. Kalau tidak, maknanya tak teraturlah.

Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]: Jadi, Tan Sri *confirm* tak ada penurunan kuasa? Penurunan kuasa.

Tan Sri Alwi bin Haji Ibrahim [Mantan KSU KDN]: Setakat ingatan saya dan apa ini, memang tak ada. Saya tidak menurunkan untuk tujuan ini. Untuk surat ini.

Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]: Adakah tak kemungkinan Menteri pada masa itu menurunkan kuasa atau itu Menteri tidak boleh menurunkan kuasa?

Tan Sri Alwi bin Haji Ibrahim [Mantan KSU KDN]: Itu saya tak pasti, Yang Berhormat.

Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]: Adakah Menteri mempunyai kuasa untuk turunkan, untuk mengarahkan SUB ini *sign* SST ini?

Tan Sri Alwi bin Haji Ibrahim [Mantan KSU KDN]: Setahu saya Pegawai Pengawallah, Pegawai Pengawal. Maknanya KSU.

Tuan Haji Azli bin Yusof [Ahli PAC]: Saya nak *backtrack* sedikit Tan Sri. Terima kasih. Bilakah masanya yang Tan Sri mengetahui surat itu telah dikeluarkan selepas tarikh tadi, kalau Tan Sri ingat lagi?

Tan Sri Alwi bin Haji Ibrahim [Mantan Ketua Setiausaha KDN]: Saya tak ingat *exact* tarikhlah.

Tuan Haji Azli bin Yusof [Ahli PAC]: Tak ingat ya.

Tan Sri Alwi bin Haji Ibrahim [Mantan Ketua Setiausaha KDN]: Yang Berhormat, sebab benda ini dah enam tahun, saya tak...

Tuan Haji Azli bin Yusof [Ahli PAC]: Adakah ini antara sebab mengapa perjanjian ini tidak dapat di— kontrak ini tidak dapat di meterai kerana ada isu berkenaan dengan keabsahan? Bukan keabsahan maksudnya *legitimacy of the letter* itu?

Tan Sri Alwi bin Haji Ibrahim [Mantan Ketua Setiausaha KDN]: Kalau detil, saya pun tak ingat Yang Berhormat sebab saya ingat lepas itu mungkin ada perbincangan-perbincangan tapi saya tak pasti apa yang berlaku selepas itulah. *I can't recall the*— perkara yang berlaku enam, tujuh tahun jadi *unfair* kalau saya cerita benda yang tak betullah.

Tuan Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]: Tan Sri, lepas tahu perkara itu berlaku, tidak adakah tindakan-tindakan *rectification* kepada keadaan itu dan selepas perkara itu berlaku, Tan Sri masih jadi KSU berapa lama selepas itu?

Tan Sri Alwi bin Haji Ibrahim [Mantan Ketua Setiausaha KDN]: Saya dari Januari dalam— saya bersara November 2019 tetapi sebagaimana Yang Berhormat maklum bahawa pada penghujung 2018 ada pertukaran kerajaan, jadi masa itu macam-macam bendalah, saya sebagai KSU bukan hanya melihat perkara ini saja tetapi pelbagai perkara di KDN lah. Mungkin Yang Berbahagia KSU sekarang pun boleh *explain* berapa jabatan kita ada, berapa bahagian kita ada jadi itu sebab kami pun ada tiga orang Timbalan KSU untuk membantu kami.

Jadi kalau Yang Berhormat tanya saya apa yang berlaku selepas itu, benda itu ada dalam failah, kalau boleh dilihat oleh pegawai yang ada sekarang ini. Tapi saya nak *explain* satu-satu yang berlaku, apa mesyuarat yang ada, saya memang minta maaf saya tak ingat.

Tuan Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]: Kalau *detail* memang itu. Cuma, *any notes of the meeting* apa yang minta keadaan itu di-*rectify*-kan kah ataupun memang kita terima hakikat SST *this time proceed* kah macam mana?

Tan Sri Alwi bin Haji Ibrahim [Mantan Ketua Setiausaha KDN]: Saya pun minta pegawai yang ada sekarang untuk ceklah dalam fail kah apa-apa yang berlaku selepas itu. Saya minta maaf Yang Berhormat, saya pun tak ingat apa yang— perbincangan apa yang berlaku selepas itulah. Jadi sekali lagi, saya minta kalau Yang Berhormat mungkin— pegawai-pegawai yang ada boleh ada akses kepada fail

pada masa itu boleh lihatlah kalau ada perbincangan dan sebagainya. Itu lebih eloklah pada pandangan saya. Terima kasih.

Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]: Pengerusi, kalau boleh saya nak tanya KSU, adakah pegawai SUB pada masa itu masih berkhidmat dengan kerajaan?

Datuk Awang Alik bin Jeman [KDN]: Setahu saya Yang Berhormat, sekarang ini pegawai berkenaan masih lagi berkhidmat dengan kerajaan.

Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]: Dia di mana sekarang?

Datuk Awang Alik bin Jeman [KDN]: Di Kementerian Kewangan.

Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]: Pengerusi, kalau boleh saya nak tanya tentang— kalau kita tengok apa yang dibentangkan tadi, sebenarnya pada muka surat yang terakhir, terakhir. Dia kata berdasarkan kepada nilai pelaburan awal berjumlah RM114,459,046. Maksudnya, dia punya pelaburan *about 100,000* sahaja, adakah itu betul?

Encik Roslie bin Rustam [JPM]: YB, ini adalah *figure* yang kita ambil daripada unjuran aliran tunai dan juga penyata kewangan beraudit syarikat sebab projek ini dah berjalan dan sampai ke UKAS pada tahun 2022. So, kita telah mengambil— biasanya kos awal projek ini berdasarkan kepada nilai pembangunan tapi dalam kes ini, kerana projek telah berjalan dan kutipan hasil telah pun dikutip, so kita andaikan RM114 juta ini adalah daripada dia punya *free cashflow* pada tahun 2021, so ini kita anggap sebagai pelaburan awal dia.

Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]: Okey, sebab saya dapat *conflicting* punya data kata pembangunan, kos pembangunan RM300 juta okey, tetapi sekarang RM114 million saja.

Encik Roslie bin Rustam [JPM]: Itu yang kita *dispute* YB, kita tak iktiraf RM300 juta itu kecuali telah diambil, dijustifikasikan oleh Jabatan Digital.

Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]: So, ini bermaksud bahawa kos pembangunan jauh lebih rendah kalau katakanlah berdasarkan apa yang dipaparkan di sini, maksudnya *one-third of the RM300 million* okey. Kalau *one-third of the RM300 million*, okeylah kita unjurkan dia punya— dia masuk, kita tak bayar dia dan sebagainya, sekarang kita terpaksa bayar *about RM3.6 billion* kepada mereka, okey. Kalau berdasarkan you punya pelaburan awal yang *one-third of the cost only have to pay RM1 billion, we don't have to pay RM3.6 billion*, betul tak?

Encik Roslie bin Rustam [JPM]: Betul.

Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]: So, kenapa kita tidak *fight in the court*? We should go and fight sebab kita mungkin— okey, tuntutan dia mungkin RM1.5 bilion tetapi tak semestinya kita kalah, *you know and not necessary court* akan award RM1.5 billion kepada dia *you can fight it out*-lah, okey. Mungkin kita akan dapat hanya

a few hundred million maybe, kerajaan kalah. Kalau kerajaan kalahlah, saya rasa yakin menang cuma mungkin kalah. Kalau kalah dia mungkin kita *pay a few hundred million*, tak payahlah *RM1.6 billion*, *RM1.5 billion*, betul tak? *What do you think?*

Encik Roslie bin Rustam [JPM]: Cuma YB, pada sayalah syarikat berpegang pada RM100 itu satu kepala, dia tidak berdasarkan kepada *cashflow* ini. Ini hanyalah *method* kita ataupun kaedah, *tools* yang kita gunakan untuk merundingkan harga. Yang dia pegang adalah kadar RM100 itu seperti mana tertulis dalam SST.

Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]: Saya juga ingin tanya mana-manalah, Tan Sri Alwi kah atau pegawai-pegawai itu yang dulu. Sebenarnya apa yang mereka janji itu, FWCMS contohnya dia kata *of course* apabila dia datang, dia janji bulan dan bintang. Dia kata okey, dia akan ada 16 modul tetapi apa yang mereka serah lebih kurang 12 modul sahaja.

Lepas itu, dia kata sistem ini boleh dibuka kepada semua 120 negara pembekal tetapi yang akhirnya hanya satu iaitu Bangladesh sahaja. Ini bermaksud bahawa pada pendapat saya *layman*-lah, *layman* saya pun tak tahu dia punya *nitty-gritty*, saya nampak bahawa *maybe the delivery* itu sangat kurang. *Delivery* ini mungkin *maybe one out of 120 countries*, *a few percent* sahaja. So, bermaksud bahawa mereka tidak mencapai apa yang kerajaan hasratkan. Jadi, kenapa— apa *basis* kita dia tuntutan begitu banyak dengan kita dan kita terpaksa bayar dia dan sekarang kita lanjutkan lagi dia enam tahun? Mohon pencerahan.

Datuk Awang Alik bin Jeman [KDN]: Dr.

Dr. Hebat Hisam bin Mohd Yusoff [KDN]: Terima kasih Datuk KSU. YB, untuk menjawab persoalan YB, mengapa kita bersetuju dengan tuntutan, satunya adalah kerana kita *we stand guided and guarded by* AGC. Bila kita dapat nasihat daripada AGC *then* kalau YB boleh tengok sejarahnya sedikit, undur belakang sedikit di mana pada Mei 2024, KDN ada mengangkat Memorandum Jemaah Menteri (MJM) dan di dalam Memorandum Jemaah Menteri itu tersebut YB, kita *detailed out* kenapa kita tak setuju dengan FWCMS, itu pada Mei.

Kemudian, setelah kita bergerak masuk ke Jun, Julai ada bukti-bukti baru dan bukti tersebut telah pun kita bentang kepada AGC dan AGC beranggapan bahawa tuntutan syarikat ada *weightage* dan meritnya tersendiri. So, bermula daripada titik tolak tersebut barulah kita duduk bincang untuk mencapai kata sepakat dengan nilai yang manakah patut kita bayar kepada syarikat.

Satu nilai yang tidak merugikan syarikat dan juga tidak membebankan kerajaan *which is* pada kadar 215. Tadi YB ada sebut berkenaan kerajaan kena bayar RM3.6 bilion, yang itu adalah nilai siling yang kita letak.

Ada kemungkinan besar bahawa jumlah tersebut tidak dibayar oleh kerajaan pun disebabkan apa? Sekarang ini kerajaan sedang giat berusaha untuk mengurangkan kebergantungan kepada pekerja asing di mana *capping*-nya sekarang adalah 15 persen dan mungkin akan datang nanti, *capping* tersebut akan direndahkan lagi.

■1510

Satu lagi polisi baru kerajaan untuk *discourage* kita punya *players* ini *to cut dependency on foreign workers*, kita akan dikenakan MTL, YB, *multi-tier levy*. Semakin banyak kita ambil pekerja asing, semakin banyaklah levi yang kerajaan terima.

Inilah mekanisme-mekanisme yang *deterrence* ini yang kita ada sekarang ini yang telah pun dipraktikkan untuk mengurangkan bilangan pekerja asing yang mana impaknya nanti pengurangan kepada jumlah. So, kos yang dibayar oleh kerajaan kepada syarikat pun akan berkurangan.

Saya rasa dalam prosiding yang lepas, saya ada maklumkan nilai terendah yang akan dipungut oleh MTL adalah RM300. Ini nilai kuantum yang paling rendah. Kalau kita nak tengok, RM300 ini pun telah memadai untuk kerajaan *recoup* RM215 yang kita bayar. Ini kita tak bercakap lagi fasal levi, kita tak bercakap lagi pasal visa yang mana ada komponen kenaan sendiri yang dikenakan oleh kerajaan. Seperti mana Datuk Ketua Pengarah Imigresen maklumkan tadi, kita ada empat komponen bagi seorang majikan perlu bayar untuk dia bekerja di Malaysia. Satu, levi; dua, visa; tiga, pas; dan empat, caj pemprosesan. So, kita ada dua, tiga tempat, *venue* untuk kita bergerak, untuk kita *cover government coffer*, YB.

Terima kasih.

Tuan Haji Azli bin Yusof [Ahli PAC]: Jadi, berdasarkan kepada empat komponen tadi itu, jadi untuk nak RM215 ini, nanti adakah pihak kerajaan telah tentukan atau pun berhasrat dekat mana yang nak letak RM215 itu tadi?

Dr. Hebat Hisam bin Mohd Yusoff [KDN]: YB, untuk kita *cover* RM215 itu, seperti mana yang dijelaskan tadi, YB, kita ada beberapa faktor, *variable*. Satunya adalah dengan kenaikan levi di bawah *multi-tier levy* yang mana peningkatan minimum adalah RM300.

Begitu juga kerajaan juga boleh *revisit* nilai visa yang kita dikenakan kepada negara sumber kerana paling tinggi buat masa sekarang, YB, adalah India dengan kenaan visa RM50 sahaja. Ada negara yang bayar RM20, ada negara yang bayar RM18. So, *high time* untuk KDN untuk tengok dan naikkan nilai tersebut setara dengan keadaan semasa.

Begitu juga dengan *processing fee*. Di situ pun kita boleh naik. Begitu juga dengan caj yang kita kenakan untuk pas. Itu adalah mekanisme-mekanisme yang *already in place* untuk kita *counter* RM215 tadi, YB.

Tuan Haji Azli bin Yusof [Ahli PAC]: Untuk kenaikan RM300 itu, dia tertera di mana itu?

Dr. Hebat Hisam bin Mohd Yusoff [KDN]: Itu di bawah KESUMA. Di bawah program *multi-tier levy*, YB. *Sorry*. Kementerian Sumber Manusia.

Tuan Haji Azli bin Yusof Ahli PAC]: Maksudnya, kenaikan-kenaikan ini dia akan di-review, disemak semula berdasarkan kepada tahun ke tahun atau pun untuk satu tempoh yang tertentu?

Dr. Hebat Hisam bin Mohd Yusoff [KDN]: Saya rasa disebabkan ini... *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]* Dibaca bersekali dengan polisi KE, Kementerian Ekonomi yang 15 *percent cap* tadi itu, YB. So, biasanya kalau polisi ini, kita ada tempoh untuk kita *revisit*, untuk kita buat *evaluation* semua-semua itu. So, dia tak ada lah untuk tahun ini kita *implement*, tahun depan kita nak *review which is quite unwise* untuk kerajaan buat dalam tempoh terdekat, YB. Terima kasih, YB.

Tuan Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]: Puan Pengerusi, kita prosiding untuk FWCMS ini dah berlanjutan lama jugalah. Proses itu telah memberi gambaran kita berbagai gambaran. Suatu ketika mengatakan bahawa *there is no cost to the government*. Suatu ketika dahulu, *“Don’t worry, we definitely won’t sign that agreement”*. Benda macam itu ya, melalui proses prosiding yang lama ini. Terkini, yang kita dengar yang terperanjat itu, *“Okey, kita teruskan dengan FWCMS dengan kadar yang itu, jadi RM215”* dan itu memeranjatkan kitalah. Itu yang berlaku *now*.

Saya tertarik dengan apa yang Tan Sri sebut tadi. Maknanya, yang terkini, di mana kerajaan bersetuju untuk meneruskan dengan proses ini dengan kadar RM215 ini berlandaskan kepada bukti-bukti yang baharu. Boleh tak kongsi pada PAC, apakah bukti-bukti baharu yang menyebabkan apa yang dibentangkan di prosiding yang terdahulu *superseded by* keputusan yang terkini? Kalau misal keadaan itu tak berubah, rasa saya kerajaan akan bertegas pada pendirian yang dahulu. Tetapi, dengan bukti-bukti yang baharu ini, kerajaan mengambil pendekatan untuk bersetuju teruskan dengan kadar sekian-sekian dengan jumlah sekian-sekian.

Jadi, boleh tak kongsi apa bukti-bukti baharu itu yang mungkin kita belum dengar lagi atau dah dengar juga tetapi terlepas dengar kah atau pun apa? Terima kasih.

Dr. Hebat Hisam bin Mohd Yusoff [KDN]: Terima kasih, Datuk Pengerusi. YB, yang kita rujuk kepada perkara baharu atau pun penemuan terbaru itu adalah pandangan daripada AGC. Sebab, sebelum itu, kita *engaged* UKAS, kita *engaged*

kementerian-kementerian lain yang mana pada ketika itu memang kita nak *stick* kepada RM86. Tetapi, bila kita *engaged* dengan AGC, dia kata SST itu mengikat sebagaimana kontrak mengikat. Di situ, tidak ada apa-apa tindakan daripada kerajaan untuk membolehkan syarikat mengutip. Di situlah elemen yang AGC tengok yang mengatakan bahawa terdapat merit dan *weightage* yang tinggi untuk syarikat saman kerajaan dengan nilai yang diminta tersebut.

Tuan Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]: Maknanya bukan bukti baharu tetapi interpretasi kepada dokumen yang sama dengan...

Dr. Hebat Hisam bin Mohd Yusoff [KDN]: Ya, ya, ya.

Tuan Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]: Berlandaskan pada dokumen yang sama...

Dr. Hebat Hisam bin Mohd Yusoff [KDN]: Ya.

Tuan Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]: ...Interpretasi daripada AGC yang terkini?

Dr. Hebat Hisam bin Mohd Yusoff [KDN]: Betul. Betul. Betul.

Tuan Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]: Okey, terima kasih.

Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]: Tuan Pengerusi, kalau boleh saya nak tanya. Okey. Sebab, kita katakan komponen RM85, *then* Bestinet kata RM100. Okey, saya nak tanya tentang apabila mereka *present* RM100 itu, apa komponen dalam RM100? *What is the justification of RM100?* Takkan dia *pluck from something from the air, right?*

Dr. Hebat Hisam bin Mohd Yusoff [KDN]: Dia *basically* RM100 itu, YB, adalah nilai SST dan syarikat juga merujuk kepada kontrak semasa pada ketika itu yang berjalan seiring iaitu BMS. Di mana BMS, kerajaan benarkan RM100, so dia orang *replicate* balik ke dalam kontrak FWCMS dengan nilai RM100.

Pada awalnya, BMS— pada ketika itu, perancangan kerajaan adalah kita untuk mengintegrasikan BMS ke dalam FWCMS dengan kenaan satu caj sahaja, YB. So, kita tak nak syarikat caj ada dua, tiga kali caj. Sebab, itu perancangan asal. Tetapi malangnya, tidak berlaku sebagaimana yang kita hajatkanlah, YB.

Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]: Okey, maksudnya RM100 itu adalah *based on charge* BMS. Tetapi apabila— kalau sayalah ya, saya nampak ada *proposal* baharu masuk, *of course*, kita nak kurangkan *the cost of doing business* untuk negara kita. Kalau sayalah, saya akan tanya, “*What is your component of your cost? What is your justification you nak caj RM100?*” Takkan dia *proposed* RM100, kita ambil sahaja? *To me-lah, layman-lah, as a person* ya, saya akan tanya soalan ini.

Dr. Hebat Hisam bin Mohd Yusoff [KDN]: Kita tengok komponen tersebut, RM100 itu, di situlah ada kenaan untuk penggunaan sistem pemprosesan daripada

syarikat pada ketika itu, YB. Walaupun kita tak *sign* kontrak, ada beberapa modul yang kita telah gunakan. Itu yang antara faktor yang mewajarkan, pada pandangan ahli mesyuarat pada ketika itu, untuk syarikat membuat tuntutan RM100 bagi setiap PLKS tersebut. Sebab, dia ada menyediakan perkhidmatan iaitu sistem dan kita guna. Di situ ada elemen yang memberi justifikasi kepada syarikat untuk kenaan RM100 tersebut.

Yang *detail-detail*, nanti kita boleh bagi secara bertulis, YB, kalau boleh?

Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]: Ya, saya perlukan justifikasi apabila dia masuk, dia cadangkan RM100 itu, apakah dia punya komponen *justification* dia ya. Itu perlu kerana—

Then, kedua, apabila saya rasa sebagai pegawai kerajaan, kita pun tak boleh terima apa cadangan syarikat, *lock, stock and barrel*. Dia kata RM100, kita ikut sahaja. *I think, to me— I mean*, kita bertanggungjawab kepada rakyat dan *how do we save money for the rakyat itu, I think that should be considered-lah*.

■1520

Kalau saya ahli mesyuarat masa itu, saya akan tanya, “*Bolehkah you kurang daripada RM100 kepada RM50?*”. *You know, that kind of thing* saya akan tanyalah ya. Okey.

Dr. Hebat Hisam bin Mohd Yusoff [KDN]: Betul YB, kami setuju. Sebab itulah kami meminta pandangan UKAS yang mana hasil kajian dan dapatan UKAS mencadangkan *instead of* RM100, kita bayar RM86 tadi. Di situ kita ada berhati-hati sedikit di situ, YB. Bukannya kita *just* terima apa yang di-*submit* oleh syarikat. Kita ada panggil UKAS dan UKAS pun membuat kajian berdasarkan *cash flow*, berdasarkan kos pembangunan dan UKAS *come out* dengan RM86 tersebut.

Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]: Okey, selepas dia— okeylah, SST keluar dan dia mulakan servis; pada KDN, *do you do evaluation* kepada *delivery* dia? Adakah dia ini *fulfill what your expectation, the original SST punya intention? The project intention?*

Dr. Hebat Hisam bin Mohd Yusoff [KDN]: Kita ada membuat *evaluation* ketika kita hendak *sign* kontrak tersebut iaitu kita adakan bengkel. Di bengkel itulah kita *sort out*, kenapa— kita *justify*, kenapa RM86 itu adalah kadar yang sesuai untuk syarikat bayar, bukan RM100. Okey.

Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]: So, maksudnya Dr., itu berlaku pada 2024-lah? Bengkel itu?

Dr. Hebat Hisam bin Mohd Yusoff [KDN]: Bukan, bukan. Ia berlaku sebelum 2024.

Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]: Sebelum...

Dr. Hebat Hisam bin Mohd Yusoff [KDN]: Sebab kita bercakap berkenaan dengan kenaan cadangan UKAS RM86 tersebut, YB.

Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]: Okey. So, sebenarnya dia punya *delivery* saya ada nampak bahawa dia sebenarnya tadi yang saya kata dia janji bulan dan bintang tetapi dia tidak *deliver*-lah sepatutnya. So, *at that point*, adakah KDN, *you know*, *renegotiate*-lah? You mana boleh RM100. You kena— *you know you have*— sebab *you* tak *deliver*, *you* kata RM120 punca, negara punca RM120 tetapi *you deliver* satu sahaja. So, *did we really negotiate* dengan dia?

Dr. Hebat Hisam bin Mohd Yusoff [KDN]: Sebagaimana yang kita jelaskan tadi, kita *negotiate* dengan dia, sebab itu kita ada *figure* RM86 tersebut. Tetapi, kaunter kita yang RM86, *vis-à-vis* RM100 itu tidak dipersetujui yang mana ia membawa kepada kerajaan dan syarikat tidak menandatangani kontrak. Kalau kerajaan ikut sahaja dengan cadangan syarikat, *which is* RM100, tetapi sekarang kerajaan tidak mengikut sebab kita ada pendirian kita dan pendirian kerajaan adalah *evidence-based*, *based on the calculation made by UKAS*.

Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]: *My point is*, kita— sebab dia tak *deliver* sepenuhnya. So, *actually if we go and fight in court* tak semestinya kita kalah *because on the vendor side, they failed to deliver what they promised. Am I right?*

Dr. Hebat Hisam bin Mohd Yusoff [KDN]: Betul, YB. Cuma bergantung kepada kebenaran kerajaan untuk memberikan kebenaran yang diterima oleh syarikat untuk mengutip RM100 tersebut yang mana syarikat berkata kerajaan tidak memberikan kebenaran tersebut.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Naib Pengerusi PAC]: Okey, saya ingin tanya. *Number one is* macam mana projek ini atau tawaran projek ini datang ke KDN dan juga sehingga ke Bahagian Imigresen dan bukannya Bahagian Perolehan? So, *that's one*.

Number two ialah kita ada perbezaan tentang *figure* RM86 dan juga RM100 *right? From day one* pada tahun 2018. Tapi kita— bukannya selama ini tak ada isukah yang syarikat itu tidak ada mengeluarkan surat tuntutan kepada kerajaankah? Kenapa hingga tunggu sampai 2024 bila kontraknya hampir tamat, baru ini, *you know*, diambil perhatian oleh kerajaan?

Jadi, selama ini— *so, it's a matter of six years you know*, enam tahun, tempoh enam tahun. So, walaupun ada tukar kerajaan, tukar Perdana Menteri, tukar KSU, tapi selama ini tak ada— tak pernah ada pegawai dalam KDN bangkitkan isu inikah?

Dr. Hebat Hisam bin Mohd Yusoff [KDN]: Pengerusi, sebab itu yang saya katakan tadi. Kita ada bengkel, kita ada beberapa siri mesyuarat pada 2018, kita tak menunggu sehingga 2024. Di situlah kita *come out* dengan *figure*, kita bersetuju dan

kita *argue* dengan syarikat. So, benda itu bukan berlaku pada 2024 sahaja, dia telah berlaku pada 2020, 2021 dan 2022. 2020, 2021 itu adalah mesyuarat. Dia punya puncak adalah bengkel yang mana kita panggil syarikat duduk bersekali.

Dia bukan kita tunggu sampai 2024 *then* kita, “*Oh, kontrak nak habis.*”. *Then*, kita *come out*— bukan begitu YB. Maknanya, *due diligence* itu telah dibuat oleh kerajaan, KDN pada ketika itu. Tetapi, disebabkan tidak ada titik pertemuan, sebab itulah kita tidak *sign* kontrak sehinggalah tamat kontrak 31 Mei. Kemudian, syarikat mohon sambung dengan syarat-syarat yang kita bincang tadilah, YB, di mana AGC berpandangan permohonan ataupun dakwaan syarikat tersebut ada *weightage*-nya yang tersendiri sebabnya tidak ada pun arahan daripada kerajaan untuk syarikat membuat kutipan. So, isu ini dia kena tengok. Dia tak boleh *discuss* satu-satu, dia kena tengok secara menyeluruh, dia datang dengan pakej isu ini.

Kenapa Bahagian Imigresen dan bukan Bahagian Perolehan? Memang untuk berkaitan dasar, Bahagian Dasarlah yang akan tentukan. Tetapi, berkenaan proses perolehan, yang itu akan dimurnikan oleh Bahagian Perolehan.

Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]: Pengerusi, kalau boleh saya tanya, sebab kita nampak ini adalah perolehan biasa, enam tahun. Tetapi, pada masa itu kita tahu bahawa kalau kita melalui UKAS, dia boleh— kalau kita tujuh tahun, *then we can go for RM86*. Kenapa kita tak lanjutkan satu tahunlah? Okey, supaya kita dapat *RM86 rather than we have to pay RM100*? UKAS itu PFI.

Encik Roslie bin Rustam [JPM]: YB, untuk menjawab soalan ini, biasanya projek yang datang ke UKAS ini projek baharu. Memang *from scratch*. So, kita akan ambil nilai— kita akan melalui *VM lab* untuk tentukan berapa sebenarnya kos pembangunan sistem. Dalam kes ini, projek dah berjalan.

So, apa yang kami ada, data yang kami ada, itu yang kami nilai. Kalau projek baharu, dia berbeza. Mungkin bukan RM86, mungkin RM100, mungkin RM120. Kita tak pasti. Dia bergantung pada berapa banyak kos pembangunan sesuatu projek dan juga perbelanjaan mengurus sesuatu projek. So, kita tak boleh cakap yang sebagaimana yang YB sebutkan tadilah, RM86, tak semestinya.

Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]: Untuk projek lanjutan daripada 2024 hinggalah ke 2030, kenapa kita tak pakai PFI?

Dr. Hebat Hisam bin Mohd Yusoff [KDN]: Sebab YB, kalau kita buat kenaan itu kepada majikan iaitu RM215 itu, itu membebankan para majikan, YB. Tidak *reflect* konsep MADANI yang cuba diterapkan oleh kerajaan. Sebab itulah *instead of* majikan bayar tambahan RM215 tersebut, kerajaan *shoulder the cost* dan kita gunakan punca mana YB untuk kita *shoulder the cost*? Yang tadi itulah. Kenaikan

multitier levi, kita akan *revisit* balik nilaian visa, *processing fee*. So, rakyat di bawah majikan tidak merasa apa-apa kenaikan berkenaan dengan RM215 tersebut.

Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]: *It is almost the same*-lah.

Dr. Hebat Hisam bin Mohd Yusoff [KDN]: Ya.

Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]: Sebab majikan pun kena bayar *the extra multitier* itu. Okey.

Dr. Hebat Hisam bin Mohd Yusoff [KDN]: Tapi tidaklah dengan nilaian—ya?

Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]: Maksud saya, kalau katakan kita tutup buku yang enam tahun yang lepas itu. Okey, dia nak RM1.6 bilion, kita bagi, bayarlah. *But, on the moving forward* itu, kenapa— kita boleh minta dia masuk. Kalau dia PFI itu, kita— *you know*, dia masuk *then go through* UKAS punya *lab* dan sebagainya dan kita tetapkan harga yang munasabah untuk masa depan. *Why not we do that?*

Dr. Hebat Hisam bin Mohd Yusoff [KDN]: RM215 tersebut kalau kita biarkan melalui UKAS, kita cas kepada majikan, dia akan terbeban kerana apa YB? Sebab tiba-tiba RM215. Sedangkan kalau kerajaan, kita boleh buat kenaikan secara berdikit, *step by step*, bukannya *total* RM215 terus. Di situ kebijaksanaan KDN-lah YB. Kalau betul macam itu. *[Ketawa]*

Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]: Ada kebijaksanaan juga. *[Ketawa]*

Dr. Hebat Hisam bin Mohd Yusoff [KDN]: *Sorry, sorry* YB.

Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]: Tan Sri— Pengerusi, kalau boleh saya nak tanya Tan Sri. Tadi Pengerusi ada tanya, *how did the project come about?* Bagaimana dia datang ke KDN? Boleh tolong bantu kita?

Tan Sri Alwi bin Haji Ibrahim [KDN]: Seingatan saya Yang Berhormat, dia ada— saya ingat ada permohonan, ada surat-menyurat. Surat daripada syarikatlah kepada pihak KDN.

■1530

Itulah bermulanya perkara ini di Kementerian Dalam Negeri. Saya tak ingat bila surat itu tetapi saya percaya ada surat daripada pihak syarikat kepada KDN untuk melaksanakan apa dipanggil FWCMS ini.

Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]: Jadi, syarikat itu tulis kepada Tan Sri kah atau siapa?

Tan Sri Alwi bin Haji Ibrahim [Mantan KSU KDN]: Saya tak ingat Yang Berhormat. Saya kena minta pegawai *check* lah. Pada masa itu sama ada kepada Menteri kah ataupun kepada kementerian saya tak ingat. Kena *check* surat itu.

Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]: Boleh minta KDN bagi surat tersebut. Surat-menyurat tersebut?

Datuk Awang Alik bin Jeman [KDN]: Okey, kita akan semak YB. Kita akan semak. Kalau ada, kita akan bagi.

Tuan Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]: Kita telah— perkara dah lanjutkan. Makna, benda-benda apa yang diucapkan benda-benda yang baru ini. Kadangkala dia *in retrospect* apa yang telah disebut terdahulu lah yang memerlukan penjelasan. Satu, yakni Bestinet memang satu syarikat yang mengendalikan BMS. Betul, kan? Dan BMS itu berterusan. Betul?

Dr. Hebat Hisam bin Mohd Yusoff [KDN]: Sekarang tidak lagi.

Tuan Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]: Berterusan sehingga bila?

Dr. Hebat Hisam bin Mohd Yusoff [KDN]: Sehingga tamatnya pada— saya semak dahulu YB ya. Tetapi, sekarang tidak lagi berterusan.

Tuan Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]: Tetapi yang sehingga bila BMS itu dilaksanakan?

Dr. Hebat Hisam bin Mohd Yusoff [KDN]: Saya rasa 2022.

Tuan Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]: Sehingga 2022.

Dr. Hebat Hisam bin Mohd Yusoff [KDN]: Ya.

Tuan Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]: BMS itu dicaj RM100, betul?

Dr. Hebat Hisam bin Mohd Yusoff [KDN]: Ya.

Tuan Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]: BMS ini sepatutnya juga masuk sebagai satu modul dalam FWCMS, betul?

Dr. Hebat Hisam bin Mohd Yusoff [KDN]: Ya.

Tuan Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]: Jadi, makna daripada 2018 hingga 2022 itu Bestinet dapat RM100 lah? Betul?

Dr. Hebat Hisam bin Mohd Yusoff [KDN]: Dapat, dapat tetapi melalui kontrak yang berbeza. BMS dia ada kontrak tersendiri. So, kita tak boleh tengok itu sebagai satu kontrak. Sebab, BMS dia ada kontrak sendiri. *They are governed by their own contract. Whereas, FWCMS dia ada SST-nya sendiri.*

Tuan Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]: Tetapi— okey. Tetapi, modul BMS ini akan dimasukkan dalam FWCMS?

Dr. Hebat Hisam bin Mohd Yusoff [KDN]: Akan. Tetapi tidak pula berlaku YB. Bila *once* dia masuk, yes. Tetapi, benda itu tidak berlaku. Memang perancangan awal kerajaan untuk *integrate*-kan BMS tersebut ke dalam FWCMS sebagaimana yang kita buat sekarang ini.

Tuan Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]: Maknanya, sebahagian daripada FWCMS itu adalah BMS itu?

Dr. Hebat Hisam bin Mohd Yusoff [KDN]: Pada ketika itu, tidak. Tetapi, harapan kerajaan ya. Kalau kita tengok dari segi kontrak *there are two separate entities*, YB.

Tuan Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]: Tetapi, dari segi modul itu lah. *I'm talking about module* itu, kan? Modul itu kalau andaikan FWCMS dilaksanakan seperti mana dalam SST itu, *automatically* BMS ini akan dimasukkan dalam FWCMS, betul?

Dr. Hebat Hisam bin Mohd Yusoff [KDN]: Itu hasrat kerajaan. Betul.

Tuan Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]: Jadi, maknanya okey itu hasrat. Tetapi, FWCMS tidak dilaksanakan tetapi BMS diteruskan dan mereka *collect* RM100 itulah?

Dr. Hebat Hisam bin Mohd Yusoff [KDN]: Ya.

Tuan Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]: Dan perkiraan kita sekarang ini seolah-olah enam tahun yang terdahulu ini mereka langsung tak dapat apa-apa kos lah?

Dr. Hebat Hisam bin Mohd Yusoff [KDN]: Dia sebab, dia merujuk kepada kontrak FWCMS.

Tuan Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]: Kontrak yang berbeza lah?

Dr. Hebat Hisam bin Mohd Yusoff [KDN]: Ya.

Tuan Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]: Saya tahu. Itu dua, *two difference contract* tetapi dalam *negotiation* kita, dalam— sekarang kita bayar practically kita mengatakan kita bersetuju RM100 yang mereka sepatut dapat, mereka tak dapat apa-apa dan kita bayar mereka RM100 plus *interest*. Itu yang berlaku sekarang.

Dr. Hebat Hisam bin Mohd Yusoff [KDN]: Betul.

Tuan Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]: Maknanya, dalam *negotiation* itu tidak langsung— saya tahulah *two difference contract*. Tetapi, dalam kita punya *negotiation* itu BMS sepatutnya sebahagian satu daripada modul dalam FWCMS itu dalam *negotiation* itu tak minta *goodwill* kah apa tak? Sehingga kita bayar *100 percent over and on top of the interest*. Itu saya rasa pelik wal ajaib.

Dr. Hebat Hisam bin Mohd Yusoff [KDN]: Sebab itulah YB, dalam kontrak baharu ini kita *integrate*-kan dua itu dan semasa rundingan untuk kita *conclude* pada kontrak yang baharu tersebut, memang kita *table out everything*, YB. Tetapi, bila kita mendapat pandangan daripada AGC, kita pun— bila AGC yang berkata, pegawai kerajaan akan dengar. Kementerian lain akan dengar. Sebab, dia melihat daripada segi keabsahan tuntutan tersebut dan keabsahan yang dituntut adalah berdasarkan SST FWCMS. Bukannya daripada kontrak BMS. Itu yang dinasihatkan kepada kami oleh AGC.

There are two separate things...

Tuan Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]: Itu dari segi kontrak. But dari segi komersial dia *even six years ahead* ini, paling kurang *we are paying same amount* walhal *we are using one of the module* yang kita dah pakai selama ini contoh dia lah, kan? BMS itu. Jadi, maknanya modul yang telah ada, yang telah dilaksanakan seolah-olah benda itu baharu dan akan lanjutkan dan kita bayar *six years ahead* ini *full amount* juga.

Dr. Hebat Hisam bin Mohd Yusoff [KDN]: Malangnya kita tidak melihat macam itu YB. Sebab, macam kita kata tadi *contract is contract*. Komersial, *yes we are understood commercial*. Tetapi, komersial dia tidak mengikat apa-apa. Itu nombor satu. Nombor duanya sekarang YB, sebab itulah seperti mana yang kita ulang-ulang bahawa kita *merge*-kan dua itu menjadi satu yang mana kerajaan bayar satu sahaja dan jumlah bayaran kerajaan tersebut adalah untuk *recoup* balik apa yang kerugian yang berlaku di FWCMS itu, YB.

Tuan Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]: *Recoup* satu hal yang kita bincang. *I'm talking about* yang *six years ahead* ini. *It's going to be a new agreement*, kan? *New agreement* ini di mana modul yang telah digunakan selama ini pun seolah-olah kita ambil sebagai modul yang baharu yang akan dilaksanakan dan dimasukkan dalam FWCMS. Jadi, saya tak fikir dan amaun itu sebiji seperti mana awal dahulu. Saya nampak macam *there is no goodwill at all* dan adakah kerajaan di-scam dalam keadaan ini?

Dr. Hebat Hisam bin Mohd Yusoff [KDN]: Saya tidak merasa sedemikian. Sebab, pandangan YB mengatakan bahawa kita *just* sambung sahaja modul yang lama adalah tidak tepat. Ini kerana jumlah yang ditawarkan 15-15 modul pada kontrak yang ditandatangani pada 3 September tersebut adalah modul-modul yang telah ditambah baik. Ini telah di-*endorse by* Jabatan Digital, *by* Jabatan Imigresen sendiri. Dia bukan kita *carry forward* kita ambil dan kita *just* orang kata *plug and play* sahaja di dalam kontrak FWCMS yang baharu. Ada penambahan dari segi modulnya yang mana hingga sekarang hari ini YB, kita berbincang ini penambahan untuk *improvement for the betterment* sedang berlaku di Jabatan Imigresen untuk modul-modul yang dinyatakan oleh YB tadi itu.

Dia bukan kita pindah, kita pindah *stock and barrel* dan kita terus guna. Tak. Dia tidak berlaku begitu.

Tuan Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]: *IT system* memang kita tahulah. *IT system is not static*. Teknologi berkembang. Memang *that should be the case* lah. *For any IT system* kalau kita statik tak bergerak, tak ada penambahbaikan dan

sebagainya *then is wrong contract, wrong system to use* lah. Maknanya, penambahbaikan itu sepatutnya dan semestinya berterusan.

Cuma itulah saya fikir kenapa tak ambil kira *in another is does not start from zero* itu. Itu pandangan saya. *The thing does not start from zero but we are paying as if it starts from zero*. Itu dari *layman* lah, dari segi *layman*. Maknanya, sistem sedia ada bukan *start from zero* dan kita bayar seolah-olah kita *start from zero*. Itu yang saya dok fikir *because six years* benda itu dah *develop*, BMS dilaksanakan. *Of course, it's not exactly the system but it does not start from zero*. Jadi, *what we are paying now is as if we are start from zero*. Kita bayar yang dahulu, okey satu hal. Yang *moving forward* pun *we are paying*, macam itulah.

Encik Roslie bin Rustam [JPM]: Saya ingin menambah YB. Berdasarkan *cashflow* yang kita tengok itu. Dia sebenarnya ada *technology refreshment*. IT ini dia ada *technology refreshment*. *Certain period* dia kena tambah modal untuk *update* dia punya sistem. So, benda itu kita dah ambil kira dan ada yang kita tak iktiraf pun. So, *basically* RM100 ini sebenarnya mungkin dia boleh naik lagi sebenarnya. Bukan dia *start* RM100. Kita *start* 0-100 tetapi selepas itu kita nak *start* lagi rendah ataupun mungkin lebih rendah lagilah. Tak semestinya.

So, RM100 itu adalah telah mengambil kira *technology refreshment* dan juga RM130 yang dituntut itu pun kita telah rundingkan supaya dia turunkan RM115. Kalau ikut tuntutan awal *company* ini dia nak RM231. Lepas itu, dia turunkan RM230. Lepas itu, kita rundingkan RM215. Bayangkan YB, RM15 ataupun RM16 yang dikurangkan itu berapa banyak dah sebenarnya kerajaan jimat daripada tuntutan asal yang diminta itu.

Tuan Haji Azli bin Yusof [Ahli PAC]: *In my rightful mind* lah. Oleh sebab, BMS itu adalah sebahagian daripada FWCMS. Maka, yang kita nak *recoup* itu sebenarnya *is after* BMS itu ditamatkan *which is* 2022. Makna sebelum itu dia oleh sebab dia dah sebahagian daripada FWCMS maksudnya RM100 itu yang dah digunakan. Macam ada walaupun kontrak yang berlainan. Tetapi, *in the negotiation it should have been considered* lah, pada saya.

■1540

Puan Teresa Kok Suh Sim [Naib Pengerusi PAC]: Saya nak tanya bolehkah kita dapat dokumentasi *verification* yang dibuat oleh Jabatan Digital Negara? So, untuk sahkan yang verifikasi memang dibuat oleh JDN?

Datuk Awang Alik bin Jeman [KDN]: Yang Berhormat Pengerusi, yang itu kita akan minta dengan Jabatan Digital dan kita akan kemukakan kepada urus setia.

Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]: Pengerusi, kalau boleh saya nak tanya. Okey, susulan daripada apa yang dibangkitkan oleh Wangsa Maju, apabila kita

negotiate, dia— kita sudah tentu— *you* sudah berjaya *negotiatie*, kan? Turunkan, ya? Okey, *good*. RM239 ya? Turun kepada— tahniah, tahniah... [Ketawa]

Tetapi, saya pun nak tanya. Dia pun caj kita *six percent for the past 10 years— six years* itu. Okey, biasalah kita turun— kalau kita *negotiate*, dia dapat kontrak baharu, kita kata kosong-kosonglah. *You know, you give up your six percent, we just move on*. Adakah kerajaan *negotiate* dengan mereka supaya mereka batalkan *the six percent* itu, *interest* yang mereka kata apa itu— biasanya, *I think the contractor will give in about the six percent. Six percent is very high*.

Dr. Hebat Hisam bin Mohd Yusoff [KDN]: YB, betul, saya setuju. Dalam rundingan, prinsip asas rundingan adalah *you scratch my back, I scratch yours*. Dalam hal ini pun, perkara tersebut telah berlaku. Kita ambil contoh syarikat dia menerima cadangan kerajaan untuk dia *waive*-kan sebanyak RM60 juta tersebut. RM60 juta adalah kos yang ditanggung oleh syarikat kerana tidak dapat menjalankan penugasan pada tahun berlakunya COVID-19, YB.

So, di situ memang ada *give and take*. Kita minta syarikat setuju dan syarikat minta, mana yang boleh kita timbangkan, kita timbangkan. Tetapi, mana yang tak boleh dan kita rujuk kepada AGC, dapat pengesahan AGC dan kita *proceed* sebagaimana pandangan Jabatan Peguam, YB.

Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]: Saya ada satu soalan nak tanya KSU. Untuk projek yang FWCMS ini, adakah ini kira satu monopoli?

Datuk Awang Alik bin Jeman [KDN]: Kalau yang— ini pandangan peribadi YB ya. Pada saya, tak juga monopoli sebab permohonan untuk pekerja asing boleh juga dimohon daripada pihak-pihak lain tetapi perlu menggunakan sistem yang ada. Maknanya, bukan dia seorang yang boleh ambil pekerja asinglah. So, dari sudut itu saya nampak bukanlah macam monopoli.

Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]: Bolehkah kita bagi— okey, kalau kata bukan monopoli, *then* bagilah kita boleh bagi beberapa sistem untuk mereka mohon juga masuk. Tak semestinya melalui FWCMS kan? Kalau kita kata, okeylah, okey sekarang FWCMS kita telah selesai isu ini. Okey, terus jalan. Tak apa. Tetapi katakan satu syarikat ABC, dia buka satu sistem lain yang di-*endorse* oleh kerajaan untuk *do the similar system*. Mungkin syarikat itu caj kos hanya RM86 sahaja, bolehkan?

Datuk Awang Alik bin Jeman [KDN]: Isu dia YB yang saya nampak, kita telah ada sistem itu. Jadi, kalau ada sistem yang lain yang juga *propose* benda yang sama, kita tak nak *manage* benda yang sama berulang kali. Itu sahaja.

Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]: Itu boleh?

Datuk Awang Alik bin Jeman [KDN]: Kalau dibuat, bolehlah. Cuma kita tak nak benda yang itu *double*. Maknanya, ini dia juga, yang itu dia juga. Benda sistem itu jadi banyak. Itu yang...

Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]: Tetapi kalau kita boleh bagi *free market*, siapa-siapa syarikat nak buat, buatlah. Kita cuma *endorse* sahaja. *At the end of the day*, kita *collect* *levi*. *As long as the company pay the government, that's it*.

Datuk Awang Alik bin Jeman [KDN]: Untuk perkara-perkara yang sebegini, biasanya di peringkat kementerian kita tak akan putuskan, YB. Kita akan angkat kepada pihak yang lebih tinggi untuk memutuskan. *Even* sampai ke peringkat Perdana Menteri. Kalau ada yang sebeginilah.

Yang YB sebut tadi contohkan, tetapi kalau adalah misalnya pihak-pihak yang *propose* sebegini, sampai dua, tiga jenis, kita akan angkat kepada yang lebih tinggi untuk putuskan. Di peringkat kementerian kita tak akan putuskan benda-benda yang sebegini.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Naib Pengerusi PAC]: Jadi, saya nak tanya, yang saya lihat rekod kita ialah Mesyuarat Jawatankuasa Kabinet Mengenai Pekerja Asing dan Pendatang Asing Tanpa Izin iaitu JKPPA-PATI yang ke-14 pada 20 Ogos 2015 telah bersetuju pelaksanaan FWCMS oleh syarikat Bestinet Sdn. Bhd. yang mana Kementerian Dalam Negeri telah menandatangani— tetapi Kementerian Dalam Negeri hanya tandatangan SST pada 12 Januari 2018. So, bagi pelaksanaan FWCMS untuk tempoh dari 1 April 2018 hingga 31 Mei 2024.

That means yang *proposal* daripada Bestinet ini sebenarnya ia telah wujud sejak 2015. Jadi, macam ia— soalan saya ialah kenapa waktu itu 2015 sudah setuju tetapi sampai 2018 *sign* SST tanpa tunggu ulasan daripada UKAS?

Dr. Hebat Hisam bin Mohd Yusoff [KDN]: YB Pengerusi, dia keadaan dia macam ini YB Pengerusi. Walaupun diputuskan dalam Jawatankuasa Kabinet Pekerja Asing, jawatankuasa tersebut tidak boleh mengambil peranan sebagai jabatan yang membuat perolehan. Itu satu.

Nombor dua, kerajaan dia tidak akan menerima sesuatu tawaran sistem dengan begitu sahaja. Perlu ada tertibnya. Dalam hal ini, kerajaan telah menjalankan POC untuk membuktikan, menentusahkan bahawa sistem yang ditawarkan kepada kerajaan adalah sistem yang *reliable* dan *valid*.

Kita tak boleh terima *once*— okey, mana-mana syarikat hantar dan kita rasa sesuai, kita ambil. *No, no*, kerajaan tidak berbuat begitu. Selepas berlakunya POC, ada jawatankuasa penilaian POC lagi. So, benda-benda itu dia bertapis, YB. So, apa yang kerajaan buat daripada 2015 sehingga 2018 adalah apa yang saya maklumkan

tadilah, proses-proses yang diperlukan. Sebagai contoh, POC, penilaian dan juga rundingan.

Kemudian, kalau boleh saya nak menjawab isu yang monopoli tadi YB. Dia di dalam kerajaan ini YB, kalau berdasarkan prinsip perolehan, kita tidak boleh melantik dua vendor yang berbeza untuk perkhidmatan yang sama. Itu bukan monopoli. Sebagai contoh, sekarang ini kita Jabatan Imigresen, kita ada MyIMMs. MyIMMs ini dijalankan, dibuat, dibangunkan oleh HeiTech Padu. Adakah itu monopoli? Tidak, kerana dia melalui proses perolehan. Begitu juga dengan FWCMS. Adakah dia monopoli? Tidak. Sebab dia melalui proses yang sama. So, konsep monopoli itu tidak terpakai di sini.

Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]: Okey. Untuk jawab benda ini, contohnya, kita nak bayar JPJ, bayar saman JPJ. *You* boleh pergi kaunter JPJ, dia ada sistemnya untuk *collect* saman itu. *You* boleh pergi MyEG, dia ada cara dia. Okey. So, *to me*, yang lebih banyak lebih baiklah. Senang untuk rakyat. Lebih banyak *competition*, lebih banyak vendor, *better for the government*. Sebab apa yang sekarang, kerajaan kena bayar RM215 kepada FWCMS. Tetapi kalau kita buka kepada beberapa vendor lagi, *whatever save, government save*.

Katakan syarikat ABC, dia kata “*Okeylah, I caj kerajaan RM86*”. So, *we save RM215 minus RM86 already*. Ada satu mungkin syarikat XYZ, dia kata, “*Okey, I bagi RM50 sahaja. I caj RM50 sahaja*”. So, *to me it’s good for the country*. Betul, ya?

Dr. Hebat Hisam bin Mohd Yusoff [KDN]: Betul. *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]: Terima kasih. Sekarang JPJ punya saman pun sama juga.

Dr. Hebat Hisam bin Mohd Yusoff [KDN]: JPJ dia hanya satu syarikat sahaja YB. *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]: MyEG pun boleh. Kalau *you* nak melalui *website* pun boleh. JPJ punya— *you* pergi kaunter JPJ pun boleh. Dua, tiga vendor.

■1550

Dr. Hebat Hisam bin Mohd Yusoff [KDN]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]: Itulah sebab saya kata *the six years from 2024 to 2030* itu *is a mistake*. Okay? *To us, that is shocking to us*. Okey. Bukalah sebanyak yang mungkin supaya kita *save cost*. *Why didn’t we explore this option?* Datuk KSU boleh responskah? *[Ketawa]*

Datuk Awang Alik bin Jeman [KDN]: Saya belum masuk lagi, YB, *time* itu... *[Ketawa]*

Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]: Datuk KSU, adakah kemungkinan kita tarik balik kontrak ini?

Datuk Awang Alik bin Jeman [KDN]: YB, sekarang ini dah *signed*. Nak tarik balik itu mungkin kita akan terdedah kepada samanlah, YB. Itu saja pandangan saya.

Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]: Kos tak banyaklah, kan? Kos tak banyak. Dia baru saja.

Datuk Awang Alik bin Jeman [KDN]: Tak. *Still* kena saman. Yang itu sajalah.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Naib Pengerusi PAC]: Yang Bestinet itu belum fail saman lagi kan? Ke mahkamah. *Threaten*?

Beberapa Ahli: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Encik Ahmad Johan bin Mohd Affandi [Sekretariat PAC]: Dia dah *signed* kontrak dah.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Naib Pengerusi PAC]: Ya. *I mean*, dia *threaten*.

Encik Ahmad Johan bin Mohd Affandi [Sekretariat PAC]: Ya, *threaten*.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Naib Pengerusi PAC]: *Right? Threaten*.

Dr. Hebat Hisam bin Mohd Yusoff [KDN]: Untuk saman itu ada. Tapi belum di— peringkat mahkamah, difailkan di mahkamah, belum. Surat niat untuk saman sahaja ada.

Tuan Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]: Kontrak itu dah ditandatangani?

Dr. Hebat Hisam bin Mohd Yusoff [KDN]: Pada ketika kita menerima surat niat saman itu, kontrak tidak lagi ditandatangani. Disebabkan surat itu, pandangan AGC, barulah kita *signed* kontrak pada tiga— tadilah, YB, yang kontrak baru itu.

Tuan Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]: Dah *stamping* semualah ya?

Dr. Hebat Hisam bin Mohd Yusoff [KDN]: Ya, ya.

Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]: Satu lagi soalan adalah kita *signed* kontrak pada 6 September 2024.

Seorang Ahli: 3 September.

Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]: 3 September. Tetapi, kenapa dapat pengecualian daripada MOF hanya pada 26 September?

Datuk Awang Alik bin Jeman [KDN]: Biasanya kalau minta kebenaran MOF ini, dia memang macam itu. Walaupun dia bersetuju, tapi dia akan *reply* surat kita lambat sikit. Dia akan ambil masa.

Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]: Tapi *you applied* dulu, kan? *You applied* selepas *signed* kontrak, kan? Saya difahamkanlah surat-menyurat itu...

Datuk Awang Alik bin Jeman [KDN]: Dr.?

Dr. Hebat Hisam bin Mohd Yusoff [KDN]: Berkenaan dengan surat pengecualian itu, antara sebab kita hantar surat pengecualian, pada ketika itu, kita buat perunding kontrak tanpa mengambil kira peruntukan, YB. Itu antara sebab. So, bila kita hantar kepada MOF, MOF mempertimbangkan. So, MOF memberi pengecualian tersebut. Sebab, kalau dalam perolehan kerajaan, sebelum kita buat sesuatu kontrak, kena ada peruntukan dulu, YB.

Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]: Betullah. Itu sebab saya rasa tatacara itu tak betul. Biasanya kita dapatkan pengecualian, barulah kita *sign* kontrak, kan? Tapi, *you signed* kontrak dulu barulah dapat pengecualian. *It's like you're forcing MOF, forcing the hand*-lah, saya nampak benda inilah ya.

Dr. Hebat Hisam bin Mohd Yusoff [KDN]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Puan Teresa Kok Suh Sim [Naib Pengerusi PAC]: Saya ada satu soalan. Kita lihat yang dalam slaid ini ada levi, ada pas, ada *processing fee*, lepas itu ada visa. Jadi, semua wang ini dimasukkan ke dalam tabung dalam imigresen ataupun pergi ke wang yang disatukan di bawah MOF?

Dato' Zakaria bin Shaaban [JIM]: Izinkan saya untuk jawab ya. Okey. Yang Berhormat, untuk ini, saya dah— seperti mana yang saya maklumkan tadi, semua kutipan hasil sekarang ini memang kita masukkan di Kumpulan Wang Disatukan. *That means*, hasil kerajaanlah. Hasil Kerajaan Persekutuan. So, memang dia akan masuk sepenuhnya. Okey.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Naib Pengerusi PAC]: Jadi, yang RM215 itu, apa yang KDN akan buat ialah naik levi, naik pas, *you know, processing fee* semua itulah untuk *cover* itu RM215-lah?

Dato' Zakaria bin Shaaban [JIM]: Itu peringkat cadangan kita. Kita belum naikan apa-apa lagi. Itu peringkat cadanganlah. Kita akan— tapi, sekarang ini kita masih kekal dengan kadar sekarang ini.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Naib Pengerusi PAC]: *That means* mungkin dalam bulan-bulan yang akan datang, *the total fee will increase* RM215-lah? Betul?

Datuk Awang Alik bin Jeman [KDN]: Yang naik yang kadar visa dan sebagainya ini, YB. Bukan yang RM215 itu. Yang naik yang ini... *[Merujuk kepada slaid pembentangan]* Yang Indonesia, RM15; Bangladesh, RM20. Yang itu yang kita akan naikan. Bukan yang RM215 tadi. Bukan.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Naib Pengerusi PAC]: Naikkan, tambah semua ini supaya ia akan capai *cover* itu RM215 seoranglah? *You have to cover the cost, right?*

Dr. Hebat Hisam bin Mohd Yusoff [KDN]: Seperti mana yang diperjelaskan tadi, YB, dia bukan naik— kuantum RM215 itu tidak akan muncul secara tiba-tiba. Tiba-tiba RM215, tak. Sebabnya, kita akan membuat *revision* secara berdikit. So, kita naikan sikit-sikit supaya kesan kenaikan tersebut tidak dirasakan sangat. Berbanding kalau kita buat kenaikan *one go* RM215 tersebut, dia akan ada sedikit *backlash* daripada para majikan, YB. So, kita buat keputusan untuk kenaikan secara berdikit. Sebab, itu adalah di bawah kuasa KDN, YB.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Naib Pengerusi PAC]: Tapi MOF yang bayarlah akhirnya kepada Bestinet. MOF yang bayarlah.

Dr. Hebat Hisam bin Mohd Yusoff [KDN]: Kalau di kementerian kerajaan, semuanya MOF, datangnya daripada MOF, YB. Bukan— PTJ yang membayar adalah Jabatan Imigresen. So, semua peruntukan mengurus yang diterima, mana-mana kementerian pun akan datang daripada poket MOF.

Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]: Pengerusi, saya nak tanya soalan terakhirlah. Okey. *On hindsight*-lah ya, Tan Sri, mungkin Tan Sri sudah melalui projek ini dan apakah *advice*-lah kepada kamilah, kepada kerajaan juga *based on experienced* daripada FWCMS? Apakah yang Tan Sri akan buat kalau benda ini berulang sekali lagi?

Tan Sri Alwi bin Haji Ibrahim [KDN]: Yang Berhormat, berdasarkan pengalaman saya, untuk mengurus urusan yang melibatkan imigresen termasuk urusan pekerja asing adalah satu urusan yang bukan mudahlah. Maknanya, perlu kerjasama pelbagai agensi dan jabatan. Jadi, di peringkat ini, sistem-sistem yang ada memang perlu ada untuk *facilitate* Jabatan Imigresen memproses, mengawal, menguatkuasakan kemasukan orang asinglah termasuk pekerja ini, *foreign workers*.

Jadi, sama ada suka atau tidak, perlu ada satu sistem yang teratur dan juga yang kemas kini, yang *up-to-date* dan juga tidak menimbulkan masalah kepada mereka yang memerlukan. Maknanya, kalau sektor perladangan perlukan pekerja, kerajaan melalui imigresen akan membantu untuk *facilitate* kemasukan pekerja asing ini. Justeru itu, satu sistem yang cekap dan juga teratur perlu diwujudkan.

Jadi, cara mana sistem ini dilakukan, ini terpulang kepada kerajaanlah. Sebagaimana disebutkan, dibincangkan panjang lebar tadi, memang— yalah, masalah ini ataupun perkara ini bukan suatu yang mudah untuk diselesaikan. Tapi, *from time to time, we can improve the system, the way* kita mengurus kemasukan pekerja asing dan juga untuk meningkatkan kecekapan, *delivery system* di jabatan termasuk imigresen. Akhirnya, kerajaan akan dapat hasillah kalau kita boleh mewujudkan satu sistem yang cekap dan efisien.

Itu yang saya ingin sebutkanlah, Yang Berhormat. Terima kasih.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Naib Pengerusi PAC]: Saya nak tanya KSU KDN. Tadi apa yang saya dengar dari pegawai ialah *the levy fee, processing fee, visa fee* semua ini akan perlahan-lahan kita akan tingkatkan untuk capai RM215-lah untuk bayar balik kepada Bestinet. Jadi, sekarang, bila kerajaan akan mula bayar wang ini kepada pihak Bestinet?

■1600

Adakah mulai Januari tahun ini kah atau kena tunggu sampai kita kutip, *you know, fee* yang kita perlu itu baru kita bayar Bestinet? Ada secara bulanan kah atau tahunan?

Dr. Hebat Hisam bin Mohd Yusoff [KDN]: Terima kasih, YB. Untuk menjawab pertanyaan YB itu, kita akan *treat* apa-apa invois daripada Bestinet itu mengikut peraturan kewangan semasa iaitu Bestinet akan menghantar invois kepada Jabatan Imigresen yang akan ditentukan oleh Bahagian Pekerja Asing, Jabatan Imigresen bahawa sekian banyak ePass ataupun PLKS telah dikeluarkan barulah pembayaran boleh berlaku. Satu lagi YB, elemen sebagai jabatan kerajaan, kita kena selesaikan invois dalam masa 14 hari, sekiranya kita terima invois itu dengan lengkap. So, tidak ada isu kita tunggu 215, tak. *Once* kita terima invois dan kita sahkan benda itu betul, dalam masa 14 hari kita adalah mandatori untuk selesaikan invois tersebut, YB Pengerusi.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Naib Pengerusi PAC]: Okey, ada apa-apa lagi? *Any more question* Bayan Baru? Okey, tak ada? Ada apa-apa tambahan daripada sesiapa? *No?*

Okey, jadi saya tangguhkan mesyuarat ini pada pukul 4.01 minit. Sini, bagi pihak PAC kami nak berterima kasih kepada Yang Berbahagia Datuk Awang Alik bin Jeman KSU KDN; Dato' Zakaria bin Shaaban, Ketua Pengarah Jabatan Imigresen Malaysia dan mantan KSU KDN, Tan Sri Alwi bin Haji Ibrahim. Terima kasih datang untuk memberi keterangan kepada PAC. Terima kasih.

Datuk Awang Alik bin Jeman [KDN]: Yang Berhormat Puan Pengerusi, pihak KDN juga ingin merakamkan ucapan terima kasih dan akan mengambil tindakan proaktif terhadap pandangan yang telah diberikan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara dan terima kasih sekali lagi kepada Yang Berbahagia Tan Sri Alwi kerana telah bersama-sama hadir dalam prosiding pada kali ini.

Saya yakin penjelasan yang telah diberikan kepada PAC telah memberi sedikit sebanyak input tambahan yang diperlukan dan yang ini penting dalam memastikan ketelusan pentadbiran dan juga kewangan negara dapat diurus secara baik dan sempurna.

Jadi, saya juga ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan berbanyak terima kasih YB di atas segala peluang dan ruang yang diberikan dan mudah-mudahan kita akan terus melakukan yang terbaik kepada negara. Terima kasih.

[Mesyuarat ditangguhkan pada pukul 4.03 petang]



MALAYSIA

LAPORAN PROSIDING (HANSARD)

Isnin, 3 Februari 2025

MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA

**Prosiding:
Projek Foreign Workers Centralized Management System
(FWCMS)**

- (i) Kementerian Kewangan (MOF)**
Tuan Alan Abdul Rahim,
Setiausaha Bahagian Aset Awam

**PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS**

MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA

BILIK JAWATANKUASA 1, BLOK UTAMA BANGUNAN PARLIMEN, PARLIMEN MALAYSIA

ISNIN, 3 FEBRUARI 2025

AHLI-AHLI JAWATANKUASA

Hadir

YB. Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Masjid Tanah] - *Pengerusi*
YB. Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh] - *Naib Pengerusi*
YB. Tuan Syahredzan bin Johan [Bangi]
YB. Dato Dr. Richard Rapu @ Aman anak Begri [Betong]
YB. Dr. Hajah Halimah Ali [Kapar]
YB. Dato' Adnan bin Abu Hassan [Kuala Pilah]
YB. Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Kubang Pasu]
YB. Tuan Ir. Ts. Zahir bin Hasan [Wangsa Maju]
YB. Datuk Ali anak Biju [Saratok]
YB. Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik]
YB. Tuan Haji Azli bin Yusof [Shah Alam]
YB. Dato' Mohd Isam bin Mohd Isa [Tampin]

Tidak Hadir [Dengan Maaf]

YB. Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]
YB. Puan Vivian Wong Shir Yee [Sandakan]

URUS SETIA

Encik Ahmad Johan bin Mohd Affandi [Ketua Sekretariat (Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara) Parlimen Malaysia]
Encik Mohamad Tarmizi bin Ahmad [Penasihat Undang-undang I (Pejabat Penasihat Undang-undang) Parlimen Malaysia]
Puan Siti Noor Akmar binti Zulkafli [Juruaudit (Pejabat Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara) Parlimen Malaysia]
Encik Muhammad Zydil Iman bin Zulkefli [Juruaudit Pejabat Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara, Parlimen Malaysia]

HADIR BERSAMA

Jabatan Perkhidmatan Awam

Encik Muhammad Fikri Karmajaman [Ketua Penolong Pengarah (Bahagian Perkhidmatan)]

Kementerian Kewangan Malaysia (MoF)

Puan Nadeema binti Kamaruddin [Ketua Penolong Setiausaha (Bahagian Kawalan Kewangan Strategik dan Korporat)]
Encik Nurul Allbiir bin Nordin [Penolong Setiausaha Kanan (Bahagian Kawalan Kewangan Strategik dan Korporat)]

Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)

P/TPj Mohd Anuar bin Ismail [Timbalan Pengarah Kanan (Bahagian Siasatan)]

Puan Sharimah binti Mat Zin [Pegawai Siasatan (Bahagian Penyiasatan Tatakelola)]

Puan Nik Nor Azleen binti Mohammed [Pegawai Siasatan (Bahagian Penyiasatan Tatakelola)]

Jabatan Audit Negara (JAN)

Puan Nurul Huda binti Ismail [Ketua Penolong Pengarah (Bahagian Audit ICT)]

Puan Yuhanis binti Mohamed Zaki [Penolong Pengarah Audit (Bahagian Audit ICT)]

Puan Noraty Fatimah binti Ahmad [Penolong Pengarah Audit (Bahagian Audit ICT)]

Kementerian Ekonomi (KE)

Puan Amirthavalli a/p A.V. Muthiah [Ketua Penolong Pengarah (Bahagian Pembangunan Modal Insan)]

Jabatan Akauntan Negara (JANM)

Datin Rozita binti Aminuddin [Akauntan (Bahagian Perkhidmatan Operasi Pusat dan Agensi)]

SAKSI**Kementerian Kewangan (MoF)**

Tuan Alan Abdul Rahim [Setiausaha Bahagian Aset Awam (Bahagian Pengurusan Aset Awam)]

LAPORAN PROSIDING

**MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA
PARLIMEN KELIMA BELAS, PENGGAL KEEMPAT**

**BILIK JAWATANKUASA 1,
PARLIMEN MALAYSIA, KUALA LUMPUR**

ISNIN, 3 FEBRUARI 2025

Mesyuarat dimulakan pada pukul 12.30 tengah hari

*[Yang Berhormat Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin
mempengerusikan Mesyuarat]*

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera serta selamat datang saya ucapkan pada semua Ahli Yang Berhormat Ahli-ahli PAC Parlimen Kelima Belas dan juga ahli-ahli ex officio daripada Jabatan Perkhidmatan Awam, Kementerian Kewangan, Jabatan Audit Negara, SPRM, Kementerian Ekonomi, Jabatan Akauntan Negara dan Penasihat Undang-undang Parlimen selaku wakil Jabatan Peguam Negara.

Boleh tahu? Ha, okey, terima kasih. Terima kasih kerana hadir dalam mesyuarat pada hari ini. Yang Berhormat ahli-ahli mesyuarat sekalian, hari ini PAC Parlimen akan mendengar keterangan dan juga penjelasan berhubung dengan isu Perolehan *Foreign Workers Centralized Management System* (FWCMS) dan ini adalah merupakan prosiding yang ketiga diadakan membabitkan isu Perolehan *Foreign Workers Centralized Management System*.

Untuk makluman semua dalam prosiding yang diadakan pada 10 Disember 2024 dan 21 Januari yang lepas, PAC telah pun mendengar penjelasan daripada yang pertama Jawatankuasa Induk FWCMS yang terdiri daripada Tan Sri Shamsul Azri bin Abu Bakar, Ketua Setiausaha Negara merangkap Pengerusi Jawatankuasa Induk FWCMS. Keduanya, Datuk Mohd Dusuki bin Mokhtar, Peguam Negara; Datuk Johan Mahmood Merican, Ketua Setiausaha Perbendaharaan MoF; keempat Datuk Awang Alik bin Jeman, KSU KDN; kelima Datuk Azman bin Mohd Yusof, KSU KESUMA; keenam Ts Dr. Fazidah binti Abu Bakar, Ketua Pengarah Jabatan Digital Negara dan akhir sekali Dato' Zakaria bin Shaaban, KP Imigresen Malaysia. Oh, dan seterusnya Tan Sri Alwi bin Haji Ibrahim, mantan KSU KDN 2015 hingga 2019.

Hari ini hadir memberikan penjelasan kepada PAC dalam prosiding pada hari ini ialah Yang Berusaha Encik Alan bin Abdul Rahim, mantan Setiausaha Bahagian

(Bahagian Hal Ehwal Imigresen) yang mana tempoh perkhidmatan beliau di KDN adalah September 2017 hingga Jun 2018. Sekarang ini Encik Alan bertugas sebagai Setiausaha Bahagian (Bahagian Pengurusan Aset Awam) Kementerian Kewangan. Terima kasih saya ucapkan di atas kehadiran Encik Alan. Saya pernah bertugas bersama dengan Encik Alan sewaktu di MOTAC dulu. *[Dicelah]* *[Ketawa]* Ya, lama. Dah lama tak jumpa, jumpa kat sini.

Jadi, tanpa membuang masa saya menjemput Encik Alan bin Abdul Rahim untuk memulakan pembentangan sekiranya ada. Kalau tak ada, saya terus bukakan ruang kepada Ahli-ahli Yang Berhormat PAC untuk bertanyakan soalan. Sebelum itu, saya mohon Yang Berusaha Encik Alan untuk— kalau boleh ya, memberi— mulakan memberikan keterangan ini dengan memberikan sedikit latar belakang perkhidmatan Encik Alan terutama sekali berkhidmat sebagai Setiausaha Bahagian Hal Ehwal Imigresen KDN. Terima kasih.

Tuan Alan Abdul Rahim [Kementerian Kewangan (MoF)]: *Bismillahi Rahmani Rahim, Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera Yang Berhormat Datuk Wira Mas Ermieyati, Pengerusi PAC; Yang Berhormat-Yang Berhormat Datuk, Datin, tuan-tuan dan puan-puan sekalian.

Pertamanya, terima kasih di atas jemputan pada hari ini supaya kita dapat memberikan penjelasan dan kita selesaikan isu-isu yang berbangkit. Saya dah berkhidmat 30 tahun, 25 hari bulan yang lepas itu. Jadi sepanjang perjalanan ini memang banyak dugaan, ujian dan sebagainya. Jadi Yang Berhormat Dato', Datuk saya ini cita-cita saya dulu nak jadi orang politik tapi... *[Dicelah]* saya orang Sabah tapi apabila lihat balik politik sekarang di Sabah khususnya itu macam ada sesuatu faktor-faktor yang menolakkah. Jadi kita terus dengan dalam kerajaan.

Okey, berbalik kepada perkara yang kita bincangkan, saya mula berkhidmat di— seperti yang disebutkan tadi di KDN ya 2017 itu September dan selepas pilihan raya 2018, tak lamalah lepas itu saya pun beralih keluar dan terus ke Kementerian Pendidikan. Seperti yang disebutkan tadi, saya bersama Datuk Mas Ermieyati ini ialah ingatan saya adalah kami bersama dalam Jawatankuasa Kawal Selia Umrah lah. Kita memulakan pada waktu itu dan ada isu-isu yang berbangkit. Okey, itu secara latar belakangnya.

Jadi masa saya di KDN, memang waktu itu saya rasa agak sesuatu yang banyak isu yang berbangkit terutamanya dalam pengurusan pekerja asing, sistem. Masa itu juga kita menguruskan projek SKIN yang baru bermula juga dan sebagainya. Jadi banyak isu yang besar berlaku pada waktu itu dan juga pada waktu

itu kita diambang pilihan raya 2018. Jadi pada masa itulah banyak perkara yang harus kita selesaikan disebabkan mungkin ada beberapa isu seperti yang telah dibincangkan banyak di dalam PAC ini untuk perkara tersebut. Jadi sampai ke bab kita itu, di situ kita melihat perkara-perkara untuk kita selesaikan.

Secara peribadi, kami sebagai penjawat awam ini Yang Berhormat Datuk, kita ini sentiasa meletakkan sesuatu itu di tempat yang wajarlah, ada peraturan dan kita nak jadikan keadilan. Kalau kita boleh letakkan sesuatu di tempat yang wajar maknanya kita tidak zalimlah, kita adil dan ada peraturan dia. Akan tetapi kalau kita selepas itu ada perkara-perkara lain yang kita cuba tak berjalan di tempat yang betul, jadi benda itu ke lain. Jadi itulah asam garamnya. Kita berharap ke hadapan ini sama ada kerajaan sedia ada ataupun seterusnya— maknanya persefahaman antara pihak pentadbir, pegawai kerajaan dan juga kita semualah dapat melancarkan semata-mata untuk kita memberi yang terbaik untuk negara kita.

Jadi mungkin kalau kita boleh buka teruslah kepada ada pertanyaan boleh saya menjawab. Saya ada bagi sedikit dokumen-dokumen yang boleh kita kongsi. Akan tetapi sebab adanya rahsia dan sulit, jadi saya dah minta tadi Datuk Wira Pengerusi mungkin dapat saya *collect* baliklah selepas ini. Dipersilakan Datuk.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Terima kasih Encik Alan ya. Kita bila prosiding yang lepas, kita melihat bahawa ada satu dokumen yang ditandatangani oleh Encik Alan pada 12 Januari 2018...

Tuan Alan Abdul Rahim [MoF]: Ya.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: ...Yang mana kita pada ketika itu sepatutnya dia adalah satu perkara yang besar ini bukannya SUB yang tandatangan. Sepatutnya maksudnya yang pihak yang superiorlah dan sebab itu tujuan kita panggil Encik Alan pun hanya ingin membuat pengesahan terhadap kandungan dokumen bertarikh 12 Januari 2018. Setuju ataupun tidak dokumen ini yang Encik Alan tandatangani?

Tuan Alan Abdul Rahim [MoF]: Betul.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Setuju ya. Kalau boleh, boleh terangkan kronologi ataupun dari segi susur atur...

Tuan Alan Abdul Rahim [MoF]: Okey.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: ...Susun perjalanan macam mana sampai boleh arahan itu boleh ditandatangani. Sebab saya yakin dan percaya ia takkan ditandatangani tanpa arahan, betul?

Tuan Alan Abdul Rahim [MoF]: Betul.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Jadi arahan daripada siapa dan bagaimana. Terangkan secara detil, terima kasih.

Tuan Alan Abdul Rahim [MoF]: Okey. Terima kasih Yang Berhormat Datuk Wira. Apabila saya masuk di sana sebenarnya kalau kita sebut projek inilah telah berjalan lama pun, ingat telah dibincangkan *since* 2014, ada POC yang telah dikeluarkan hasrat oleh kementerianlah pada waktu itu dan berjalan. Di sepanjang itu Yang Berhormat ada detil-detilnya, ada beberapa surat yang dihantar oleh syarikat kepada Yang Berhormat Menteri. / ingat kalau yang tak silap saya, saya pernah tengok fail-fail itu masa itulah tak kurang daripada tiga surat...

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Dan sebelum boleh pergi jauh, pada ketika itu boleh terangkan siapa Menteri KDN pada ketika itu?

Tuan Alan Abdul Rahim [MoF]: Menteri KDN pada masa itu ialah Yang Amat Berhormat Dato' Seri Zahid Hamidi, Menteri KDN dan beliau juga adalah Timbalan Perdana Menteri. So, okey. Jadi ada beberapa surat itu yang memohon supaya— sebab POC nya telah berjalan. *Even* di dalam Jawatankuasa Kabinet Mengenai Pekerja Asing seperti mana yang telah dijelaskan juga berkaitan dengan PATI ini yang mana telah juga bersetuju untuk sistem ini dilaksanakan.

■1240

Jadi, dalam tempoh tersebut, ada beberapa surat yang dihantar oleh syarikat kepada Menteri, Yang Amat Berhormat Menteri dan ada beberapa surat itu diminitkan kepada KSU lah. Antaranya saya ada salinkan apa ini, satu surat juga yang bertarikh 8 hari bulan 2016. Ada beberapa surat lain, tetapi saya tak boleh akses. Mungkin KDN pun dah— fail itu tak boleh dikesan. Jadi, ada beberapa minit yang diminitkan oleh Yang Berhormat Menteri pada ketika itu supaya benda ini disegerakan untuk dilaksanakan dan...

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Sekejap ya, sebelum pergi jauh.

Tuan Alan Abdul Rahim [MoF]: Ya.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Tadi ayat surat itu ataupun dokumen tak boleh dapat dikesan, kerana apa ya?

Tuan Alan Abdul Rahim [MoF]: Yang itu Yang Berhormat, tak dapat dikesan ini saya ada meminta surat-surat ini daripada KDN juga, tapi yang saya dapat hanya dua *copy*. Yang surat-surat lain itu saya tak pasti. Saya minta juga, tetapi sehingga pagi ini tak dapat. Tapi yang penting ialah surat-surat yang ada ini juga adalah sebagai bukti yang menunjukkan bahawa pihak syarikat sebenarnya telah

memberikan komitmen mereka untuk melaksanakan projek inilah. Selepas surat yang pertama tadi, pada tiga...

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Surat ini kah yang— dokumen yang Encik Alan bagi?

Tuan Alan Abdul Rahim [MoF]: Yang ada itu.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Encik Alan ada kongsi pada PAC, ada lima fail...

Tuan Alan Abdul Rahim [MoF]: Ada lima fail itu.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Saya pegang satu, naib pegang satu, yang tadi saya bagi awal tadi. Dato' Ku satu, siapa lagi? Sik satu dan juga YB Wangsa Maju ya. Jadi, kita boleh kongsi-kongsi untuk ini.

Tuan Alan Abdul Rahim [MoF]: Okey.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: *[Disampuk]* Sama, sama. Ada lima fail sahaja, *limited*. Jadi, saya minta teruskan.

Tuan Alan Abdul Rahim [MoF]: Okey. Selepas itu Yang Berhormat, pada 30 November 2017 melalui Pejabat Timbalan Perdana Menteri, yang surat ini ditandatangani oleh Dr. Sabri lah, masa itu Setiausaha Sulit, memanjangkan satu lagi surat daripada Bestinet ini untuk menyatakan hasrat untuk pelaksanaan kontraklah sebab setelah beberapa tahun itu. Pada masa itu ada minit juga di sana dan ditandatangani oleh Dato' Seri Dr. Zahid, Timbalan Perdana Menteri dan minitnya juga jelas di sana meminta supaya dimuktamadkan pemeteraian kontrak ini dengan kadar segera. Tawaran SST tidak melebihi enam tahun. Ada dinyatakan di sanalah.

Okey, setelah kami menerima surat ini dan mungkin saya tak ingat memang ada perjumpaan, perbincangan dengan Yang Berhormat Menteri lah, kami di Bahagian Hal Ehwal Imigresen mengadakan beberapa siri perbincanganlah sama ada Bahagian Imigresen dengan syarikat dan juga bahagian-bahagian yang terlibat untuk membincangkan perkara ini sebab perkara ini sesuatu yang besar sebab telah lama berjalan dan sebagainya.

Jadi, kita berbincang. Daripada perbincangan tersebut, bahagian kami pada itu telah menyediakan satu minit cerai berkaitan dengan hala tuju dan cadangan pemeteraian kontrak untuk FWCMS inilah. Minit ini telah pun diangkat melalui Timbalan KSU, masa itu Puan Hashimah dan juga melalui KSU. Ini Tan Sri Alwi lah pada ketika itu. Ada minit-minit tersebut seperti yang ternyata dan mereka maklum berkaitan perkara ini. Okey.

Jadi, minit ini telah pun diangkat kepada Dato' Seri Zahid dan beliau menandatangani dengan ada catatan di belakang itulah. Catatan itu ada kita bagi cadangan-cadangan dan dicatatkan di belakang itu adalah mengangkat Nota Jemaah Menteri untuk pelaksanaan FWCMS dan seterusnya kementerian memberikan kontrak baharu FWCMS dengan Bestinet. Selepas mendapat minit ini, saya ada sekali lagi juga bertemu— masa itu lawatan di Sarawak, masa itu kita ada program di sempadan dengan Yang Berhormat Menteri, menyatakan dengan apa ini— berkaitan dengan hasrat keputusan ini.

Saya sebenarnya ada membuat catatan Yang Berhormat, dalam diari saya. Tapi diari saya ini sebab dah lama, tiga kali bertukar kementerian dan berpindah rumah, saya cuba mengesan, saya tak jumpa. Jadi, sebenarnya benda ini kadang-kadang kerajaan ini apabila kita diarahkan untuk membuat sesuatu yang agak kritikal, saya akan membuat catatan. Tetapi dah lama dalam tujuh tahun ini, saya tak dapat mengesan diari tersebut. So, apa yang saya catatkan di sana adalah arahan Yang Berhormat Menteri pada ketika itu ialah keluarkan segera SST. Saya kata, saya nak merujuk balik kepada KSU lah sebab melalui KSU perkara ini. Tetapi dia kata, tak payah *because* benda ini dah lama pun dia orang tak selesai. Sebab itu di dalam minit daripada Pejabat Timbalan Perdana Menteri itu, saya pun hairan juga. Kenapa TPM *direct* minit kepada SUB? Sebab ada dua tiga perkara itu surat ada beberapa kali macam tidak bergerak. Jadi, saya tak pasti kenapa. Saya tak akan bertanyalah.

So, daripada hasil perbincangan itu dan nada itu macam nada agak-agak tegas sebab perkara ini dia kata dah lama, keluarkan SST. Saya pun memanggil ada perbincangan dengan pegawai dan sebagainya, membincangkan dalam bentuk mana kita nak keluarkan. Benda ini sentiasa di-*follow-up*. Sebab itulah daripada...

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Sebelum itu, ada buat perbincangan dengan pihak KSU kah?

Tuan Alan Abdul Rahim [MoF]: Saya ada memaklumkan sebenarnya, mungkin beliau tidak ingat berkaitan dengan kelulusan ini. Cumanya, sebab arahan TPM ini keluarkan dan kita pun masa itu Yang Berhormat untuk makluman, kita banyak sistem-sistem lain. Bahagian Hal Ehwal Imigresen ini, ia diberikan mandat sebagai pentadbir kontrak. Pentadbir kontrak yang mana masa itu, isu OSC yang proses visa di luar negara dan beberapa modul lain yang ada di bawah FWCMS itu semua diuruskan oleh Bahagian Hal Ehwal Imigresen. Jadi pada ketika itu juga, dah Januari itu, dalam keadaan saya rasa tadi diambang pilihan raya itu, semua ini benda nak disegerakan. So, itulah setelah mengadakan perbincangan— sebab itu saya

tahu, benda begini apabila kita menandatangani ini sesuatu yang kita ini terikat, sesuatu yang besar. Jadi, saya sebenarnya tidak akan buat benda yang tak melalui proses seperti mana yang diarahkanlah.

Jadi, benda ini kita sampaikan dan arahan Menteri masa itu jelas, "*Sila keluarkan SST*". Sebab itulah kita merangka SST itu dengan begitu agak ketat sebenarnya supaya hak-hak di pihak kerajaan dan juga syarikat itu terjamin. Jadi, itu perkara yang mungkin saya jelaskan. Selepas itu juga, apabila perkara ini berlaku, dan kita keluarkanlah. So, syarikat pun *reply* balik setuju terima, bagikan *bank guarantee* dan sebagainya, *of course*, ada— kalau pandangan daripada AGC, masa itu memang sudah terikatlah. Tapi, proses lepas itu kita berjalan. Ada perbincangan, kita buat bengkel lagi macam mana kita nak melaksanakan projek ini.

Sebab saya nak bercerita Yang Berhormat, pada ketika itu, saya baru masuk pun kita melihat banyak isu dalam pengurusan pekerja asing ini. Satunya, mengenai kuota. Masa itu pula banyak kemasukan pekerja asing. Jadi kita ini sebenarnya, sistem ini imigresen yang sedia ada, sistem ini untuk keluar masuk sahaja. Tetapi, untuk urusan-urusan lain seperti mana tadi dijelaskan saya rasa banyak, kita memerlukan satu sistem yang komprehensif untuk memastikan kemasukan pekerja asing ini mengikut semua peraturanlah termasuk dia punya biomedik, PLKS, macam-macam. Kalau kita tengok sistem itu dia ada 14 modul.

Jadi, sistem ini sebahagian besarnya telah pun digunakan dah lama, tapi kita melihat kenapa perkara ini tidak diselesaikan. *Since* 2014, 2016 lagi Kabinet, jawatankuasa ini telah berbincang sampailah kita masuk. Macam beban ini bergantung pada saya pula masa itu. Jadi, kita ini pun ya lah, dengan arahan TPM dan sebagainya, kita mengambil rasa tanggungjawab itu untuk melaksanakan tanpa ada apa-apa niat untuk supaya benda ini— yang tidak baik berlakulah.

Jadi, sebab itu untuk perkara ini berjalan. Selepas SST kita keluarkan, kita pun dah ada perundingan, perbincangan, adakan bengkel dan sebagainya untuk memastikan sistem ini berjalan dengan baik. Kita bagi tahu pun dengan syarikat apabila sistem ini telah sempurna kita bincangkan, kontrak ini dan sebagainya, dia tak boleh melaksanakan lagi sehingga kita dapat memaklumkan kepada Jemaah Menteri sebab itu minit Yang Berhormat TPM itulah. Maknanya...

■1250

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Masa buat bengkel itu pun adakah ia arahan Menteri juga?

Tuan Alan Abdul Rahim [MoF]: Dia sebenarnya tak *direct* arahan. Cuma, sebab arahan untuk SST itu kita telah dikeluarkan, kita hendak menyempurnakan dari segi terma-terma kontrak dialah.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Okey.

Tuan Alan Abdul Rahim [MoF]: *Detail* dan sebagainya. Tetapi— ya Yang Berhormat, ya.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Saya hendak pergi ke belakang. Tadi Encik Alan bagi tahu maksudnya Yang Berhormat Menteri memberi komen bahawa benda ini dah lama tetapi masih lagi tak selesai ya.

Tuan Alan Abdul Rahim [MoF]: Ya, tak selesai.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Jadi, apabila dia bercakap begitu adakah dengan bersemuka dan apabila dia bagi arahan itu adakah— bagaimana cara dia bagi arahan?

Tuan Alan Abdul Rahim [MoF]: Saya rasa secara bersemuka.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Bersemuka dan juga minit atau bagaimana?

Tuan Alan Abdul Rahim [MoF]: Ya, betul.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Boleh jelaskan?

Tuan Alan Abdul Rahim [MoF]: Saya ada berjumpa beliau di pejabat beliau pada waktu itu. Jadi, benda-benda ini— saya...

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Berapa kali, berapa kali arahan dikeluarkan?

Tuan Alan Abdul Rahim [MoF]: Arahan ini kalau seingat saya dua kali Yang Berhormat, dua kali. Sekali masa di pejabat beliau, sekali lagi masa pertemuan di Kuchinglah, di Kuching. Sebab masa itu pun dah bulan Disember, masuk kepada Januari itulah. Sebab masa itu pun, yalah sibuk melawat sebab hendak pilihan raya dan sebagainya. Jadi, benda ini kita laksanakan dan dia kata minta disegerakan. Sebab itu kita mengambil tindakan-tindakan susulan mengikut arahan daripada Yang Amat Berhormat Menteri pada ketika itulah.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: So, maksudnya ada dua kali ya. Pertama, dekat pejabat. Yang keduanya di luar pejabat iaitu di Kuching.

Tuan Alan Abdul Rahim [MoF]: Yes, di luar pejabat, di Kuching.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Saya minta ini sebentar. Saya hendak tanya pada PUU Parlimen, adakah ini menjadi—bagaimana pihak PUU melihat apabila ada arahan yang diberikan seumpama itu daripada seorang Menteri kepada SUB untuk melaksanakan tugas ataupun *assignment* ya yang diberikan kepada SUB itu dari segi maksudnya punca kuasa. Bagaimana ya PUU melihat perkara ini?

Encik Mohamad Tarmizi bin Ahmad [Parlimen Malaysia]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan selamat tengah hari Ahli-ahli Yang Berhormat. Dari segi secara keseluruhannyalah kalau kita melihat konsep sebuah kementerian itu diketuai oleh seorang Menteri dan kebiasaannya seorang pegawai tadi terikatlah dengan apa-apa arahan Menterilah. Cumanya, dalam keadaan yang spesifik macam ini mungkin ada peraturan-peraturan yang perlu diikuti. Cumanya, secara lebih *detailed* saya tak boleh bagi apa-apa ulasan lanjutlah. Itu Yang Berhormat.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Terima kasih PUU. Ya, Sik.

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Ahli PAC]: Encik Alan, saya hendak minta pandangan. Dalam surat daripada Bestinet, Lampiran 2 itu ya kepada Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri ketika itu, yang diminitkan itu kalau saya baca ya, “*Datuk Seri KSU, sila bincangkan dengan— dalam mesyuarat Top 10 ya...*”

Tuan Alan Abdul Rahim [MoF]: Dalam mesyuarat Top 10.

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Ahli PAC]: Apa maksud Top 10 itu? Siapa ini?

Tuan Alan Abdul Rahim [MoF]: Top 10 ini dia yang dia ada dipanggil TKSU ke atas, TKSU ke atas kalau tak silap saya waktu itulah, termasuk Timbalan Menteri dan Menteri. Dia adalah 10 orang di sana yang biasanya akan menjadi platform untuk apa-apa keputusan dasar dibincangkanlah.

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Ahli PAC]: Itu termasuk dengan Encik Alan sendiri?

Tuan Alan Abdul Rahim [MoF]: Saya tak masuk. Saya tak masuk. Sebab itu dia minitkan kepada KSU. Sebab itu pun tarikh surat ini daripada April 2016 lagi. Saya rasa kalau tak silap saya, ada satu atau dua surat lagi daripada syarikat sebab benda ini terlalu lama. Sebab itu ada *follow-up*, *follow-up* sehinggalah yang dapat salinan surat di belakang itulah yang *direct* diminitkan kepada saya bertarikh 27 November 2017.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Okey, Encik Alan mungkin boleh teruskan tadi yang penerangan tadi yang terhenti tadi.

Tuan Alan Abdul Rahim [MoF]: Okey. Dekat mana tadi ya? Sebab itulah lepas SST itu kita keluarkan, Yang Berhormat, kita panggil bengkel. Ia melibatkan semua pihak-pihak yang berkenaanlah; JIM, syarikat pun ada wakil untuk kita bincangkan terma dan benda ini berjalan. Tetapi selepas itu saya rasa semua kita maklum kita dah di ambang pilihan raya. Semua proses ini terhenti seketika dan fokus kepada pilihan rayalah pada waktu itu. Jadi— dan berlakulah pilihan raya dan pada waktu itu di kerajaan kita berubah. Bila...

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Ahli PAC]: Minta jalan.

Tuan Alan Abdul Rahim [MoF]: Ya.

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Ahli PAC]: Maksud di ambang pilihan raya itu dalam bayangannya perlu disegerakan proses ini ataupun...

Tuan Alan Abdul Rahim [MoF]: Ya, perlu disegerakan. Maknanya kerja-kerja kita itu perlu disegerakanlah. Tetapi, perbincangan dari segi terma-terma kontrak itu ada hanya di peringkat bahagian kitalah. Jadi, fokus lain itu ke pilihan raya pada waktu itulah.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Okey. Sebab tadi Encik Alan cakap bahagian kita, so maksudnya dalam...

Tuan Alan Abdul Rahim [MoF]: Bahagian Hal Ehwal Imigresen.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Okey. Saya hendak tahu adakah menjadi kebiasaan tentang perkara-perkara seumpama ini ya, arahan daripada Yang Berhormat Menteri, adakah satu perkara yang biasa, perkara yang normal berlaku tentang sesuatu projek ataupun perolehan itu dibuat melalui SUB Imigresen dan bukannya melalui SUB Perolehan? Boleh tak terangkan kepada PAC sebab kita hendak tahu apa yang membezakan? Kenapa *direct* kepada Encik Alan dan bukan kepada SUB Perolehan? Macam mana hendak membezakan tersebut?

Tuan Alan Abdul Rahim [MoF]: Di KDN ini Yang Berhormat, sebab itu ia mungkin lain sedikit daripada kementerian-kementerian lain. Apabila melibatkan hal ehwal imigresen sama ada sistemnya, perolehannya dan sebagainya— maknanya yang ini ia bukan perolehan yang konvensional. Ia ini hendak kata [*Tidak jelas*] pun— sebab di dalam minit kita itu pun, minit ceraian itu, kita pun ada *consult* dengan UKAS dan sebagainya dan banyak juga adalah sistem yang berjalan sebelum itu pun di Bahagian Hal Ehwal Imigresen yang laksanakanlah yang ada dibincangkan pun dua

atau tiga modul itu termasuklah juga pelaksanaan *one-stop center* (OSC) yang berada di luar negara untuk memproses visa-visa daripada negara itu masuk. Jadi, semua ini diuruskan di Bahagian Hal Ehwal Imigresen, tidak— bukan perolehan ya.

Jadi, sebab ia juga tidak melibatkan kos-kos kepada kerajaan dan banyak perolehan itu pada waktu itu juga telah pun dibentangkan di dalam Jemaah Menteri dan Jemaah Menteri telah mengambil maklum. Benda ini saya rasa pun telah dibincangkan banyak. Ada satu kalau catatan di sini juga berkaitan dengan perhubungan antara Yang Berhormat Menteri pada ketika itu dengan juga Menteri di Jabatan Perdana Menteri, kalau kita tengok itu di muka surat 10 di Lampiran 4 itu. Maknanya juga dalam surat tersebut, Yang Berhormat Menteri masa itu telah memaklumkan Jemaah Menteri telah bersetuju supaya sistem itu *patch-on* ini diteruskan sehingga Projek SKIN masa itulah, sistem imigresen itu pada masa itu dilaksanakan.

Kemudian, kesemua sistem yang dilaksanakan telah dibangunkan tanpa melibatkan kos kepada kerajaan dan pihak syarikat mengenakan caj. Kemudian, Perkara 3 juga kementerian telah diberikan mandat untuk menentukan kaedah pelaksanaan sesuatu dasar dengan mengoptimumkan *decentralisation of power* yang diberikan oleh kerajaan pusat demi keselamatan dan juga kementerian ini bertanggungjawab sepenuhnya apa jua keputusan yang dibuat termasuklah juga sistem yang dimaksudkan inilah. Jadi, itu kita maklumkan di dalam pemakluman kita kepada Yang Berhormat Menteri pada ketika itu dan juga melalui Timbalan KSU dan juga KSU dan itulah arahan seterusnya datang kepada pegawai di bahagian saya pada ketika itulah.

Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: Datuk Wira, hendak tanya. Saya keliru sedikitlah. *Kut-kut* banyak prosedur ini, kan? SST itu berapa tempohnya?

Tuan Alan Abdul Rahim [MoF]: Maksudnya?

Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: Projek itu yang di-sign itu yang *agreement* itu berapa tempohnya? Berapa tahun?

Tuan Alan Abdul Rahim [MoF]: Enam tahun, enam tahun.

Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: Enam tahun atau kurang daripada enam tahun?

Tuan Alan Abdul Rahim [MoF]: Kejap ya.

Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: Saya tidak baca surat itu, kan? Kalau ikutnya kan, kalau kurang daripada enam tahun, dia dikatakan sepatutnya konvensional.

■1300

This is not conventional, betul? Macam mana ini?

Tuan Alan Abdul Rahim [MoF]: Buat masa ini mungkin ada berkenaan.

Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: Saya tak kena ini istilah.

Tuan Alan Abdul Rahim [MoF]: Sebab maksud saya itu Yang Berhormat, apabila kita kata melalui konvensional ini adalah kita ada contohnya melalui tender dan juga lain-lain proses. Yang konvensional itu juga maksud saya itu ialah apabila ada *government pay*, kita mendapatkan satu perkhidmatan ataupun kita beli bekalan ataupun projek pembangunan maknanya kerajaan membayar. Tapi dalam banyak projek yang dilaksanakan yang sebelum daripada FWCMS yang di bawah Bahagian Hal Ehwal Imigresen itu sebenarnya banyak dilaksanakan sendiri *direct* di bawah kementerian dan telah pun dimaklumkan kepada Jemaah Menteri lah pada ketika itu. Jadi rentetan daripada itu, itu yang apabila kita buat kertas ini, kertas dasar untuk kelulusan Menteri dan keputusan dia sedemikian. Sebab itu kita laksanakan. Sebab itu pada waktu itu terasa beban juga kepada kita.

Cuma saya nak maklumkan ini mungkin dia bukan ini— pada hujung-hujung ini juga sebenarnya *sometimes*-lah pada ketika itu, mungkin sekarang pun berlaku. Mungkin ada hubungan yang tak berapa begitu mesralah antara politik dengan pegawai-pegawai dan sebagainya, jadi sebab itu kadang-kadang benda ini dia ke arah itu dan ada pegawai yang diminta untuk melaksanakan. Jadi, ini sesuatu yang saya rasa banyak berlaku dan susah untuk kita nak men-*justify*-nyalah tapi akhirnya yalah pegawai kerajaan ini kita bertanggungjawab. Itu sahaja.

Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: Tak yang apa— kenapa imigresen kalau kes ini, imigresen yang *handle*-kan bukan perolehan? Katanya kalau konvensional itu biasanya perolehan, kan?

Tuan Alan Abdul Rahim [MoF]: Ya, perolehan. Sebab saya pun tak berapa pasti tapi sebabkan *core business* ini adalah *core business* Bahagian Hal Ehwal Imigresen termasuklah kawal selia dari segi sistem ini dan juga sistem-sistem yang lain yang sudah berjalan sebelum itu semua dilaksanakan di bahagian itu dan tidak di bawah Bahagian Perolehan kementerian.

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Ahli PAC]: Dato' Wira Pengerusi, sikit. Ya mungkin Tuan Alan pun faham maksud kita apa prosiding ini ialah untuk kita melihat punca kuasa dan juga apa-apa peraturan yang Encik Alan laksanakan ketika mengeluarkan LC itu ya.

Okey, disebut waktu yang panjang itu dalam surat pertama daripada Bestinet kepada TPM ini November 2017 dan surat kedua itu— *sorry*, 8 April 2016 ya dan surat yang kedua itu 2017, makna lebih setahun ya. Jadi dalam tempoh itu, ketika dalam mesyuarat *Post-Cabinet* dengan KSU sebagainya, adakah *dak* ditimbulkan ataupun ada dalam minit mesyuarat itu, mungkin dah setahun lebih itu mungkin susulan pasti ada banyak kali mesyuarat, kan?

Tuan Alan Abdul Rahim [MoF]: Betul.

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Ahli PAC]: Jadi soal sistem atau FWCMS ini adakah juga dinyatakan dalam minit-minit mesyuarat?

Tuan Alan Abdul Rahim [MoF]: Saya masuk itu pada bulan September itu, jadi apa-apa yang di belakang itu mungkin saya hanya melihat faillah. Memang ada perbincangan-perbincangan. Cuma saya tak pasti dari segi keputusan dasarnya untuk melaksanakan itu di tahap mana sebab benda ini saya rasa berjalan lama sebab kalau kita tengok selepas mesyuarat jawatankuasa yang menangani PATI dan sebagainya itu pun 2016, jadi benda ini perjalanannya perlahan sedangkan benda ini kritikal. Pada saya patut dilaksanakan lebih awal dan juga dibuatkan ikatan perjanjian sebab masa itu kita tidak ada satu sistem yang komprehensif untuk mengawal dan memproses pekerja asing itulah.

Jadi saya pasti ada, cuma saya tak boleh nak buktikan dari segi dokumen— nak bongkar fail mungkin banyak yang boleh dilihatlah. Tapi apabila saya masuk dan benda ini minta untuk disegerakan, saya hanya melaksanakan, menurut perintah melalui kuasa-kuasa yang diberikan oleh Menteri itu untuk kita melaksanakan. Jadi, benda ini timbul juga beberapa isu jadi kita cuba selesaikanlah. Tapi perbincangan itu, saya rasa pasti ada tetapi apabila saya masuk selepas saya mendapat arahan itu dan kita ada *follow up* perbincangan dan sebagainya untuk melaksanakan dan menyelesaikan terma-terma kontrak.

Cuma ke hadapan lagi apabila telah berlaku pilihan raya dan sebagainya dan bertukar kerajaan dan ada arahan waktu itu semua projek yang telah dibagikan kepada komitmen untuk ditangguhkan, jadi benda itu mungkin terhenti. Pada itu juga, selepas itu juga selepas pilihan raya tak lama, sebahagian besar juga pegawai-pegawai di kementerian telah pun bertukar kementerian. Saya pun antarnya jadi saya pun dah meninggalkan perkara itu tapi pada saya adalah apabila ia tidak dapat dilaksanakan sehinggalah tempoh COVID-19 pun dah masuk dan sampai di penghujung— patutnya enam tahun itu dah habis, baru kita nak memeterai kontrak, ini mungkin sesuatu yang tidak sewajarnya berlakulah. Tapi nak buat macam mana.

Tuan Syahredzan bin Johan [Ahli PAC]: Ya, Datuk Wira Pengerusi. Terima kasih tuan. Saya nak tanya, selepas SST dikeluarkan yang mana SST ditandatangani oleh tuan sendiri, adakah selepas itu terdapatnya perbincangan lanjut dengan KSU kementerian dan sebagainya ataupun ada tak KSU pada ketika itu ada bercakap ataupun mungkin bertanya mengapa SST ini dikeluarkan oleh tuan sendiri ataupun mungkin ada pengiktirafan? Maksudnya saya nak tahu selepas itu, ada tak apa-apa komunikasi dengan KSU sebab yalah benda ini dah berlaku yang mana tuan sendiri yang keluarkan SST itu dan bukannya diri dia sendiri. Terima kasih.

Tuan Alan Abdul Rahim [MoF]: Okey, perkara ini ada. Saya ingat dalam satu *meeting*, mesyuarat ketua-ketua bahagian, pengerusi masa itu KSU membangkitkan perkara inilah. Saya memberikan penjelasan bahawa ini adalah arahan langsung seperti mana saya sebutkan tadi sebab benda ini dah lama. Apabila Menteri memaklumkan benda ini tak berjalan, Menteri akan cari pegawai untuk melaksanakanlah.

Jadi, macam saya sebut tadi mungkin sama ada nak *off record* situasi antara pengurusan *top* kita masa itu tak berapa nak [*Tidak jelas*]-lah dengan Menteri ini, biasa berlakulah, ada isu tapi ada dibincangkan.

Tuan Syahredzan bin Johan [Ahli PAC]: Tuan, saya nak faham bila dibangkitkan dalam mesyuarat tersebut maknanya dibangkitkan untuk dijelaskan oleh tuan ataupun dibangkitkan sebagai satu pertikaian kah? Saya nak faham konteks itu.

Tuan Alan Abdul Rahim [MoF]: Mungkin satu nak dikatakan pertikaian, tidak juga. Tapi benda ini dibangkitkan secara umum dan saya memberikan penjelasan. *Just* untuk makluman juga, sebelum saya berpindah keluar, *even* KSU ada minta saya untuk berikan penjelasan secara bertulis.

Saya ada berikan penjelasan yang panjang menurut kronologi apa semua sebagainya, saya berikan penjelasan. Selepas itu tidak ada apa-apa tindakan. Jadi, saya dah bagi semua dokumen, arahan-arahan *even* catatan yang saya buat. Jadi, selepas itu benda itu *quiet*-lah. Lepas itu saya pun— mungkinlah tapi mungkin saya diminta untuk di-*transfer*-kan keluar, itu sajalah. Tapi saya ada bagi penjelasan *detail* melalui bertulis.

Tuan Syahredzan bin Johan [Ahli PAC]: Pada pihak kementerian memang tak ada salahlah pada tuan?

Tuan Alan Abdul Rahim [MoF]: *So far*, maknanya betul lepas itu NFA, tidak ada apa-apa tindakan. Jadi, saya beranggap benda ini telah pun selesai dan projek

itu sama ada berjalan ataupun tidak, saya tak pasti sebab saya telah berada di luar kementerianlah.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Saya nak tanya— masih lagi berkenaan dengan soal tandatangan dan sebagainya. Adakah berlaku penurunan kuasa secara *verbally* ataupun oleh pihak KSU kepada tuan selaku SUB?

■1310

Tuan Alan Abdul Rahim [MoF]: Itu saya kena buat semakan balik sebab pada waktu itu, semua kelulusan, surat-menyurat dan sebagainya dan sebelum saya pun ditandatangani oleh SUB. Sebab itu, biasanya Menteri melalui cadangan daripada KSU, dia akan menurunkan kuasa biasanya secara mengikut jawatanlah. Benda itu akan berterusan sehingga ada beberapa perubahan. Mungkin itu kena buat semakanlah Yang Berhormat.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Lagi satu, tadi ada Tuan Alan bagi tahu, ada buat bengkel dan sebagainya, perbincangan. Adakah ini bermaksud selepas SST dikeluarkan barulah bengkel dan juga perbincangan dengan syarikat dibuat?

Tuan Alan Abdul Rahim [MoF]: Ya, betul. Sebab seperti mana yang dibincangkan banyak, program ini telah melalui *proof of concept* (POC) ya, telah berjalan lama. Banyak pembuktian, laporan di dalam jawatankuasa PATI. *Even* di dalam mesyuarat itu pun kita dah maklumkan benda ini telah berjalan, melalui LOI yang dikeluarkan sebelum itulah. So, apabila dapat kelulusan prinsip daripada Yang Berhormat Menteri melalui kertas minit ceraihan tersebut, SST kena keluar. Selepas itu, kita panggil— dia ada bengkel, perbincangan dengan syarikat untuk kita *finalise*-kan terma-terma kontrak, bentuk pelaksanaan dan sebagainya. Jadi, perbincangan itu berjalan.

Tapi, apabila saya sebutkan tadi, lepas pilihan raya itu, benda ini mungkin dah bertukar kerajaan, masa itu Menteri pun dah bertukar, tak jadi Menteri pun. Jadi, benda itu berjalan dan sehinggalah beberapa pegawai yang lain mungkin pada waktu itu tidak berada lagi di kementerianlah. Tapi memang ada Yang Berhormat, perbincangan bengkel itu untuk kita cuba *finalise*-kan terma-terma itulah. Tapi itulah mungkin tak berapa bernasib baik sehinggalah difahamkan 2024 yang lepas, barulah nak di-*finalise*-kan.

Jadi, secara peribadi, apabila kita mengkaji sistem ini sebenarnya dia bagus. Bagus dan komprehensif. *Even* satu masa Yang Berhormat, kalau kita boleh kongsi

juga, pada tahun itu juga kita ada isu dari segi pengaliran wang keluar negara banyak melalui pekerja asing. Sebab, undang-undang kita menyatakan di bawah KSM itu tidak mewajibkan untuk dibayar secara *online* kepada pekerja. Tapi pada masa itu ada satu modul juga di bawah FWCMS itu dipanggil *e-wages*. Kita pun telah berbincang daripada Menteri Kewangan pada ketika itu Datuk Johari untuk mewajibkan kena pinda akta nak menggunakan. Tapi ya lah, benda itu pun tak berjalan. Apabila kerajaan bertukar dan semuanya itu pun tak berlakulah. Jadi, itu perkara-perkara yang saya rasa saya maklumkan kepada mesyuarat inilah.

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Ahli PAC]: Tuan Pengerusi sikit, minta maaf. Tuan Alan, selain surat daripada Pejabat TPM di Lampiran III itu bertarikh 30 November 2017, adakah ada arahan secara lisan daripada pihak Pejabat Perdana Menteri ini selain daripada surat yang dikeluarkan?

Tuan Alan Abdul Rahim [MoF]: Itu yang masa saya perjumpaan dengan beliau itu, beliau ada sebutkan. Sebab itu, saya tak dapat mengesan saya punya diari itu. Kalau ada, *especially* saya boleh tunjukkan bahawa arahan ialah "*Keluarkan SST ini dengan segera*". Sebab dia kata dah lambat, lebih kurang lambat itu dah daripada 2016 lagi. Saya cuba nanti nak dapatkan, mungkin saya nak bagi urus setia. Saya rasa bukan dua surat ini sahaja yang daripada syarikat, ada surat-surat lain juga. Saya ada dalam minit ceraian ada— kalau tengok di 2.5 itu, tapi *copy* surat ini saya tak ada. Minit bertarikh 30 Ogos 2017, minit itu ya. Maknanya, surat daripada syarikatlah. "*Sila laksanakan sebagaimana terdapat dalam LOI dan muktamadkan kontrak*".

Minit kedua melalui surat itu juga yang 11 Oktober. Yang itu yang tadilah, yang ada itu. Maknanya ada surat lagi iaitu apabila ada dua, tiga surat Yang Amat Berhormat Menteri masa itu mengarahkan tapi tidak ada nampak penyelesaiannya dan surat terakhir itu yang diminitkan kepada sayalah, Setiausaha Bahagian pada ketika itu.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Saya nak tanya, sewaktu Encik Alan menjadi SUB Imigresen, selain daripada SST, selain daripada FWCMS punya ini, ada tak SST lain yang ditandatangani oleh...

Tuan Alan Abdul Rahim [MoF]: Tidak ada.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Tak ada ya?

Tuan Alan Abdul Rahim [MoF]: Tidak ada.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Hanya FWCMS punya...

Tuan Alan Abdul Rahim [MoF]: Yes, itu sahaja.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: ...Kes sahajalah?

Tuan Alan Abdul Rahim [MoF]: Ya.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Saya nak tanya, bagaimanakah penetapan caj yang RM100 itu, yang ada dalam SST pada ketika itu?

Tuan Alan Abdul Rahim [MoF]: Okey. Pada itu, kita ada perbincangan-perbincangan dan mengambil kira laporan-laporan teknikal lah dalam— kita ada rekod macam jawatankuasa itulah bersama imigresen dan sebagainya. Jadi, itu adalah cadangan kadar yang dimohon. Tapi, *even* kita pun sebab— sebab itu dalam kita mengeluarkan SST itu, dia sebenarnya 100 ataupun kita ada sebutkan “*ataupun kurang*” sebab kita ada juga caj-caj yang dikenakan sebelum itu di dalam sistem-sistem yang lain. Jadi, hasratnya pada waktu itu pun, sekiranya projek ini berjalan, dia telah lengkap modulnya. Sebenarnya kontrak-kontrak yang lain sedia ada itu tak perlulah, akan tamatlah mengikut tarikh-tarikh yang telah ditetapkan.

Jadi, itu perbincangan kita dan juga pertimbangan-pertimbangan daripada— kalau ada, taklah jawatankuasa rasmi tapi perbincangan antara imigresen dan juga pihak-pihak yang berkaitan lah. Jadi, itu *charges*-nya. Sebab, projek ini yang pada waktu kita pasti bukan dibiayai oleh kos kerajaan, ia *user pay* lah, *user pay*.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: So, yang RM100 itu diminta oleh syarikat ataupun...

Tuan Alan Abdul Rahim [MoF]: Syarikat ada memohon dan kita pun telah melihat dan sebenarnya kadar pada waktu itu adalah wajarlah, pada waktu itu. Sebab Yang Berhormat, macam yang telah dibincangkan banyak kali pun, sistem ini telah digunakan di dalam POC sehingga berjalan. Dan kebanyakan— / ingat lebih daripada setengah juta pekerja asing masuk menggunakan sistem itu tanpa ada apa-apa komitmen daripada kerajaan. Syarikat mungkin dia telah mengeluarkan kos dan sebagainya sebab dia di bawah POC.

Kalau kita melihat juga sekiranya dah jumlah itu besar, difahamkan juga kerajaan pun satu kelebihanlah, kita dah *collect* levi dan sebagainya. Difahamkan lebih kurang RM1.8 bilion. Kita sebenarnya dah untung. Cuma dari segi macam saya sebut tadi, adakah adil untuk kita tanpa mengikat apa-apa kontrak sedangkan kita menggunakan perkhidmatan itu. Jadi, itu isu lain. Tapi ya lah, dalam keadaan begini *of course* syarikat akan meminta sebab itu ada dua, tiga surat datang. Kenapa benda

ini tak berjalan dan dia orang akan *push* untuk kita mengikat kontrak. Terima kasih Yang Berhormat.

Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: Datuk Wira, nak tanya. Dalam bengkel itu yang dianjurkan, ada tak dijemput UKAS?

Tuan Alan Abdul Rahim [MoF]: Saya tak ingat puan, saya tak ingat. Sama ada, ada atau tidak, mungkin perlu dilihat balik kalau ada laporan bengkel itulah. Saya tak ingat.

Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: Sebab nak dapatkan penilaian itu kan yang daripada pihak yang lain, daripada perspektif kerajaanlah kan.

Tuan Alan Abdul Rahim [MoF]: Betul.

Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: Tak ingat ya?

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Okey, saya bagi Wangsa Maju. Lepas itu, saya bagi Kuala Pilah. *Sorry*, Kuala Pilah. Tak perasan.

Tuan Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]: Rujuk kepada minit ceraihan. Dalam nota daripada Menteri Dalam Negeri. Nota dia kata, "*Mengangkat Nota Jemaah Menteri*". Pelaksanaan FWCMS dan seterusnya kementerian memeterai kontrak baharu FWCMS dan Bestinet. Nota Jemaah Menteri itu ada disediakan dan telah diberikan dalam Jemaah Menteri atau tidak?

Tuan Alan Abdul Rahim [MoF]: Okey, yang itu saya tak pasti apabila saya telah keluar. Tapi, perbincangan awal kita melalui penjelasan saya kepada KSU waktu itu adalah apabila projek ini berjalan, kita telah mengadakan perbincangan dan *finalised* dia punya terma-terma. Sebelum kita melaksanakan itu barulah kita menyediakan Nota Jemaah Menteri. Sebab, kalau tidak, kita nak melaporkan perkara apa? Kemajuan dia? Biasanya nota ini *just* memaklumkan.

■1320

Jadi, perkara itu dalam perbincangan. Setelah selesai, masa itulah baru kita maklumkan kepada Jemaah Menteri. Tetapi, apabila saya keluar, sama ada benda ini berlaku atau tidak, itu saya tak pasti. Sepatutnya sedemikian.

Tuan Ir. Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]: Maknanya, SST itu— okey, ceraihan minit ini bertarikh 28 Disember. Lepas itu, SST itu bertarikh 12 Januari 2018. Maknanya, dalam lebih kurang 14 hari lah. Maknanya, memang SST itu dikeluarkan tanpa Nota Jemaah Menteri itu disampaikan lah. Memang betulлах?

Tuan Alan Abdul Rahim [MoF]: Sebab kita memahami keadaan pada waktu itu ialah apabila SST kita keluarkan, kita *finalise* kan semua, terma-terma dan syarat dia dan baru kita maklumkan pada Jemaah Menteri ya okey.

Tuan Ir. Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]: Soalan berikutnya. Encik Alan terlibat dalam pelaksanaan selepas tandatangan SST ini? Dari segi pelaksanaan itu, Encik Alan terlibat secara langsung ataupun tak langsung ataupun tak terlibat?

Tuan Alan Abdul Rahim [MoF]: Saya ada terlibat dalam ada dua, tiga perbincangan mesyuarat dan sebagainya. Tetapi, seperti mana yang dimaklumkan tadi apabila dah Januari, Februari itu, apabila dah sebelum pilihan raya masa itu, benda itu kita *slow down* dah. Tetapi, apabila dah berlaku pertukaran kerajaan dan selepas itu saya pun keluar kementerian, saya tak terlibat lagi lah.

Tuan Ir. Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]: Okey, *then* nak pasti sahaja. *That means* bon pelaksanaan yang perlu Bestinet keluarkan dalam masa 14 hari itu, semua telah dipenuhi oleh Bestinet?

Tuan Alan Abdul Rahim [MoF]: Ya. Dia telah diserahkan.

Tuan Ir. Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]: Dalam masa 14 hari, ya?

Tuan Alan Abdul Rahim [MoF]: Yes.

Tuan Ir. Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]: Terima kasih.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Okey. Kuala Pilah. Lepas itu Kubang Pasu ya.

Dato' Adnan bin Abu Hassan [Ahli PAC]: Terima kasih, Yang Berhormat *Chairman*. Soalan saya ringkas sahaja lah. Saya nak tanya Tuan Alan lah. Adakah Tuan Alan bersetuju bahawa tindakan pengeluaran SST ini di mana SUB yang *signed* ini merupakan suatu tindakan terpencil lah pada ketika itu di bawah Jabatan Imigresen Malaysia dan ianya bukan amalan biasa. Adakah Tuan Alan bersetuju?

Tuan Alan Abdul Rahim [MoF]: Hendak dikatakan terpencil saya rasa tak bersetuju sebab banyak projek-projek lain juga. Ada beberapa projek lain sebelum itu.

Dato' Adnan bin Abu Hassan [Ahli PAC]: Maksud saya, bagi amaun yang sebegini besar. Adakah ianya biasa juga?

Tuan Alan Abdul Rahim [MoF]: Mungkin kalau di kementerian lain, tidak. Tetapi disebabkan arahan itu dan kita membincangkan bahawa ianya bukan *government pays because user pays* itu. Jadi, benda ini kita laksanakanlah.

Dato' Adnan bin Abu Hassan [Ahli PAC]: Ya, terima kasih.

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: Terima kasih, Yang Berhormat Datuk Wira Pengerusi. Tuan Haji Alan, saya nak tanya sedikit sahaja. Saya tengok— *refer* balik rentetan apa yang dokumen terdapat dalam fail yang Tuan Haji Alan beri kepada kita ya. 18 Ogos 2015, Mesyuarat Jawatankuasa Kabinet mengenai pekerja asing yang dipengerusikan oleh TPM dan juga Menteri Dalam Negeri ya.

Selepas itu, dia senyap tak ada apa. Itu datang balik komunikasi ini pada 27 November 2017. Dua tahun lebih ya. Bestinet tulis surat kepada TPM merayu. Merayu surat rayuan untuk mendapat kelulusan. Kemudian, 30 November, tiga hari lepas itu, Menteri Dalam Negeri pula menulis surat kepada Tuan Haji Alan.

Tuan Alan Abdul Rahim [MoF]: Ya, betul.

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: Ya. Setiausaha Bahagian ya. Soalan pertama saya, kenapa dia *gap* terlalu lama 2015 dengan 2017? Satu. Tak ada apa yang berlaku. Kalau *urgent, sure*. Banyak benda yang berlaku ketika itu ya.

Tuan Alan Abdul Rahim [MoF]: Betul. Ini kadang-kadang Yang Berhormat saya pun tak pasti sebab saya tak berada di sana pada ketika itu lah.

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: Okey.

Tuan Alan Abdul Rahim [MoF]: Tetapi, kalau nak cerita kadang-kadang dalam kerajaan ini, kita tak ada *excuse* sebenarnya nak lambat ini. *Even* sekarang pun sebab nak bincangkan perkara begini sepatutnya saya rasa setahun itu memadai lah.

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: Yes.

Tuan Alan Abdul Rahim [MoF]: Tetapi, apabila *drag* terlalu lama sama ada kalau kita nak mempersoalkan kata KSU tak melaksanakan dan sebagainya, sukar juga.

Jadi, saya tak pasti. Sedangkan Jawatankuasa Kabinet itu telah pun memutuskan dan telah dibentangkan...

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: *Recommendation*.

Tuan Alan Abdul Rahim [MoF]:...kepada Kabinet. Jadi, pada saya lah, secara peribadi saya rasa ini satu kelemahan. Satu kelemahan. Sebab dalam keadaan yang kritikal pada waktu itu bukan sedikit. Masa itu Pengerang jalan, berpuluh ribu pekerja masuk, ECRL, jalan pun banyak nak masuk. Tetapi, sistem ini macam seolah-olah tidak di— menjadi *priority*. Diutamakan.

Ini Yang Berhormat, kalau saya nak *share* ini, mungkin pada waktu itulah mungkin *either off record* dan sebagainya. Kita *just* kongsi. Mungkin, kalau kita tanya Ketua Pengarah Imigresen kah sebenarnya sistem kita *tip top* sebenarnya, dia kata lah. Mungkin. Tetapi, apabila kita waktu itu melaksanakan dia panggil BPR, *Business Process Re-engineering* untuk projek SKIN. Kita lawat seluruh negara. Ada *team* lah. *Team* projek. Banyak proses. 100 proses lebih nak dibuat di dalam satu sistem sedangkan sistem yang sedia ada MyIMMs itu pada waktu itu lah. Apa yang saya tahu daripada taklimat, lawatan kita buat. Sebenarnya dia dah *what do we call it?* Dah tepu dah.

Banyak sistem yang buat integrasi dan sebagainya. Untuk makluman juga, pada ketika itu apabila ramai pelancong datang atau warga asing datang yang letakkan jari kita ini. *Thumbprint* itu. Sebenarnya, dia bukan *real time* masuk di dalam sistem kita, terutamanya di sempadan-sempadan lah. Dia akan *hang*, dia *buffering* sampai 72 jam. Saya pasti ada kes-kes yang tidak akan masuk dalam sistem. Pasport cop, tetapi dalam sistem tak masuk. Itu lah keadaan pada waktu itu. sebab itu kenapa ketikanya sistem SKIN itu pada waktu itu.

Saya tak pastilah sebagai rakyat juga ini. Kalau nak bercerita fasal berapa ramai pendatang asing yang *illegal* ataupun pelancong yang dalam negara kini, saya rasa ramai terutamanya di negeri saya lah, Sabah. Saya jamin Sabah itu kalau 500,000 memang ada. Ini pun masalah lain lah daripada IMM13 pelarian dulu dan sebagainya. Tetapi akhirnya, apabila mereka ini tidak ada dalam sistem kita, kerajaan rugi. Kita tak boleh *collect levy* dan sebagainya. Mereka masih bekerja dan sebagainya.

Jadi, sistem imigresen ini memang kritikal. *Of course* lah, ditakdirkan projek itu ditamatkan dan kerajaan tengah *nego* sekarang. Bahagian saya pun, tengah cari duit untuk kita bagi pampasan. Mahkamah putuskan RM231 juta untuk bayar kepada syarikat yang kita batalkan lah. Lepas itu— ini nak mengeluarkan perasaan, Yang Berhormat.

Lepas itu, kita ada NIISe pula kan. Berjalan tender dan sebagainya. Lepas itu, batal juga. Akhirnya, selepas tujuh tahun kita menghadapi masalah ini. Secara *intangible* kita tak nampak berapa banyak isu-isu yang di dalam sistem ini yang tidak boleh kita selesaikan. Orang dah bercakap soal AI dan sebagainya tetapi kita? Harap-harap kalau ada tender baharu ini diselesaikan. Jadi, itu masalah dia.

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: Saya nak sambung lagi ini Tuan Haji Alan.

Tuan Alan Abdul Rahim [MoF]: Ya.

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: Lepas dua tahun tak ada berita apa ini kan. Lepas itu, 27 November 2017. Bestinet ini tulis surat kepada Menteri Dalam Negeri.

Tuan Alan Abdul Rahim [MoF]: Betul.

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: Kemudian, 30 November 2017, Tuan Haji Alan sebagai Setiausaha Bahagian menulis surat kepada Bestinet untuk kelulusan. Betul, ya? Dia dalam masa tiga hari ya. 30 November, Tuan Haji. TPM tulis surat. Bukan Tuan Haji ya. 27 November, Bestinet tulis kepada TPM. 30 November, tiga hari selepas itu, TPM tulis surat kepada Tuan Haji Alan.

Tuan Alan Abdul Rahim [MoF]: Surat pada... *[Tidak jelas]*

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: Oh, cukup cepat. Patutnya kalau Bestinet tulis surat minta kelulusan, mungkin kena panggil perbincangan dulu kah, macam mana kah nak pastikan projek ini okey atau tidak untuk kerajaan, untuk negara? Tetapi tiga hari, TPM, Menteri Dalam Negeri ketika itu dah tulis surat kepada Tuan Haji Alan supaya meluluskan dan terlalu cepat. Tadi, dua tahun tak buat apa. *Tang* ini, tiga hari.

Tuan Alan Abdul Rahim [MoF]: Okey.

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: So, kalau saya rasa pelik sedikit lah.

Tuan Alan Abdul Rahim [MoF]: Sebab itu ya...

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: Itu saya nak terus lagi ya.

Tuan Alan Abdul Rahim [MoF]: Yang Berhormat. Apa ini, yang itu surat mana ya?

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: Ada. Dalam fail semua ada. Saya baca habis tadi itu. Lama itu. Lama lagi nak tanyalah..

Tuan Alan Abdul Rahim [MoF]: Maksudnya, tadi surat itu yang SST tadi kah?

■1330

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: Ya, semua dalam itu fail.

Tuan Alan Abdul Rahim [MoF]: Cuma, kalau ikut surat yang *last*-lah, kalau diterima kepada saya itu yang bertarikh...

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: Ada tadi, ada?

Tuan Alan Abdul Rahim [MoF]: 27 November, kan?

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: 27 November, 30 November. 27, Bestinet tulis kepada TPM. 30 November, TPM tulis kepada Tuan Alan untuk luluskan. So, tiga hari sahaja? Tak apa. Tuan haji, ini boleh kemudianlah *kut*, ya.

Tuan Alan Abdul Rahim [MoF]: Tak. Sebab Yang Berhormat, kalau ada dalam ini, sebab kita sediakan minit ceraian ini dulu tadi.

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: Ceraian asing. Ceraian asing.

Seorang Ahli: Itu maksudnya kena tanya Pejabat TPM-lah, kenapa cepat sangat. *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: Betul-betul. *Kut-kut* lah Tuan Haji Alan tahulah. Selepas itu dalam minit ceraian, dia ada tiga tarikh. Tarikh pertama, 17 Disember. TKSU bagi ulasan. 27 Disember, selepas 10 hari, KSU bagi ulasan. 28 Disember, sehari sahaja selepas itu, TPM bagi ulasan.

Salah satu benda yang ditulis itu sama ada perlu atau tidak merujuk kepada UKAS, dia tulis itu pangkah, pangkahlah. Jadi tak perlulah. Dia memang tak perlu dengan UKAS, kan? Tentang melibatkan wang kerajaan? Memang tak perlu? UKAS tak perlu terlibat?

Tuan Alan Abdul Rahim [MoF]: Dia ada yang – dia ada terlibat kalau ada dipanggil PPPP itu. Tetapi, sebab ini juga melalui beberapa perbincangan lama yang sebelum saya adapun, sebab benda ini macam dipanggil di-*centralised*-kan untuk – hal-hal di KDN ini. Sebab itu, dia dilaksanakan, ikut pemahaman sayalah.

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: Tak perlulah.

Tuan Alan Abdul Rahim [MoF]: Jadi, benda itu yang berjalan mengikut tarikh-tarikh yang seperti mana yang di dalam dokumen yang adalah.

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: Apa itu, *last* sekali, selepas sebulan, dua bulan lebihlah. 12 Januari 2018, surat Tuan Haji Alan kepada Syarikat Bestinetlah kan, untuk kelulusan dan mungkin saya tadi tak beberapa dengar respons ataupun jawapan Tuan Haji Alan, dari segi punca kuasa ini

Tadi pun rakan-rakan saya ada juga bertanya soalan ini. Dia boleh dibuat. Tetapi jarang saya tengok Setiausaha Bahagian yang tulis kelulusan bagi KSU.

Tuan Alan Abdul Rahim [MoF]: Dia boleh buat dengan penurunan kuasa oleh Menteri dan kepada KSU itu, biasanya adalah kalau dalam kerajaan ini, kita ada

satu senarai itu dipanggil sama ada kontrak ataupun berkaitan kuasa bayaran. Contohnya, bayaran untuk meluluskan ikut berapa juta dan sebagainya. Memang ada.

Sebab itu, yang berlaku di Bahagian Hal Ehwal Imigresen itu, semua sebahagian besar, saya pastilah, kontrak-kontrak yang ada semua itu diuruskan dan pada waktu itu sebelum saya pun, SUB yang akan bertanggungjawablah untuk menandatangani semua dokumen itu.

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: Tetapi, KSU memang *aware*-lah yang Tuan Haji Alan ada luluskan?

Tuan Alan Abdul Rahim [MoF]: Kalau ada penurunan kuasa itu, dia memang *aware*-lah.

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: Dia *aware*-lah? Bagi pihaklah?

Tuan Alan Abdul Rahim [MoF]: Sebab, dia akan *sign* untuk angkat kepada Menteri.

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: So, dia okeylah?

Tuan Alan Abdul Rahim [MoF]: Itu macam – *normally*, macam *blanket*-lah. Biasanya, *blanket*.

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: Okey.

Tuan Alan Abdul Rahim [MoF]: Tak semestinya untuk satu-satu...

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: Okey, terima kasih.

Tuan Alan Abdul Rahim [MoF]: Terima kasih, Yang Berhormat.

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Ahli PAC]: Datuk Wira, tadi Tuan Alan sebut sistem ini sangat efisien, sangat bagus untuk kita nak melihat proses pekerja asing ini ya? Tetapi diketahui, program ini tidak dilaksanakan pun, sampailah 2024, dalam tempoh enam tahun itu dan akhirnya, ada pula SST baharu yang kita pun sedang kaji lagilah, kan? Ada kesan-kesan implikasi kepada kerajaan ini.

Jadi, kalau kata Encik Alan sebut dah tak ada dalam jabatan, dalam kementerian tetapi dari segi peribadi, kenapa yang kata bagus ini tiba-tiba tidak dilaksanakan oleh kementerian, oleh imigresen, seperti mana...

Tuan Alan Abdul Rahim [MoF]: Saya tak pasti. Prosesnya sebenarnya untuk mengadakan perjanjian. Kenapa begitu lama? Mungkin, COVID-19 dua tahun itu, tak apalah. Tetapi sebenarnya, perkara begini kalau ikut peraturan biasa, dia kalau tengok empat bulan, perjanjian sepatutnya dibuat.

Tetapi apa yang – mungkin apa yang dimaklumkan jugalah. Kita pun ada tanya kawan-kawan kita ini. Sistem ini digunakan. Digunakan. Tetapi, tidak ada komitmen daripada kerajaan dan dia berjalan. Seingat saya juga, saya ada bertanya pada waktu itu, apabila kita selepas COVID-19 untuk membenarkan pekerja asing, proses itu disegerakan dan sistem ini digunakan.

Even tempoh yang begitu banyak itu, disingkatkan kepada tiga hari. Jadi, itu yang saya – mungkin dalam perbincangan sebelum ini, saya tak pasti. Sebab itu mungkin ada syarikat kenapa meminta kos yang lebih, Yang Berhormat. Sebab mungkin mengambil kira juga kos-kos yang ke belakang itu. Tetapi, saya tak pastilah.

Kalau saya baca laporan-laporan itu, dia kata jadi RM200 lebih. Jadi, dan sebagainya. Jadi, itu saya...

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Ahli PAC]: Maknanya, kalau nak dapat pengesahan Tuan Alan, sistem ini dilaksanakan ataupun tidak?

Tuan Alan Abdul Rahim [MoF]: Saya difahamkan, dilaksanakan. Digunakan.

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Ahli PAC]: Jadi, bertentanganlah dengan kenyataan prosiding sebelum ini?

Tuan Alan Abdul Rahim [MoF]: Yes. Ia digunakan. Saya pasti digunakan sebab kita, Yang Berhormat, tidak ada sistem lain kecuali ePPAX itulah. Itu pun *just* untuk proses-proses biasa. Tetapi, tidak merangkumi seperti mana modul yang ada di bawah FWCMS itu.

Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: Bermakna apabila digunakan, berapakah *foreign worker* ini kena bayar?

Tuan Alan Abdul Rahim [MoF]: Yes. Cuma...

Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: Dia bayar yang RM100 inikah?

Tuan Alan Abdul Rahim [MoF]: Saya tak pasti, Yang Berhormat, sama ada bayaran-bayaran itu berlakukah dan siapa yang kutip.

Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: Okey.

Tuan Alan Abdul Rahim [MoF]: Itu mungkin KDN boleh menjelaskan ataupun syarikatlah. Saya tak pasti.

Tuan Haji Azli bin Yusof [Ahli PAC]: Tuan Haji, saya ada satu soalan. Kalau kita lihat pada tarikh SST pada 12 Januari sehingga kepada berlakunya pilihan raya pada Mei. Tak silap saya 2018 Mei, kan? Maknanya, ada lebih kurang empat bulan. Kenapa pada masa itu, tidak dimuktamadkan kontrak itu? Maksudnya – sedangkan...

Tuan Alan Abdul Rahim [MoF]: Ya. Mungkin, tempoh itu – sebab itu tadi, saya pun mengadakan bengkel perbincangan dan sebagainya, kan? Tetapi, saya maklumkan, waktu itulah, kita nak salahkan siapa? Apabila nak dekat pilihan raya ini Yang Berhormat, pada waktu ini, mungkin sekarang pun berlaku. Fokus itu dah kurang.

Maknanya macam ini, kan? Mungkin kita ini ada arahan-arahan lain untuk melaksanakan program dan sebagainya. Jadi, itu mungkin kalau kita nak sebut, tak boleh nak jadi *excuse*, kan? Tetapi, itu yang berlakulah. Itu yang berlaku. Cuma Yang Berhormat, ini mungkin juga luahan daripada pegawai kerajaanlah.

Sekiranya pun, kadang-kadang kita ini, kita dah mengalami beberapa siri kerajaan ini, isu kita ialah pada satu masa, kita telah ada satu sistem yang agak bagus. Kita ada hala tuju, kita ada dipanggil – masa itulah; NKRA, NKEA. Saya rasa Yang Berhormat Pengerusi pun maklum. Kita dah ada satu hala tuju yang bagus. Tetapi, apabila tiba-tiba kita tiadakan, kita batalkan dan sebagainya, dan kita tidak ada hala tuju dan kita ini terpinga-pingalah.

Begitu juga sekiranya ada projek-projek yang bagus, kan? Mungkin kita boleh taklah batalkan. Kita *just* lihat balik untuk tambah baik. Kalau kita batalkan, akhirnya banyak yang kita rugi. Contohnya, *high speed rail*. Kita bayar *Singapore* berapa juta? Tak ingat, lebih kurang RM320 juta. SKIN, kita batalkan. Ini kerajaan tengah merundingkan untuk selesai di luar mahkamah, sedangkan mahkamah telah putuskan kerajaan bayar RM231 juta.

Jadi, benda-benda begini akhirnya satu, kita kena keluar duit *for nothing*. Yang keduanya, sistem yang sepatutnya kita dah dapat ini, tujuh tahun lepas termasuklah sistem imigresen itu, sampai sekarang masih tak terlaksana. Jadi, inilah saya rasa. Kita di pegawai kerajaan ini kadang-kadang – yalah kita bekerja tetapi kos yang terlibat, *manpower*, masa kita, kalau kira syarikat lah. Nak kira *man-hours* ini Yang Berhormat, banyak.

Jadi, kerugian kita di sanalah. Tetapi akhirnya, semua kita tak dapat apalah. Jadi, mungkin luahan-luahan ini dapat kita lihat bersama. Kadang-kadang, dalam pegawai kerajaan ini Yang Berhormat, kadang-kadang letih juga. Saya pun kadang-kadang fikir, nak *retire* juga. Tetapi, kita bertahanlah sebab kita tidak ada lain untuk kebaikan dan juga *serve* kepada rakyatlah, sehingga sekarang. *[Ketawa]*

Terima kasih, Yang Berhormat. Kita harap, Yang Berhormat ada di sini faham dan bersama penjawat-penjawat awam ini untuk kita merealisasikan hasrat negara kitalah. Terima kasih.

Dato' Adnan bin Abu Hassan [Ahli PAC]: Tuan Pengerusi.

■1340

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Oh ya, Kuala Pilah. Ingatkan kita semua dah habis dah, belum.

Dato' Adnan bin Abu Hassan [Ahli PAC]: *Last.*

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Okey, *last* ya.

Dato' Adnan bin Abu Hassan [Ahli PAC]: Ini hal-hal lain ini, Tuan Pengerusi.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Okey, *last question from* Kuala Pilah *then* tutup sekalilah. Okey.

Dato' Adnan bin Abu Hassan [Ahli PAC]: Tuan Pengerusi, terima kasih. *Since* Tuan Alan dah sebut tadi perkara yang melibatkan keselamatan ini. Sejajurnya saya amat terujalah dengan pengendalian Imigresen di *gateway* kita.

Tuan Alan Abd Rahim [MoF]: Betul.

Dato' Adnan bin Abu Hassan [Ahli PAC]: *Compared to* kalau kita pergi mana-mana pun kita— saya tengok pengendalian tentang cepatlah ya di *airport* kita dan sebagainya. Saya difahamkan— saya tak tahu betul atau tak betullah. Syarikat yang mengendalikan ini adalah syarikat kita, syarikat bumiputera dan difahamkan juga mungkin dia pun akan ditamatkan.

Jadi itulah saya cakap tadi, saya kata kita sudah ada syarikat yang *base* dia, *base* dia dalam negara kita dan saya rasa dari segi keselamatannya ia amat bagus dan kita mampu buat dan kita mampu tambah baik. Saya tengok pengendalian begini ditiru di tempat-tempat lain pun dan kita cepat. Kita pergilah negara lain, kita punya maknanya keluar masuk di dalam kita punya *gateway* kita ini memang pantas.

Saya pujilah sebenarnya pengendalian itu yang mungkin dikendalikan oleh syarikat-syarikat tertentu. Jadi yalah mungkin tadi luahan tuan tadi mungkin seiring dengan apa...

Tuan Alan Abd Rahim [MoF]: Saya 200 peratus, 300 peratus bersetuju, Yang Berhormat. Sebab nak cerita juga sikit Yang Berhormat ya macam kita di KLIA ini, kadang-kadang kita ini pengguna juga. Satu masa beratur panjang tapi yang kita tengok lain untuk warganegara ini pun warga asing dah boleh dah dia kata, 60 negara boleh masuk tetapi akhirnya keistimewaan untuk rakyat kita untuk cepat itu dah berkongsi.

So, kita bagi cadangan melalui *networking* kitakan, KDN kena tengok penambahbaikan. So, kalau kita buka *lane* itu untuk warganegara kita maknanya untuk negara kita. Kalau di tempat lain kita tak dapat. Pergilah Arab Saudi kah, pergi nak mana UK, tak ada keutamaan kalau kita ini orang asinglah.

Jadi, Yang Berhormat hasrat ini bagus, rasanya sama-sama kita buat dan sekarang ini sistem saya rasa lebih mudah dan lebih efisien termasuk AI, menggunakan wajah ya. *Now*, KLIA dah pakai *QR code*. *This is an improvement* saya rasa baguslah. Dalam masa empat, lima *second* dah okey dah.

Dato' Adnan bin Abu Hassan [Ahli PAC]: Ya. Secara perbandingannya kita lebih baik daripada tempat lain, negara lain.

Tuan Alan Abd Rahim [MoF]: Betul, serius.

Dato' Adnan bin Abu Hassan [Ahli PAC]: Saya rasa kadang-kadang saya risau jugalah kalau pengendali yang dapat kontrak sebegini akhirnya dia bagi pada satu orang pula yang kita tidak tahu lagi akhirnya akan berlangsunglah tadi, berlakulah seperti mana yang tuan cakap tadi, *you are talking about quantum meruit*, ya tak?

Tuan Alan Abd Rahim [MoF]: Betul.

Dato' Adnan bin Abu Hassan [Ahli PAC]: Kita bayar satu benda yang sepatutnya tidak sepatutnya kita bayar pun dan kita mengalami kerugianlah. Terima kasih.

Tuan Alan Abd Rahim [MoF]: Saya bersetuju Yang Berhormatlah keseluruhan. Mungkin penghabisan daripada sayalah ini. *[Ketawa]* Yang Berhormat kalau tak ada apa— syarikat-syarikat sebenarnya bukan sahaja ini banyak syarikat kita yang bagus, yang boleh *develop system* dan sebagainya. Mereka *willing to invest* dan sebagainya, mereka membantu. *Engineer* mereka, *software engineer* semua orang kita, tapi mungkin isunya ialah isu lain.

Owner dia mungkin *main shareholder* dia orang lain, yang kata ada kontroversi sikit. Akan tetapi saya rasa kita ini kena fokuslah. Akhirnya yang buat kerja itu semua *engineer* kita, yang bagus-bagus. Jadi kalau kita tak *fully utilise* apa yang kita ada ini susahlah.

Saya pun Yang Berhormat sekarang ini, saya jaga aset, ini nak meluah sikit. Sistem kita ini pun dah *obsolete*, tak boleh dan kita baru nak buat sistem baru sedangkan aset negara kita ini, Tuan Pengerusi, aset alihlah, ini meja-meja semua ini, RM114 bilion dia punya nilai dia tapi kita tak ada satu sistem sekarang ini yang

betul-betul komprehensif yang kita boleh *consolidate*, yang / boleh buka, Kementerian Pertahanan berapa aset dia, saya tak boleh.

Jadi kita baru nak buat. Jadi kenapa baru buat? Saya pun tak tahu sebab saya masuk di sana kah, jadi itu contohnya sebab benda ini dah lama. Jadi itulah kita rasanya, kita masih bagus tapi ruang untuk kita ke hadapan yang lebih baik itu saya rasa peluang kita banyaklah dengan sokongan semua Yang Berhormat. Terima kasih, Yang Berhormat.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Ingatkan nak habis tapi ada Yang Berhormat Sik.

Tuan Alan Abd Rahim [MoF]: Ha, okey.

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Ahli PAC]: Sikit saja.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: *Last ya, last ya*, yang lain jangan tanya lagi ya.

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Ahli PAC]: Okey, okey. *Sorry, sorry*. Sebelum tandatangan SST itu sudah pastilah Tuan Alan pun lihat *background* Bestinet inikan, *company* ini.

Tuan Alan Abd Rahim [MoF]: Betul.

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Ahli PAC]: Jadi mungkin boleh cerita sedikit siapa pengkerusinya dan bagaimana dia punya pengalaman dia sebelum ini dan sebagainya.

Tuan Alan Abd Rahim [MoF]: Betul. Itu saya setuju sebab itu Yang Berhormat apabila kita melihat sebelum itu lagi, apabila ditaklimatkan sistem ini, kita melawat dan sebagainya melihat, sebenarnya saya pun teruja juga. Memang sistem ini sesuatu yang komprehensiflah, dia tengok dari segi *end-to-end* itu, *start* sampai akhir. Sebab— ini bukan saya nak membuka pekung jugalah, Yang Berhormat.

Dalam sistem MyIMMs kita ini dah banyak pencerobohan keselamatan dan sebagainya. Itu kita nafikanlah mungkin kalau saya boleh bercakap. Mungkin apabila kita membincangkan mitigasi dulu masa kita nak buat SKIN itu, ada juga ID-ID palsu. Satu masa kita dengar tak PLKS keluar tapi tidak ada dalam sistem dan bayaran dibuat. Ke mana duit itu masuk?

Jadi, sebab itulah apabila kita ada satu sistem yang komprehensif, yang kita boleh kawal dan ada *dashboard*-nya yang kita boleh lihat satu hari berapa masuk, berapa pendapatan yang di-*collect*, fi kah dan sebagainya jadi ini sesuatu yang sebenarnya dialu-alukanlah. Tetapi kalau kita masih melihat isu-isu lain saya rasa

lambat kita nak ke hadapan ini. Jadi, kita sama-sama memperbaikilah apa juga yang kita laksanakan. Terima kasih Yang Berhormat.

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Ahli PAC]: Satu soalan sahaja, minta maaf. Sikit yang saya tanya *background* Bestinet ini, adakah Tuan Alan pernah bertemu dengan *Chairman* Bestinet ini?

Tuan Alan Abd Rahim [MoF]: *Chairman* dia saya tak pernah, saya tak pernah.

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Ahli PAC]: Apa pandangan...

Tuan Alan Abd Rahim [MoF]: Di peringkat CEO dan juga *team-team* dialah.

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Ahli PAC]: Apa pandangan Encik Alan apabila kalau dalam laporan mediakan, pengasas dan pengerusi Bestinet ini, sekarang ini sedang diekstradisi oleh Kerajaan Bangladesh kerana ada kes jenayah di sana. Berkenaan itu, apa pandangan?

Tuan Alan Abd Rahim [MoF]: Itu saya rasa untuk secara rasminya saya tak boleh mengulaslah. Itu mungkin sama ada KDN kah, apa yang ada sekarang itu dia boleh mengulas, tapi mungkin ada isu-isu yang berbangkit. Itu saya *reserve* saya takkan mengulas. Mungkin ada nanti orang kata saya *bias*-kah dan sebagainya. Jadi, saya tak mengulas Yang Berhormat, saya minta maaf.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: *All right*. Harap Yang Berhormat Sik boleh menerima jawapan yang terakhir itu tadi dengan hati yang terbuka. *[Ketawa]* Saya ucapkan terima kasih sekali lagi kepada Yang Berusaha Encik Alan Rahim di atas kehadiran dan juga...

Tuan Alan Abd Rahim [MoF]: Ya, terima...

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: ...Hadir ke PAC pada hari ini dan juga memberikan penjelasan. Kami mengucapkan selamat maju jaya di jabatan baharu di Perkhidmatan Aset MoF, ha ya.

Tuan Alan Abd Rahim [MoF]: Terima kasih Yang Berhormat.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Banyak juga tugas di sana itukan.

Tuan Alan Abd Rahim [MoF]: Banyak, banyak.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Untuk itu kita tangguhkan persidangan kita pada jam 1.48 tengah hari dan kita berjumpa semula pada 2.30 petang. Ada lagi tak habis tau, kita ada lain.

Tuan Alan Abd Rahim [MoF]: Ha, itulah. *[Ketawa]*

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Ada prosiding lain. Itu sahaja terima kasih semua.

Tuan Alan Abd Rahim [MoF]: Terima kasih Yang Berhormat.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:
Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

[Mesyuarat ditangguhkan pada pukul 1.48 tengah hari]



DOKUMEN PEMBENTANGAN





KEMENTERIAN DALAM NEGERI

**MESYUARAT PROSIDING
JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC)
PARLIMEN KELIMA BELAS BIL. 15(B) TAHUN 2024**

**PEROLEHAN SISTEM
*FOREIGN WORKERS CENTRALIZED MANAGEMENT
SYSTEM (FWCMS)***

KEMENTERIAN DALAM NEGERI

21 JANUARI 2025 (SELASA) | 02:30 PETANG

1. Salinan perjanjian FWCMS pada 3 September 2024.
2. Cabutan minit Mesyuarat Jemaah Menteri (MJM) atau arahan bagi KDN memuktamadkan kontrak FWCMS.
3. Penjelasan bagi RM130-pecahan dan kadar faedah setiap tahun bagi tempoh 2018 hingga 2024.
4. Jumlah kenaan levi bagi setiap pekerja asing berdasarkan negara sumber (kadar dan pecahan komponen yang terlibat).
5. Kutipan PLKS dan ePLKS oleh Jabatan imigresen Malaysia (JIM) bagi tempoh 2018 hingga 2024.
6. Garis panduan UKAS berkaitan projek penswastaan.
 - a) Garis Panduan Perolehan Projek PPP – *Request For Proposal*
 - b) Panduan Kepada Kementerian Untuk Mendapatkan Kelulusan Prinsip Bagi Pelantikan Syarikat Untuk Melaksanakan Projek Secara Kerjasama Awam Swasta
7. Pengiraan bagi penetapan kadar RM85 oleh UKAS.
8. Pengesahan kos pembangunan FWCMS bernilai RM300 juta oleh Jabatan Digital Negara (JDN).

1. Salinan perjanjian FWCMS pada 3 September 2024;
2. Cabutan minit Mesyuarat Jemaah Menteri (MJM) atau arahan bagi KDN memuktamadkan kontrak FWCMS;
 - a) Memorandum Jemaah Menteri 29 Mei 2024;
 - b) Keputusan Jemaah Menteri 19 Julai 2024;
 - c) Keputusan Jemaah Menteri 7 Ogos 2024;
 - d) Minit Ceraian Kepada KSN 6 Ogos 2024;
 - e) Nota Jemaah Menteri 14 Ogos 2024
3. Penjelasan bagi RM130-pecahan dan kadar faedah setiap tahun bagi tempoh 2018 hingga 2024.

SULIT



CADANGAN KADAR CAJ

Cadangan RM215

- RM2.58 bilion hasil (sebelum ditolak belanja operasi dan cukai) kepada Bestinet bagi tahun 2025 hingga 2030 (6 tahun) berbanding tuntutan RM2.76 bilion.

Tuntutan Bestinet adalah berdasarkan kepada perkiraan berikut:

Pendapatan pemulihan (RM130 x 2 juta pekerja x 6 tahun)	RM1,560 juta
Pendapatan baharu (RM100 x 2 juta pekerja x 6 tahun)	RM1,200 juta
Jumlah keseluruhan	RM2,760 juta

Pengiraan Tuntutan RM1.572 bilion

Tahun	Sistem Pembaharuan Pekerja Asing/ Pembantu Rumah Online (melalui MyEG)	Pas Lawatan Kerja Sementara (PLKS) Untuk Semua Sektor Pekerja Asing	Jumlah Keseluruhan Pembaharuan PLKS	Kerugian Pendapatan @RM100	Baki	Faedah @4%	Jumlah Baki Belum Dibayar
2018 - Pro rata	346,979	679,905	1,026,884	102,688,400	102,688,400	4,107,536	106,795,936
2019	1,009,054	2,133,187	3,142,241	314,224,100	106,795,936	16,840,801	437,860,837
2020	913,126	2,002,836	2,915,962	291,596,200	437,860,837	29,178,281	758,635,319
2021	575,712	1,555,109	2,130,821	213,082,100	758,635,319	38,868,697	1,010,586,116
2022	298,970	1,322,498	1,621,468	162,146,800	1,010,586,116	46,909,317	1,219,642,232
2023	78,123	1,589,720	1,667,843	166,784,300	1,219,642,232	55,457,061	1,441,883,594
2024 - Pro rata	32,551	662,383	694,935	69,493,500	1,441,883,594	60,455,084	1,571,832,177
JUMLAH	3,254,516	9,945,638	13,200,154	1,320,015,400		251,816,777	1,571,832,177
PEMULIHAN BAGI TEMPOH COVID-19 @300,000 PAX SETIAP TAHUN SELAMA 2 TAHUN							60,000,000
JUMLAH KERUGIAN YANG PERLU DIPULIHKAN							1,631,832,177

Kiraan kerugian pendapatan dari 1 April 2018 hingga 31 Mei 2024
RM1.32 bilion

Kiraan faedah 4% dari 1 April 2018 hingga 31 Mei 2024
RM252 juta

RM1.32 bilion + RM252 juta = RM1.572 bilion

JADUAL 1 : KADAR BAYARAN PLKS BAGI SETIAP PEKERJA ASING

JENIS BAYARAN	LEVI		PAS	PROSES	VISA
	Pertanian Dan Perladangan	Sektor Lain*			
LANJUTAN (PLKS)	RM640	RM1,850	RM60	RM125	Kadar Mengikut Negara

*Sektor Lain = Perkhidmatan, Perkilangan, Pembinaan, Perlombongan dan Kuari

JADUAL 2 : KADAR VISA DAN BAYARAN SITA PEKERJA ASING MENGIKUT WARGANEGARA

NEGARA	KADAR (RM)	NEGARA	KADAR (RM)	NEGARA	KADAR (RM)
INDONESIA	15	FILIPINA	36	SRI LANKA	15
BANGLADESH	20	THAILAND	Percuma	TURKMENISTAN	20
PAKISTAN	20	KEMBOJA	20	UZBEKISTAN	20
MYANMAR	19.5	NEPAL	20	KAZAKSTAN	20
INDIA	50	VIETNAM	13	LAOS	20

KUTIPAN HASIL PAS LAWATAN KERJA SEMENTARA (PLKS) BAGI TAHUN 2018 SEHINGGA 2024

TAHUN	JUMLAH HASIL MENGIKUT JENIS BAYARAN				JUMLAH KESELURUHAN (RM)
	LEVI (RM) (Kadar mengikut sektor)	VISA (RM) (Kadar mengikut negara)	PAS (RM) (RM60)	PROSES (RM) (RM125)	
2018	3,148,309,456.03	43,012,730.30	130,427,460.00	282,971,650.93	3,604,721,297.26
2019	2,993,833,391.94	43,126,564.10	130,581,150.00	279,994,799.50	3,447,535,905.54
2020	1,798,096,732.57	30,333,924.30	90,893,100.00	193,670,701.69	2,112,994,458.56
2021	1,945,033,689.08	27,475,756.70	82,527,960.00	174,501,512.55	2,229,538,918.33
2022	3,439,617,521.45	34,033,300.30	101,592,120.00	240,009,478.70	3,815,252,420.45
2023	3,309,255,813.25	45,830,673.30	134,061,500.00	292,727,677.31	3,781,875,663.86
2024	3,807,404,199.19	56,338,737.90	166,704,300.00	328,934,708.45	4,359,381,945.54
JUMLAH	20,441,550,803.51	280,151,686.90	836,787,590.00	1,792,810,529.13	23,351,300,609.54



SULIT

Simulasi ke atas unjuran aliran tunai syarikat telah dibuat melalui beberapa opsyen kadar fi yang munasabah dengan memastikan kadar fi tersebut tidak menghasilkan Kadar Pulangan Dalam Ekuiti (***Equity Internal Rate of Return - EIRR***) yang melebihi 10% sebagaimana ditetapkan oleh Kementerian Kewangan bagi projek PPP.

Hasil daripada simulasi kadar fi yang dilaksanakan, didapati kadar fi **RM86** merupakan kadar yang terhampir dengan *EIRR* 10%. Kadar caj ini menghasilkan lebih tunai atau *Free Cash Flow to Equity (FCFE)* dalam unjuran aliran tunai sebagaimana berikut:

- i) ***FCFE* Tahun 2022 = RM9,868,957;**
- ii) ***FCFE* Tahun 2023 = RM77,821,649; dan**
- iii) ***FCFE* Tahun 2024 = RM54,489,778.**

Berdasarkan kepada nilai **pelaburan awal** berjumlah **RM114,459,046** dan jumlah *FCFE* seperti di atas, *EIRR* telah dikira menggunakan *Excel Formula Financial Function* dan menghasilkan kadar **9.9%**.

Dengan merujuk kepada parameter ini, maka UKAS melalui surat nombor rujukan UKAS(S).700-1/1/3 Jld.51(25) bertarikh 29 Disember 2022 yang ditujukan kepada KDN telah mencadangkan kadar **RM86** berdasarkan kepada justifikasi berikut:

- i) projek berdaya maju dan menghasilkan pulangan yang positif kepada syarikat; dan
- ii) Kadar *EIRR* yang dihasilkan adalah 9.9% yang mana tidak melebihi kadar 10% sebagaimana yang ditetapkan oleh Kementerian Kewangan bagi konsesi di bawah PPP.

Sekiranya kadar caj yang ditetapkan lebih **tinggi** daripada **RM86**, maka *EIRR* projek ini akan melebihi kadar 10%.



KEMENTERIAN DALAM NEGERI

TERIMA KASIH

#MalaysiaMadani

#Keselamatan Tanggungjawab Bersama

#KDN_TogetherWeAreOne



JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC)
Parlimen Malaysia, Jalan Parlimen, 50680 Kuala Lumpur
Tel: 03-2601 7263 / 2968 6852 (DL)
E-mel: pacparlimen@parlimen.my

www.parlimen.gov.my/pac